

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Penceraian dalam Kalangan Wanita Islam Baharu Berkahwin di Kuching Sarawak

Safura binti Ahmad Sharkawi

Doktor Falsafah
2024

Penceraian dalam Kalangan Wanita Islam Baharu Berkahwin di Kuching, Sarawak

Safura binti Ahmad Sharkawi

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

(Kaunseling)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2024

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.



……

Tandatangan

Nama: Safura binti Ahmad Sharkawi

No. Matrik: 18010134

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 10 Oktober 2024

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, atas kurniaan limpah Rahmat dan kasih sayang dariNya, kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Maha Suci Allah, tiadalah daya upaya kita selain atas keizinan dan pertolonganNya jua segala usaha ini akhirnya membuahkan hasil yang manis untuk dimanfaatkan kepada ummat seluruhnya.

Sesungguhnya kajian ini bertitik tolak dari pengalaman sepanjang mengendalikan isu perkahwinan masyarakat Islam selama 18 tahun di Sarawak. Melihat isu yang sama selama bertahun-tahun dihadapi oleh masyarakat dalam hal-hal bersangkut dengan perkahwinan, saya merasakan ada perkara yang perlu diusahakan agar perubahan dapat dilakukan. Namun hasrat ini memerlukan usaha yang penuh dedikasi, berstruktur dan mendalam. Bertitik tolak dari hasrat tersebut dan keinginan melakukan perubahan dan penambahbaikan dalam perkhidmatan rundingcara perkahwinan di Jabatan Agama Islam Sarawak, maka kajian yang bersifat lokaliti dirasakan amat perlu bagi memenuhi tujuan tersebut.

Setelah melalui fasa yang sukar dan mencabar, ditambah pula dengan penularan wabak Covid19 di tengah-tengah proses kajian, akhirnya kajian ini dapat disiapkan. Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya berikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan khususnya kepada Pengarah dan warga Jabatan Agama Islam Sarawak atas kepercayaan dan sokongan penuh, penghargaan khusus juga buat kakitangan Bahagian Kaunseling Syarie & Pembangunan Psikologi, Jabatan Agama Islam Sarawak atas sokongan kerjasama tidak berbelah bahagi. Juga buat rakan-rakan program Problem Solving & Decision Making pada 26-27 Julai 2018 di Leadership Institute of Sarawak Civil Service atas usaha sama mengerah ilham mencetuskan idea kajian ini. Penghargaan dan terima kasih juga buat ayah dan mak

yang banyak mendoakan kelancaran pengajian ini. Moga Allah merahmati arwah ayah yang perginya cuma sebulan sebelum saya mulakan pengajian. Beliau adalah pendorong utama. Paling istimewa buat suami tercinta, Hadzmi bin Ahmad yang tidak berbelah bagi memberi sokongan fizikal, mental, emosi dan kewangan. Tanpa sokongan beliau perjalanan ini sudah tentu tidak selancar ini. Juga tidak dilupakan buat anak-anak, Yasmin Hani binti Hadzmi dan Zara Hannah binti Hadzmi yang banyak memberi kekuatan dan semangat. Terima kasih dan penghargaan juga buat peserta-peserta kajian yang sanggup memberikan kerjasama menyertai kajian ini, sesungguhnya perkongsian pengalaman kalian bakal memberikan manfaat yang luas kepada masyarakat umumnya.

Akhirnya, ucapan terima kasih juga dipanjangkan buat penyelia, Dr. Jamayah Saili atas dorongan, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang pengajian ini. Hanya Allah sahaja dapat membalas segala jasa baik kalian semua.

ABSTRAK

Setiap tahun peningkatan jumlah penceraian dilaporkan di Sarawak. Peratusan yang tinggi adalah terdiri dari pasangan yang berkahwin kurang dari 5 tahun atas punca luaran yang pelbagai. Isu nafkah, suami tidak bertanggungjawab dan kecurangan merupakan antara punca tertinggi yang dilaporkan setiap tahun. Namun begitu, tiada laporan berhubung proses dalaman perkahwinan, interaksi dan aspek psikologi yang berlaku sepanjang perkahwinan yang mempengaruhi penurunan tahap kepuasan dan kualiti perkahwinan yang membawa kepada penceraian. Sehubungan itu, satu kajian kualitatif fenomenologi dilakukan bagi meneroka pengalaman bercerai pada awal perkahwinan khususnya dalam kalangan wanita yang bermastautin di Kuching. Seramai 30 orang wanita yang telah bercerai di Kuching, Sarawak ditemubual menggunakan soalan separa berstruktur bagi meneroka pengalaman sepanjang 5 tahun perkahwinan mereka. Data kajian dianalisis menggunakan pendekatan IPA *(Interpretative Phenomenological Analysis)*. Hasil analisis mendapati 8 tema utama dan 22 subtema di sebalik penceraian awal perkahwinan di Kuching, Sarawak iaitu persepsi terhadap realiti perkahwinan, kesukaran dalam menyesuaikan diri/membina keserasian, halangan dalam komunikasi, kekurangan kasih sayang dan perhatian, pengabaian, daya tindak menangani masalah dan tekanan, cerai sebagai penamat derita dan motivasi untuk bangkit semula. Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa hasil kajian ini adalah $K = 0.815$. Kajian ini menghasilkan Model Penyesuaian Awal Perkahwinan, merupakan intervensi yang berfokus untuk membantu pasangan menyesuaikan diri sekaligus membendung penceraian dari berlaku semasa dalam fasa awal perkahwinan.

Kata kunci: Penceraian, awal perkahwinan, wanita, Kuching, IPA

Divorces Among Newly Married Muslim Women in Kuching, Sarawak

ABSTRACT

An increment in the number of divorces was reported every year in Sarawak. A high percentage of divorces consists of couples who have been married for less than 5 years for various external reasons. Financial issues, irresponsible husbands and infidelity are among the highest reasons for divorce reported every year. However, there are no reports regarding the internal processes of marriage, interactions and psychological aspects that occur during marriage that influence the decrease in the level of satisfaction and quality of marriage that leads or contributes to divorce. Therefore, a phenomenological qualitative study was conducted to explore the experience of divorcees at the early stage of their marriage, especially among women who reside in Kuching. A total of 30 divorced women in Kuching, Sarawak were interviewed using semi-structured questions to explore their experiences throughout the 5 years of their marriage. The research data was analyse using the IPA (Interpretative Phenomenological Analysis) approach. The results of the analysis found 8 main themes and 22 sub-themes behind the early divorce in Kuching, Sarawak, which are finding reality different from expectations, facing many communication barriers, the feeling of disenchantment, being ignored, coping the problems alone, divorce as an end to suffering and fighting to start over. The Cohen Kappa Reliability Index of the results of this study is K = 0.815. This study developed the Early Marital Adjustment Model (Model Penyesuaian Awal Perkahwinan), an intervention aimed at assisting couples in adapting to the early stages of marriage and preventing divorce during this critical period.

Keywords: *Divorce, early marriage, women, Kuching, IPA*

ISI KANDUNGAN

		Mukasurat
PERAKUAN		**i**
PENGHARGAAN		**ii**
ABSTRAK		**iv**
ABSTRACT		***v***
ISI KANDUNGAN		**vi**
SENARAI JADUAL		**xii**
SENARAI RAJAH		**xiii**
SENARAI SINGKATAN		**xiv**
BAB 1	**PENGENALAN**	**1**
1.1	Latarbelakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Matlamat Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Skop Kajian	10
1.8	Kerangka Teoretikal Kajian	10
1.8.1	Model Vulnerability Stress Adaptation	11

1.8.2 Model Disillusionment 14

1.8.3 Teori Pertukaran Sosial 18

1.9 Kerangka Kajian 22

1.10 Definisi Istilah dan Operasi Dalam Konteks Kajian 23

1.10.1 Perkahwinan 23

1.10.2 Penceraian 24

1.10.3 Awal Perkahwinan 25

1.10.4 Daya Tindak 25

1.10.5 Dikotomi Antara Istilah Perkahwinan Dan Penceraian 27

1.11 Ringkasan Bab 28

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 29

2.1 Pendahuluan 29

2.2 Konsep Asas Kajian 29

2.2.1 Awal Perkahwinan 29

2.2.2 Perkahwinan 35

2.2.3 Penceraian 40

2.2.4 Wanita Dalam Konteks Perkahwinan Dan Penceraian 47

2.2.5 Daya Tindak 50

2.3 Analisis Jurang Kajian 57

2.3.1 Jurang Empirikal 57

2.3.2 Jurang Metodologikal 60

2.3.3 Jurang Praktikal 62

2.3.4 Ringkasan Bab 64

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 65

3.1 Pendahuluan 65

3.2 Pendekatan Kajian 66

3.2.1 Pendekatan Fenomenologi 66

3.2.2 Paradigma Interpretatif 69

3.2.3 Interpretative Phenomenological Analysis (IPA) 70

3.2.4 Mengaplikasikan Interpretative Phenomenological Analysis 73

3.2.5 Kedudukan Pengkaji (Researchers Positioning) 76

3.3 Sampel Kajian 80

3.3.1 Pemilihan Sampel Kajian 80

3.3.2 Justifikasi Kriteria Pemilihan Sampel Kajian 84

3.4 Prosedur Kajian dan Pengumpulan Data 86

3.4.1 Persediaan Sebelum Temubual 86

3.4.2 Menjalankan Sesi Temubual 93

3.4.3 Temubual Kajian Rintis 94

3.5 Penganalisaan Data 95

3.5.1 Mendengar dan Membaca Transkrip Berulangkali 95

3.5.2 Catatan Awal 97

3.5.3 Membangunkan Tema-Tema Yang Muncul 100

3.5.4 Pengkategorian Tema-tema dan Subtema Berdasarkan Kriteria 105

3.5.5 Memuktamadkan Tema-tema 105

3.6 Instrumen Pengesahan Dan Kebolehpercayaan Data 107

3.6.1 Penentuan Kriteria Peserta Yang Tepat Selari Dengan Objektif Kajian 108

3.6.2 Protokol Soalan Temubual 108

3.6.3 Pengkaji Sebagai Instrumen Kajian 108

3.6.4 Pengesahan Inter rater Reliability Cohen Kappa 115

3.7 Pertimbangan Etika 117

3.8 Kesimpulan 118

BAB 4 KEPUTUSAN 120

4.1 Pendahuluan 120

4.1.1 Objektif dan Hasil Dapatan Tema Kajian 120

4.1.2 Demografi Peserta Kajian 122

4.2 Tema Dan Subtema Hasil Dapatan Kajian 123

4.2.1 Tema 1: Persepsi Terhadap Realiti Perkahwinan 125

4.2.2 Tema 2: Kesukaran Dalam Menyesuaikan Diri /Membina Keserasian 130

4.2.3 Tema 3: Halangan Dalam Komunikasi 138

4.2.4 Tema 4: Kekurangan Kasih Sayang Dan Perhatian. 144

4.2.5 Tema 5: Pengabaian 150

4.2.6 Tema 6: Daya Tindak Menangani Masalah Dan Tekanan 155

4.2.7 Tema 7: Cerai Sebagai Penamat Derita 166

4.2.8 Tema 8: Motivasi Untuk Bangkit Semula 172

BAB 5 PERBINCANGAN 181

5.1 Pendahuluan 181

5.2 Tema 1: Persepsi Terhadap Realiti Perkahwinan 182

5.3 Tema 2: Kesukaran Dalam Menyesuaikan Diri 189

5.4 Tema 3: Halangan Dalam Komunikasi 200

5.5 Tema 4: Kekurangan Kasih Sayang dan Perhatian 210

5.6 Tema 5: Pengabaian 216

5.7 Tema 6: Daya Tindak Menangani Masalah dan Tekanan 222

5.8 Tema 7: Cerai Sebagai Penamat Derita 230

5.9 Tema 8: Motivasi Untuk Bangkit Semula 237

5.10 Model Penyesuaian Awal Perkahwinan 242

5.10.1 Matlamat Modul 243

5.10.2 Skop 243

5.10.3 Komponen 243

5.10.4 Intervensi 245

BAB 6 KESIMPULAN 246

6.1 Pendahuluan 246

6.2 Implikasi Praktikal 246

6.3 Sumbangan Kajian 250

6.3.1 Pembinaan Modul Pembangunan Psikologi Awal Perkahwinan 251

6.3.2 Pengwujudan Perkhidmatan Kaunseling Pra Perkahwinan 253

6.3.3 Penambahbaikan Pengendalian Khidmat Kaunseling Perkahwinan 254

6.4 Limitasi Kajian 256

6.5 Saranan Untuk Kajian Akan Datang 256

RUJUKAN **258**

APENDIKS **287**

SENARAI JADUAL

Mukasurat

Jadual 3.1: Protokol Membina Soalan Temubual 87

Jadual 3.2: Jadual Tema dan Subtema 105

Jadual 4.1: Objektif dan Tema & Subtema 120

Jadual 4.2: Demografi Peserta Kajian 122

Jadual 4.3: Tema dan Subtema 123

SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah 1.1: Statistik Permohonan Cerai di Sarawak 4

Rajah 1.2: Kerangka Model Vulnerability Stress Adaptation 11

Rajah 1.3: Kerangka Kajian 23

Rajah 3.1: Prosedur Kajian dan Pengumpulan Data 86

Rajah 3.2: Slip Jemputan Menerusi Aplikasi *Whatsapp* Sebagai Peserta Kajian 91

Rajah 3.3: Prosedur Menganalisis Data 95

Rajah 3.4: Transkrip Temubual 96

Rajah 3.5: Contoh Format Menganalisis 100

Rajah 3.6: Proses Membangun Tema 102

Rajah 3.7: Sebahagian Proses Interpretasi Yang Lebih Dekat. 103

Rajah 3.8: Pengkategorian Tema-Tema Yang Muncul Di Bawah Tema Utama Bersesuaian 104

Rajah 3.9: Tema hasil analisis Nvivo 107

Rajah 3.10: Keputusan Kebolehpercayaan Cohen Kappa 116

Rajah 4.1: Tema dan Subtema 1 125

Rajah 4.2: Tema dan Subtema 2 130

Rajah 4.3: Tema dan Subtema 3 138

Rajah 4.4: Tema dan Subtema 4 144

Rajah 4.5: Tema dan Subtema 5 150

Rajah 4.6: Tema dan Subtema 6 155

Rajah 4.7: Tema dan Subtema 7 166

Rajah 4.8: Tema dan Subtema 8 172

Rajah 5.1: Model Penyesuaian Awal Perkahwinan 243

SENARAI SINGKATAN

CGS	Centre for Graduate Studies
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Perkahwinan adalah satu ikatan antara dua individu yang sah dari segi undang-undang, mempunyai komitmen bersama dalam aspek-aspek seperti emosi, kemesraan fizikal, tugas rumah tangga dan sumber ekonomi (Olson & DeFrain, 2000), Hubungan perkahwinan yang sihat dan berkualiti dapat membentuk keluarga dan masyarakat yang sejahtera. Hubungan perkahwinan memainkan peranan yang amat besar bermula dari peringkat pembentukan keluarga asal sehinggalah kepada pembentukan generasi selanjutnya. Hubungan perkahwinan yang berkualiti membantu individu mencapai kepuasan dalam kehidupan dan melalui kelangsungan hidup yang baik. Pada masa yang sama, pasangan yang berkahwin juga memikul tanggungjawab sebagai suami atau isteri dan yang lebih penting, berperanan sebagai ibu bapa yang menjadi contoh tauladan kepada pembentukan peribadi serta tingkah laku anak-anak

Perkahwinan dari sudut perundangan Islam adalah suatu akad perjanjian yang menghalalkan pergaulan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan mahram dan menimbulkan hak serta kewajiban antara kedua-dua mereka (Bakar & Abdullah, 2008; Man, 2007). Secara praktiknya, perkahwinan adalah ikatan di antara individu lelaki dan perempuan untuk hidup bersama di dalam sebuah rumahtangga di samping melahirkan zuriat sebagai meneruskan kelangsungan hidup manusia menurut batas-batas (disiplin) hak dan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh syarak.

Hubungan perkahwinan juga menjadi asas kepada hubungan sesama manusia kerana ia adalah elemen utama dalam hubungan kekeluargaan yang diteruskan dari satu generasi


kepada generasi (Umberson & Thomeer, 2020).Perkahwinan yang sihat dapat memberi makna dan identiti dalam kehidupan individu. Bagi individu yang berkahwin, hampir seluruh kehidupan diluangkan bersama pasangan, ini menjadikan perkahwinan mempengauhi corak kehidupan seseorang. Tambahan itu, kajian lepas turut menunjukkan bahawa individu akan lebih sejahtera apabila mereka berkahwin dari segi kesihatan fizikal dan psikologi (Lawrence, Rogers, Zajacova, & Wadsworth, 2019).

Perkahwinan mempunyai fasa-fasa perkembangan yang perlu dilalui oleh setiap pasangan. Setiap satu fasa ini mempunyai cabaran dari segi peranan dan tanggungjawab yang mana keduanya perlukan mempunyai kemahiran untuk menanganinya (Rusu, Bodenmann, & Kayser, 2019; Storaasli & Markman, 1990). Apabila melangkah ke alam perkahwinan, individu perlu bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku sama ada dari segi hubungan kekeluargaan, peranan kerjaya, mahupun tanggungjawab rumah tangga. (Carter & McGoldrick, 2005). Individu perlu berupaya untuk mengubah corak hubungan mengikut fasa kitaran hidup keluarga. Kegagalan individu untuk menyesuaikan diri dan meningkatkan kemahiran untuk menangani isu-isu yang didepani sepanjang proses tersebut boleh menimbulkan masalah dan krisis yang akhirnya menyebabkan penceraian berlaku.

Penceraian awal perkahwinan merujuk kepada penceraian atau pembubaran perkahwinan yang berlaku pada fasa awal perkahwinan. Dalam kajian ini fasa awal perkahwinan yang ditetapkan ialah tempoh 0 hingga 5 tahun pertama usia perkahwinan. Penetapan ini berdasarkan kepada pembahagian fasa dalam perkahwinan seperti yang digariskan dalam Modul Kursus Pasca Perkahwinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Pada tahun 2019, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Hannah Yoh membuat pendedahan berdasarkan kajian oleh LPPKN iaitu lebih 1/3 perkahwinan yang berakhir dengan penceraian berlaku dalam tempoh 5 tahun pertama perkahwinan. Dilaporkan antara punca kepada penceraian dalam kalangan pasangan yang baharu berkahwin antaranya ialah sikap isteri yang suka mengikuti rombongan makan angin, suami tidak pandai melakukan hubungan seks, tidur berdengkur, sikap suami yang sangat mencurigai isteri, lewat bangun tidur, terlalu cerewet dalam banyak keadaan, isteri suka membasuh baju pada waktu malam, suami kedekut, berebut rancangan televisyen dan sebagainya (Utusan Malaysia, 2019).

Sementara itu, pada tahun 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia juga mendedahkan bahawa jumlah penceraian tertinggi adalah dari kalangan mereka yang berkahwin kurang dari 5 tahun. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) juga melaporkan bahawa terdapat 14,440 kes penceraian antara tahun 2013 hingga 2017 yang membabitkan pasangan yang baharu berkahwin dalam tempoh lima tahun ke bawah. Antara punca utama yang dikenal pasti ialah tiada persefahaman (56.2 peratus), isteri curang (11.8 peratus) dan campur tangan pihak ke tiga seperti mentua dan ipar duai (10 peratus).



Rajah 1.1: Statistik Permohonan Cerai di Sarawak

Sementara itu, peningkatan kadar penceraian turut dilaporkan Sarawak di mana pada tahun 2021, seramai 1368 pasangan telah mengemukakan permohonan cerai, 1731 permohonan pada tahun 2022 dan 1770 permohonan cerai direkodkan pada tahun 2023 (Jabatan Agama Islam Sarawak, 2023).

Fenomena ini menimbulkan persoalan yang memerlukan kajian mendalam bagi tujuan tindakan membendung penceraian dari terus berlaku dan pada masa yang sama usaha meningkatkan kualiti perkahwinan pasangan muda dapat dilaksanakan.

1.2 Pernyataan Masalah

Institusi perkahwinan pada masa kini berdepan dengan cabaran yang besar. Semakin ramai pasangan gagal mengekalkan perkahwinan mereka dalam tempoh yang lebih lama dan

lebih berkualiti. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah menyaksikan peningkatan yang membimbangkan dalam kadar penceraian dalam kalangan pasangan yang baharu berkahwin, menimbulkan cabaran sosial dan psikologi yang ketara.

Fenomena ini diistilahkan sebagai “Penceraian moden” yang mempunyai kaitan dengan tekanan kehidupan bandar; tekanan mengimbangi tanggungjawab kerja dan pengurusan rumah tangga apabila kedua-dua pasangan bekerja; kurangnya toleransi untuk kekal dalam perkahwinan yang tidak memuaskan; dan peningkatan penerimaan masyarakat terhadap penceraian dalam keadaan sedemikian.

Data statistik Perkahwinan dan Penceraian orang Islam di Malaysia menunjukkan peningkatan kadar penceraian sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Sulaiman & Nasohah, 2023). Peningkatan ketara berlaku pada negeri Johor, Selangor dan Kelantan. Sarawak juga mengalami keadaan yang sama (Abdul Rahman, Mohd Kusrin, & Omar, 2014). Antara sebab-sebab yang dikatakan menjadi pencetus kepada penceraian pasangan adalah isu-isu yang mudah dan selalunya dapat ditangani dengan senang jika sekiranya pasangan meletakkan kesungguhan dan komitmen yang lebih terhadap perkahwinan mereka (Tuan Buqairah, 2023).

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengenal pasti sepuluh masalah perkahwinan utama yang menjejaskan institusi perkahwinan Islam di Malaysia: (1) tidak bertanggungjawab; (2) landasan Islam yang lemah; (3) gangguan pihak ketiga; (4) perbezaan budaya; (5) masalah seksual; (6) krisis kewangan; (7) dilema kerjaya; (8) masalah kesihatan; (9) kerosakan moral; dan (10) halangan komunikasi (Nor Zatu Amni et.al., 2019). Peningkatan kadar penceraian ini juga dikaitkan dengan perubahan jangkaan terhadap perkahwinan, konflik rumah tangga dan juga peningkatan kadar wanita bekerja di luar

rumah. Selain itu, JAKIM juga mendapati 21.0 peratus penceraian berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab pasangan suami isteri manakala 19.2 peratus pula berpunca daripada ketidakserasian (Musthapar & Ahmad, 2022).

Pasangan yang baharu berkahwinkebiasaannya mempunyai kedudukan ekonomi yang lemah dan ini menyebabkan mereka kerapkali berdepan masalah kewangan. Ini termasuklah menguruskan hutang, mendapatkan pekerjaan yang stabil dan menghadapi kos sara hidup yang tinggi. Tekanan kewangan juga boleh membawa kepada konflik dan ketidakpuasan hati. Dalam kajian yang dilakukan oleh Safura & Jamayah (2023) di Sarawak mendapati banyak aduan berhubung dengan masalah nafkah di laporkan di mana suami tidak mempunyai punca pendapatan dan menghadapi masalah keberhutangan yang serius hingga gagal menanggung keperluan rumahtangga. Sesetengah pasangan pula berkahwin dengan jangkaan kewangan yang tidak realistik. Keinginan untuk mengekalkan gaya hidup tertentu boleh menyebabkan tekanan yang berterusan jika jangkaan ini tidak dipenuhi (Sharkawi & Saili, 2024).

Menyesuaikan diri dengan tanggungjawab dan perubahan dari segi peranan juga merupakan isu yang kritikal dalam fasa awal perkahwinan. Kehidupan selepas berkahwin agak berbeza dari segi tanggungjawab. Ini sekaligus menyebabkan corak kehidupan harian pasangan berubah berbanding semasa zaman sebelum berkahwin. Suami bertanggungjawab menafkahkan dan melindungi isteri sementara isteri pula berkewajipan mentaati suaminya selagimana suami tidak menyuruh beliau melakukan perbuatan yang menentang perintah Allah (Arshad, Abdullah, & Mat Ali, 2022). Kedua-dua tanggungjawab utama ini memerlukan kedua pasangan melakukan perubahan samada dari segi psikologi dan juga sosial. Sementara itu dalam usaha merealisasikan tanggungjawab tersebut pasangan perlu banyak berkomunikasi terutama dalam membuat keputusan dan penyelesaian masalah.

Perbezaan pendapat dan cara melakukan sesuatu banyak dipengaruhi oleh faktor personaliti, pengalaman dan juga persekitaran. Bentuk komunikasi yang positif atau negatif mempengaruhi penilaian individu terhadap pasangan dan ini menentukan tahap kepuasan dan kualiti perkahwinan (Vazhappilly & Reyes, 2016). Penurunan tahap kepuasan perkahwinan seterusnya mempengaruhi pembuatan keputusan terhadap penceraian (Rueda, Yndo, Williams, & Shorey, 2021)

Banyak usaha dilakukan oleh kerajaan bagi menangani isu-isu perkahwinan yang timbul dalam institusi perkahwinan masa kini. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah merangka Modul Pasca Perkahwinan yang memberi fokus kepada setiap fasa perkahwinan bagi membolehkan setiap pasangan suami isteri memahami tanggungjawab, membina kemahiran mengurus tekanan dan konflik, mengurus kewangan dan juga kesihatan agar segala cabaran dapat dilalui dengan lebih baik (Sulaiman & Nasohah, 2023). Sementara itu, program-program berbentuk kekeluargaan juga banyak dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Negeri atas tujuan yang sama.

Namun begitu, walau banyak manapun perancangan dan usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak, kadar penceraian tetap meningkat. Apa yang lebih membimbangkan ialah kadar penceraian pasangan yang berkahwin kurang dari 5 tahun juga bertambah dari setahun ke setahun. Bahkan di Sarawak sahaja, hampir 2/3 dari jumlah keseluruhan permohonan cerai adalah datang dari kelompok pasangan yang berkahwin kurang dari 5 tahun (Sharkawi & Saili, 2024). Ini memberikan kita beberapa indikator, antaranya ialah samada program yang dilaksanakan tidak mengena kepada kumpulan sasar, isu dan permasalahan sebenar gagal dikenalpasti dan ini sekaligus menjadikan objektif program tersasar dari permasalahan sebenar.

Banyak kajian yang telah dilakukan berhubung perkahwinan dan penceraian dalam bentuk kuantitatif. Namun kajian kualitatif yang berbentuk meneroka pengalaman individu dalam masyarakat yang melalui fenomena penceraian belum pernah lagi dilakukan di Kuching. Oleh itu, kajian ini dijangka dapat memberikan maklumat yang lebih hampir berhubung pengalaman mereka yang bercerai di awal perkahwinan dan ini sekaligus boleh membantu pihak berwajib membuat perancangan strategik dalam membendung penceraian dari terus meningkat.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk meneroka pengalaman wanita Islam di Sarawak yang bercerai di awal perkahwinan.

1.4 Objektif Kajian

Lima objektif khusus ditetapkan untuk dicapai pada penghujung kajian ini iaitu;

1.4.1 Meneroka faktor yang mendorong kepada keputusan bercerai di awal perkahwinan dalam kalangan wanita Islam di Kuching, Sarawak

1.4.2 Meneroka isu-isu yang dihadapi oleh wanita Islam di Kuching Sarawak berkaitan penceraian.

1.4.3 Meneroka daya tindak yang diaplikasi oleh wanita Islam di Sarawak dalam menangani isu sepanjang perkahwinan.

1.4.4 Meneroka harapan dan perancangan masa depan dalam kalangan wanita Islam Sarawak selepas bercerai.

1.4.5 Membangunkan model penyesuaian awal perkahwinan

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi menjawap empat persoalan berikut:

1.5.1 Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada keputusan bercerai di awal perkahwinan?

1.5.2 Apakah isu-isu yang dihadapi berkaitan penceraianpenceraian oleh wanita Islam di Sarawak?

1.5.3 Bagaimanakah daya tindak yang diaplikasikan oleh wanita Islam di Sarawak sepanjang perkahwinan mereka ?

1.5.4 Apakah perancangan dan harapan masa depan selepas bercerai dalam kalangan wanita Islam di Sarawak?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi menambah pengetahuan, meluaskan pemahaman dan kesedaran kaunselor perkahwinan tentang dinamik yang berlaku sepanjang tempoh awal perkahwinan. Dengan cara itu, halatuju yang lebih jelas dapat ditetapkan dengan intervensi yang bersesuaian dapat dicadangkan kepada pasangan. Pada masa yang sama juga, program pencegahan penceraian dengan pengisian yang lebih jelas dan praktikal dapat diperkenalkan kepada pasangan yang baharu berkahwin. Ini sekaligus dapat memberikan kemahiran yang bersesuaian pada waktu yang tepat agar konflik dapat ditangani dengan baik dan berkesan.

Satu lagi aspek yang menjadikan kajian ini penting adalah kurangnya kajian berhubung penceraian awal perkahwinan yang menggunakan paradigma interpretattif. Dengan adanya kajian ini, pemahaman lebih mendalam akan diperolehi berhubung pengalaman mereka sekaligus dapat melihat pengaruh aspek persekitaran seperti sosiobudaya dan agama dalam dinamik perkahwinan.

Dari segi praktikal, kurangnya modul bagi menangani isu dan permasalahan bagi pasangan yang baharu berkahwin samada dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti perkahwinan atau untuk membendung penceraianpenceraian. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebelum ini telah memperkenalkan Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan mengikut fasa-fasa tempoh perkahwinan bermula dari 0-5 tahun perkahwinan, 5 hingga 10 tahun, 10-15 tahun dan juga 15 tahun hingga 20 tahun ke atas.

Diharapkan dengan kajian ini model yang bersesuaian menangani isu-isu awal perkahwinan dapat dibina dan diperkenalkan kepada pihak berwajib yang menyediakan khidmat kaunseling perkahwinan dan juga mengendalikan program-program berkaitan kemahiran perkahwinan kepada masyarakat untuk merancang program dan intervensi yang bersesuaian.


1.7 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan wanita Islam yang telah bercerai dalam tempoh 5 tahun perkahwinan dan merupakan pemastautin Kuching, Sarawak sepanjang perkahwinan mereka. Peserta juga berusia dalam lingkungan 19 tahun hingga 25 tahun semasa perkahwinan berlaku. Semasa temubual dilakukan peserta juga telah bercerai sekurang-kurangnya 5 tahun ke belakang iaitu sekitar 2015 hingga 2020. Peserta juga belum berkahwin semula semasa temubual dilakukan.

1.8 Kerangka Teoretikal Kajian

Bagi tujuan memandu proses kajian ini, 3 model dan 1 teori yang relevan dan bersesuaian telah dipilih untuk digunapakai. Penerangan berhubung model dan teori tersebut akan dihuraikan seperti berikut:

1.8.1 Model Vulnerability Stress Adaptation



Rajah 1.2: Kerangka Model Vulnerability Stress Adaptation

Model *Vulnerability Stress Adaptation* (*VSA model)* telah dibina oleh Karney dan Bradbury (1995) yang menerangkan bahawa perkembangan dan kualiti perkahwinan merupakan hasil daripada proses yang melibatkan tiga aspek yang dinamakan sebagai perangai yang kekal dan bertahan (*enduring vulnerabilities*), kejadian yang menekan dan proses penyesuaian. Secara tepatnya lagi ialah, model ini menyatakan bahawa perangai yang kekal dan bertahan yang ada pada diri individu dan juga kejadian menekan memberi kesan kepada perkahwinan melalui proses adaptasi.

Dr. Thomas Bradbury, menggunakan istilah "perangai yang kekal bertahan" untuk menggambarkan sensitiviti yang kita kembangkan sejak dari zaman kanak-kanak. Perangai ini boleh mencetuskan tindak balas yang kuat apabila dewasa. Mengetahui sensitiviti kita dan pasangan kita boleh memperbaiki hubungan, mengurangkan konflik dan memperdalam hubungan emosi kita.

Terdapat 3 domain utama dalam model VSA ini iaitu, perangai yang bertahan, kejadian yang menekan dan juga proses penyesuaian. Domain pertama dalam model VSA adalah perangai yang bertahan. Ini dianggap sebagai ciri-ciri stabil yang dibawa oleh seseorang ke dalam perkahwinan. Contohnya, latarbelakang cara dibesarkan, keperibadian dan pencapaian pendidikan seseorang. Akibatnya, individu yang mempunyai latar belakang dan personaliti yang berbeza berkemungkinan berlainan dalam keupayaan mereka untuk berdepan dengan perbezaan pendapat, situasi yang menekan atau perubahan hidup. Selain itu, mereka juga berkemungkinan terdedah kepada pelbagai jenis peristiwa yang menimbulkan tekanan. Kajian lepas mendapati bahawa tahap afektif negatif pengantin baru boleh meramalkan tahap awal kepuasan perkahwinan mereka (Karney & Bradbury, 1997). Seperti yang dinyatakan dalam Karney dan Bradbury (2004), proses interaksi seperti kebolehan menyelesaikan masalah, dan pembolehubah perbezaan individu, seperti personaliti, kedua-duanya memainkan peranan penting kepuasan perkahwinan.

Kejadian yang menekan pula adalah domain yang kedua yang mempengaruhi perkembangan dan kualiti perkahwinan. Tekanan dianggap mempunyai kesan langsung ke atas proses penyesuaian dan begitu juga sebaliknya. Menurut model VSA, jumlah tekanan yang dialami pasangan akan secara langsung mempengaruhi cara pasangan menguruskan tekanan mereka. Selain itu, cara seseorang mengatasinya juga dianggap mempengaruhi jumlah tekanan yang dirasakan. Menurut Wheaton (1997), tekanan perkahwinan termasuk tetapi tidak terhad kepada ancaman, masalah, tuntutan dan/atau kekangan yang boleh menjejaskan satu atau kedua-dua pasangan. Penyelidikan telah melaporkan bahawa pasangan yang melaporkan tahap tekanan kronik yang lebih tinggi juga cenderung melaporkan tahap kualiti perkahwinan yang lebih rendah (contohnya, Cohan & Bradbury, 1997). Di samping itu, pasangan yang mempunyai tahap tekanan kronik yang lebih tinggi

lebih terdedah kepada ketidakpuasan perkahwinan dengan kehadiran tekanan akut (Cohan & Bradbury, 1997).

Domain ketiga model VSA ialah proses penyesuaian. Ini adalah tingkah laku atau kaedah pasangan suami isteri menyelesaikan masalah rumahtangga. Sebagai contoh, kaedah mungkin termasuk gaya penyelesaian konflik dan/atau tingkah laku seperti melibatkan diri dalam penyelesaian masalah bersama. Kajian lepas yang berkaitan dengan model ini telah mengkaji terutamanya pembolehubah psikologi yang terlibat dalam proses penyesuaian seperti membuat atribusi dan penilaian untuk interaksi perkahwinan. Kajian sedemikian mendapati bahawa penilaian interaksi penyelesaian masalah semasa konflik menjadi pengantara perubahan dalam kepuasan perkahwinan (Bradbury & Fincham, 1991). Dalam erti kata lain, ketidakpuasan hubungan pasangan boleh dijelaskan melalui atribusi yang mereka berikan terhadap pasangan untuk peristiwa yang negatif. Contohnya, ketidakpuasan dalam hubungan dikaitkan dengan tingkah laku negatif pasangan kepada sifat dan perangai pasangan berbanding dengan punca luaran (cth., malas, tidak berpendidikan, dsb). Selanjutnya atribusi perkahwinan tentang kepuasan dari semasa ke semasa didapati meramalkan sama ada perkahwinan itu kekal utuh atau terlerai (Karney & Bradbury, 2000) dan kekal memuaskan (Karney, Bradbury, Fincham, & Sullivan, 1994). Mengikut model, proses penyesuaian mungkin mempunyai kesan paling langsung ke atas kualiti perkahwinan, yang seterusnya akan menentukan kestabilan perkahwinan. Proses penyesuaian juga didapati mempengaruhi kemungkinan berlakunya kejadian yang menimbulkan tekanan (Karney & Bradbury, 1995). Sebagai contoh, jika pasangan tidak dapat menyesuaikan diri dengan peristiwa yang menimbulkan tekanan, ada kemungkinan bahawa tekanan itu akan berterusan atau bertambah buruk dari semasa ke semasa.

Domain keempat dan kelima model VSA ialah kualiti perkahwinan dan kestabilan perkahwinan. Menurut model *VSA*, kualiti perkahwinan juga mungkin mempengaruhi proses penyesuaian secara timbal balik sehingga, sebagai contoh, pasangan akan semakin sukar untuk terlibat dalam interaksi yang membolehkan mereka menyelesaikan perbezaan mereka apabila mereka menjadi kurang berpuas hati dengan perkahwinan mereka.

Bagi kestabilan perkahwinan, laluan model *VSA* pembangunan perkahwinan ini memerlukan kajian longitudinal kerana ia dikonsepkan sebagai hasil kepuasan perkahwinan. Adalah diandaikan bahawa apabila kualiti perkahwinan menurun, kebarangkalian ketidakstabilan perkahwinan akan meningkat. Ini dapat diterangkan melalui kajian penceraian dalam fasa awal perkahwinan di mana kualiti dan kepuasan perkahwinan yang menyusut mendorong kepada pertimbangan penceraian .

1.8.2 Model Disillusionment

Huston et. Al (2001) mentakrifkan kekecewaan (*disillusionment)* sebagai ‘penurunan rasa cinta, pengurangan rasa kasih sayang zahir, penurunan rasa percaya bahawa pasangannya itu seorang yang responsif, serta peningkatan dalam rasa tidak pasti (*ambivalen*). Menurut Huston dan Houts (1998) proses kekecewaan (*disillusionment*) adalah gabungan aspek ekspektasi awal perkahwinan dan juga realiti sebenar yang berlaku selepas hidup bersama. Menurut model ini semasa fasa bercinta, sesetengah pasangan gagal memberi perhatian kepada aspek personaliti dan keserasian. Namun begitu, apabila pasangan menjadi semakin intim, komitmen semakin meningkat dalam konteks perkahwinan, isu personaliti dan keserasian menjadi lebih jelas dan mula mempengaruhi hubungan perkahwinan tersebut terutamanya aspek kepuasan perkahwinan. Pasangan suami isteri mula nampak kekurangan pasangan masing-masing. Selepas itu, apa-apa masalah yang timbul antara mereka dan pada masa yang sama kedua saling merasa kecewa dengan realiti

yang dihadapi, menjadi semakin sukar ditangani dan diselesaikan (Wood, Oldham, Reifman, & Niehuis, 2017).

Teori *disillusionment* juga menerangkan bahawa semasa dalam fasa bercinta, pasangan saling mengagumi satu sama lain dan banyak menghabiskan masa melakukan aktiviti bersama yang menyeronokkan dan aktiviti yang meletakkan mereka dalam keadaan selesa. Kedua pasangan secara umumnya pada fasa ini berada dalam keadaan khayal dan leka didorong oleh nafsu dan dorongan seksual.

Namun, menurut Waller, semasa pasangan sedang asyik bercinta, ada masanya hubungan pasangan juga agak kabur dan terdedah kepada salah faham. Walaupun mereka sedang asyik dilamun cinta dan saling mengagumi satu sama lain, idealisasi tersebut tidak menghalang mereka dari menyedari tentang kelemahan dan juga kesilapan pasangan. Namun, rasa seronok ataupun euforia romantis semasa fasa mabuk bercinta menghalang mereka dari lebih berhati-hati dan memperhalusi kekurangan pasangan. Menurut Waller lagi yang menggelar situasi ini sebagai psikik bulan madu, keadaan ini berakhir bila tabiat-tabiat biasa mula mengambil alih perasaan euforia ini dalam tempoh beberapa tahun awal perkahwinan. Ianya berlaku bila pasangan tidak lagi meneruskan atau kurang memperuntukkan masa senang bersama-sama , sebaliknya mula mengalih fokus kepada aktiviti seharian seperti bekerja, mengurus rumahtangga, membesarkan anak-anak dan lain-lain aktiviti yang kebiasaannya mereka lakukan sebelum ini atau rutin kebiasaan seperti mana yang ditetapkan dalam ekspektasi masyarakat terhadap peranan mereka sebagai suami isteri atau ibubapa. Aktiviti rutin inilah yang menyebabkan mereka mula meninggalkan aktiviti santai dan bersenang lenang berdua bersama-sama yang dilakukan pada awal-awal proses percintaan dan bulan madu dahulu.

Kebanyakan pasangan yang terlalu asyik dilamun perasaan cinta sebelum berkahwin mengalami kejutan realiti selepas berkahwin. Mereka mendapati perkahwinan tidak seperti yang mereka jangkakan. Pineo mendatangkan idea ini bila mana pada masa itu (1950an) lelaki dan wanita dilarang dan tidak berpeluang untuk berdua-duaan tanpa pengawasan ibubapa dan hanya dapat bersama selepas berkahwin. Bermakna, pengalaman berduaan lelaki perempuan adalah suatu yang sangat mahal dan menjadi idaman, namun apabila pasangan berkahwin, perasaan dorongan keinginan nafsu tersebut semakin berkurangan, sebaliknya sedikit demi sedikit diganti dengan konflik dan kekecewaan. (Pineo, 1961). Oleh itu, untuk membolehkan pasangan berjaya melepasi fasa bulan madu ini dapat mempertahankan dan meneruskan membina serta memelihara hubungan serta perasaan cinta, mereka perlu meneruskan aktiviti dan interaksi bersama-sama walaupun mungkin berkurangan dari segi kekerapan disebabkan oleh faktor kesibukan menjalankan tanggungjawab lain sebagai suami dan isteri.

Kajian longitudinal oleh Burges-Walin (1953) pula mengkaji tentang proses kekecewaan dari tempoh bertunang hingga ke 20 tahun perkahwinan mendapati bahawa kekecewaan bukan saja berlaku akibat atau kesan dari proses idealisasi malah ianya adalah proses umum dan biasa yang berlaku dalam perkahwinan merentas masa. Beliau mendapati bahawa kepuasan perkahwinan dan penyesuaian menurun secara signifikan antara pertengahan tahun pertama dan tahun pertama perkahwinan itu sendiri. Kebiasaannya bagi kebanyakan pasangan, mereka membuat keputusan berkahwin bila mereka percaya bahawa mereka berdua mempunyai banyak keserasian dan berpuashati dengan ciri dan keadaan tersebut. Namun bila masa berlaku, perubahan yang di luar jangkaan berlaku samada dalam bentuk situasi, personaliti atau sikap. Ini menyebabkan penurunan dari segi keserasian, dan mengurangkan rasa puashati terhadap satu sama lain dan perkahwinan itu sendiri.

Kedua-dua model *disillusionment* (kekecewaan) dan *emergent distress* memberi tumpuan kepada perubahan pada awal perkahwinan, di mana model *disillusionment* menumpukan kepada aspek kehilangan rasa cinta dan ilusi manakala model *emergent distress* menumpukan pada peningkatan tingkah laku negatif pada awal perkahwinan (Niehuis, Lee, Reifman, Swenson, & Hunsaker, 2011). Pengkaji mencadangkan bahawa, pasangan yang jarang berjumpa, kurang responsif, kurang berinteraksi mengalami kekecewaan, kemerosotan kasih sayang lebih mendadak cenderung untuk bercerai. Mereka juga mula mengalami rasa tidak kepastian dan ambivalen yang kuat terhadap hubungan/perkahwinan.

Terdapat dua kelompok dalam kalangan mereka yang bercerai awal perkahwinan ini iaitu "*early exiter"(berkahwin 2-6 tahun sebelum bercerai)* dan juga "*delayed action divorcer"* (berkahwin sekurangnya 7 tahun sebelum bercerai) . Beza antara keduanya ialah, "*early exiter"* agak kurang persefahaman sejak awal perkahwinan lagi dan perkembangan hubungan mereka juga berbeza. "*Early exiter"* tidak kelihatan seperti pasangan bercinta, bahkan nampak seperti pasangan yang tidak bahagia. Mereka berharap hubungan mereka akan jadi lebih baik, berharap agar perasaan cinta semakin meningkat dan pertelingkahan akan berkurangan. Mereka juga berharap agar keadaan menjadi lebih baik tanpa mereka sedari. Sebaliknya *delayed action divorcer* (mereka yang menunda penceraian) pula ialah mereka yang mengalami penyusutan perasaan sedikit demi sedikit selepas dua tahun perkahwinan. Namun penyusutan ini tidak disertai dengan sikap acuh tidak acuh. Mereka sekurangnya masih mencuba memperbaiki hubungan apabila mereka menyedari keadaan tersebut namun penyusutan kekal berlaku dan akhirnya menyebabkan kepuasan perkahwinan sampai ke tahap yang paling minimum yang mendorong kepada keputusan untuk bercerai(Huston, Niehuis, & Smith, 2001).

1.8.3 Teori Pertukaran Sosial

Teori pertukaran sosial bermula pada tahun 1920an dan telah digunakan dalam pelbagai bidang kehidupan yang melibatkan interaksi timbal balik manusia seperti hubungan berasaskan perniagaan, pendidikan, persahabatan, dan hubungan percintaan (Thibaut & Kelley, 1959). Dari segi hubungan perkahwinan, Teori Pertukaran Sosial menjelaskan tentang perkembangan, pemeliharaan dan kerosakan hubungan dari segi keseimbangan antara ganjaran yang diperoleh pasangan suami isteri dan kos yang mereka tanggung dalam perkahwinan (Nakonezny & Denton, 2008)

Teori Pertukaran Sosial berpendapat bahawa hubungan yang kita pilih untuk dibina dan dikekalkan adalah hubungan yang kita lihat mampu memberi ganjaran maksima dan meminimakan kos yang perlu kita keluarkan. Teori ini melihat manusia sebagai mementingkan diri sendiri dan belum tentu mengambilberat tentang kesaksamaan atau keadilan dalam hubungan. Idea asasnya ialah perhubungan yang menawarkan kita faedah paling banyak untuk usaha yang paling sedikit adalah hubungan yang paling bernilai dan berkemungkinan akan kekal untuk jangka panjang. Teori Pertukaran Sosial mencadangkan bahawa terdapat tiga faktor utama yang dipertimbangkan semasa menganalisis kelebihan dalam satu-satu hubungan yang berpotensi untuk dikekalkan iaitu: analisis kos-faedah, analisis tahap perbandingan, dan analisis terhadap perbandingan alternatif (Nakonezny & Denton, 2008).

Analisis kos-faedah melibatkan pendekatan proaktif untuk menganalisis kos atau usaha yang diperlukan untuk mana-mana aktiviti perhubungan yang diberikan sama ada ia akan mendapat faedah yang lebih besar atau tidak daripada usaha yang dilakukan (Nakonezny & Denton, 2008). Proses analisis kos-faedah lazimnya melibatkan penilaian

mendalam tentang hubungan terdahulu yang mungkin mempunyai pengalaman serupa dengan membandingkan pengalaman tersebut dengan hubungan semasa.

Analisis Tahap perbandingan merupakan konsep yang menyatakan bahawa individu itu sentiasa membandingkan secara berterusan antara kualiti hubungan mereka pada masa kini dengan pengalaman hubungan silam mereka. Ia adalah satu cara menetapkan ekspektasi positif untuk hubungan masa kini berpandukan kepada pengalaman lalu yang positif dan negatif. Tahap perbandingan ini adalah proses dengan matlamat menambahbaik perkembangan hubungan masa kini berpandukan kepada pengajaran yang diperolehi dari pengalaman lalu. Bukan saja mereka membandingkan hubungan sekarang dengan yang lalu, malah juga hubungan yang berkemungkinan berlaku di masa akan datang Tahap perbandingan hubungan sekarang dengan hubungan akan datang menunjukkan bahawa individu dalam hubungan sentiasa membandingkan hubungan sekarang dengan hubungan alterhatif lain yang berkemungkinan lebih menguntungkan berbanding hubungan semasa. Mereka menilai bahawa hubungan sekarang berpandukan kepada idea bahawa hubungan lain nanti berpotensi memberikan lebih banyak aspek positif , memberikan lebih banyak kelebihan tanpa banyak bersusah payah. Keduanya membandingkan kelebihan dan kekurangan yang diperolehi dalam perkongsian bersama ini atau buat keputusan untuk bercerai saja. (*cost-benefit analysis*) (Nweke, Dike-Aghanya, & Enike, 2019).

Namun kajian oleh Lerner (2015) mendapati wanita lebih cenderung mempertimbangkan untuk bercerai lebih kerap berbanding lelaki terutamanya sejurus selepas pertengkaran atau krisis. Begitu juga bagi individu yang datang dari keluarga yang bercerai berai (Lerner, Li, Valdesolo, & Kassam, 2015). Mereka cenderung membandingkan keadaan perkahwinan mereka dengan perkahwinan terdahulu ibubapa mereka. Jika ibubapa

bercerai , individu mempunyai kecenderungan untuk membuat keputusan yang sama apabila berdepan dengan tekanan.

Sementara itu, analisis kos dan keuntungan pula adalah cara selanjutnya yang digunakan oleh seseorang dalam mempertimbangkan samada utuk meneruskan perkahwinan atau menamatkannya. Hasil kajian Mc Cabe membahagikan sumber kepuasan perkahwinan kepada dua iaitu; dorongan intrinsic dan dorongan ekstrinsik. Dorongan intrinsik adalah ciri peribadi seseorang dalam perkahwinan; faktor personaliti, faktor emosi dan faktor psikologi (Mc Cabe, 2006). Individu yang kurang yakin pada dirinya sendiri mungkin bebih bergantung kepada pasangan dalam perkahwinan. Kebergantungan itu boleh mempengaruhi persepsi terhadap kualiti perkahwinan secara negatif jika sekiranya hubungan itu tidak menyediakan kebergantungan berterusan terhadap beliau seperti yang beliau harapkan. Sebaliknya jika kebergantungan itu berterusan, beliau akan menilai perkahwinan tersebut sebagai hubungan yang bermanfaat dan memenuhi keperluan dalaman beliau.

Faktor ekstrinsik pula ialah faktor luaran seperti kualiti hubungan seksual, komunikasi antara pasangan dan faktor sosial. Jika kedua suami isteri itu membina minat yang berbeza yang menyebabkan mereka terasing, ciri ekstrinsik hubungan itu akan terjejas secara negatif dan persepsi terhadap kualiti perkahwinan juga akan negatif juga (Delatorre & Wagner, 2020)

Dalam konteks perkahwinan, Teori Pertukaran Sosial menerangkan tentang pertimbangan pasangan setiap hari dari segi perspektif kos dan keuntungan (*cost and benefit*). Contohnya ialah apabila individu melihat setiap hari hanya beliau yang banyak menyumbang berbanding pasangan, beliau akan merasakan perkahwinan ini lebih

merugikan berbanding keuntungan. Pertimbangan tersebut banyak mempengaruhi keputusan samada untuk meneruskan perkahwinannya atau bercerai (Rueda et al., 2021).

Dalam hal berkaitan dengan pasangan yang berkahwin dalam tempoh 6 bulan hingga setahun dan akhirnya bercerai melaporkan bahawa mereka semakin kurang berkomunikasi dan semakin kerap bertengkar (Hickman-evans, 2023). Mereka membandingkan perkahwinan mereka sendiri masa kini dengan perkahwinan ibubapa mereka yang lepas. Ia menjadi jangkaan atau ekspekasi yang salah. Menurut teori pertukaran sosial, mereka membanding dan menimbang antara untung dan rugi dalam setiap pilihan tindakan. Memandangkan mereka sudah ada perbandingan awal, mereka tidak keberatan untuk memutuskan perkahwinan kerana ia memenuhi jangkaan awal mereka tentang perkahwinan dan penceraian.


Berdasarkan faktor perbandingan dalam teori ini, fenomena penceraian dijangkakan akan semakin meningkat pada masa yang akan datang. Ini ditambah lagi dengan keadaan pada masa kini di mana peningkatan wanita yang berpendidikan tinggi dan berkerjaya. Mereka mempunyai sumber yang lebih banyak berbanding daripada bergantung hanya kepada suami mereka semata-mata. Jika wanita mendapati perkahwinan tidak memuaskan , mereka mempunyai pilihan samada untuk kekal dalam perkahwinan atau meneruskan penceraian (Britt & Huston, 2012). Bagi wanita bekerja dan berpendapatan sendiri yang diabaikan hak dan keperluannya oleh suami, perbandingan dua keadaan tersebut adalah lebih jelas dan keputusan lebih mudah dilakukan berbanding dengan wanita yang tidak mengalami pengabaian. Demikian juga dengan wanita yang baharu berkahwin akan membuat keputusan bercerai bila mendapati beberapa perkara berikut berlaku pada perkahwinan mereka iaitu (1) membandingkan kehidupan zaman bujangnya lebih baik dari setelah berkahwin, (2)

membandingkan perkahwinannya dengan pasangan lain dan (3) membayangkan pilihan bentuk kehidupan jika tidak lagi bersuami (Yoo, 2022).

Teori Pertukaran Sosial ini secara ringkasnya mampu menggarap dan menerangkan penilaian dan proses pembuatan keputusan berdasarkan kepada pertimbangan kos dan faedah serta perbandingan dengan situasi alternatif yang berpotensi memberikan lebih kelebihan berbanding kerugian. Sebagai kesimpulan, teori/model ini mampu menjadi kerangka dalam menerangkan tentang fenomena penceraian pasangan awal perkahwinan secara lebih mendalam.

1.9 Kerangka Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana diandaikan bahawa setiap individu melalui pengalaman penceraianpenceraian dengan tafsiran tersendiri terhadap pengalaman tersebut. Konteks kajian adalah penceraianpenceraian semasa fasa awal perkahwinan di mana isu-isu yang kerapkali timbul dalam fasa ini menurut beberapa kajian lalu adalah berhubung penyesuaian, komunikasi, daya tindak dan juga soal tanggungjawab berkaitan peranan masing-masing. Bagi mendapatkan maklumat yang mendalam berhubung pengalaman ini kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui temubual. Soalan temubual separa berstruktur dibina berdasarkan kepada objektif kajian. Peserta kajian pula dipilih berpandukan kepada kriteria yang telah ditetapkan dan ia dilakukan secara persampelan bertujuan. Bagi tujuan perancangan kajian ini, 30 wanita yang telah bercerai semasa fasa awal perkahwinan iaitu tempoh bawah 6 tahun perkahwinan dan pemastautin Kuching Sarawak semasa perkahwinan berlangsung telah dipilih. Data kajian ini kemudiannya dianalisa menggunakan pendekatan *Interpretative Phenomenological Analysis (IPA)*. Kerangka bagi kajian ini diterangkan dalam Rajah 1.3 di bawah:



Rajah 1.3: Kerangka Kajian

1.10 Definisi Istilah dan Operasi Dalam Konteks Kajian

Berikut adalah definisi istilah dan juga operasi yang kerap dibincangkan dalam konteks kajian.

1.10.1 Perkahwinan

Maksud perkahwinan dalam kajian ini adalah satu ikatan lahir di antara dua individu lelaki dan perempuan untuk hidup bersama di dalam sebuah rumahtangga di samping melahirkan zuriat sebagai meneruskan kelangsungan hidup manusia menurut batas-batas (disiplin) hak dan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh syarak (Chek, 2010). Dalam Islam, hubungan menjadi sah dari segi agama dan perundangan melalui proses akad nikah.

Menurut Hannaford & Foley (2015) pula, perkahwinan adalah projek jangka panjang untuk menghasilkan pertalian persaudaraan darah daging dan memanjangkan keturunan. Ia

juga adalah perkongsian yang berdasarkan pembahagian tugas mengikut jantina yang dibentuk untuk memenuhi keperluan fizikal, rohani dan seksual kedua-dua suami isteri.

Menurut perspektif budaya pula, perkahwinan membawa makna tersendiri dalam proses perkembangan psikososial. Individu yang berkahwin dilihat sebagai mencapai satu tahap kematangan dalam hidup dan diletakkan ekpektasi yang selari dengan kematangan tersebut dengan memikul tanggungjawab dan peranan yang menunjukkan transisi individu dari kebebergantungan dengan ibubapa kepada memikul tanggungjawab untuk membina kehidupan sendiri. Tanggapan ini datang dari syariat Islam yang meletakkan tanggungjawab suami sebagai individu yang bertanggungjawab ke atas segala kebajikan dan keperluan hidup isteri dan anak-anak. Manakala tanggungjawab isteri pula adalah untuk mentaati dan menjadi penolong suami dalam menjaga dan menguruskan rumahtangga (Putung & Azahari, 2020).

1.10.2 Penceraian

Maksud penceraian dalam konteks kajian ini adalah pembubaran perkahwinan dan menamatkan hubungan suami isteri antara lelaki dan wanita yang sebelumnya mempunyai ikatan perkahwinan samada melalui lafaz talak ataupun melalui pengesahan Mahkamah Syariah (Al Jufri, Awang, & Mochammad Sahid, 2021).

Penceraian boleh dilihat sebagai satu peristiwa atau satu keputusan untuk menamatkan perkongsian hidup dan berakhirnya satu-satu ikatan perkahwinan. Ia juga adalah satu proses yang mengandungi konflik, tekanan, pengasingan hidup dan adakalanya disertai dengan penderaan mental, emosi dan fizikal (Amato, 2000).

Dalam Islam, penceraian ialah meleraikan dan memutuskan ikatan perkahwinan antara suami dan isteri (Imron, 2017; Mohamad, 2021). Dari segi bahasa, dalam kitab-kitab

feqah, perkataan yang merujuk kepada maksud penceraian ialah faraq iaitu merujuk kepada perpisahan suami isteri disebabkan terputusnya hubungan perkahwinan atau sebab-sebab lain. Dari segi istilah syarak pula umumnya penceraian bererti putusnya hubungan atau ikatan perkahwinan antara suami isteri. Imam Syafie mentakrifkan penceraian sebagai memutuskan akad perkahwinan dengan lafaz talak atau perkataan lain yang seumpama dengannya. Meskipun banyak takrifan yang diberikan di dalam kitab-kitab fekah tentang maksud penceraian tetapi pada keseluruhannya membawa maksud yang serupa iaitu terlerainya ikatan perkahwinan (Zaini,2002).

1.10.3 Awal Perkahwinan

Awal perkahwinan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk pada skop kajian iaitu bawah 5 hingga 6 tahun perkahwinan (Blue, 2011; Huston, 2001; Lavner & Bradbury, 2010b). Beberapa kajian di Malaysia juga meletakkan tempoh tersebut sebagai awal perkahwinan (Sahrani, 2017; Shukry & Zakaria, 2019; Sulaiman & Nasohah, 2023). Maka kajian ini juga akan menggunakan tempoh 5-6 tahun sebagai skop kajian.

1.10.4 Daya Tindak

Daya tindak merupakan cara seseorang menghadapi dan menangani tekanan yang dialami. Menurut model transaksi, seseorang itu mengalami tekanan apabila mereka mendapati bahawa mereka mempunyai sumber yang tidak mencukupi untuk menangani masalah atau situasi menekan tersebut. Pada masa yang sama mereka juga mengendalikan tekanan tersebut samada dengan memberi fokus keapada emosi ataupun berfokus kepada masalah itu sendiri (Mariana . Falconier, Jackson, Hilpert, & Bodenmann, 2015a). Walaupun teori berorientasikan individu mencadangkan bahawa tekanan biasanya muncul dalam konteks sosial namun cara seseorang menangani tekanannya akan memberi kesan kepada persekitarannya.

Dalam konteks perkahwinan, daya tindak diadik adalah satu bentuk daya tindak yang melibatkan interaksi antara pasangan. Ia berlaku apabila isyarat tekanan di pihak individu diterima dan dikenalpasti oleh pasangannya yang mana kemudiannya pasangan tersebut memberi reaksi kepada isyarat tersebut dalam bentuk tingkahlaku samada positif atau negatif (Frye, Ganong, Jensen, & Coleman, 2020). Menurut Systemic Transactional Model (STM) , pasangan menghantar isyarat tekanan mereka kepada pasangan dengan pelbagai cara, samada dengan kadar segera semasa mendepani tekanan itu sendiri atau menangguhkannya, samada secara lisan atau bukan lisan dan samada pertolongan yang diminta itu dalam bentuk yang nyata tersurat ataupun tersirat (Bodenmann, 1997a). Isyarat ini kemudian ditafsir oleh pasangan yang belum tentu tepat seperti apa yang sebenarnya dirasai oleh pasangannya. Berdasarkan kepada interpretasi ini kemudiannya pasangan itu memberi respon samada menawarkan bantuan , mengabaikan atau menjauhkan diri dari pasangannya. Keseluruhan proses dinamakan sebagai daya tindak diadik. Ia terbahagi kepada dua bentuk iaitu daya tindak positif atau daya tindak negatif. Daya tindak positif termasuklah komunikasi tekanan, dan daya tindak diadik yang menyokong, diwakilkan, dan biasa. Komunikasi tekanan merujuk kepada keupayaan pasangan yang tertekan untuk menyampaikan tekanan seseorang kepada pasangan yang lain dan meminta sokongannya untuk mengatasinya (Bodenmann, 1997b; Randall & Falconier, 2020). Daya tindak diadik yang menyokong melibatkan menyediakan cara menyelesaikan masalah atau sokongan berfokuskan emosi yakni berempati kepada pasangan yang tertekan. Daya tindak penugasan (delegated coping) merujuk kepada percubaan untuk memberikan bantuan kepada pasangan yang tertekan dengan mengambil alih tugas dan tanggungjawabnya (Mariana K. Falconier et al., 2015a).

Satu lagi daya tindak diadik ialah daya tindak diadik biasa yang menunjukkan usaha bersama oleh kedua-dua pasangan untuk menghadapi tekanan (cth, penyelesaian masalah

bersama, pencarian maklumat bersama, perkongsian perasaan, bersantai bersama). Daya tindak diadik negatif pula termasuk tindak balas yang berpotensi mencetuskan permusuhan (cth., menyalahkan pasangan kerana tidak dapat menangani masalah dengan baik) dan memberikan sokongan ambivalen (cth., memberikan sokongan tetapi percaya bahawa pasangan harus menyelesaikan masalah tanpa sokongan itu). Daya tindak diadik positif dijangkakan menghasilkan keseimbangan antara pasangan dalam menghadapi cabaran, manakala daya tindak diadik negatif berpotensi mengurangkan penyesuaian antara pasangan terhadap tekanan (Frye et al., 2020).

1.10.5 Dikotomi Antara Istilah Perkahwinan Dan Penceraian

Perkahwinan dan penceraian adalah dua istilah yang bergandingan antara satu sama lain. Perkahwinan adalah kesatuan antara seorang lelaki dan seorang wanita sehingga anak-anak yang dilahirkan pada wanita itu diakui sebagai sah dalam perkahwinan tersebut (Chek, 2010). Penceraian didefinisikan sebagai 'penamatan perkahwinan sah dan formal'. '*Divorce*' dan *marital dissolution*' membawa makna yang sama iaitu menamatkan, dan berakhirnya perkahwinan yang sah (Imron, 2017).

Dalam Islam, perkahwinan boleh ditamatkan dengan lafaz talak oleh suami. Sebaik talak dilafazkan, pada masa tersebut juga isteri berada dalam keadaan iddah iaitu tempoh menunggu selama 3 bulan 10 hari. Tempoh tersebut bertujuan memberi peluang untuk pasangan suami isteri memikirkan semula tentang perkahwinan mereka yang lalu, meredakan emosi yang terjadi akibat dari konflik atau memberi ruang untuk pasangan menilai semula samada mahu kembali hidup bersama ataupun meneruskan hidup sendirian (Puspitasari, Pudjibudojo, & Hartantu, 2022). Jika sekiranya dalam tempoh tersebut pasangan mahu kembali berdamai semula, suami boleh melafazkan rujuk kepada isteri dan mereka dikira boleh hidup bersama semula sebagai suami isteri tanpa perlu melakukan akad

nikah yang baru. Namun jika sekiranya pasangan memutuskan untuk hidup bersama semula selepas tamat tempoh tersebut maka wajib bagi pasangan ini melakukan akad nikah sekali lagi (Safrizal & Karimuddin, 2020).

Pasangan berkahwin seringkali dikaitkan dengan dorongan rasa cinta dan keinginan untuk hidup bersama dalam ikatan yang diiktiraf dari segi agama dan budaya manakala penceraian adalah hasil dorongan hilangnya rasa cinta atau meningkatnya perasaan negatif terhadap pasangan kesan dari konflik yang dilalui selama beberapa tahun bernikah

1.11 Ringkasan Bab

Secara kesimpulan, kajian ini adalah tentang fenomena penceraian awal perkahwinan di Kuching Sarawak. Matlamat kajian ini adalah untuk Meneroka fenomena penceraian awal perkahwinan dalam kalangan wanita Islam di Kuching Sarawak . Empat persoalan kajian ditimbulkan dan akan dijawab oleh 4 objektif kajian iaitu Meneroka faktor yang mendorong kepada keputusan bercerai, Meneroka isu-isu yang dihadapi oleh wanita Islam yang bercerai semasa fasa awal perkahwinan mereka, meneroka daya tindak yang digunakan dan juga Meneroka harapan dan perancangan masa depan selepas bercerai. Kajian ini penting bagi menambah pengetahuan, meluaskan pemahaman dan kesedaran kaunselor perkahwinan tentang dinamik yang berlaku sepanjang tempoh awal perkahwinan. Dengan cara itu, halatuju yang lebih jelas dapat ditetapkan dengan intervensi yang bersesuaian dapat dicadangkan kepada pasangan. Pada masa yang sama juga, program pencegahan penceraian dengan pengisian yang lebih jelas dan praktikal dapat diperkenalkan kepada pasangan yang baharu berkahwin. Ini sekaligus dapat memberikan kemahiran yang bersesuaian pada waktu yang tepat agar konflik dapat ditangani dengan baik dan berkesan.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan memberikan sorotan kajian literatur berhubung konsep asas kajian yang pernah dilakukan tentang awal perkahwinan, penceraian secara umum diikuti dengan kajian lepas dalam konteks Malaysia

2.2 Konsep Asas Kajian

Berikut adalah konsep-konsep asas kajian yang akan dikupas sepanjang bab 2 ini iaitu sekitar awal perkahwinan secara umum dan konteks Malaysia, konsep perkahwinan secara umum dan juga mengikut konteks Malaysia. Penerangan berhubung penceraian dan juga daya tindak turut akan dikupas dalam bab ini.

2.2.1 Awal Perkahwinan

Awal perkahwinan merujuk kepada tempoh 5 tahun pertama perkahwinan. Tempoh ini memerlukan banyak usaha penyesuaian (Costa & Mosmann, 2021). Sullivan, Pasch, Lauri , Johnson, Bradbury (2010) menyatakan bahawa tahun- tahun awal perkahwinan adalah tempoh masa yang kritikal bagi pasangan kerana ianya satu fasa yang tidak stabil dan kemungkinan untuk berlakunya penceraian itu adalah tinggi. Maka tahun-tahun awal perkahwinan boleh menentukan samada perkahwinan pasangan akan menjadi mudah atau lebih sulit lagi pada masa akan datang (Reed, 2023).

Fasa awal perkahwinan kebiasaannya fasa yang penuh keseronokan, perkenalan, dan jalinan pertalian emosi yang mendalam. Dalam tempoh ini, pasangan sering mengalami rasa euforia dan keintiman apabila mereka menyesuaikan diri dengan peranan baharu mereka

sebagai pasangan suami isteri. Ia adalah masa yang penuh dengan kegembiraan ketika mereka menerokai impian bersama dan mula membina kehidupan mereka bersama. Komunikasi cenderung terbuka dan penuh kasih sayang, dan ramai pasangan mendapati diri mereka semakin rapat apabila mereka mengharungi perubahan dan cabaran yang datang dengan perkahwinan (Sayehmiri, Kareem, Abdi, Dalvand, & Gheshlagh, 2020)

Walau bagaimanapun, fasa ini juga melibatkan penyesuaian dengan perangai, keutamaan, dan juga konflik yang timbul daripada perkongsian dua personaliti dan latarbelakang berbeza. Ia adalah tempoh kritikal untuk mewujudkan corak komunikasi yang sihat, menetapkan garis sempadan, dan membina rasa kepercayaan yang kukuh dan saling menghormati. Pasangan juga perlu menyesuaikan diri dengan corak hidup yang berbeza berbanding semasa bujang. Selain daripada mula memikul tanggungjawab pasangan juga perlu membiasakan diri bergaul dengan ahli keluarga di sebelah pasangan masing-masing seperti ibubapa mertua, adik beradik dan juga saudara mara.

Pasangan baru berkahwin banyak mendepani isu-isu berkaitan dengan campurtangan keluarga, perasaan cemburu terhadap pasangan , masalah kewangan, penyesuaian dengan peranan dan juga perangai pasangan. Namun semakin lama setelah beberapa tahun melalui tempoh perkahwinan, kebanyakan pasangan yang berjaya mengekalkan kualiti perkahwinan pada tahap yang optimum didapati banyak melakukan perbincangan dan menetapkan sempadan antara mereka sebagai suami isteri dengan pihak luar yang lain(Williamson & Lavner, 2020). Dalam ertikata lain, pasangan yang berjaya menyesuaikan diri mereka dengan mengekalkan hubungan antara pasangan dan hubungan dengan saudara mara, rakan-rakan dan pekerjaan.

Kebanyakan pasangan pada masa kini berkahwin adalah berdasarkan rasa cinta dan tarikan satu sama lain. Ini juga bermakna kebanyakan dari pasangan telah melalui fasa pra

perkahwinan dan perkenalan terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk mendirikan rumahtangga. Perkahwinan yang dibina atas dasar cinta kebiasaannya bermula dengan tahap kepuasan perkahwinan yang tinggi, ekspektasi juga tinggi terhadap pasangan dan perkahwinan (Gonalons-Pons & Gangl, 2021). Kebiasaannya pasangan mempunyai keinginan dan motivasi yang tinggi untuk menggembirakan pasangan, tahap intimasi dan kekaguman yang cukup tinggi terhadap pasangan masing-masing. Perasaan ini bertahan untuk beberapa bulan sebelum keduanya mula kembali kepada fasa menjalani hidup seperti biasa seperti keluar bekerja, menjalankan aktiviti seharian serta melalui cabaran kehidupan seperti kebiasaan (Hwang, Cakirsoy-Aslan, Brown, & Silverstein, 2021).

Risiko berdepan dengan rasa kecewa juga adalah tinggi bagi pasangan yang baru berkahwin. Ini adalah disebabkan oleh ekspektasi yang diletakkan oleh individu terhadap pasangannya. Ekspektasi seringkali dipengaruhi oleh imej dan ciri yang ditetapkan oleh masyarakat tentang seseorang yang ideal sebagai suami atau isteri. Imej dan ciri ini mempengaruhi cara individu menilai seseorang dan cara seseorang menawan seseorang yang mereka inginkan (Salla & Feixas, 2023). Namun begitu, sejauh mana pasangan itu kekal mengagumi pasangan masing-masing bergantung juga kepada kemampuan pasangan menyesuaikan diri dan berkelakuan selari dengan ekspektasi tersebut.

Selain itu kajian mendapati berlaku perkembangan atau perubahan dalam corak perkahwinan. Penyusutan kepuasan perkahwinan sepanjang tempoh awal perkahwinan mempunyai kaitan rapat dengan pelbagai aspek antaranya cara pasangan berkomunikasi, cara pasangan menyelesaikan masalah, proses pembuatan keputusan, pengurusan konflik atau perbezaan pandangan dan juga daya tindak yang diaplikasikan sepanjang tempoh perkahwinan tersebut (Karney & Bradbury, 2020) .

Dalam fasa ini, pasangan perlu sentiasa memastikan interaksi dan perkongsian berlaku berhubung peranan, tanggungjawab, keperluan dan kebiasaan yang boleh berpotensi untuk menimbulkan perasaan tidak menentu (Mikucki-Enyart, 2019; Mikucki-Enyart & Caughlin, 2018). Ketidakpastian boleh ditakrifkan sebagai situasi di mana maklumat yang diperolehi adalah samar-samar, kompleks, atau tidak dapat diramalkan (Brashers, 2001). Sebagai contoh, pasangan mungkin tidak pasti tentang cara menyediakan makanan di rumah mertua untuk kali pertama atau pasangan tidak pasti apakah cara sebenar tentang pelaksanaan tanggungjawab nafkah. Ketidakpastian boleh menjejaskan kestabilan perkahwinan, kepuasan perkahwinan, dan kepuasan seksual dalam hubungan perkahwinan (Scott & Stafford, 2018; Theiss & Nagy, 2010; Theiss et al., 2013); Sebagai contoh, ketidakpastian di sebelah pihak isteri tentang tanggungjawab dan peranan beliau meramalkan penceraianpenceraian selepas empat tahun perkahwinan (Lavner et al., 2012). Oleh itu, ketidakpastian yang dialami individu semasa peralihan ke dalam perkahwinan adalah tempoh masa yang signifikan dari segi sosial dan berbangkit dalam hubungan perkahwinan.

Komunikasi pula mempunyai kaitan rapat dengan kepuasan perkahwinan di awal perkahwinan. Bahkan menurut Gottman, melalui cara pasangan berkomunikasi dapat meramalkan sejauh mana tempoh perkahwinan pasangan itu dapat bertahan (Shaud & Asad, 2020). Menurut Model *Emergent Distress* yang menerangkan tentang perkembangan perkahwinan menyatakan bahawa peningkatan komunikasi tingkahlaku negatif seperi kritikan, penghinaan, kemarahan dan kata-kata kasar berupaya menyumbang kepada kemusnahan hubungan pasangan suami isteri (Wenger & Frisco, 2021). Ini bermakna, pasangan baru berkahwin yang kerap berkomunikasi secara negatif boleh menjejaskan hubungan dan kemudiannya membawa kepada penceraianpenceraian.

Sebaliknya *Model Disillusionment* pula menyatakan bahawa setiap pasangan memulakan perkahwinan dengan perasaan positif yang tinggi, namun kemudian diikuti dengan penurunan tingkahlaku positif seperti kurangnya kasih sayang dan perhatian yang kemudiannya menjejaskan komunikasi dan hubungan (Wenger & Frisco, 2021). Hubungan yang muram dan membosankan menunjukkan bahawa pasangan yang baru berkahwin perlu berusaha mencari aktiviti yang boleh sentiasa menyemarakkan hubungan dari semasa ke semasa.

Penyesuaian adalah cabaran besar bagi pasangan yang baru berkahwin terutamanya dalam kalangan masyarakat yang mengamalkan budaya kolektif. Dalam budaya kolektif, kepentingan bersama adalah lebih penting daripada kepentingan individu (Sumari, Baharudin, Khalid, Ibrahim, & Ahmed Tharbe, 2020). Di negara seperti Malaysia terutamanya, apabila pasangan itu berkahwin, kebarangkalian untuk pasangan itu tinggal serumah dengan keluarga mertua adalah tinggi. Ini bermakna pasangan perlu menyesuaikan diri bukan saja dengan ekspektasi yang diletakkan ke atas mereka sesuai dengan peranan baru yang digalas, bahkan juga mereka perlu menyesuaikan diri dengan budaya kehidupan ahli keluarga pasangan mereka juga. Ini berkemungkinan besar boleh mempengaruhi bentuk komunikasi, pembuatan keputusan, pengurusan konflik dan corak perbelanjaan.

Sebuah kajian yang dilakukan di Kuching Sarawak mendapati bahawa tiada persefahaman adalah antara faktor tertinggi yang menyumbang kepada penceraian dalam kalangan pasangan yang baru berkahwin (Sharkawi & Saili, 2024). Tiada persefahaman bermaksud keduanya sentiasa mendepani keadaan salah faham dan kerapkali gagal membina kata sepakat atau persetujuan atas perkara yang memerlukan kesepakatan antara suami isteri.

Apabila ini berlaku, konflik yang kerap berulang menjejaskan perasaan cinta antara satu sama lain.

Sebuah kajian yang dilakukan di Samarahan, Sarawak pula mendapati bahawa penyesuaian hidup selepas berkahwin melibatkan elemen penyesuaian nilai, gaya hidup, komitmen dan pengurusan masa (Suriyani, Yahya, & Mohammad Roose, 2009). Kajian yang dijalankan ini menguji pengaruh penyesuaian hidup dalam kalangan pasangan fasa pertama perkahwinan (1-10 tahun). Menurut Suriyani, Fatahyah dan Aina Razlin (2009), perkahwinan akan berjaya apabila kedua-dua pasangan memberikan komitmen terhadap satu sama lain dan bekerjasama dalam apa jua keadaan. Pengkaji lain pula berpandangan bahawa hubungan dalam perkahwinan terjalin apabila pasangan saling memberi dan menerima antara satu sama lain serta saling mempengaruhi (Johnson, Makinen & Milikin 2001). Ikatan perkahwinan tersebut akan mewujudkan perasaan selamat, selesa dan intim antara kedua-dua pasangan. Oleh itu, gaya komunikasi terbuka dan penyesuaian hidup amat penting dalam menentukan kualiti perkahwinan. Sikap saling memberi dan menerima merupakan eleman penting dalam penyesuaian hidup. Manakala komunikasi terbuka yang berkesan tentunya dapat mempengaruhi keputusan dan penyelesaian masalah dalam perkahwinan (Marziah, Rahman, & Nen, 2019).

Sementara itu, kajian berbentuk fenomenologi ke atas pasangan yang berkahwin kurang dari 5 tahun pula mendapati bahawa terdapat 5 tema utama dalam sebuah perkahwinan yang berkualiti iaitu toleransi, saling memahami, saling melengkapi, kematangan diri dan saling hormat-menghormati (Shukry & Zakaria, 2019). Hasil kajian ini sekaligus mengesahkan dapatan kajian lain yang mendapati bahawa punca penceraian adalah disumbangkan dari masalah penyesuaian di mana sebahagian dari tingkahlaku dalam penyesuaian adalah sikap bersalingan antara satu sama lain. Apabila pasangan lebih bersikap

mementingkan diri, kepuasan perkahwinan dan kualiti perkahwinan akan mengalami penurunan. Namun bila ditambah pula dengan interaksi negatif, perlakuan kasar dari segi verbal dan tingkahlaku, penyusutan akan berlaku lebih pantas dan potensi berlakunya penceraian adalah lebih tinggi (Li et al., 2019)

2.2.2 Perkahwinan

Perkahwinan ditakrifkan sebagai status sivil seorang lelaki dan seorang wanita bersatu dalam undang-undang seumur hidup, untuk menunaikan satu sama lain, dan komuniti tugas yang ditanggung oleh undang-undang ke atas mereka yang persatuannya diasaskan pada perbezaan jantina (Hoesni, Hashim, & Ab Rahman, 2012). Ia juga ditakrifkan sebagai perjanjian sosial antara dua individu yang menyatukan kehidupan mereka secara sah, ekonomi, dan emosi (Coontz, 2004).

Perkahwinan ialah institusi sosial di mana seorang lelaki dan wanita menetapkan keputusan mereka untuk hidup sebagai suami isteri melalui komitmen undang-undang dan upacara keagamaan. Ia adalah kontrak undang-undang antara dua orang yang membolehkan mereka melahirkan zuriat. Ia adalah institusi di mana perhubungan antara perseorangan, biasanya intim dan seksual diakui dengan pelbagai cara bergantung pada budaya atau demografi . Orang ramai berkahwin atas pelbagai sebab, contohnya undang-undang, sosial, emosi, ekonomi, rohani, agama atau semata-mata untuk meluaskan keluarga dan mempunyai anak. Perkahwinan boleh diatur untuk memenuhi kewajipan keluarga untuk penubuhan sah unit keluarga nuklear, untuk perlindungan undang-undang anak-anak atau untuk bersama orang yang disayangi.

Dalam Islam, perkahwinan adalah satu ikatan atau akad yang menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan yang sebelumnya tiada sebarang pertalian (Din, Azizan, Ismail, & Arifin, 2014). Apabila pasangan berkahwin, bukan saja hubungan itu

menjadi halal dan pergaulan antara lelaki perempuan dibenarkan, malah juga keduanya diikat dengan tanggungjawab dan peranan yang sesuai dengan fitrah mereka. Lelaki dipertanggungjawabkan untuk menyara dan melindungi isterinya manakala isteri pula dijangkakan untuk duduk di rumah menguruskan rumahtangga. Penugasan berpandukan kepada gender ini memudahkan dan melancarkan kelangsungan sesebuah perkahwinan (Mansor@Noordin, 2020). Islam telah menggariskan tanggungjawab suami dengan jelas di dalam Al-Quran iaitu sebagai pelindung dan pemimpin kepada wanita sekaligus memikul tanggungjawab memastikan makan, minum, pakai, tempat tinggal dan keselamatan isteri terjaga dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama juga, bagi memastikan keseimbangan sistem kekeluargaan, isteri pula dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan memelihara keperluan asas suaminya terutama yang berkaitan rapat dengan fitrah seorang wanita iaitu mematuhi dan menjaga keperluan asas suami dalam rumahtangga. Kedua-dua tanggungjawab ini disifatkan saling melengkapi dan memastikan keseimbangan dan keharmonian dalam sistem perkahwinan (Arshad et al., 2022).

Corak perkahwinan pada masa kini telah mengalami banyak perubahan berbanding dahulu. Kesan daripada proses globalisasi, urbanisasi dan modernisasi berlaku banyak perubahan dari segi dinamik serta corak perkahwinan. Disebabkan wanita sudah keluar bekerja, mereka tidak lagi hanya memegang tanggungjawab tradisionalnya mengurus rumahtangga sebaliknya turut menyumbang kepada pendapatan keluarga (Hendi, 2019). Terdapat juga pasangan suami isteri yang terpaksa tinggal berjauhan disebabkan faktor pekerjaan masing-masing dan hanya bersama pada hujung minggu ataupun secara berkala dalam jarak yang lebih jauh. (McBride & Bergen, 2014). Tidak kurang juga yang bekerja berlainan jadual kerja. Keadaan perkahwinan sebegini membuka ruang kepada konflik disebabkan faktor tekanan di tempat kerja (Susanna, Stone, & Catherine, 2003), keperluan

seksual (Bodenmann, Ledermann, & Bradbury, 2007) dan emosi yang tidak dipenuhi secara normal, masalah kewangan, masalah kesihatan, kecurangan, perselisihan faham dan keganasan rumahtangga.

Lesthaeghe menerangkan bahawa perubahan demografi ini adalah kesan daripada *second demographic transition (SDT)*. Menurut perspektif ini, pelbagai perubahan keluarga diperhatikan di Barat pada abad yang lalu. Perkara utama yang mendasari perubahan ini adalah peningkatan dalam individualisme dan kebebasan untuk mencari kebahagiaan dan pemenuhan kemahuan diri di luar norma tradisional dan struktur sosial yang ada. Pembangunan ekonomi membawa kepada peningkatan taraf hidup yang meningkatkan aspirasi masyarakat untuk kehidupan yang baik dan menjadikan mereka lebih berdikari (Lesthaeghe, 2010;1983). Pada masa yang sama, pengaruh keluarga, norma sosial, dan agama semakin menurun. Apabila penyertaan wanita dalam pekerjaan luar semakin meningkat, pandangan egalitarian mengenai gender menjadi luas. Pertumbuhan individualisme, sekularisasi, dan egalitarianisme membawa kepada pelbagai perubahan berkaitan keluarga, termasuk penurunan tahap kesuburan, perkahwinan lewat, dan peningkatan dalam kelahiran luar nikah, kelahiran tanpa bernikah, dan penceraian.(Amato, 2014)

Perubahan dalam corak sosioekonomi memberi kesan kepada sistem dalam perkahwinan. Ini termasuklah dalam proses komunikasi, pembuat keputusan, pembahagian tugas berdasarkan gender, hubungan dengan ahli keluarga yang lain, pengurusan kewangan, pendidikan anak-anak dan banyak lagi aspek dalam rumahtangga yang lain (Abdullah & Hussin, 2012). Cara pasangan menangani proses ini banyak bergantung kepada ideologi, pengaruh persekitaran, pengalaman, kemahiran, pengetahuan, personaliti, daya tindak, keadaan pemikiran dan emosi serta temperamen masing-masing. Wanita tidak lagi

memegang ideologi tradisionalnya dalam peranan sebagai isteri semata-mata sebaliknya mula melihat kepada kesamaan hak dan tanggungjawab dalam rumahtangga . Sejak kemerdekaan, wanita diberikan akses yang besar kepada pendidikan. Sehubungan itu, wanita Malaysia telah berkembang secara aktif sebagai penyumbang ekonomi, selaras dengan arah pembangunan ekonomi negara. Pada tahun-tahun awal selepas kemerdekaan, peluang pendidikan pasca menengah adalah terhad. Sebaik sahaja kemudahan pendidikan tinggi berkembang pesat dalam tempoh pasca 1970, penglibatan wanita dalam pendidikan tinggi juga meningkat (Mansor@Noordin, 2020). Peluang pendidikan menggalakkan penyertaan wanita dalam pekerjaan dan profesion yang sangat mahir. Oleh itu, ia mewujudkan struktur keluarga dua kerjaya di Malaysia. Di samping itu, kewujudan keluarga dwi-kerjaya juga menimbulkan beberapa isu, seperti perubahan dalam peranan jantina, konflik perkahwinan, perkongsian dan keputusan kewangan keluarga.(Zaimah et al., 2013).

Banyak kajian dilakukan berhubung dengan isu-isu dalam perkahwinan samada di luar negara dan juga dalam negara. Kepuasan dan kualiti perkahwinan banyak dibincangkan dan dikaitkan dengan pelbagai aspek lain seperti komunikasi, masa berkualiti yang dihabiskan bersama, pembuatan keputusan, daya tindak mendepani tekanan dan masalah dan pelbagai isu lain. *Emergent Stress Model* menerangkan tentang perubahan corak hubungan pasangan yang berkahwin di mana kedua pasangan pada awalnya memulakan perkahwinan mereka dengan tahap kepuasan perkahwinan yang tinggi (Birditt, Wan, Orbuch, & Antonucci, 2017). Keduanya mempunyai motivasi yang tinggi untuk memberikan komitmen yang terbaik dan saling melayan kehendak pasangan. Namun apabila pasangan melalui proses penyesuaian yang memerlukan interaksi yang berterusan, banyak berlaku pertelingkahan, salah faham, pertembungan nilai dan keinginan sepanjang proses menyumbang kepada penurunan kepuasan perkahwinan.

Teori *Vulnerability Stress Adaptation* (VSA) pula menekankan bahawa 3 aspek utama yang mempengaruhi kualiti dan kepuasan perkahwinan iaitu perangai yang dibawa ke dalam perkahwinan, situasi yang menekan dan proses penyesuaian. Setiap pasangan membawa perangai masing-masing dalam perkahwinan dan ini sering bertembung dalam usaha mereka menyesuaikan diri dengan peranan, tanggungjawab dan juga persekitaran. Perkahwinan menuntut pasangan menjalankan peranan selari dengan gender (Kusumawardani & Pranoto, 2020). Bergantung dengan cara bagaimana individu mengawal tingkahlaku, menghubungjalin nilai dan sikap bakal mempengaruhi proses penyesuaian dan tahap kepuasan perkahwinan. Pasangan yang menggunakan corak komunikasi negatif seperti saling menuduh, membuat kritikan, menggunakan pendekatan defensive dan membatukan diri sepanjang perbincangan dilihat berisiko tinggi untuk mengalami penyusutan kepuasan perkahwinan yang pantas. Interaksi negatif menjejas persepsi pasangan terhadap satu sama lain. Kurangnya kemahiran komunikasi, pengurusan tekanan dan konflik menjejaskan hubungan.

Banyak kajian yang dilakukan berhubung isu-isu perkahwinan di Malaysia mendapati kadar penceraian meningkat atas faktor yang pelbagai. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia melaporkan bahawa kebanyakan pasangan bercerai adalah disebabkan oleh isu berkaitan nafkah, kecurangan, campurtangan keluarga, masalah seksual, isu di tempat kerja, keganasan rumahtangga, poligami, krisis kewangan, masalah kesihatan dan juga masalah sosial. Manakala kajian di Sarawak pula mendapati antara masalah utama perkahwinan masyarakat Islam di Sarawak ialah kecuaian suami dalam melaksanakan nafkah, suami tidak bertanggungjawab, kecurangan, cemburu, campurtangan keluarga, isteri tidak taat, masalah penagihan dan juga tiada persefahaman(Sharkawi & Saili, 2024).

Kajian berhubung usaha dan intervensi yang dilakukan oleh pihak berwajib bagi mengekalkan perkahwinan juga banyak dilakukan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai contoh, telah menghasilkan beberapa Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan bagi memberi pendedahan dan bimbingan awal kepada pasangan yang melalui fasa-fasa tertentu dalam perkahwinan seperti fasa bawah 5 tahun, fasa 5-10 tahun perkahwinan dan 15 tahun ke atas perkahwinan. Penekanan diberikan sesuai dengan cabaran mengikut fasa yang dilalui pasangan. Program ini diberikan bertujuan agar setiap peserta dapat melalui cabaran perkahwinan dengan baik dan penceraian dapat dielakkan. Sementara itu, kursus-kursus pra perkahwinan juga diwajibkan bagi semua individu yang bakal berkahwin. Ini juga bertujuan mempersiapkan setiap pasangan dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan memasuki gerbang perkahwinan.

Namun begitu, seiring dengan pembangunan dan kemodenan, cabaran yang masuk dalam dunia perkahwinan juga semakin banyak dan rumit untuk ditangani. Pasangan suami isteri yang pada mulanya berkahwin atas dasar cinta mengalami penyusutan perasaan dengan pantas ekoran dari banyaknya tekanan dari persekitaran dan juga konflik yang didepani setiap hari ekoran dari pendirian dan pandangan yang berbeza dan sukar disatukan antara satu sama lain.

2.2.3 Penceraian

"Penceraian" atau juga dikenali sebagai talak berarti melepaskan dan terlepas. Dari segi syarak, penceraian ialah merungkai ikatan perkawinan dengan lafaz talak dan sebagainya.(Mustofa Al Khin et 2014). Menurut Kamus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pusaka, penceraian bermaksud perpisahan atau perpecahan. Talak dari segi bahasa bererti melepaskan simpul manakala dari segi istilah pula bermaksud melepaskan simpul atau ikatan pernikahan melalui lafaz talak atau lain-lain yang seumpama dengannya. Dengan

penggunaan lafaz yang sarih (jelas), talak jatuh walaupun dilafazkan tanpa niat. Menurut Wahbah Al-Zuhaili, Pensyariatan penceraian merupakan suatu rahmat dan langkah penyelesaian yang terakhir bagi kekusutan masalah yang menimpa suami isteri (Razali, 2022)

Terdapat 3 bentuk penceraian dalam Undang-undang Islam iaitu talaq, taklik dan fasakh. Talaq adalah bentuk penceraian yang paling biasa, yang dimulakan oleh suami. Suami boleh melafazkan talaq tiga kali, sama ada sekali gus (Talaq al-Bid'ah, yang tidak digalakkan) atau dalam satu tempoh (Talaq al-Sunnah, iaitu amalan yang dianjurkan). Selepas lafaz ketiga, talak menjadi tidak boleh ditarik balik (Talaq al-Ba'in), bermakna pasangan tidak boleh berkahwin semula melainkan isteri berkahwin dengan lelaki lain dan kemudian diceraikan atau menjadi janda (Sulaiman & Nasohah, 2023).

Bentuk penceraian kedua ialah Khul'. Khul' ialah satu bentuk penceraian yang dimulakan oleh isteri. Dalam kes ini, isteri meminta cerai daripada suaminya dan memulangkan mas kahwinnya (mahr) atau pampasan lain yang dipersetujui untuk mendapatkan pembebasan daripada perkahwinan. Bentuk penceraian yang seterusnya ialah fasakh. Faskh adalah pembatalan perkahwinan secara kehakiman. Ini boleh berlaku apabila terdapat sebab yang sah untuk perkahwinan itu dibubarkan, seperti berlakunya kemudaratan, kegagalan suami menunaikan nafkah dalam perkahwinan, atau isu yang berkaitan dengan kegagalan suami menjalankan kewajipan beliau kepada isteri (Nasohah, 2011).

Beberapa kajian berhubung penceraian telah dilakukan dalam konteks Malaysia yang memberi tumpuan kepada punca-punca yang menyebabkan penceraian dalam kalangan pasangan yang berkahwin di bawah tempoh 5 tahun. Ini adalah ekoran dari fenomena peningkatan penceraian bagi tempoh ini. Abe Sohpian et. al (2014) dalam kajian beliau terhadap 365 kes yang dilaporkan di Mahkamah Syariah Mukah menyimpulkan bahawa fasa

awal perkahwinan adalah satu fasa yang mencabar dan pada masa yang sama pasangan yang melaluinya pula masih belum matang untuk mendepani pelbagai cabaran (Abdul Rahman et al., 2014). Ini satu pendapat yang benar bagi konteks di Mukah Sarawak di mana kebanyakan pasangan yang bercerai pada fasa tersebut adalah berusia bawah 25 tahun. Usia muda dikaitkan dengan kemahiran yang rendah dalam aspek pengurusan emosi, komunikasi dan penyesuaian. Pasangan yang berkahwin muda di Mukah juga mempunyai tahap pendidikan yang rendah selain datang dari golongan berpendapatan kecil. Ini memberikan cabaran kepada kelangsungan hidup dan memikul tanggungjawab zahiriah. Antara masalah lain yang dihadapi pasangan yang baru berkahwin ialah kurangnya kemahiran menguruskan kewangan dalam perkahwinan, mudah memberi reaksi dan bertindak secara negatif semasa mendepani tekanan selain dari sukar berkomunikasi secara baik antara suami isteri. Pasangan yang bercerai awal juga kerapkali mempunyai isu dengan keluarga dan juga mertua (Abdul Rahman et al., 2014).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Sulaiman & Nasohah (2023), terdapat 4 punca penceraian pada fasa awal perkahwinan iaitu gangguan media sosial, seksualiti dan curang, pengabaian tanggungjawab, berakhlak buruk dan lemah dalam komunikasi, lemah pegangan agama dan kelemahan dalam pengurusan kewangan (Sulaiman & Nasohah, 2023). Sementara itu, Raihanah (1996), Mariam (2005) dan Norizan (2008) pula melihat penceraian adalah berpunca daripada konflik, pengabaian tanggungjawab, penderaan dan penganiayaan. Penceraian selalu digunakan untuk menyelesaikan kemelut rumah tangga. Kajian ini lebih terfokus kepada peruntukan undang-undang mengenai bentuk-bentuk pembubaran perkahwinan dengan mencadangkan pemakaian dan pelaksanaan undang-undang yang lebih baik dalam menangani masalah berbangkit seperti mutu penghakiman dan prosedur perbicaraan dalam proses penceraian (Ahmad Hariri Mohd Saad & Raihanah Azahari, 2014).

Malaysia kini menyaksikan perubahan luar biasa dalam kehidupan berkeluarga dan ramai pasangan yang menikah menamatkan perkahwinan mereka dengan penceraian. Penceraian, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, boleh dikategorikan sebagai masalah sosial di Malaysia (Zainab, Wan-Ibrahim, & Asyraf, 2014). Melalui Banci Malaysia pada tahun 1991, jumlah penduduk yang bercerai adalah sebanyak 1.0 %, namun sedikit menurun pada tahun 2000 dengan jumlah tertinggi adalah kalangan penduduk luar bandar.("Seminar Institusi Keluarga Mendepani Cabaran Semasa Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) 26 Mei 2009," 2009) Ini adalah kerana faktor kemiskinan yang memberikan lebih banyak tekanan kepada pasangan suami isteri dan ini menjejaskan kualiti perkahwinan. Dalam sebuah kajian yang dilakukan di Johor, didapati bahawa pengabaian tanggungjawab, penderaan oleh suami dan juga keingkaran suami isteri merupakan punca utama kepada masalah rumahtangga. (Muhammad & Jasmi, 2004).

Kenaikan jumlah penceraian yang berlaku di Malaysia adalah kesan daripada proses urbanisasi, tekanan kerja, sikap memenuhi kepentingan diri sendiri, mempunyai sumber pendapatan sendiri dan juga sumber lain untuk mendapatkan sokongan kewangan dan emosi bagi kaum wanita (Zainab et al., 2014). Antara faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan adalah perkahwinan muda. Perkahwinan muda sangat berkait rapat dengan konflik rumahtangga (Moen, 2011). Ini adalah kerana pasangan yang berkahwin pada usia muda kurang kemahiran dalam mengendalikan emosi, pengurusan rumahtangga dan juga mempunyai tahap kematangan fikiran yang rendah dalam membuat keputusan. Selain daripada itu juga dikatakan bahawa pasangan muda kurang kemahiran berinteraksi dengan orang-orang sekitarnya. Ekspektasi yang tinggi dari masyarakat terhadap pasangan yang baru berkahwin sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada pasangan muda yang cuba menyesuaikan diri dengan semua aspek yang dijangkakan ke atas mereka. Sebagai contoh,

seorang suami dijangka untuk menyediakan rumah khusus untuk isterinya sedangkan beliau masih belum mempunyai tahap kewangan yang kukuh. Begitu juga seorang isteri dijangkakan untuk menguruskan kerja-kerja domestik selari dengan peranan beliau sebagai pengurus rumahtangga, namun kerana beliau masih di tahap mahu berseronok maka beliau masih sukar melakukan tanggungjawab tersebut secara konsisten (Mansor@Noordin, 2020). Krisis rumahtangga lebih berisiko untuk berlaku dalam kalangan pasangan muda berbanding pasangan yang lebih berusia.

Selain itu penceraian juga banyak berlaku dalam kalangan pasangan yang mempunyai karier yang berjaya dan juga perkahwinan di mana isteri mempunyai pendapatan sendiri dan tidak bergantung pada suaminya. Apabila wanita bekerja, ia sekaligus mewujudkan satu agi sumber kewangan atau pendapatan dalam keluarga dan sekaligus memerlukan pasangan melakukan penyesuaian dari segi pengurusan kewangan dan perbelanjaan rumahtangga. Memandangkan wanita sudah mula menjadi penyumbang pendapatan yang diiktiraf , bentuk pengurusan kewangan, pembuatan keputusan, penugasan kerja-kerja rumah dan lain-lain tidak lagi dilaksanakan berpandukan kepada sistem tradisi sebaliknya semakin terbuka kepada perbincangan suami isteri. Jika dulu, semasa wanita terikat hanya dengan tanggungjawab di rumah, kini urusan rumahtangga juga diletakkan kepada suami sebagai menyeimbangkan tanggungjawab isteri yang ditinggalkan oleh beliau bagi membolehkan isteri keluar bekerja.

Pada masa yang sama juga, ekspektasi terhadap penugasan berdasarkan gender semakin kabur dari segi spesifikasi tugasan. Jika dahulu, tanggungjawab membeli keperluan barangan dapur adalah semata-mata tanggungjawab suami, tetapi kini, disebabkan isteri juga sudah keluar bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri, maka masyarakat mula meletakkan jangkaan ke atas isteri untuk membeli barangan dapur atas alasan menolong

suami. Dalam ertikata lain, di samping kelebihan yang diperolehi oleh wanita pada zaman sekarang di mana pengiktirafan penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan, ada cabaran lain yang datang dari segi aspek rumahtangga mereka (Komarraju, 2006). Kesemua ini memerlukan persefahaman, tolak ansur, kemahiran berbincang dan membuat keputusan agar keseimbangan perkahwinan berada pada tahap optimum.

Selain dari soal perubahan dinamik dalam rumahtangga, perkahwinan yang mana isteri juga penyumbang kepada kewangan keluarga cenderung berdepan dengan tekanan yang lebih. Tekanan ini datang dari tempat kerja yang kemudiannya menjejaskan prestasi beliau sebagai isteri dalam perkahwinan (H. Liu & Cheung, 2015). Kahn (1964) melalui model yang menerangkan tentang konflik antara peranan menyatakan bahawa konflik berlaku apabila tekanan muncul apabila penglibatan dalam kedua-dua peranan saling menuntut dan menjejaskan tiga aspek iaitu masa penglibatan, tenaga yang diperlukan dan tingkahlaku yang mungkin saling berlawanan antara satu peranan dengan peranan yang lain.

Model ini juga mencadangkan bahawa tekanan peranan (konflik antara kerja-keluarga) semakin serius apabila peranan beliau di tempat kerja dan peranan di dalam keluarga adalah menonjol atau penting kepada konsep kendiri seseorang dan apabila kegagalan memenuhi salah satu peranan tersebut bakal mendapat kritikan atau tohmahan dari masyarakat. Dalam konteks seorang wanita yang memegang jawatan dan peranan yang tinggi dalam organisasi tekanan antara tanggungjawab beliau sebagai pekerja dan isteri adalah sangat menekan lebih-lebih lagi apabila berada dalam masyarakat yang menganggap pengabaian terhadap rumahtangga sebagai suatu yang serius dan negatif (Gui, 2020).

Namun begitu, bukanlah faktor wanita bekerja yang menjadi punca utama kepada meningkatnya kadar penceraian, sebaliknya, penglibatan wanita dalam pekerjaan di luar rumahtangga mereka secara tidak langsung memberi kesan perubahan kepada sistem

pengurusan, komunikasi, hubungan dan juga pelaksanaan peranan yang selama ini ditentukan oleh sistem tradisi. Perubahan ini menuntut pasangan agar lebih fleksibel dan terbuka berbanding sebel

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengenal pasti sepuluh sebab utama penceraian di Malaysia iaitu: tidak bertanggungjawab, asas Islam yang lemah, gangguan pihak ketiga, perbezaan budaya, isu seksual, krisis kewangan, dilema kerjaya, masalah kesihatan, kerosakan moral dan halangan komunikasi (Mohamad, Malek, Samsudin, & Jani, 2018). Negeri yang mencatat kadar penceraian tertinggi di Malaysia adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diikuti oleh Terengganu, Perlis dan Kedah (Sulaiman & Nasohah, 2023).

Konflik perkahwinan diikuti dengan penceraian memberikan banyak kesan kepada aspek kesihatan mental terutamanya kepada wanita. Kajian mendapati kemurungan lebih banyak dihadapi oleh ibu tunggal berbanding wanita yang bersuami disebabkan oleh kurangnya sokongan sosial, penilaian diri yang negatif, interaksi negatif dengan bekas pasangan dan juga anak-anak dan juga pengalaman buruk dalam hidup (Abdul Kadir & Bifulco, 2011). Stigma negatif berhubung ibu tunggal juga antara perkara yang perlu dihadapi oleh wanita yang telah bercerai. Masyarakat sering mengaitkan wanita yang telah bercerai ataupun janda dengan gelaran perampas suami orang. Stigma ini menghadkan wanita yang bercerai dari mendapat sokongan sepenuhnya dari masyarakat dan sering dipandang sinis (Parker, 2016).

Sebagai kesimpulan, sepertimana negara-negara membangun lain, Malaysia juga sedang melalui fasa di mana berlaku banyaknya keruntuhan institusi sosial yang memberi kesan secara langsung kepada institusi perkahwinan. Pada masa yang sama konflik perkahwinan dan keruntuhan institusi ini juga menyumbang secara langsung kepada

peningkatan gejala sosial (Nurhayati, Pitoweas, Putri, & Yanzi, 2020). Apa yang berlaku pada pasangan suami isteri pada kohort ini secara tidak langsungnya adalah kesan daripada keruntuhan institusi perkahwinan pada kohort sebelum ini. Tanpa ada sebarang intervensi atau perubahan besar berlaku pada sub budaya yang mendasari perkahwinan masa kini, kita dapat meramalkan kesan yang sama akan berlaku pada kohort akan datang. Perkahwinan dijangka semakin sukar bertahan untuk tempoh jangkamasa yang lama, manakala perkahwinan yang bertahan mengandungi banyak konflik yang menjadi medan perkelahian ibubapa dan pada masa yang sama medan 'pembelajaran; anak- anak tentang hidup berumahtangga.

2.2.4 Wanita Dalam Konteks Perkahwinan Dan Penceraian

Literatur tentang wanita banyak dikupas dalam kajian berhubung gender samada dari segi peranan, ekspektasi, perbezaan cara berinteraksi dan mempengaruhi persepsi dan tindakan dalam sistem perkahwinan.Wanita dan perkahwinan merupakan perbincangan yang cukup sinonim disebabkan oleh besar dan berpengaruhnya peranan wanita dalam institusi tersebut. Bahkan beberapa kajian tentang penceraian mendapati bahawa peningkatan kadar penceraian mempunyai kaitan dengan peningkatan penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan dan mempunyai punca pendapatannya sendiri (Perrone, Wright, & Jackson, 2009; Rajput, 2017). Disebabkan itu, wanita tidak lagi bergantung dengan suami dari segi ekonomi dan ini membolehkan mereka membuat keputusan bercerai sekiranya mendapati perkahwinan mereka tidak memenuhi kemahuan mereka.

Memandangkan kebanyakan wanita kini bekerja, mereka dijangka untuk memikul tanggungjawab terhadap keluarga dan memelihara persepsi tradisional terhadap wanita (Hirschman, 2016). Dua peranan yang dipegang sekaligus ini mendedahkan wanita kepada tekanan berterusan bila wujud pertembungan tuntutan kehendak antara keluarga dan kerjaya.

Wanita juga perlu menyeimbangkan perhatian dan komitmen mereka antara keluarga dengan kerjaya selain daripada perlu menyesuaikan diri dengan pergelutan tersebut setiap hari. Wanita di Asia Tenggara dan Malaysia terutamanya masih dijangka oleh masyarakat memikul tanggungjawab dan peranan asasnya sebagai isteri dan ibu walaupun pada masa yang sama beliau membantu suami menambah pendapatan. Dalam ertikata lain, bekerja di luar rumah dan mencari rezeki tidak pernah mengecualikan mereka dari tugasan di rumah. Berbanding dengan lelaki, mencari rezeki adalah tanggungjawab utama mereka dan dengan itu tidak diharapkan oleh masyarakat melakukan kerja-kerja rumahtangga (Jane, Khan, & Rokis, 2020). Dalam sebuah kajian yang melihat perkaitan antara orientasi peranan berasaskan gender di pihak suami terhadap konflik pekerjaan dan rumahtangga isteri mendapati bahawa wanita menghadapi konflik pekerjaan dan rumahtangga dengan intensiti berbeza (Al Ahmad, 1999). Ini bergantung kepada orientasi suami terhadap pembahagian kerja samada egalitarian ataupun tradisional. Pendekatan orientasi tradisional yang meletakkan isteri sebagai pihak yang berperanan penuh menguruskan rumahtangga lebih mempunyai kaitan secara negatif terhadap konflik antara kerjaya dan rumahtangga yang dialami wanita berbanding dengan orientasi egalitarian. Ini diterangkan melalui teori sosialisasi dan teori interaksi normative yang menekankan bahawa sikap dan pandangan kita terhadap peranan berasakan gender adalah suatu yang dipelajari melalui proses sosialisasi (Jaisri & Joseph, 2013). Kita juga meletakkan peranan berasaskan gender berpandukan kepada apa yang biasa kita lihat seharian dalam komuniti kita . Ini menerangkan bagaimana kebanyakan daripada isteri dalam masyarakat Malaysia berdepan dengan konflik kerjaya dan rumahtangga bilamana mereka tetap terbeban sendirian dengan kerja-kerja pengurusan rumahtangga sekalipun mereka penyumbang besar dalam ekonomi rumahtangga.

Kesan dari keterlibatan wanita dalam kerjaya sekaligus menjadi penyumbang kepada ekonomi keluarga. Mereka turut sama terlibat secara langsung dalam proses pembuatan keputusan dalam perkahwinan berbanding dengan corak perkahwinan sebelum ini di mana keputusan dilakukan oleh suami sahaja. Ini memerlukan penyesuaian menyeluruh dari seluruh anggota masyarakat untuk menyelaraskan ekspektasi terhadap peranan berasaskan gender dan dari pasangan itu sendiri menyelaraskan ekspektasi terhadap satu sama lain (Perrone et al., 2009). Kajian juga menunjukkan bahawa wanita yang berkahwin pada lewat usia lebih mudah menyesuaikan diri dalam perkahwinan berbanding wanita yang lebih muda yang cenderung mengalami tekanan sepanjang tempoh penyesuaian di awal perkahwinan (Mariana. Falconier, Jackson, Hilpert, & Bodenmann, 2015). Kemahiran komunikasi merupakan moderator kepada proses penyesuaian. Wanita muda kebiasaannya masih belum berpengalaman dan berkemahiran dalam berkomunikasi dalam setting perkahwinan mereka (Bromfield, 2014; Craddock, 1980; Perrone et al., 2009).

Dalam aspek mengambil inisiatif penyesuaian dalam tindakan dan daya tindak, Terdapat perbezaan dari segi gender. Wanita lebih berkecenderungan untuk menuntut perubahan manakala lelaki selalunya melepaskan diri dan mengekalkan status quo. Paten ini meramalkan kepuasan perkahwinan wanita secara negatif berbanding dengan lelaki (Ross, Karney, Nguyen, & Bradbury, 2019). Perbezaan pendekatan antara suami dan isteri semasa mendepani tekanan mempengaruhi kepuasan perkahwinan terutamanya bagi isteri. Suami yang menggunakan pendekatan mengelak menjejaskan kepuasan perkahwinan isteri dengan lebih cepat berbanding suami yang mendepani dan menyelesaikan masalah secara bersama (Fallahchai, Fallahi, & Randall, 2019).

Sementara itu, dalam kajian berhubung resolusi konflik mendapati bahawa tindakbalas suami isteri terhadap pasangannya meramalkan kualiti penyelesaian masalah pasangan. Didapati melalui kajian bahawa tindakan suami membalas perlakuan pasangan secara negatif mempunyai kaitan dengan rendahnya kualiti penyelesaian konflik di pihak isteri.. Sikap suka mengelak dari masalah oleh suami pula meramalkan rendahnya kualiti resolusi konflik oleh isteri (Adamo et al., 2021).

Setelah mengambilkira faktor demografi, banyak kajian lain mendapati bahawa wanita mengalami tahap stress kronik yang lebih tinggi berbanding lelaki dalam kehidupan seharian (Noor, Mahdzir, Nor, & Abdullah, 2019). Sekalipun didapati tiada perbezaan dari segi jumlah peristiwa yang dialami sepanjang 2 tahun ke belakang antara lelaki dan wanita, namun wanita menunjukkan tahap tekanan yang bukan saja lebih tinggi malah juga tidak terkawal terhadap kebanyakan peristiwa sepanjang 2 tahun sebelumnya berbanding dengan lelaki. Berbanding lelaki juga, wanita menyenaraikan peristiwa berkait dengan keluarga dan kesihatan sebagai perkara yang cukup memberi tekanan kepada mereka. Manakala lelaki pula menyenaraikan peristiwa berkaitan dengan kerjaya sebagai lebih menekan (Akinbode & Ayodeji, 2017).

Kajian berhubung wanita seringkali terikat dengan konteks perkahwinan dan juga sosiobudaya. Maka kebanyakan perbincangan adalah saling berkait dengan suami, anak-anak dan juga keluarga.

2.2.5 Daya Tindak

Daya tindak merujuk kepada strategi dan tingkah laku yang digunakan oleh individu untuk mengurus dan menyesuaikan diri dengan situasi tertekan, cabaran, atau tekanan emosi. Mekanisme daya tindak membantu orang ramai menangani kesan negatif tekanan,

kebimbangan, trauma, atau sebarang peristiwa kehidupan yang sukar. Terdapat beberapa bentuk daya tindak yang biasanya diambil oleh individu semasa berdepan dengan tekanan antaranya ialah daya tindak berfokuskan masalah, daya tindak berfokus emosi, daya tindak berfokus kognitif, mengelak dan juga mendapatkan sokongan sosial (Randall & Falconier, 2020)

Daya tindak berfokus masalah adalah dengan cara menghadapi masalah secara langsung dengan mencari penyelesaian, membuat keputusan, atau mengambil tindakan yang boleh mengubah atau menghapuskan punca tekanan. Sebagai contoh, jika seseorang tertekan tentang tekanan kerja rumah yang terlalu banyak, mereka mungkin menggunakan daya tindak yang berfokuskan masalah banyaknya kerja rumah dengan cara mengatur masa dan susunan keutamaan mereka atau mendapatkan bantuan dengan mengupah pembantu rumah atau meminta tolong suami mengurangkan beban tugas mereka(Randall & Falconier, 2020).

Sementara itu daya tindak berfokuskan emosi pula bertujuan untuk menguruskan tindak balas emosi terhadap tekanan berbanding dengan menangani masalah itu sendiri. Ini mungkin termasuk aktiviti seperti bercakap dengan rakan, berlatih teknik relaksasi atau melibatkan diri dalam hobi yang mengurangkan kebimbangan dan meningkatkan mood yang positif (Skinner, Edge, Altman, & Sherwood, 2003).

Terdapat juga daya tindak yang menggunakan pendekatan mengelak dari masalah. Ini termasuklah tindakan mengelakkan atau menjauhkan diri daripada tekanan, sama ada secara fizikal atau mental. Daya tindak mengelak berkesan dalam jangka pendek, tetapi ia mungkin membawa kepada isu yang lebih besar, rumit dan sukar diselesaikan jika digunakan secara berlebihan. Contohnya termasuk menangguhkan masa untuk menyelesaikan masalah, menafikan perasaan atau kewujudan masalah tersebut atau

melibatkan diri dengan aktiviti yang boleh mengalih perhatian daripada masalah sebenar (Kuo, 2011).

Mendapatkan sokongan sosial atau orang sekeliling merupakan daya tindak yang sering dilakukan oleh kebanyakan pasangan yang muda dan baru berkahwin. Pasangan suami isteri yang masih kurang pengalaman mengendalikan isu dan konflik perkahwinan cenderung mendapatkan pandangan dan sokongan dari ahli keluarga terdekat, rakan-rakan mahupun sokongan dari golongan professional. Sokongan sosial boleh memberikan rasa selesa dan mengurangkan sedikit tekanan sementara mencari cara bagaimana mahu menyelesaikan masalah yang sebenar (Chiriboga, Coho, Stein, & Roberts, 1980).

Daya tindak kognitif juga merupakan salah satu bentuk daya tindak yang berkesan dalam mendepani cabaran dan tekanan. Strategi ini memerlukan seseorang mengubah cara beliau berfikir tentang situasi yang tertekan. Dengan merangka semula pemikiran negatif atau menggunakan perspektif yang lebih positif, individu boleh mengurangkan tekanan emosi mereka dan ini kelak akan mendorong individu untuk menangani masalah yang sebenar(Matud, 2004).

Daya tindak adalah penting untuk kesejahteraan mental dan emosi. Strategi daya tindak yang berkesan boleh membantu mengurangkan kesan negatif tekanan, meningkatkan kebolehan menyelesaikan masalah, meningkatkan daya tahan emosi dan membawa kepada hasil kesihatan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, tidak semua mekanisme mengatasi adalah sihat; sesetengahnya, seperti penyalahgunaan bahan atau pengelakan yang berlebihan, boleh memburukkan lagi tekanan dan membawa kepada masalah tambahan.

Dalam konteks kajian ini daya tindak ialah kemahiran mengurus dan mendepani apa jua masalah dan tekanan yang berlaku sepanjang perkahwinan bersama dengan pasangan

(Frye et al., 2020). Strategi kemahiran individu dalam berdaya tindak amat diperlukan sebagai penyelesaian kepada situasi yang menekan. Lazarus dan Folkman (1984) mendefinisikan daya tindak merujuk kepada sesuatu yang dilakukan oleh individu untuk mengatasi tekanan yang membebankan kerana di luar batas kemampuan diri sendiri. Skinner dan Zimmer-Gembeck (2006) juga menyatakan bahawa daya tindak adalah kecenderungan seseorang untuk memberi tindakbalas dengan cara yang boleh dijangkakan apabila berhadapan dengan situasi tertentu.

Berdasarkan konsep stres , seseorang yang berhadapan dengan keadaan yang menimbulkan stres atau perasaan-perasaan negatif yang tidak menyenangkan, perlu ditangani dengan segera di mana jika tidak diselesaikan dengan serta-merta, ia akan membawa kepada penyusutan kognitif (Dutke & Stoebber, 2001; Ennis, Kelly, Wingo & Lambert, 2001; Wofford & Goodwin, 2002), mendatangkan penyakit fizikal, kemurungan dan menjejaskan kepuasan perkahwinan dan semua itu akan memberi kesan kepada kesejahteraan psikologinya. Oleh itu, daya tindak mengatasi stres dikehendaki dalam mengurus sumber tekanan yang dihadapi oleh individu (Zainul Abidin, Ismail, Sariah Syed Hassan, & Ahmad Sudan, 2018).

Model biasa *(common model)* daya tindak yang dikemukakan oleh Lazarus dan Folkman (1984) menekankan bahawa pilihan bentuk daya tindak adalah bergantung kepada penilaian terhadap ancaman (penilaian utama) dan penilaian terhadap sumber seseorang untuk menangani ancaman (penilaian kedua). Selain itu, model Lazarus dan Folkman menekankan bahawa daya tindak adalah bersifat dinamik (Randall & Bodenmann, 2017). Secara khusus, daya tindak adalah transaksi antara ancaman, penilaian dan tindak balas. Oleh itu, tingkah laku daya tindak akan berubah kerana faktor-faktor ini berinteraksi dan juga berubah dari semasa ke semasa. Oleh itu, adalah penting untuk mempertimbangkan faktor-

faktor seperti penilaian ancaman dan sifat tekanan apabila mahu melihat perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam daya tindak. Penilaian tekanan boleh menjelaskan perbezaan gender dalam tingkah laku daya tindak jika satu gender terlibat lebih banyak dalam strategi daya tindak berbanding gender yang lain.

Sifat tekanan itu sendiri juga mungkin menimbulkan tindak balas daya tindak yang berbeza antara lelaki dan wanita. Penilaian lengkap tentang cara orang menghadapi tekanan harus meneliti pelbagai tekanan. Satu sistem klasifikasi popular yang diterangkan oleh Lazarus dan Folkman, (1984) membezakan antara daya tindak berfokuskan masalah dan daya tindak berfokuskan emosi. Tingkah laku mengatasi masalah berfokuskan bertujuan untuk mengubah tekanan. Contohnya dalam penyelesaian masalah dan perancangan. Tingkah laku yang berfokuskan emosi adalah tingkah laku yang diarahkan untuk mengubah tindak balas emosi kepada tekanan. Contohnya seperti melepaskan perasaan, merenung memikirkan masalah, mengelak, menerima masalah, mentafsir masalah secara positif, dan memikirkan secara mendalam tentang masalah yang dihadapi. Walaupun terdapat sistem klasifikasi daya tahan yang lain , daya tindak yang didapati paling berbeza antara lelaki dan perempuan adalah daya tindak berfokus masalah dan juha berfokuskan emosi (Randall & Falconier, 2020).

Satu andaian tentang mengapa wanita mungkin terlibat dalam beberapa daya tindak berfokuskan emosi berbanding lelaki ialah wanita dianggap sebagai gender yang lebih "emosi". Walaupun tidak jelas sama ada wanita benar-benar mengalami emosi lebih kerap daripada lelaki, wanita mungkin mengalami emosi dengan lebih kuat, dan wanita pastinya mengekspresikan kebanyakan emosi dengan lebih kerap berbanding lelaki (Jaymess & Yahya, 2019). Perbezaan gender dalam ekspresi emosi telah dikesan walaupun di kalangan kanak-kanak berumur 2 tahun di mana kanak-kanak perempuan diperhatikan lebih ekspresif

emosi semasa bermain berbanding kanak-kanak lelaki (Boo, 2020). Wanita lebih kerap menangis berbanding lelaki, dan wanita lebih cenderung daripada lelaki menganggap menangis sebagai satu bentuk daya tindak (Saffari et al., 2013). Malah data fisiologi menunjukkan aktiviti wajah yang lebih banyak pada wanita berbanding wajah lelaki semasa meluahkan emosi. Kajian-kajian lepas ini mencadangkan bahawa wanita akan lebih berkemungkinan daripada lelaki untuk menghadapi kesusahan dengan meluahkan emosi kepada orang lain. Walau bagaimanapun, tidak jelas sama ada perbezaan jantina dalam ekspresi emosi ini adalah semula jadi atau dipelajari (Jaymess & Yahya, 2019).

Satu lagi teori perbezaan jantina dalam membuat daya tindak memberi tumpuan kepada tingkah laku mencari sokongan. Taylor dan rakan-rakan (Taylor et al., 2000) mencadangkan bahawa fakta bahawa wanita mencari sokongan lebih daripada lelaki adalah lebih berasaskan biologi. Mereka mencadangkan bahawa tindak balas "fight-or-flight" terhadap ancaman yang dikemukakan oleh Cannon (2020) adalah lebih kepada ciri lelaki berbanding wanita; sebaliknya, wanita lebih cenderung untuk "bersahabat-dan-berkawan" apabila berhadapan dengan ancaman. Terdapat perbezaan lain dalam daya tindak lelaki dan wanita yang boleh dikaitkan dengan sosialisasi gender dengan mudah. Teori sosialisasi gender berpendapat bahawa lelaki mungkin lebih cenderung untuk mengatasi tekanan. Teori sosialisasi gender akan berpendapat bahawa lelaki mungkin lebih cenderung untuk menghadapi tekanan dengan menafikan masalah atau mengelakkannya kerana lelaki dibesarkan dan dididik untuk menyembunyikan emosi mereka. Oleh kerana lelaki secara stereotaip dianggap berorientasikan tindakan, bertindak secara langsung dan tegas, mereka juga mungkin lebih cenderung untuk terlibat dalam daya tindak berfokuskan masalah.

Wanita didapati menggunakan lebih banyak strategi daya tindak berbanding lelaki merentasi pelbagai tingkah laku, termasuk kedua-dua domain fokus masalah dan fokus

emosi. Kebijaksanaan konvensional dalam bidang ini menunjukkan bahawa lelaki terlibat dalam daya tindak berfokus masalah dan daya tindak mengelak lebih daripada wanita. Terdapat beberapa petunjuk bahawa lelaki mungkin terlibat dalam lebih banyak tingkah laku mengelak atau menarik diri untuk sesetengah tekanan - tekanan yang berkaitan dengan orang lain (perhubungan dan kesihatan orang lain) (Ptacek, Smith, & Dodge, 1994).

Wanita lebih berkemungkinan daripada lelaki untuk mendapatkan sokongan emosi, merenung, dan terlibat dalam perbincangan diri yang positif tanpa mengira apa bentuk tekanan. Sosialisasi gender mungkin menjelaskan penemuan ini. Wanita mungkin disosialisasikan untuk mendapatkan orang sekitarnya untuk sokongan emosi. Wanita lebih digalakkan berbanding lelaki untuk meluahkan perasaan kepada orang lain, terutamanya perasaan tentang masalah. Meluahkan masalah dililhat sebagai tindakan memupuk hubungan dalam kalangan wanita dan ia diterima sebaliknya bagi sudut pandang lelaki, ia dianggap asebagai mendedahkan kelemahan (Donato et al., 2015) .

Walaupun teori tekanan berorientasikan individu mencadangkan bahawa tekanan sering berpunca daripada konteks sosial dan tindak balas bersalingan individu mungkin mempunyai kesan ke atas persekitaran mereka, ahli teori mencadangkan pandangan interaksi yang jelas tentang tekanan dan proses daya tindak dalam konteks pasangan yang menekankan pasangan ' proses saling bergantung (Bodenmann, 1997). Dalam pandangan interaksi tekanan dan daya tindak, tekanan pasangan dikonseptualisasikan sebagai sifat timbal balik: pengalaman tekanan kedua-dua pasangan saling berkaitan kerana tekanan satu pasangan menjadi tekanan pasangan yang lain (Revenson & Lepore, 2012).

2.3 Analisis Jurang Kajian

2.3.1 Jurang Empirikal

Penceraian semasa fasa awal perkahwinan pada masa kini menarik perhatian banyak pihak sejak akhir-akhir ini bukan sahaja di peringkat tempatan bahkan juga peringkat global. Antara aspek yang dikaji adalah isu-isu yang timbul dalam fasa awal perkahwinan, faktor yang mendorong kepada keputusan bercerai semasa fasa awal perkahwinan dan juga trajektori kepuasan perkahwinan.

Kepuasan perkahwinan merupakan perkara asas yang menentukan kelangsungan sesebuah perkahwinan. Beberapa faktor yang dilihat mempengaruhi kepuasan perkahwinan telah dikenalpasti. Antaranya ialah tekanan dan konflik yang timbul antara pasangan, perubahan sikap dan pemikiran sepanjang fasa awal perkawinan (Lavner & Bradbury, 2010b). Awal perkahwinan merupakan fasa transisi yang memerlukan banyak interaksi, perbincangan, fleksibiliti, sikap tolak ansur, saling memahami dan bekerjasama. Perbezaan pandangan dan cara melakukan sesuatu tindakan dijangkakan sering berlaku dalam usaha pasangan melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Kegagalan pasangan memahami dan bersikap lebih terbuka dan bertolak ansur akan menimbulkan ketegangan dan konflik berpanjangan.

Turut dikaji adalah peranan personaliti seseorang terhadap trajektori kualiti perkahwinan (Lavner, Lamkin, Miller, Campbell, & Karney, 2016; Pronk, T. M., Buyukcan-Tetik, A., Iliás , & Finkenauer, 2019), bentuk komunikasi dan hubungannya dengan kepuasan perkahwinan (Williamson et al., 2012). Personaliti memainkan peranan penting dalam menentukan kelangsungan kualiti dan kepuasan perkahwinan pasangan. Ini kerana aspek personaliti adalah aspek yang lebih bersifat kekal dan konsisten yang mempengaruhi cara seseorang membuat interpretasi, menilai, memberi reaksi terhadap tekanan, cara gaya

berkomunikasi, pembuatan keputusan dan lain-lain perkara yang dilihat kritikal dalam perkahwinan. Suami atau isteri yang mempunyai personaliti neurotik lebih sukar untuk menyesuaikan diri dan melaporkan kepuasan perkahwinan yang rendah semasa fasa awal perkahwinan mereka(Graham et al., 2020) .

Selain daripada mengkaji secara langsung berhubung dinamik fasa awal perkahwinan dan interaksi antara pasangan dalam konteks perkahwinan, banyak juga kajian yang dilakukan berhubung dengan aspek perundangan, proses kaunseling dalam menangani isu masalah rumahtangga (Dahlan, Hamid, & Yaakub, 2017; Fakhrul, Hasbullah, Aina, & Razak, 2017;Shukor, Hashim, n.d.; Mohd Saad & Hj Azahari, 2014) dan juga isu-isu dalam perkahwinan (Mat Nayan et al., 2016; Putung & Basir, 2017). Antaranya ialah kajian berbentuk kertas konsep analisis literatur dan analisis kes (Mohd Saad & Azahari, 2014; Muhammud & Ruskam, 2016; Nurraihan et al., 2016), berhubung praktis poligami (Zubaidah, Ramli, Duerama, Wahida, & Mustafar, n.d.) yang memberi gambaran tentang faktor perundangan yang berkaitan dengan perkahwinan dan penceraian di Malaysia. Disamping itu, terdapat banyak kajian berkaitan dengan dinamik dan interaksi dalam perkahwinan seperti pembuatan keputusan dalam perkahwinan (Zaimah et al., 2015), penglibatan suami dalam kerja-kerja rumah (Putung & Basir, 2017), pengaruh personaliti dalam bentuk daya tindak penyelesaian masalah (Nurraihan et al., 2016).

Beberapa kajian menggunakan pendekatan kualitatif memberi tumpuan kepada analisis terhadap fungsi perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai perundingcara dalam mengendalikan isu-isu perkahwinan dan penceraian di Malaysia. Hasil kajian mendapati perkhidmatan rundingcara yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam sangat signifikan dalam mengendalikan konflik dan membendung daripada berlakunya penceraian (Hadigunawan & Azahari, 2016).

Beberapa kajian yang signifikan juga dilakukan berhubung kefungsian keluarga dalam budaya kolektif (Sumari, Baharudin, Md Khalid, Ibrahim, & Ahmed Tharbe, 2019). Malaysia merupakan negara yang mempunyai budaya kolektif yang tinggi terutamanya dalam aspek perkahwinan dan kekeluargaan. Budaya kolektif menitik berat kepentingan bersama berbanding kepentingan peribadi. Konflik keluarga dan penceraian cenderung dinilai sebagai suatu yang negatif dan perlu dihindari dengan apa cara sekalipun. Namun begitu selepas tahun 1970an, di mana proses pembangunan, pendidikan dan kesedaran dari segi perundangan semakin berkembang, masyarakat mampu menilai perkahwinan dengan lebih adil. Stereotiap negatif berkaitan penceraian semakin menurun dan lebih mudah diterima berbanding sebelum tahun 1970an. Walaupun begitu, institusi perkahwinan masih dipandang sebagai institusi asas yang penting dan perlu dipertahankan sebaik-baiknya dari terus terusan mengalami keruntuhan (Hariri Mohd Saad & Hj Azahari, 2014).

Memandangkan wanita merupakan tunjang kepada sesebuah keluarga dan memberik impak yang besar pada kualiti dan kepuasan perkahwinan serta pembentukan anak-anak, banyak kajian yang dilakukan khusus ke atas wanita dalam konteks perkahwinan dan penceraian (Ahmad, 1996). Sebagai contoh kajian yang mengaitkan wanita yang berkerjaya dengan proses pembuatan keputusan dan pembahagian kerja-kerja rumah (Dernberger & Pepin, 2020). Kajian mendapati dalam aspek pengurusan rumahtangga dan pembahagian tugasan, sekalipun lelaki didapati memberikan bantuan dalam menguruskan kerja-kerja rumah, namun aktiviti yang dilakukan oleh isteri tetap jauh lebih banyak berbanding lelaki. Wanita juga atas kelebihan mereka mengandung dan menyusukan anak menjadikan mereka sangat cekap dalam urusan yang rumit dan bersifat rutin seperti pengurusan anak-anak yang berterusan (Siminski, 2021).

Kajian berhubung perbezaan gender dalam pelbagai aspek perkahwinan juga banyak dilakukan. Didapati bahawa lelaki dan perempuan mempunyai faktor pencetus tekanan yang berbeza . Begitu juga dengan reaksi dan bentuk daya tindak yang diambil semasa menghadapi atau menangani tekanan. Kegagalan suami dan isteri berkomunikasi secara berkesan tentang perbezaan ini sering menjadi punca kepada pertengkaran, salah faham dan seterusnya mengakibatkan konflik antara pasangan. Perbezaan gender dalam pelbagai aspek perkahwinan sebaliknya perlu difahami agar keserasian dapat dibina dan perbezaan tersebut menjadi suatu yang melengkapkan dan bukan sebaliknya (Gonalons-Pons & Gangl, 2021).

Ekoran dari peningkatan kadar penceraian sejak dari tahun 2015 sehingga kini, maklumat yang lebih terkini dan mandalam sangat diperlukan. Masih banyak kelompongan dari segi kajian berhubung perkahwinan dan penceraian terutamanya kajian yang meneroka faktor dan pengalaman hidup dalam kalangan wanita yang bercerai dalam tempoh awal perkahwinan lebih -lebih lagi kajian yang memberi tumpuan khusus di Kuching Sarawak. Kepelbagaian kaum yang ada di Sarawak mendorong kepada perkahwinan campur antara budaya., interaksi dua budaya dalam satu perkahwinan memberikan sedikit kelainan dari segi daya tindak, komunikasi, dan persepsi antara pasangan. Begitu juga dengan faktor sosioekonomi dan faktor demografi dipercayai turut memberi pengaruh besar kepada suasana perkahwinan masyarakat di Kuching. Kebanyakan kajian lepas lebih melihat kepada kesan pasca penceraian, kesan penceraian pada anak yang kecil dan remaja, kesan penceraian ibubapa pada perkahwinan anak-anak di masa depan.

2.3.2 Jurang Metodologikal

Pelbagai pendekatan digunakan untuk mengkaji pelbagai aspek dalam perkahwinan. Antaranya ialah kajian bagi melihat hubungkait antara komunikasi dengan kepuasan perkahwinan merentas masa. melihat hubungan atau hubungkait antara tingkahlaku individu

dengan reaksi balas pasangannya, melihat korelasi antara dua pembolehubah dalam tindakan membuat keputusan atau menangani stress (McNulty & Karney, 2001; Moen, 2011), memahami punca-punca penceraian, mengkaji moderator dan mediator yang membawa kepada konflik perkahwinan dan sebagainya telah menggunakan pendekatan kuantitatif.

Kajian-kajian di Malaysia berkaitan perkahwinan dan penceraian sebelum ini juga banyak dilakukan dalam bentuk soalselidik (Hasan, 2014; Ismail,Wan Ahmad, 2011; Yahya et al., 2016) dan juga kajian kualitatif melalui teknik temubual (Hadigunawan & Azahari, 2016; Md Salleh, 2013; Muhammud & Ruskam, 2016). Beberapa kajian berbentuk kualitatif yang dilakukan sebelum ini menumpukan pada kajian prosedur dalam mahkamah dan juga kompetensi Pegawai Perundingcara. Pengkaji menemuduga pegawai mahkamah dan juga pegawai rundingcara bagi mendapatkan perspektif dan pandangan mereka berhubung prosedur dan pengalaman menangani kes orang lain.(Muhammud & Ruskam, 2016) Sangat kurang kajian berbentuk kualitatif dilakukan ke atas individu yang mengalami sendiri penceraian bagi menyelami dan meneroka perasaan ataupun proses sebenar yang dilalui oleh mereka. Kajian kualitatif berbentuk fenomenologi memberi peluang kepada pengkaji untuk memahami pengalaman sebenar yang dilalui oleh peserta kajian.yang tidak dapat diperolehi melalui kajian kuantitatif. Kajian kuantitatif hanya mengumpul jumlah prevalen punca-punca permasalahan yang mana tidak mampu menggambarkan keadaan sebenar dan mendalam pengalaman perkahwinan yang dilalui oleh masyarakat setempat seperti kajian yang dilakukan di Selangor (Majid & Zarif, 2015). Jumlah penceraian yang semakin meningkat secara keseluruhan memberi kesan kepada budaya setempat; di mana berlakunya perubahan pada pemikiran kolektif masyarakat tentang konsep perkahwinan Ini secara tidak langsung mempengaruhi pasangan suami isteri dalam melayari perkahwinannya mereka sendiri. Segala pengalaman ini dapat dicapai melalui kajian kualitatif fenomenologi.

2.3.3 Jurang Praktikal

Sejak dari tahun 2015 kadar penceraian dilaporkan meningkat setiap tahun dengan kadar penceraian dalam kalangan pasangan yang baru berkahwin mencecah hampir 1/3 dari jumlah keseluruhan pasangan yang bercerai. Statistik penceraian yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2017 menunjukkan terdapat penurunan sebanyak 3.2% berbanding tahun 2016, namun jumlahnya masih tinggi iaitu sebanyak 49,965 penceraian bagi seluruh Malaysia (Perangkaan Perkahwinan Dan Penceraian, Malaysia, 2019). Jumlah penurunan itu masih lagi tinggi berbanding penceraian pada tahun 2014 iaitu 33,842 penceraian. (Utusan Online, 4 Mac 2016). Menurut sumber yang sama, umur majoriti pasangan bercerai adalah antara 30-34 tahun dan kebanyakannya bercerai dalam tempoh 5 tahun perkahwinan iaitu sebanyak 2,932 kes penceraian bagi orang Islam di Wilayah Persekutuan termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan direkodkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) pada 2013 hingga tahun lalu. Manakala pada tahun 2016, Sarawak pula direkodkan bahawa jumlah keseluruhan pasangan yang hadir mengemukakan permohonan cerai adalah seramai 1655 pasangan dan 677 pasangan adalah daripada mereka yang berkahwin kurang dari lima tahun. Sementara itu, pasca pandemic Covid 19 iaitu pada tahun 2021, 2022 dan 2023 mencatatkan peningkatan konsisten setiap tahun dari segi jumlah penceraian dalam kalangan pasangan yang baru 5 tahun berkahwin (Jabatan Agama Islam Sarawak).

Kerajaan telah mengadakan banyak program bagi meningkatkan kualiti perkahwinan. Kursus Pra Perkahwinan misalnya telah diwajibkan kepada pasangan Islam yang mahu mendirikan rumahtangga, Program Smart Start yang dianjurkan oleh LPPKN juga dirangka khusus bagi pasangan bukan Islam yang mahu berkahwin. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula telah memperkenalkan satu modul baru untuk pasangan yang

baru berkahwin iaitu Program Pasca Perkahwinan bagi memberi kemahiran kepada pasangan suami isteri melalui peringkat awal perkahwinan. Namun begitu, kadar penceraian masih terus meningkat. Sehubungan itu, hasil penemuan kajian yang menjurus kepada isi kandung pengalaman mereka yang mengalaminya adalah sangat diperlukan bagi membolehkan intervensi yang tepat dan sesuai diperkenalkan dan seterusnya mampu memberi impak positif kepada kualiti perkahwinan.

Hasil kajian lepas banyak memberi saranan dan sumbangan dari segi praktikaliti bagi memperbaiki kualiti dan kemahiran dalam perkahwinan seperti komunikasi (Christensen & Shenk, 1991; Sanford, 2012) kemahiran penyelesaian masalah (Johnson et al., 2005; Tallman, 2014), daya tindak berpasangan (Levesque, Lafontaine, Caron, Lyn Flesch, & Bjornson, 2014),

Namun, amat sukar ditemui kajian yang meneroka secara mendalam permasalahan perkahwinan dari segi psikoemosional yang dipengaruhi oleh faktor budaya, kepercayaan dan kontekstual individu yang tinggal dalam satu kelompok masyarakat. Kajian sebegini penting kerana tanpa mengambilkira faktor persekitaran atau latarbelakang tempat tinggal amat sukar intervensi yang berkesan dapat dilakukan. Kajian-kajian lalu banyak dilakukan di Barat di mana latarbelakang budayanya sangat berbeza dari di Malaysia amnya dan Kuching Sarawak khasnya. Kadar penceraian dalam kalangan masyarakat Islam yang baru berkahwin di Kuching sedang mengalami peningkatan yang sederhana (Jabatan Agama Islam Sarawak). Kajian berhubung perkara ini amat perlu dilakukan agar fenomena penceraian ini dapat diterokai dan difahami dengan mendalam dan tindakan yang tepat serta berkesan dapat dirancang bagi membendung penceraian melalui cara membantu masyarakat tentang kemahiran perkahwinan yang bersesuaian dengan keadaan budaya setempat.

Sebagai kesimpulan, kajian kualitatif yang menggunakan paradigma fenomenologi yang bertujuan meneroka pengalaman perkahwinan wanita yang bercerai pada awal perkahwinan adalah suatu kajian yang penting pada masa kini untuk dilakukan bagi memahami secara mendalam fenomena penceraian awal perkahwinan dalam kalangan pasangan yang baru berkahwin di Kuching Sarawak

2.3.4 Ringkasan Bab

Sorotan kajian lepas berhubung awal perkahwinan, perkahwinan, penceraian, wanita dalam konteks perkahwinan dan penceraian serta daya tindak diterangkan dalam bab ini. Berpandukan kepada sorotan ini, didapati wujud beberapa jurang dari segi empirikal, praktikal dan metodologikal yang membawa kepada justifikasi dan tujuan kajian ini dilakukan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Secara keseluruhan kajian ini bergantung kuat kepada metodologi kajian yang bakal diterangkan dalam bab ini. Bab ini akan menerangkan tentang metodologi yang digunakan bagi mencapai matlamat dan objektif kajian ini dan paradigma yang menjadi tapak asas kepada pendekatan dan strategi yang dipilih. Ini termasuklah tentang sampel populasi, sample kajian terpilih, penentuan jumlah peserta kajian, pertimbangan tentang faktor homogen, dan juga strategi pemilihan sampel.

Matlamat utama kajian ini adalah untuk meneroka pengalaman bercerai pada fasa awal perkahwinan dalam kalangan wanita Muslim yang bermastautin di Kuching Sarawak. Fokus kajian adalah "penceraian", "awal perkahwinan", "wanita Muslim", di "Kuching Sarawak". Penetapan fokus ini sendiri telah mengarah kepada pemilihan metod kajian berbentuk kualitatif. Kajian kualitatif adalah satu metod kajian yang bertujuan untuk memahami dan meneroka pengalaman individu yang hidup dalam konteks perkara yang dikaji (Maxwell & Reybold, 2015). Kajian berbentuk kualitatif juga paling sesuai digunakan dalam mengkaji dan meneroka pengalaman subjektif seseorang yang sukar diukur atau dikesan hanya dengan melihat perkaitan antara dua pembolehubah samada dalam satu-satu masa tertentu, atau dengan melihat perubahan pada pembolehubah tersebut merentas masa yang panjang. Melalui kajian berbentuk kuantitatif, seseorang itu mungkin menjawab soalan-soalan ujian yang telah disediakan namun tidak dapat memberikan realiti perkara sebenar yang dilalui disebabkan soalan-soalan dalam ujian tersebut tidak dapat menggambarkan pengalaman subjektif responden.

Kajian kualitatif dilakukan apabila data yang terperinci dan kompleks diperlukan bagi memahami satu-satu isu. Maklumat yang terperinci itu hanya dapat diperolehi dengan cara kita bercakap dengan mereka, bertanya dengan lebih banyak soalan-soalan yang membuka pendedahan yang lebih luas dan mendalam, mendengar suara mereka, melihat bahasa badan mereka, seboleh mungkin mengurangkan jurang antara pengkaji dengan peserta kajian agar *rapport* dapat dibina dan jurang dikecilkan. Melalui rasa percaya yang peserta kajian bina pada pengkaji, peserta akan lebih mudah mendedahkan semua pengalaman yang dialaminya. Memandangkan falsafah di sebalik kajian kualitatif adalah kepelbagaian realiti dan setiap seorang itu mempunyai realiti yang berbeza antara satu sama lain, pendedahan peserta kajian yang luas ini memberikan data yang kaya dengan maklumat untuk dianalisis (Laverty, 2003).

3.2 Pendekatan Kajian

3.2.1 Pendekatan Fenomenologi

Bersesuaian dengan matlamat kajian, maka pendekatan yang digunakan untuk kajian ini ialah pendekatan fenomenologi. Fenomenologi ialah kajian yang menghuraikan pengalaman hidup individu yang melalui satu-satu fenomena atau konsep (Cresswell, 2008). Kajian bentuk ini adalah khusus untuk menyediakan perincian yang kaya dan mendalam berhubung fenomena penceraian pada awal perkahwinan dalam kalangan wanita Islam di Kuching, Sarawak.

Sejak tahun 2015 sehingga kini, di Sarawak khususnya, kadar penceraian yang tinggi direkodkan adalah dalam kalangan mereka yang berkahwin di bawah tempoh 5 tahun perkahwinan (Jabatan Agama Islam Sarawak). Ia menjadi fenomena bila semakin ramai dalam kalangan masyarakat mengalami perkara yang sama. Sosiodemografi, sosioekonomi, budaya setempat di samping aspek personaliti individu memainkan peranan mempengaruhi

peningkatan fenomena ini. Kajian sedia ada dalam hal berkaitan penceraian di awal perkahwinan menggunakan pelbagai metod kuantitatif (Crowell, Treboux, & Brockmeyer, 2009; Herzberg, 2013; Holman & Jarvis, 2003). Namun kaedah kualitatif fenomenologi dilihat dapat memberikan lebih banyak perincian berhubung pengalaman, penerangan berhubung fenomena ini dengan lebih dekat. Kajian fenomenologi dibentuk bertujuan menyediakan perincian yang mendalam berhubung keadaan dalam diri individu yang dikaji dan juga persekitaran yang mempengaruhi pengalaman subjektif beliau (Moustakas, 2011; J. A. Smith, 2019). Ia dapat menjelaskan kelompongan yang terdapat pada kajian kuantitatif yang melihat perkaitan, hubungan antara satu pembolehubah kepada pembolehubah yang lain dn juga dapat melihat dengan mendalam sesuatu yang tidak dapat diukur dengan angka atau statistik.

Fenomenologi adalah pendekatan yang menarik keluar makna dan juga intipati pada sesuatu realiti, ia bukanlah tanggapan ataupun hipotesis sepertimana terdapat dalam metod kajian yang berbentuk kuantitatif (Moustakas, 2011) dan van Kaam (1969) menyatakan bahawa kekurangan dalam sains sosial terletak pada terpisahnya pengkaji daripada realiti yang mereka diami. Soalan temubual memberi fokus kepada pernyataan diri sendiri, pengalaman hidup peserta.Temubual yang dilakukan bersama wanita yang baru bercerai pada awal perkahwinan ini memberikan idea yang baru, pengalaman utama dan perspektif berbeza berbanding dengan kajian sedia ada. Memandangkan matlamat kajian ini adalah untuk memberi makna kepada pengalaman penceraian, maka pengalaman khusus perlulah diperolehi. Pengalaman ini dapat diperolehi melalui pendekatan di mana peserta bersama-sama dengan pengkaji turut sama menyelami pengalaman dan turut menyumbang pada lapangan ilmu pengetahuan.

Falsafah fenomenologi yang dimulakan oleh Husserl menyediakan IPA dengan sumber idea yang kaya tentang cara mengkaji dan memahami pengalaman hidup. Menurt Husserl, untuk dapat meneliti pengalaman sehari-hari, adalah perlu untuk kita melihat secara sengaja dan penuh kesedaran tentang satu-satu pengalaman hidup yang kita lalui seharian. Ini adaah salah satu "*phenomenological attitude"* yang melibatkan langkah-langkah dalam metodologi dalam proses "*phenomenological reduction*". *Phenomenological reduction* adalah tindakan penuh kesedaran mengalihkan pemikiran dari pengalaman yang spontan dan tidak reflektif atau tidak diambil berat kepada pengalaman sepertimana ia berlaku pada masa dan ketika itu (Shinebourne, 2011). Menurut Husserl, mengamalkan 'sikap fenomenologi' memerlukan seseorang pengkaji itu mengalihkan pandangan beliau ke arah bagaimana objek itu kelihatan pada aras kesedaran beliau. Sebagai contoh untuk memudahkan pemahaman, kita melihat fenomena banyaknya berlaku pasangan suami isteri bermasam muka dan ia umpana satu pemandangan yang biasa dilihat dan tidak pernah menarik perhatian kita. Namun begitu, apabila kita mahu mengkaji fenomena tersebut, kita perlu menjadikan fenomena bermasam muka itu kepada peringkat kesedaran kita. Ertikata lain, kita dengan sengaja (*purposely and intentionally)* meneliti dan meneroka fenomena bermasam muka suami isteri tersebut.

Memfokuskan pandangan pengalaman kita pada kehidupan psikik kita sendiri adalah merupakan proses refleksi. Setiap pengalaman boleh tertakluk kepada refleksi sedemikian di mana apabila kita terlibat sepenuhnya dalam aktiviti sedar, kita memberi tumpuan secara eksklusif pada perkara tertentu, pemikiran, nilai, matlamat atau cara yang terlibat. Melalui refleksi juga kita memahami pengalaman subjektif di mana kita menjadi 'sedar' tentang pengalaman tersebut dan bagaimana pengalaman ini 'muncul'.

Fenomenologi sesuai dengan kajian ini kerana apa yang mahu dicari ialah pengalaman hidup peserta sepanjang proses perkahwinan dan apa maknanya penceraian ini pada mereka. Ini adalah sumber utama kepada pengetahuan. Penyataan peserta tentang pengalaman mereka terhadap penceraian yang mereka lalui mendedahkan intipati dan juga makna kepada pengalaman penceraian mereka yang kelak akan menjawap persoalan kajian iaitu 'apakah pengalaman bercerai pada awal perkahwinan?"

3.2.2 Paradigma Interpretatif

Prinsip paradigma interpretatif adalah realiti itu tidak terhad pada satu realiti sahaja. Setiap orang mempunyai realiti berbeza dalam menanggapi sesuatu peristiwa. Ianya juga subjektif dan bergantung kepada personaliti, pengalaman, persekitaran, budaya, kepercayaan dan sebagainya.

Paradigma Penafsiran *(Interpretative Paradigm)* adalah satu pendekatan dalam kajian kualitatif yang dibina khusus dalam psikologi (Smith & Osborn, 2018). Menurut pendekatan ini, setiap individu melihat dan memahami peristiwa dan apa yang berlaku pada diri mereka dengan cara yang berbeza, bergantung kepada personaliti, pengalaman lalu dan juga dorongan yang mereka ada. Bagi mendapatkan pengalaman ini, salah satu cara untuk mengetahuinya ialah dengan bertanya; bercakap, teruskan bertanya soalan-soalan yang telah dibentuk terlebih dahulu bagi menjawab objektif-objektif kajian dan yang mendorong kepada perkongsian pengalaman tentang fenomena yang dikaji Usaha pengkaji untuk memahami dan memberi makna kepada pengalaman yang diberikan oleh peserta dinamakan sebagai pentafsiran berganda (*double interpretation*) iaitu usaha pengkaji untuk memberi makna kepada usaha peserta memberi makna kepada pengalaman hidup mereka.

Untuk menjalankan kajian dengan menggunakan paradigma ini, pengkaji hendaklah juga mempunyai posisi yang unik kepada realiti dan juga kepada peserta kajian Pengkaji

dikehendaki agar bersifat terbuka dan berempati (Guelph, 2005). Empati adalah satu usaha untuk melihat pengalaman seseorang itu seolah-olah beliau mengalaminya sendiri. Apabila pengkaji mampu berempati, bermakna beliau akan dapat memahami sepenuhnya pengalaman subjektif peserta kajian dan juga makna yang disangkut bersekali dengan pengalaman tersebut (Manen, 1977).

Metodologi ini memerlukan pengkaji membina hubungan yang subjektif dengan peserta kajian. Peserta kajian kemudiannya membenarkan pengkaji mentafsir pengalaman hidup yang diperolehi dengan lebih mendalam, di mana beliau turut terlibat sama dalam membina idea daripada pentafsiran data tersebut (Shinebourne, 2011). Pengumpulan data dalam kajian sebegini memerlukan jenis sampel peserta kajian yang tepat dengan jumlah yang sedikit tetapi mempunyai sumber maklumat yang banyak. Kajian yang menggunakan pendekatan *Interpretive* sangat menitikberatkan dari mana sampel itu diambil, cara pemilihan sampel, jumlah sampel dan juga metod pengumpulan data (Malterud, Siersma, & Guassora, 2016).

Bagi tujuan mentafsir pengalaman hidup peserta kajian , pengkaji sendiri perlu mempunyai kesedaran kendiri yang tinggi. Beliau perlu meletakkan dirinya cukup hampir dalam konteks hidup peserta agar pemahaman yang sedekat mungkin dapat digarap dengan baik. Namun pengkaji perlu sentiasa ingatkan diri agar tidak terbawa-bawa dengan pengalaman peserta hingga sampai cuba mengaitkan pengalaman peserta dengan kehidupannya sendiri. Keadaan ini akan melencongkan pengkaji dari memberi perhatian kepada peserta sebagai tumpuan utama

3.2.3 Interpretative Phenomenological Analysis (IPA)

IPA adalah pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk meneliti secara terperinci mengenai pengalaman hidup peribadi (Smith, 2019). Ia mempunyai tiga asas prinsip utama

iaitu: (1) Fenomenologi adalah pendekatan filosofi, yang pada awalnya dinyatakan oleh Husserl, bertujuan untuk menghasilkan catatan pengalaman hidup dalam istilahnya tersendiri dan bukan yang ditentukan oleh kerangka awal teori-teori yang sedia ada. (2) *IPA* memperakui bahawa ini adalah usaha penafsiran kerana manusia adalah makhluk berakal berupaya untuk mentafsir. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan *IPA*, penyelidik cuba memahami peserta kajian yang cuba memahami apa yang berlaku kepada mereka. (3) *IPA* bersifat idiografi dalam komitmennya untuk meneliti pengalaman terperinci setiap kes secara bergantian, sebelum beralih ke tuntutan yang lebih umum (Smith & Osborn, 2015)

Interpretative Phenomenological Analysis (Smith, 2004) ialah satu pendekatan yang mendalam bagi tujuan menganalisis data terutama apabila kita membuat kajian berbentuk fenomena. Menurut pendekatan *interpretatif*, setiap individu melihat persekitaran mereka dengan cara yang berbeza (Smith, 2004) Ia banyak bergantung kepada personaliti, pengalaman lalu dan juga dorongan yang mereka ada. IPA bertujuan untuk meneroka, memahami pengalaman yang dilalui individu melalui perkataan mereka sendiri. IPA juga dipengaruhi oleh fenomenologi, iaitu pendekatan bagi mendapatkan pengalaman subjektif individu yang mengalami fenomena yang sama. Pada masa yang sama, IPA juga mengambilberat tentang proses interpretasi atau pentafsiran pengalaman yang diperolehi dari peserta kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Kajian IPA banyak digunakan dalam usaha memahami pengalaman peribadi seseorang dalam menghadapi satu-satu peristiwa dalam hidup mereka. Sebagai contoh, satu kajian yang dilakukan di Indonesia iaitu Meneroka pengalaman wanita yang diceraikan atas sebab kecurangan suaminya yang memberi kesan kepada kehidupannya. Kajian yang bertujuan untuk memahami kesan psikologi wanita yang diceraikan akibat kecurangan suami mereka menggunakan kaedah fenomenologi pendekatan kualitatif. Peserta kajian adalah

lima wanita yang mengalami penceraian disebabkan oleh kecurangan suami yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa keadaan psikologi wanita yang bercerai kerana perselingkuhan termasuk perasaan rendah diri dan tidak bernilai, takut dan bimbang tentang masa depan, perasaan sedih dan sengsara, menyesal dan kecewa kerana realiti berbeza dengan jangkaan, marah, benci dan sakit hati, putus asa, sukar mempercayai lelaki kerana rasa dikhianati (Vina Witri Astuti & Lestari, 2022). Begitu juga kajian menggunakan pendekatan yang sama dilakukan ke atas 3 orang wanita Jawa bagi meneroka proses pembuatan keputusan bercerai. Hasil kajian menunjukkan bahawa proses membuat keputusan penceraian bagi wanita Jawa adalah rumit kerana stigma sebagai janda. Proses membuat keputusan untuk penceraian dipengaruhi oleh lapan faktor: kanak-kanak, kesan fizikal dan emosi, persahabatan dan kenangan yang baik, komitmen terhadap perkahwinan, kewangan, sokongan daripada rakan dan keluarga, agama dan harapan dan etika masyarakat Jawa (Puspitasari et al., 2022).

Menggunakan pendekatan yang sama bagi kajian ini, pengkaji cuba untuk memahami atau memberi makna pengalaman yang dikongsikan oleh wanita yang bercerai dalam fasa awal perkahwinan mereka. Objektif *IPA* bukanlah untuk mengesahkan atau tidak mengesahkan pengalaman tersebut sebaliknya cuba memahami sebaik mungkin dari sumber asal pengalaman tersebut melalui perkataan yang digunakan oleh peserta itu sendiri dalam penceritaan. Ia kemudiannya ditafsirkan oleh pengkaji dengan mengambilkira konteks dan pemahaman mendalam terhadap apa yang disampaikan oleh peserta.

Ciri utama *IPA* adalah penekanan idiografinya, dan ini memberi kesan pada ukuran sampel. Walaupun kajian berkisar antara 1 dan 30 orang peserta kajian , namun kebiasaannya jumlah peserta adalah kurang dari 30 orang (Smith, 2017). IPA kini telah digunakan untuk mengkaji pelbagai topik psikologi. Sebagai contoh. kesedaran mengenai penyakit Alzheimer

(Clare, 2003) dan perubahan identiti dan peralihan kehidupan (Eatough, Smith, & Shaw, 2008).

3.2.4 Mengaplikasikan Interpretative Phenomenological Analysis

Persoalan bagaimanakah cara terbaik untuk membuat kajian menggunakan pendekatan *Interpretative Phenomenological Analysis* dilihat banyak bergantung kepada bagaimana pengkaji itu menggunakan dirinya secara maksimum sebagai 'alat kajian.'. Berbanding dengan kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan soalan-soalan kajian yang telah dibentuk mewakili aspek yang hendak dikaji yang kemudiannya diedarkan kepada sampel kajian, kajian kualitatif bergantung sepenuhnya kepada diri pengkaji. Bagi kajian yang menggunakan pendekatan *IPA* pula pengkaji perlu mempunyai dan menguasai kemahiran atau mempunyai kriteria ini iaitu; (1) menjadi seorang yang objektif dan subjektif pada satu-satu masa, (2) mempunyai kemahiran mendengar dengan aktif, (3) mampu berempati, (4) menguasai kemahiran menyoal, (5) mempunyai daya ingin tahu yang tinggi dan (6) dapat mengasingkan pengetahuan sedia ada dengan suatu yang memerlukan maklumat yang baru, Kriteria tambahan bagi pengkaji *IPA* yang mengkaji sesuatu yang berkait rapat dengan konteks budaya setempat ialah jika pengkaji sendiri tinggal bersama dalam konteks sosial dan latarbelakang budaya yang sama dengan peserta kajian. Ini bagi memudahkan pengkaji untuk memahami pengalaman hidup peserta kalian dalam skop yang dikaji dengan mengaitkannya dengan konteks yang lebih luas

Soalan kajian dibentuk dengan baik dan teliti agar dapat mencapai objektif kajian dan pada masa yang sama memberikan keselesaan kepada peserta kajian untuk menjawapnya dengan mendalam dan terperinci. Soalan kajian telah mendapat pengesahan dari pakar dalam bidang kaunseling dan soalan-soalan mendapat skor yang tinggi dari segi relevansi dan liputan. Satu satu soalan kajian itu seharusnya mempunyai perkara yang mahu

ditanya dan juga meliputi semaksima mungkin konteks pengalaman atau fenomena yang dikaji. Atas sebab itulah pengkaji seharusnya telah terlebih dahulu memahami aspek yang terkandung dalam pengalaman tersebut yang mahu dikaji dan juga memahami konteks keseluruhan di mana fenomena itu berlaku.

Proses pengumpulan data adalah satu proses yang kritikal bagi pengkaji dalam 2 fasa iaitu (1) fasa sebelum temubual dan (2) fasa semasa temubual. Dalam fasa sebelum temubual pengkaji perlu dilihat oleh peserta sebagai seorang yang boleh dipercayai, berbaloi untuk dikongsikan pengalaman mereka dan menunjukkan bahawa beliau memang berminat dengan apa yang bakal diceritakan dalam sesi temubual kelak. Ini termasuklah semasa sesi rekrutment dan menghubungi peserta kajian. Disebabkan oleh pengalaman penceraian adalah suatu yang kurang selesa bagi kebanyakan orang, tindakan untuk memberi komitmen menceritakan semula perkara yang sudah berlalu adalah suatu yang kurang menyenangkan. Pengkaji hendaklah secara semulajadinya memang mempunyai minat untuk memahami pengalaman peserta dan perlu menzahirkan secara jujur, tulen dan konsisten minat ini. Pengkaji juga harus menunjukkan bahawa penyertaan peserta adalah bermanfaat untuk masa depan, selamat, tidak berisiko dan berbaloi.

Semasa fasa temubual pula, pengkaji perlu mengaktifkan dirinya secara fizikal, mental dan emosi. Secara fizikal beliau perlu kelihatan aktif; membina rapport , membuat penstrukturan sesi temubual, menerangkan tujuan kajian, menjelaskan syarat penyertaan kajian dan mendapatkan kebenaran dari peserta, bertanyakan soalan-soalan kajian, sentiasa mengikuti proses penceritaan peserta kajian dengan memberikan respon dan galakan serta menunjukkan kepada peserta yang pengkaji sentiasa mengikuti penceritaan, bertanya soalan-soalan yang menggalakkan lagi penceritaan lebih mendalam, membuat respon yang

menunjukkan pengkaji menerima tanpa syarat akan perasaan peserta kajian dan membuatkan peserta kajian rasa selamat berkongsi pengalaman kepada pengkaji.

Pada masa yang sama di peringkat dalaman pengkaji itu sendiri pula, beliau perlu sentiasa mampu meletakkan pemahamannya sedekat mungkin dengan konteks hidup peserta, merasa sama seperti apa yang peserta rasai, cuba memahami konteks diri peserta dan menghubungkannya dengan konteks latarbelakang yang lebih luas. Sebagai contoh, apabila peserta bercerita tentang pertengkaran yang berlaku antara beliau dan pasangan, pengkaji perlu juga mengetahui apakah latarbelakang konteks pertengkaran tersebut berlaku, apakah konteks hubungan mereka sebelum itu, apakah pasangan sudah lama berada dalam krisis rumahtangga. Sekiranya pertengkaran tersebut tentang kewangan, pengkaji juga harus tahu apakah status pekerjaan pasangan semasa pertengkaran itu berlaku. Pengkaji juga perlu sentiasa merasa dirinya tidak tahu apa-apa semasa mengendalikan sesi temubual iaitu meletakkan ke tepi segala pengalaman atau andaian yang beliau ada sebelum temubual tersebut. Menjadikan dirinya seolah-oleh tidak ada pengetahuan awal berhubung perkara yang dikaji mendorong dirinya untuk meneroka dengan maksimum.

Peringkat menganalisis data merupakan peringkat yang kritikal. Pengkaji perlu berulangkali membaca transkrip, mendengar audio temubual, membaca transkrip sambil mendengar audio temubual bagi mengenalpasti apakah tema-tema yang ada dalam temubual tersebut. Pengkaji perlu melakukan pencarian ini bermula dari temubual dengan peserta pertama terlebih dahulu. Setelah selesai dengan peserta pertama barulah pengkaji boleh melakukan proses yang sama terhadap peserta ke 2 dan seterusnya.

Tema-tema yang ditemui dalam temubual kesemua peserta dihubungkan bagi melihat persamaan dan perbezaan antaranya dan kemudian diletakkan dalam satu kelompok tema utama. Penerangan dan huraian dari tema-tema tersebut akan ditulis dalam bahagian

analisis hasil dapatan kajian. Setiap tema akan disertakan bersekali petikan kata-kata peserta yang telah dicatat dalam bentuk transkrip seperti yang dilakukan pada peringkat awal pengumpulan data.

3.2.5 Kedudukan Pengkaji (Researchers Positioning)

Mengetahui tentang di mana kedudukan pengkaji dalam keseluruhan aspek kajian adalah penting bagi memudahkan proses pengumpulan data. Memandangkan kajian ini adalah bersangkutan dengan pengalaman penceraian di kalangan masyarakat Melayu yang menganggap isu rumahtangga sebagai suatu yang terlalu peribadi untuk didedahkan, ia boleh menimbulkan rasa kurang selesa dan teragak-agak untuk peserta kajian berkongsi pengalaman mereka.

Konflik rumahtangga dan juga penceraian dalam kalangan budaya dan norma orang Melayu adalah suatu yang di anggap *taboo* dan tidak boleh didedahkan kepada orang luar atau orang asing (Rozaina, 2019) . Ia boleh mendatangkan rasa kurang selesa memandangkan penceraian mempunyai stigma negatif. Namun begitu, peranan Jabatan Agama Islam Sarawak dalam menyediakan khidmat nasihat dan kaunseling perkahwinan telah sejak penubuhannya pada tahun 1995 telah memberi kepercayaan kepada masyarakat bahawa permasalahan rumahtangga boleh disalurkan kepada pihak berwajib yang memainkan peranan sebagai orang tengah pada konflik suami isteri. Dalam ertikata lain, masyarakat percaya bahawa masalah rumahtangga tidak boleh dibincangkan kepada orang luar dari keluarga hanya kepada pihak yang berwajib yang dilihat mempunyai kredibiliti dan kepakaran dalam bidang tersebut bagi tujuan menegakkan keadilan.

Dalam keadaan konteks kajian ini, pengkaji meletakkan diri pengkaji sebagai seorang pelajar peringkat kedoktoran bidang Kaunseling yang mengkaji tentang perkahwinan dan penceraian. Selama 19 tahun sebelum ini pengkaji telah berkhidmat

sebagai kaunselor perkahwinan yang menjadi rujukan masyarakat setempat. Banyak kes konflik perkahwinan yang telah pengkaji tangani, tanpa pengkaji dapat mengira berapa banyak perkahwinan yang dapat diselamatkan dan berapa banyak pula perkahwinan yang berakhir dengan penceraian selepas salah satu pasangan atau kedua-dua pasangan melalui sesi kaunseling bersama pengkaji. Selain daripada itu, pengkaji juga kerap dijemput untuk menyampaikan ceramah berkaitan dengan perkahwinan dan pengkaji adalah penceramah tetap bagi tajuk Pengurusan Stres dan Konflik Perkahwinan untuk Kursus Pra Perkahwinan.

Pengalaman pengkaji dalam bidang ini banyak membantu dalam menyelami perasaan yang dilalui oleh klien. Pengkaji sudah biasa menerapkan sifat dan ciri seperti kongruen, tidak meletakkan pra syarat, mendengar dengan empati, mengawal diri dari menilai dalam interaksi beliau dengan klien. Pengkaji juga sedar bahawa pengkaji akan sentiasa berdepan dengan interaksi yang beremosi dan berkecenderungan untuk membuat penilaian dan menjerumuskan pengkaji pada perasaan yang sangat kuat yang dikongsikan oleh peserta kajian kelak.

Sepanjang menjadi seorang kaunselor, secara purata pengkaji menerima dan menangani 3 (tiga) kes sehari. Klien pengkaji terdiri daripada kalangan si suami dan si isteri. Dalam satu-satu permohonan, bergantung kepada kes, pengkaji menetapkan minima 3 sesi kaunseling iaitu (1) sesi bersama pemohon (2) sesi bersama pasangan pemohon dan (3) sesi bersama secara berpasangan. Tujuan pengkaji menetapkan prosedur sedemikian ialah bagi memberi ruang dan peluang untuk pengkaji meneroka, memahami dan mendalami pengalaman klien dari sudut pandang beliau sahaja. Manakala sesi berpasangan diperlukan bagi tujuan (1) menyampaikan pemahaman atau interpretasi pengkaji ke atas pengalaman individu di hadapan dirinya dan juga pasangan. (2) mengesahkan interpretasi pengkaji terhadap pengalaman individu tersebut dalam konteks berpasangan dan (3) melihat dan

meneroka reaksi pasangan kepada individu itu tadi dan juga interaksi kedua-duanya semasa berbincang tentang isu perkahwinan mereka.

Setiap kali semasa mengendalikan konflik dan permasalahan suami isteri, pengkaji mendapati diri pengkaji sering berusaha untuk mengekalkan objektiviti dalam membuat interpretasi Pengkaji cuba untuk berada di pihak tengah, tidak terperangkap dengan pengalaman dan juga kekuatan emosi di kedua-dua belah pihak. Pengkaji sentiasa mengingatkan diri bahawa realiti yang dialami oleh si suami tidak sama dengan realiti yang dilalui oleh isteri. Pengkaji perlu memahami pengalaman yang si isteri ceritakan melalui konteks si isteri dan bukan melalui konteks si suami ataupun konteks pengkaji sendiri. Keupayaan meletak diri di posisi 'selangkah ke dalam konteks' klien tetapi pada masa yang sama tetap berdiri di posisi sebagai seorang kaunselor dan orang tengah adalah sangat kritikal sepanjang pengkaji menjalankan peranan sebagai kaunselor perkahwinan selama ini.

Demikian juga semasa menyediakan laporan sesi kaunseling, pengkaji perlu memilih perkataan yang menerangkan situasi, pandangan, perasaan, pengalaman klien dengan tujuan untuk menerangkan keadaan atau kejadian tanpa ada unsur penilaian atau tanggapan. Ini bagi mengekalkan objektiviti dan mengelak bias. Sekiranya pengkaji membuat laporan berunsur penilaian dan juga tanggapan, laporan ini kelak akan memberi kesan kepada keputusan Mahkamah Syariah pada masa akan datang sekiranya isu pasangan klien ini tidak selesai dengan mudah di Mahkamah kelak, melainkan Mahkamah Syariah memanggil pengkaji semata-mata untuk memberikan pandangan dan penilaian profesional sebagai seorang kaunselor

Pengkaji mempunyai alasan tersendiri untuk memilih kajian berbentuk fenomenologi. Fenomenologi ialah kajian yang menghuraikan pengalaman hidup individu yang melalui satu-satu fenomena atau konsep (Cresswell, 2008). Sesuai dengan peranan

pengkaji sebagai kaunselor perkahwinan sejak 19 tahun yang lalu, nama pengkaji sudah sinonim dengan perkhidmatan ini. Pendekata, jika ada individu yang mengalami masalah perkahwinan, cadangan pertama mereka yang lain adalah untuk berjumpa dengan pengkaji selaku kaunselor di Jabatan Agama Islam Sarawak. Sepanjang perkhidmatan juga, pengkaji dapat melihat dengan jelas paten dan perkembangan isu-isu perkahwinan di Kuching secara khususnya. Hasil pemerhatian, pengkaji melihat kategori isu permasalahan rumahtangga masyarakat di Kuching adalah konsisten sekitar isu nafkah, tanggungjawab, kecurangan, campurtangan keluarga dan kecurangan. Empat isu ini adalah yang tertinggi dari segi statistik dan setiap tahun ia adalah stabil berada di tangga empat teratas. Sementara itu, jumlah penceraian dalam kalangan pasangan baharu berkahwin pula mengalami lonjakan sejak tahun 2015. Hasil pemerhatian ini menimbulkan persoalan yang mendorong pengkaji untuk mengkaji fenomena tersebut yang berlaku dalam masyarakat yang pengkaji tinggal dan bekerja.

Dalam proses pengumpulan data, sekali lagi pengkaji akan menggunakan segala kemahiran kaunseling bagi meneroka permasalahan klien tetapi kali ini objektif temubual ada berbeza. Ia bukan lagi satu sesi yang bermatlamat untuk meneroka masalah bagi tujuan mencari alternatif penyelesaian, sebaliknya bagi tujuan meneroka pengalaman dengan soalan-soalan separa berstruktur yang telah dibentuk fokus dan objektif asasnya. Sesi temubual ini mengandungi penceritaan semula pengalaman dan refleksi peserta kajian tentang makna penceraian bagi mereka.

Sebelum memulakan proses pengumpulan data, adalah penting untuk pengkaji menyatakan apakah pandangan dan persepsi pengkaji tentang penceraian. Ini adalah sebahagian dari proses meminimakan kecenderungan bias dalam proses pengumpulan data ini Tanpa mengenalpasti apakah pendirian pengkaji berhubung penceraian, amat mudah

untuk pengkaji menarik hasil kajian ini ke dalam bias yang sedia ada dalam diri pengkaji. Di sini , pengkaji akan menerangkan tentang pandangan, pengetahuan, pengalaman dan persepsi pengkaji secara peribadi tentang perkahwinan dan penceraian. Pengkaji akui, perkahwinan pengkaji sendiri, pemerhatian dari perkahwinan orang sekeliling, pengalaman sebagai kaunselor perkahwinan dan juga proses pembesaran pengkaji dalam keluarga menjadikan pengkaji seorang yang aktif memikirkan tentang fenomena penceraian.

3.3 Sampel Kajian

Sampel kajian ditetapkan dalam kalangan wanita yang bermastautin di Kuching Sarawak sepanjang tempoh perkahwinan. Peserta dipilih berpandukan kepada kriteria berikut iaitu, (1) peserta hendaklah seorang wanita beragama Islam, (2) Tarikh perkahwinan adalah dalam tempoh 5 hingga 6 tahun tahun dari tarikh permohonan cerai, (3) berusia antara 19 sehingga 35 tahun, (4) pemohon penceraian dan telah bercerai semasa kajian dilakukan, (5) belum berkahwin semula atau berkahwin kali ke 2 dan (6) pemastautin di Kuching Sarawak.

3.3.1 Pemilihan Sampel Kajian

Sebelum melakukan proses pemilihan peserta kajian, kebenaran terlebih dahulu diperolehi dari Pengarah, Jabatan Agama Islam Sarawak bagi mendapat akses kepada Daftar Permohonan Cerai dan Fail Khidmat Nasihat & Kaunseling yang ada di Unit Khidmat Nasihat & Kaunseling, Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching. Berpandukan kepada Daftar Permohonan Cerai Tahun 2018 dan 2019, senarai nama pemohon diperolehi. Setelah itu, pengkaji mendapat akses kepada fail kes yang mengandungi maklumat peserta seperti nama, umur, pekerjaan, alamat, pendapatan, tahap pendidikan, tarikh berkahwin, perkahwinan ke berapa, jumlah anak, pengalaman menghadiri kursus pra perkahwinan, tujuan permohonan samada membuat permohonan cerai, mendapatkan khidmat orang

tengah bagi menyelesaikan konflik suami isteri, merungkai kekusutan fikiran atau mahu menyelamatkan perkahwinan. Turut ada dalam borang Permohonan Khidmat Nasihat & Kaunseling tersebut adalah senarai ringkas butiran aduan tentang pasangan. Butiran tersebut adalah senarai pernyataan awal permasalahan yang dihadapi oleh pemohon dan pasangan dalam perkahwinan

Setelah calon peserta kajian disenarai pendek, mereka dihubungi terlebih dahulu. Perkara pertama yang perlu dipastikan ialah samada peserta telah sah bercerai atau masih bersuami. Peserta yang menyatakan bahawa mereka membatalkan permohonan cerai meskipun permohonan telah dikemukakan sebelum ini, terus digugurkan dari senarai, manakala peserta yang mengesahkan bahawa beliau telahpun bercerai dengan bekas suami diterangkan tentang tujuan beliau dihubungi dan diterangkan tentang tajuk kajian, bentuk kajian dan juga saguhati yang ditawarkan bagi penyertaan mereka. Peserta diberikan masa untuk mempertimbangkan keputusan samada beliau setuju atau tidak bersetuju untuk menjadi. Peserta juga diberikan memo yang mengandungi butiran berkaitan dengan kajian iaitu; tajuk kajian, metod kajian, jaminan kerahsiaan dan juga saguhati sebanyak RM50 bagi setiap penyertaan. Sebaik peserta menyatakan persetujuan, pengkaji akan terus menawarkan tarikh dan masa bersesuaian untuk temubual Akhirnya, apabila persetujuan dicapai, pengkaji terus mencatat tarikh temujanji dalam buku temujanji pengkaji.

Membuat pemilihan peserta kajian secara bertujuan (*purposive sampling*) melalui fail permohonan cerai didapati mempunyai beberapa kerumitan tersendiri: (1) kebanyakan fail yang dipilih telah ditutup dan calon peserta kajian tidak lagi dapat dihubungi dengan nombor telefon yang ditinggalkan di dalam borang. Kebanyakannya telah ditamatkan perkhidmatan dan tiada nombor lain untuk dihubungi. (2) Terdapat calon peserta yang dapat dihubungi menyatakan bahawa samada mereka masih dalam perkahwinan yang sama (tidak

jadi bercerai walaupun dalam fail menyatakan telah mengemukakan penceraian) dan juga ada yang menyatakan bahawa mereka telah berkahwin semula dengan pasangan yang lain. Keadaan ini menjadikan calon secara automatik terkeluar dari kriteria asas kajian ini.

Pengkaji telah membuat carian fail dari tahun 2018 sehingga 2020. Fail yang lebih awal dari itu tidak dapat dilakukan memandangkan ia telah dilupuskan. Sehubungan itu pengkaji telah membina alternatif untuk merekrut peserta kajian iaitu melalui iklan di *Facebook.*

Posting pertama pengkaji untuk mencari peserta kajian adalah pada 13 Julai 2020. Melalui posting tersebut pengkaji menyatakan:

"Preparing for next research interview. Mana mana wanita yang bercerai pada tahun 2015, 2016, 2017. 2018, 2019 dan 2020 yang mana tempoh perkahwinannya itu kurang dari 5 tahun, tinggal di Kuching dan masih belum berkahwin semula dijemput menyertai kajian ini. *I would like to listen to your past marriage story*. *Lets be part of this research. It will be highly confidential. Please pm me.* ".

Posting ini mendapat 100 likes dan 54 shares. Melalui perkongsian ini, pengikut FB telah menghubungi pengkaji melalui *messenger* dan melalui beberapa pertanyaan bagi memastikan mereka memenuhi kriteria yang ditetapkan. Apabila mereka didapati memenuhi kriteria tersebut, pengkaji meminta mereka memberikan nombor telefon bagi tujuan menghantar 'Jemputan Menjadi Peserta Kajian" dan penetapan tarikh temubual.

Pengkaji membuat iklan susulan pada 14 Julai 2020 dengan membuat pendekatan yang berbeza. Pengkaji membentuk iklan yang lebih bersifat tidak langsung dan banyak menekankan tentang keadaan temubual yang bersifat rahsia:

"Masih berusaha menghubungi peserta kajian. Progress semakin baik. Ada rakan *followers fb* yang sudi menyertai dan ada beberapa peserta yang disenaraipendek dari fail permohonan. Ada sesetengah followers yang baikhati untuk tawarkan diri tu *'fit the criteria'*, ada yang tidak. Namun saya sangat hargai niat dan hasrat baik itu Sungguh tak sangka ramai yang berhati baik mahu menjayakan #phdjourney pengkaji. Kajian ini berbentuk temubual secara bersendirian antara peserta dan saya sahaja. Masa diambil dalam 1-2 jam dan peserta hanya perlu menceritakan pengalaman perkahwinan beliau yang lalu. Proses temubual adalah berpandu kepada 5 soalan separa berstruktur yang mendorong peserta bercerita. *'It is a study of live experience'*. Tiada mudarat pada perkongsian ini, segalanya dirahsiakan dan saguhati diberikan. Moga ada ganjaran pahala atas perkongsian yang bakal memberi *output* yang bermanfaat pada bumi Sarawak kelak. Berminat untuk menyertai?. Sila rujuk posting sebelum ini untuk melihat kriteria dan jika anda memenuhi kriteria tersebut – *directly pm me*. "

Pengkaji mengubah pendekatan dan fokus bagi tujuan melarikan perhatian calon peserta kepada ciri-ciri formal yang ada dalam iklan sebelum ini. Ciri iklan yang terlalu formal boleh menjauhkan calon yang mempunyai kriteria yang diperlukan. Melalui kajian lepas dan pemerhatian umum, pengkaji mendapati kebanyakan wanita yang bercerai pada awal perkahwinan adalah dari mereka yang berpendapatan dan tahap pendidikan yang rendah, tidak bekerja dalam bidang profesional, surirumah atau bekerja sendiri dan juga ada yang mempunyai keraguan untuk tampil ke depan. Untuk menarik golongan ini, pengkaji menekankan tentang keadaan bagaimana temubual ini akan dilakukan iaitu secara bersemuka hanya antara pengkaji dan peserta. Ini kerana terdapat beberapa pengikut yang menghubungi pengkaji bertanya apakah temubual itu dilakukan secara berkelompok. Pengkaji juga menekankan tentang kerahsiaan memandangkan sebahagian masyarakat

Melayu melihat hal ehwal konflik perkahwinan adalah perkara yang tidak seharusnya dibincangkan secara terbuka.

Pengkaji menerima maklumbalas secara berperingkat-peringkat. Proses pengumpulan data melalui temubual berjaya dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dengan penyertaan seramai 30 orang peserta.

3.3.2 Justifikasi Kriteria Pemilihan Sampel Kajian

Matlamat dalam penyelidikan IPA adalah untuk mendapatkan pandangan tentang pengalaman dikongsi tertentu. Oleh itu, untuk memilih peserta "yang 'mewakili' perspektif, bukannya populasi", Smith et al. (2009: 49) mengesyorkan pemilihan peserta homogen bertujuan. Melalui persampelan bertujuan, pemilihan peserta individu membantu menyediakan kes yang kaya dengan maklumat (Patton, 2002). Peserta direkrut kerana mereka pakar dalam fenomena yang diterokai (Reid et al., 2005). Oleh itu, pemahaman tentang fenomena tertentu yang disiasat boleh dipanjangkan dan dipertingkatkan. Selain itu, penyelidik IPA dinasihatkan supaya mempunyai saiz sampel yang kecil supaya persamaan dan perbezaan terperinci peserta dapat diteliti, dan seramai 10 peserta berada pada hujung yang lebih tinggi daripada saiz yang disyorkan dalam IPA (Smith et al., 2009).

Beberapa kriteria utama ditetapkan dalam pemilihan peserta kajian ini iaitu; wanita, beragama Islam, pemastautin di Kuching, Sarawak dalam tempoh perkahwinan, bercerai dalam tempoh perkahwinan bawah 6 tahun, berusia antara 16 hingga 35 tahun semasa berkahwin, telah bercerai sekurang-kurangnya antara tahun 2015 hingga tahun 2020 dan belum berkahwin semula semasa temubual dilakukan.

Kriteria utama merangkumi wanita, beragama Islam, pemastautin di Kuching dan telah bercerai dalam tempoh 5 tahun perkahwinan adalah kriteria utama dalam skop kajian.


Pemilihan wanita sahaja adalah bagi memastikan aspek kehomogenan dijaga. Aspek ini adalah penting dalam kajian berbentuk fenomenologi. Pengkaji menetapkan kajian dilakukan di Kuching Sarawak adalah kerana pengkaji telah lama bermastautin dan bekerja di Kuching, Sarawak. Pengkaji bekerja sebagai kaunselor di Jabatan Agama Islam Sarawak dan mengendalikan sesi kaunseling perkahwinan untuk pasangan yang mahu bercerai. Atas faktor ini pengkaji melakukan kajian khusus di Kuching, tambahan lagi beliau mendapati berlaku peningkatan aduan masalah rumahtangga dan juga permohonan cerai dalam kalangan pasangan yang baharu berkahwin.

Manakala justifikasi ditetapkan usia semasa berkahwin sekitar julat 15 hingga 35 tahun adalah bagi mewakili usia purata kebanyakan wanita berkahwin di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000). Pengkaji juga menetapkan kriteria penceraian berlaku pada sekurang-kurangnya pada tahun 2015 hingga 2020 adalah bagi memastikan peserta masih dapat mengingat kembali semua pengalaman sepanjang tempoh perkahwinan dengan pasangan (Zhang, Liu, & Zhang, 2022).

Untuk kajian ini, pengkaji tidak menetapkan berapa jumlah yang khusus untuk peserta kajian. Namun berpandukan kepada kajian lepas yang menggunakan pendekatan yang sama, anggaran antara 10 hingga 15 orang peserta adalah jumlah yang wajar. Terdapat beberapa sebab untuk jumlah sampel saiz ini antaranya ialah aspek kedalaman analisis, maklumat yang banyak, kebolehurusan, pengenalpastian paten dan tema (Mason, 2010). Charma (2006, p.114) pula mencadangkan garispanduan untuk menentukan saiz sampel. Beliau mencadangkan bahawa jumlah 25 orang peserta adalah mencukupi ; sementara itu, Ritchie et al (2003, ms 84) pula mencadangkan jumlah peserta di bawah 50 orang. Untuk kajian ini, pengkaji telah mendapati ketepuan berlaku pada peserta kajian yang ke 19, namun pengkaji tetap meneruskan temubual bagi melengkapkan jumlah yang telah dirancang

sebelum ini. Walaubagaimanapun, hanya 23 temubual ahaja dapat dianalisis dan digunapakai memandangkan 7 lagi ditolak atas faktor teknikal.

3.4 Prosedur Kajian dan Pengumpulan Data



Rajah 3.1: Prosedur Kajian dan Pengumpulan Data

Berikut adalah kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian.

3.4.1 Persediaan Sebelum Temubual

Persediaan perlu dilakukan dengan teliti dengan mengambilkira aspek kelancaran sesi temubual dan keselesaan peserta kajian sepanjang proses tersebut berlangsung. Perkongsian pengalaman yang membabitkan kenangan yang kurang menyenangkan dalam kehidupan boleh menjadi kurang lancar dan berpotensi untuk menjejaskan maklumat yang perlu dikumpul untuk kajian. Memandangkan semasa kajian dilakukan, Malaysia sedang

melalui fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) maka pengkaji juga perlu peka kepada keadaan persekitaran dan keperluan peserta seperti memastikan mereka dalam keadaan sihat, tidak bergejala dan bersedia untuk hadir. Pada masa yang sama juga pengkaji perlu memastikan jadual beliau tidak bertindan dengan komitmen lain kerana ini akan menjejaskan tumpuan dan pengumpulan data.

3.4.1.1 Membina protokol soalan temubual

Soalan temubual telah dibina bagi tujuan memenuhi objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Sehubungan itu, empat soalan telah dibina seperti jadual **Jadual 3.1** berikut:

Jadual 3.1: Protokol Membina Soalan Temubual

Bil	Objektif	Soalan	Nota
1.	Pengenalan: Memastikan maklumat dinyatakan dalam transkrip temubual dan bagi tujuan memastikan peserta adalah orang yang dapat membekalkan maklumat yang kaya untuk kajian Mengetahui tentang maklumat latarbelakang membantu pengkaji untuk memahami konteks dan struktur pengalaman hidup peserta dan memandu pengkaji kepada soalan penerokaan yang bersesuaian.	Puan, Sebagai pendahuluan, bolehkah puan jelaskan serba sedikit latar belakang puan? Senarai semak: a. umur, b. tahap pendidikan, c. pekerjaan, d. pendapatan, e. latarbelakang keluarga (ibubapa dan jumlah adik beradik), f. perkahwinan lepas (tarikh kahwin dan tarikh penceraian serta bentuk penceraian) samada fasakh/taklik/persetujuan bersama)	*Tips: Soalan boleh dimulakan dengan **soalan terbuka**, dan kemudian boleh fokus kepada elemen yang disenaraikan. Ada kemungkinan melalui soalan terbuka, akan ada elemen baru yang diketahui tentang latar belakang peserta*

Jadual 3.1 sambungan

	Objektif 1 Meneroka apakah faktor yang mendorong kepada keputusan bercerai pada awal perkahwinan	Dari masalah-masalah yang puan nyatakan tadi, kelihatannya ianya agak mencabar untuk puan terus kekalkan perkahwinan tersebut. Namun boleh tak puan jelaskan apakah faktor-faktor yang mendorong puan untuk mengambil keputusan nekad ini hingga ke penamat (bercerai). Ada beberapa faktor yang puan nyatakan tadi, namun pada pandangan puan, apakah faktor utama yang mendorong kepada keputusan puan untuk bercerai ini?	
2.	Objektif 2 Menyelami isu-isu perkahwinan pasangan yang bercerai pada awal perkahwinan	Sebelum kita pergi kepada soalan kedua, boleh tak puan ceritakan bagaimana puan dan suami berkenalan dan akhirnya berkahwin? Menurut maklumat yang saya dapati dari daftar, puan bercerai dalam tempoh kurang lima tahun dari tarikh perkahwinan puan. Boleh tak puan terangkan , apakah masalah-masalah yang timbul sepanjang perkahwinan puan? Apakah pula masalah yang sering puan dan suami hadapi sehingga membawa kepada penceraian?	
4.	Objektif 3 Meneroka daya tindak yang diaplikasi oleh individu yang telah bercerai pada awal perkahwinan.	Berdasarkan penerangan puan tadi, banyak masalah yang puan lalui dengan bekas suami selama tempoh perkahwinan, boleh puan kongsikan bagaimana cara puan menanganinya? Bagaimana pula cara suami puan menanganinya? Bagaimana cara kalian berdua menanganinya bersama sebagai suami isteri?	

Jadual 3.1 sambungan

5.	Objektif 4 Meneroka harapan wanita yang telah bercerai pada awal perkahwinan.	Soalan: Membuat keputusan bercerai bukan perkara yang mudah, memerlukan puan untuk pertimbangkan pelbagai faktor termasuk kehidupan di masa depan puan. Bolehkah puan kongsikan, Apakah harapan puan selepas penceraian ini?	

3.4.1.2 Semakan dan pengesahan oleh dua pakar kualitatif

Soalan ini kemudiannya telah dihantar kepada dua pakar kualitatif untuk tujuan semakan dan pengesahan. Dua aspek dilihat iaitu dari segi kesesuaian dan juga liputan soalan dengan objektif kajian. Skala untuk kesesuaian dan liputan soalan adalah dari julat 1 hingga 5 di mana 1 menunjukkan kadar kesesuaian atau liputan yang paling rendah, manakala 5 adalah kadar kesesuaian dan liputan paling tinggi. Kedua-dua pakar kualitatif telah memberikan markah 5 bagi setiap soalan untuk aspek kesesuaian soalan dan liputan soalan. Ini bermakna, soalan separa berstruktur ini sesuai untuk ditanya kepada peserta dan meliputi perkara yang ingin dicapai dalam setiap objektif.

3.4.1.3 Mendapatan kebenaran dari Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak

Sebelum memulakan kajian, pengkaji telah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak untuk mendapatkan akses kepada Daftar Permohonan Cerai dan juga fail peribadi klien. Kebenaran untuk menggunakan premis jabatan untuk proses temu bual dan akses kepada data statistik juga diperolehi.

3.4.1.4 Penyediaan perakam suara, dokumen soalan, perakuan termaklum, wang saguhati, akuan penerimaan saguhati untuk peserta kajian.

Sebelum memulakan proses temu bual, peralatan seperti perakam audio, perakuan termaklum, borang biodata ringkas peserta, wang saguhati dan juga akuan penerimaan sagu hati hendaklah disediakan lebih awal bagi memastikan kelancaran proses. Perakam audio hendaklah berada dalam keadaan cukup baik untuk digunakan sepanjang proses temubual yang panjang.


3.4.1.5 Mendapatkan senarai calon peserta dari Daftar Permohonan Cerai, Jabatan Agama Islam Sarawak dan iklan di media sosial (facebook).

Setelah mendapat kebenaran dari Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak untuk mendapatkan akses pada Daftar Permohonan Cerai, pengkaji telah mengunjungi Unit Khidmat Nasihat & Kaunseling, Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching untuk mendapatkan senarai nama calon peserta berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

3.4.1.6 Menetapkan Tarikh dan Masa Temujanji Secara Panggilan Telefon dan Mesej Menerusi Aplikasi Whatsapp

Pengkaji menghubungi peserta yang telah disenaraipendak melalui panggilan telefon. Pengesahan status perkahwinan diperolehi terlebih dahulu bagi memastikan kriteria utama dipenuhi iaitu “telah bercerai”.

Pengkaji seterusnya berkomunikasi dengan peserta menggunakan aplikasi whatsapp, termasuklah memberi maklumat umum berhubung kajian dan temubual. Pengkaji menghantar nota jemputan sebagai peserta kajian yang mengandungi maklumat terperinci berhubung diri pengkaji sendiri, tujuan kajian, kerahsiaan dan juga saguhati yang ditawarkan. Nota tersebut dihantar melalui whatsapp seperti dalam Rajah 3.2 dan dalam nota tersebut juga mengkehendaki peserta membalas samada beliau ‘berminat ‘ atau ‘ tidak berminat’.



Rajah 3.2: Slip Jemputan Menerusi Aplikasi *Whatsapp* Sebagai Peserta Kajian

Apabila peserta menyatakan bahawa beliau berminat, pengkaji mencadangkan tarikh dan masa temubual. Apabila peserta menyatakan persetujuan dengan tarikh dan masa yang dicadangkan, pengkaji akan mencatatkan nama peserta dalam buku perancangan temujanji yang ditetapkan.

3.4.1.7 Menyediakan Tempat Dan Keperluan Bagi Sesi Temubual.

Semasa pengumpulan data ini dilakukan, Malaysia sedang melalui fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), namun di Kuching, kawalan kemasukan ke bangunan premis kerajaan masih di kawal ketat dan setiap pengunjung dikehendaki memakai pelitup muka dan diambil suhu badan serta diminta agar menjaga penjarakkan fizikal.

Sehubungan itu, setiap peserta dipastikan agar memakai pelitup muka sepanjang sesi temubual dan kedudukan sofa bagi temubual dijarakkan. Selain persediaan tersebut, pengkaji juga memastikan suasana bilik temubual selesa dan menyegarkan. Pengkaji cuba mewujudkan suasana selesa dan santai di dalam bilik temubual. Pemandangan bandaraya

Kuching dari tingkat 11 banyak membantu peserta membuat refleksi dan selesa melangsungkan temubual. Air mineral juga disediakan sebotol kepada peserta.

Persediaan awal lain juga perlu diambil berat iaitu Borang Persetujuan Penyertaan Peserta Kajian, Wang Saguhati Penyertaan sebanyak RM50, perakam yang berada dalam keadaan baik dan mempunyai kapasiti memori dan bateri yang mencukupi, aplikasi rakaman audio dalam *Ipad* sebagai peranti rakaman kedua, kedudukan sofa yang selesa dan mempunyai penjarakkan fizikal yang mencukupi, sebotol air mineral dan juga hand sanitizer dan penyembur nyahkuman bagi digunakan selepas sesi temubual tamat.

3.4.1.8 Menyambut Kedatangan Peserta Dan Membina Rapport.

Membina *rapport* adalah aspek yang sangat penting dalam proses temubual. Pengalaman sepanjang tempoh perkahwinan yang akhirnya membawa kepada penceraian adalah satu pengalaman yang kurang menyenangkan bagi sesetengah peserta untuk dibangkitkan ataupun diceritakan kembali. Ia mengandungi pengalaman sedih, traumatik, memilukan dan seperti membangkit kembali kenangan pahit dan getir sepanjang berkahwin. Ada antara peserta yang telah berjaya melalui proses pasca penceraian dengan baik dan ada pula yang masih mempunyai isu tertentu seperti tuntutan nafkah dan hak jagaan anak.

Proses membina rapport ini bertujuan untuk mewujudkan suasana selesa, selamat dan santai. Proses ini pengkaji sudah mulakan sebaik saja peserta menyatakan persetujuan untuk menjadi peserta kajian, dengan menghantar mesej whatsapp tentang gambaran keseluruhan kajian yang merangkumi tujuan dan apa yang diharapkan daripada peserta kajian, kerahsiaan serta jumlah saguhati yang ditawarkan.

3.4.2 Menjalankan Sesi Temubual

Selesai menerangkan tentang beberapa maklumat tentang kajian dan apa yang perlu dilakukan oleh peserta, pengkaji cuba membina suasana santai dan selesa, Pengkaji memulakan temubual dengan membina rapport terlebih dahulu disusuli dengan penerangan berhubung kajian bagi mendapatkan persetujuan termaklum. Soalan separa berstruktur ditanya mengikut protocol yang telah ditetapkan bersama sedikit kelonggaran dan fleksibiliti bagi melancarkan dan mengurangkan kejanggalan di pihak peserta. Pengkaji akan memberi respon yang berbentuk menggalakkan penceritaan dan bertanya soalan yang berkaitan jika sekiranya pengkaji mendapati perkara tersebut perlukan lebih pendetailan. Pengkaji meletakkan maksima bagi sesi temubual ini adalah 2 jam dan untuk itu sambil peserta bercerita, pengkaji secara mental memastikan semua objektif kajian telah dijawab oleh peserta.

Cara pengumpulan data adalah dengan menggunakan temubual kualitatif separa berstruktur yang telah melalui proses validasi oleh dua orang pakar kajia kualitatif. Soalan-soalan adalah bertujuan untuk meneroka pengalaman berhubung pengalaman perkahwinan yang membawa kepada penceraian.

Soalan-soalan yang dirangka awal adalah sebagai panduan asas, namun pengkaji juga bersedia untuk bertanya soalan-soalan yang relevan bergantung kepada keperluan semasa sesi temubual dan soalan-soalan itu adalah sebagai pelengkap kepada gambaran keseluruhan konteks hidup peserta. Kajian ini menggunakan metod temubual bagi mendapatkan pengalaman mendalam tentang perkahwinan beliau sepanjang tempoh berkahwin sehinggalah beliau bercerai. Soalan-soalan temubual adalah berpandukan soalan separa berstruktur yang bersifat terbuka bagi menggalakkan pengeluahan perasaan,

perkongsian pemikiran dan pengalaman peserta sepanjang tempoh perkahwinan hingga kepada penceraian. Banyak teknik mendengar secara aktif dilakukan bagi tujuan tersebut.

Proses pengumpulan data ini akan dilakukan dengan cara merekod audio temubual yang kemudiannya akan dipindahkan dalam bentuk data transkrip sebelum dianalisa dengan lebih lanjut menggunakan pendekatan *Interpretatif Phenomenological Approach*.

3.4.3 Temubual Kajian Rintis


Pengkaji melakukan sesi temubual pertama bersama seorang peserta yang dipilih sebagai temubual rintis. Peserta kajian telah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, berkahwin pada tahun 2015 dan bercerai pada tahun 2018, berusia 33 tahun dan tinggal di Kuching. Beliau bekerja sebagai Penolong Pegawai di sebuah agensi kerajaan. Soalan ditanya berpandukan kepada inventori soalan temubual yang telah ditetapkan bagi mencapai objektif kajian.

Beliau telah diterangkan tentang tujuan kajian dan prosedur kajian. Beliau juga diminta agar menjawab soalan yang dikemukakan sepanjang temubual tanpa rasa teragak-agak. Beliau juga diterangkan tentang kerahsiaan kajian ini.

Hasil dari temubual rintis ini pengkaji perlu mengenalpasti dan mengawal skop jawapan dari peserta agar tidak meleret hingga mengambil masa yang terlalu lama dan lari dari skop kajian. Pengkaji juga mendapati ada sedikit rasa kurang selesa di pihak peserta bila beliau mula menceritakan pengalaman yang berkaitan dengan hubungan intim. Soalan protokol temubual yang telah disemak dan disahkan sebelum ini didapati tiada sebarang kesukaran untuk dilaksanakan. Peserta kajian rintis ini menceritakan pengalaman beliau dengan lancar sepanjang sesi temubual dijalankan.

3.5 Penganalisaan Data

Hasil temubual yang direkodkan dipindahkan dalam bentuk tranksrip yang lengkap. Transkrip tersebut dianalisis secara manual menggunakan *Microsoft Word*. Kesemua 27 temubual telah dipindah dalam bentuk transkrip. Sementara itu perbualan dirakam menggunakan perakam digital dan juga Ipad. Berikut adalah langkah-langkah terperinci menganalisis data tembual yang telah dirakam dan ditukar dalam bentuk transkrip.




Rajah 3.3: Prosedur Menganalisis Data

3.5.1 Mendengar dan Membaca Transkrip Berulangkali

Langkah ini melibatkan pengkaji menyelami dirinya dalam data melalui mendengar dan menyalin setiap skrip individu. Setiap rakaman temu bual didengari beberapa kali sebelum proses transkripsi bermula. Rakaman itu didengari dengan penuh perhatian semasa proses transkripsi untuk menyemak ketepatannya dan untuk mendapatkan 'rasa untuk data' (Corbin & Strauss, 2015). Ini membolehkan penyelidik membayangkan suara peserta, satu aspek yang akan menyokong analisis yang lebih lengkap (Smith et al., 2009).

Pendekatan membaca dan membaca semula ini menghalang pengkaji daripada meringkaskan data lebih awal dan membuat kesimpulan yang cepat. Selain itu, pemikiran awal tentang transkrip sebagai 'keseluruhan' (Van Manen, 1990) telah direkodkan kerana sebahagian daripada proses menjadi telus dan refleksif adalah tentang memahami apa yang dibawa kepada analisis. Di sinilah 'intipati' Husserl bermula dan mempunyai pemikiran awal tentang data ini juga berkaitan dengan bulatan hermeneutik Gadamer ('bahagian' dan 'keseluruhan').

Rajah 3.4 di bawah adalah contoh transkrip temubual.Sesuai dengan pendekatan tradisional *IPA*, mendengar berulangkali audio temubual sambil membaca trankrip dan mencatat nota-nota penting yang dapat ditangkap semasa mendengar dan memahami gambaran keseluruhan penceritaan fenomena (Bailey, 2008).



Nama: Sya

Umur sekarang: 26

Umur semasa kahwin: 24

Umur bercerai: 25:

Bangsa:Melayu

Pekerjaan semasa mohon cerai: Berniaga Pekerjaan bekas suami : Pemandu Lori

Tarikh temubual: 20 Julai 2020

Kod peserta : 09

EMERGENT THEMES	TRANSKRIP ASAL	EXPLORATORY THEMES
	M: Sebagai permulaan, boleh kitak perkenalkan diri kitak, berik sedikit latarbelakang kitak..	
	N: Nama kamek Sya. Umur kmk 26 tahun. Kmk ada 5 orang adik beradik. Kinektok kmk diam ngan family kmk. Nang asal masa kmk nikah ya nang tinggal dengan family kmk di XXX. Dekat Stampin sia. Kmk ada sorang anak, usia baruk 3 tahun, lelaki, tahap pendidikan kmk, SPM ajak. Dari kmk abis SPM ya kmk sik pernah bekerja. Kmk just di rumah, jaga anak anak buah kmk ajak. Sampey kmk dah nak dekat nak nikah ya, kmk sik nyaga anak buah kmk agik. Kmk just ngekot laki kmk siney nya nak berambeh., mun nya nak berambeh rumah	

Rajah 3.4: Transkrip Temubual

Ini adalah satu proses yang melelahkan dan mengambil masa. Pengkaji perlu membiasakan diri dan memasukkan diri tenggelam sekali dengan pengalaman peserta.

Menurut Conrad (1987), pengkaji seolah- olah menjadi sebahagian dari penonton yang menyaksikan rentetan perjalanan hidup peserta sepanjang perkahwinan beliau. Bukan itu sahaja, pengkaji juga perlu cuba merasa apa yang dirasakan oleh peserta dan pada masa yang sama mengekalkan objektiviti. Pengkaji perlu mampu menghubungkaitkan segala objek dan struktur dalam fenomena. Sebagai contoh: Apabila bercerita tentang bagaimana perkahwinannya sering berlaku campurtangan dari mentua, pengkaji perlu memahami sudut pandang peserta (ini yang paling utama), konteks semasa (di rumah) dalam situasi beliau sedang bertengkar dengan suaminya (individu signifikan) pada waktu suami baru sampai di rumah setelah beberapa hari lari balik ke rumah ibubapa. Dalam konteks ini, pengkaji perlu memberi perhatian kepada individu, isu dan konteks atau latarbelakang semasa pertengkaran berlaku. Pengkaji perlu berada di dalam konteks (empati) dan di luar konteks (objektif) pada masa yang sama dan serentak.

Cara temubual berlangsung dengan *rapport* yang baik antara peserta dengan pengkaji memastikan kedalaman dan keluasan data yang diperolehi. Maka sebab itu jika pengkaji mendapat kepercayaan peserta, interaksi yang lancar dan mendalam lebih mudah diperolehi berbanding interaksi yang hanya atas dasar mahu melengkapkan jawapan pada pertanyaan. Jawapan mungkin cetek dan singkat


3.5.2 Catatan Awal

Langkah kedua ialah catatan awal, yang merupakan langkah yang paling memakan masa. Ia melibatkan pemeriksaan terperinci kandungan semantik dan penggunaan bahasa pada peringkat penerokaan selepas pengkaji biasa dengan data transkrip ‘keseluruhan’. Analisis baris demi baris yang sangat rapat telah dijalankan yang meringkaskan dan menangkap intipati apa yang diperkatakan oleh peserta dan segala yang menarik telah dicatatkan. Proses ini membantu untuk "mengenal pasti cara khusus yang mana peserta

bercakap tentang, memahami dan memikirkan sesuatu isu" (Smith et al., 2009: 83) dengan memeriksa 'keseluruhan' melalui 'bahagian' konstituen. Untuk mencapai ini, ulasan awal telah ditambahkan pada jidar sebelah kanan. Pengekodan awal ini terdiri daripada tiga peringkat. Komen deskriptif meringkaskan isu utama atau apa yang telah diperkatakan oleh peserta. Komen linguistik, pada peringkat kedua, tertumpu kepada penggunaan bahasa yang khusus. Semasa peringkat ini, juga dinasihatkan untuk memberi perhatian kepada makna dan kepentingan metafora dan imejan. Tahap ketiga adalah untuk ulasan konseptual yang memfokuskan pada penglibatan pada tahap yang lebih konseptual. Peringkat ini bersifat interpretatif dan selalunya berbentuk interogatif.

Untuk mengekalkan maksud perbincangan, transkrip tidak diterjemahkan ke dalam Melayu rasmi . Analisis telah dijalankan dan ulasan ditulis dalam bahasa Melayu berdasarkan transkrip dialek Sarawak. Analisis dilakukan menggunakan transkrip dialek Sarawak kerana peringkat ini melibatkan menganalisis kandungan semantik dan penggunaan bahasa. Oleh itu, untuk mengelakkan potensi penyelewengan makna, didapati lebih sesuai untuk menganalisis secara langsung daripada dialek Sarawak kerana banyak perkataan atau frasa dalam dialek Sarawak tidak mempunyai terjemahan langsung dalam Bahasa Melayu. Tambahan pula, Reiss dan Vermeer (seperti yang dipetik dalam Gutt, 1989; 155) berhujah bahawa "memandangkan teks adalah sebahagian daripada keseluruhan yang lebih besar, iaitu budaya dan bahasa, pemindahan mereka ke dalam budaya dan bahasa lain akan mengubah teks itu sendiri". Oleh itu, untuk mengelakkan kehilangan makna data, kerana pengkaji berkongsi budaya yang sama dengan peserta, beliau mendapati bahawa mentafsir secara langsung daripada transkrip dialek Sarawak adalah pendekatan yang paling sesuai untuk kekal sedekat mungkin dengan akaun yang kaya tentang peserta.

di bawah memberikan contoh ulasan deskriptif yang dipilih daripada satu bahagian transkrip temu bual dengan peserta bernama Sya (A04). Ekstrak yang diambil dari helaian asal analisis telah dipindahkan ke dalam format jadual menggunakan *Microsoft Word* untuk memberikan persembahan yang jelas untuk tujuan ini. Ia menggambarkan bagaimana ulasan deskriptif, dan konseptual digunakan. Oleh itu, dalam versi elektronik analisis data ini, lajur yang digunakan untuk membezakan pengekodan penerokaan ialah (1) Lajur tengah ialah transkrip asal , (2) Lajur kiri adalah gambaran menyeluruh atau ulasan konseptual, dan (3) Lajur kanan adalah tema-tema yang muncul daripada ulasan konseptual. Unit-unit makna yang merupakan tema-tema yang muncul kemudiannya diwarnakan berdasarkan ciri yang serupa. Rajah 3.5 di bawah memberikan contoh ulasan deskriptif yang dipilih daripada satu bahagian transkrip temubual dengan peserta bernama Sya (A04). Ekstrak yang diambil dari helaian asal analisis telah dipindahkan ke dalam format jadual menggunakan *Microsoft Word* untuk memberikan persembahan yang jelas untuk tujuan ini. Ia menggambarkan bagaimana ulasan deskriptif, dan konseptual digunakan. Oleh itu, dalam versi elektronik analisis data ini, lajur yang digunakan untuk membezakan pengekodan penerokaan ialah (1) Lajur tengah ialah transkrip asal , (2) Lajur kiri adalah gambaran menyeluruh atau ulasan konseptual, dan (3) Lajur kanan adalah tema-tema yang muncul daripada ulasan konseptual. Unit-unit makna yang merupakan tema-tema yang muncul kemudiannya diwarnakan berdasarkan ciri yang serupa.



Rajah 3.5: Contoh Format Menganalisis.


3.5.3 Membangunkan Tema-Tema Yang Muncul

Langkah ini melibatkan tahap abstraksi yang lebih tinggi. Nota-nota yang sebelum ini ditulis pada lajur sebelah kiri kini membentuk titik permulaan untuk tafsiran iaitu mengenai tema-tema yang muncul. Pada peringkat ini, jumlah data dan jumlah butiran telah dikurangkan, manakala kerumitan dikekalkan. Smith et al. (2009: 92) mencadangkan pemetaan perkaitan, corak dan perkaitan antara ulasan penerokaan di mana, "tugas utama dalam mengubah nota menjadi tema melibatkan percubaan untuk menghasilkan pernyataan yang ringkas dan padat tentang apa yang penting dalam pelbagai ulasan yang dilampirkan pada sekeping transkrip".

Proses penyusunan semula data ini, walau bagaimanapun, memecahkan aliran naratif temu bual kepada bahagian yang berasingan atau terpisah-pisah dan seterusnya boleh menyebabkan ketidakselesaan kepada pengkaji. Pengkaji merasakan bahawa pengalaman peserta telah menjadi terpisah-pisah. Smith et al. (2009: 91) menyatakan bahawa, semasa tahap tafsiran ini, "keseluruhan temubual asal menjadi satu set bahagian semasa anda


menjalankan analisis anda, tetapi ini kemudiannya disatukan dalam satu lagi keseluruhan baru pada akhir analisis dalam penulisan. Pada peringkat ini, label tema tidak perlu muktamad kerana ini mungkin berubah kemudian. Tugas utama adalah untuk mengubah nota menjadi tema dan frasa tertentu, menangkap perkara yang penting pada titik tertentu dalam teks.

Tema yang muncul telah didokumenkan dalam lajur sebelah kanan. Pada peringkat ini, frasa pendek telah dicipta yang dianggap oleh pengkaji menangkap intipati nota yang telah dihasilkan. Rajah 3.6 di bawah membentangkan tema yang muncul daripada transkrip Sya (A04). Beberapa tema telah dikenalpasti seperti a*ttachment, decision making, negative coping, conflict resolution* dan lain -lain. Walau bagaimanapun, tema yang muncul adalah sementara dan bukannya label yang kukuh. Menganalisis dengan cara ini, adalah proses berulang dengan tahap tafsiran yang semakin mendalam semasa kerja berjalan (S. Smith, 2006).



Rajah 3.6: Proses Membangun Tema

Telah diputuskan bahawa pada peringkat ini bahawa tema yang muncul adalah bersifat sementara yang boleh berubah. Selepas transkrip dibaca dan dibaca semula, ini akan membolehkan masa yang mencukupi antara pembacaan untuk menyerap dan merenung tema yang lebih berkaitan dan relevan. Selain itu, proses mengenal pasti beberapa tema sementara ini membantu memastikan tema mewakili suara dan pengalaman peserta. Tema-tema yang muncul dalam lajur paling kanan tersebut kemudiannya diwarnakan mengikut kriteria yang hampir sama yang kemudiannya kelak, dalam langkah seterusnya, dikelompokkan bersama dalam satu jadual bersebelahan dengan petak "gambaran menyeluruh" seperti Rajah 3.7 dibawah:




Rajah 3.7: Sebahagian Proses Interpretasi Yang Lebih Dekat.

Semua transkrip lain dianalisis satu persatu mengikut acuan dari transkrip utama tadi tanpa mengenepikan kemungkinan munculnya tema baru. Semua transkrip dianalisis secara individu sebelum tema yang dikenal pasti dipertimbangkan untuk membentuk analisis kumpulan secara keseluruhan, dan disusun menjadi hierarki yang saling berkaitan (tema, subtema, dan kategori).

Tema yang dikenal pasti dipertimbangkan secara keseluruhan, dan disusun menjadi hierarki yang saling berkaitan (iaitu, tema, subtema, dan kategori).Tema-tema yang terbina hasil analisis kesemua kes disemak semula berulangkali hingga mendapat tema-tema yang

lebih menyeluruh dan mewakili hampir keseluruhan kes. Kesemua tema dan sub tema yang telah kukuh disemak sekali lagi bagi melihat samada terdapat sub tema yang boleh digabungkan, dihapuskan atau boleh berdiri sendiri sebagai tema utama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.8 di bawah.



KATEGORI & SUBTEMA

TIDAK SEPERTI DIHARAPKAN	INTERPERSONAL	FAMILY ORIGIN
Expectation	Miscommunication	attachment
Relationship Quality	Conflict resolution	boundary
Adjustment	Coping - incl attribution	rivalry
Serious responsibilities	Decision making	dependant?
		Sokongan keluarga
lembut	Decision making	Terkawal
Berdikari	Berterus terang	Too lenient
Personality Lembut	Tetap pendirian	Sokongan keluarga
Punya ramai kawan	Perubahan	Sokongan keluarga
Early age/kawin muda	Perlekeh usaha isteri	Kakak pujuk
komited	Kesetiaan dibalas curang	Suami masih ditanggung keluarga
Fokus	Tak malu minta duit dari isteri	Social support
Tak berbaloi	Suami curi duit isteri	Family support
Perbezaan penilaian	Imbalance effort	Ada keluarga yang stabil
Commited	Individual effort/usaha sendirian	Rebut anak
Dedicated	Usaha sendirian	Hak ibu
Focused	Pikul tnjwb suami	Overborder/boundary issue
Curang	Tolong berupah	Pandang rendah kemampuan
	Positive thought	Try to overtake
Internally focused	Optimist attribution	Selfish
Dedicated	Tolerance	Protecting
Elak maksiat	Positive thought	Protective
Good intention	Motivation	Persaingan dua ibu
Niat baik	Motivation	Terlepas pandang perasaan
Dedicated	External attribution	Tiada pemahaman agama

Rajah 3.8: Pengkategorian Tema-Tema Yang Muncul Di Bawah Tema Utama Bersesuaian

Transkrip pertama yang mengandungi paling banyak koding dan mempunyai tema yang banyak menjadi acuan untuk rujukan analisis transkrip yang seterusnya. Dalam menentukan hal ini (menentukan kes sebagai acuan rujukan), pengkaji telah menganalisis 4 kes (Liza, Tiana, Fariza dan Sya) sebelum membuat keputusan untuk menjadikan kes Sya sebagai acuan utama bagi menganalisis kes-kes selanjutnya. Keputusan ini dilakukan setelah

pengkaji berpuashati dengan naratif penceritaan pengalaman kes Sya yang meliputi kesemua objektif kajian dan juga cara penerokaan yang lebih memuaskan.

3.5.4 Pengkategorian Tema-tema dan Subtema Berdasarkan Kriteria

Setelah kesemua kes peserta kajian dianalisis menggunakan langkah-langkah di atas, kesemua tema-tema daripada kesemua kes kajian dimasukkan dalam satu jadual yang mengandungi banyak petak-petak. Tema-tema yang telah dikategorikan mengikut warna bagi setiap kes dimasukkan ke dalam petak-petak jadual ini mengikut warna masing-masing. Kesemua kategori tema ini disemak semula dan ditentukan samada tema-tema ini menjadi tema utama atau menjadi sub tema kepada tema utama.

3.5.5 Memuktamadkan Tema-tema

Tema dan sub tema yang telah dimuktamadkan kemudiannya dimasukkan ke dalam jadual induk Tema dan Subtema kajian dalam jadual **Jadual 3.2**. Bagi kajian ini, pengkaji telah memuktamadkan bahawa terdapat 8 tema dan 22 subtema di sebalik pengalaman bercerai pada awal perkahwinan bagi wanita Islam yang baharu berkahwin di Kuching Sarawak. Bagi tujuan yang sama, pengkaji juga menggunakan perisian Nvivo 14 dan mendapati bahawa tema-tema dan subtema yang dibangunkan secara manual adalah sama seperti yang dianalisis menggunakan perisian Nvivo 14. Jadual analisis menggunakan Nvivo dinyatakan dalam **Jadual 3.9** di bawah

Jadual 3.2: Jadual Tema dan Subtema


BIL	TEMA	SUBTEMA
1.	Persepsi terhadap realiti perkahwinan	1. Tanggapan yang baik terhadap pasangan 2. Perwatakan selepas berkahwin tidak sama seperti yang dipamerkan sebelum berkahwin

Jadual 3.2 sambungan

2.	Kesukaran dalam menyesuaikan diri/membina keserasian	~~3.~~ Kesukaran menyesuaikan diri dengan perangai/personaliti pasangan 4. Kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan mentua 5. Kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan tanggungjawab dan peranan 6. Kesukaran menyesuaikan diri dengan konteks dan persekitaran baru
3.	Halangan dalam komunikasi	7. Kurang perkongsian suami isteri 8. Salah tafsiran/tuduhan oleh pasangan 9. Ketidaktelusan
4.	Kekurangan kasih sayang dan perhatian	10. Kemesraan berkurangan. 11. Kekecewaan berulangkali 12. Kerapkali berlaku kekasaran dan pertengkaran
5.	Pengabaian	13. Diabaikan keperluan nafkah zahiriah oleh suami. 14. Dibiarkan menyara hidup dirinya sendiri dan menanggung anak.
6.	Daya tindak menangani masalah dan tekanan	15. Daya tindak sendirian 16. Daya tindak diadik/berpasangan
7.	Cerai sebagai penamat derita.	17. Keputusan bercerai dibuat sebelah pihak tanpa perbincangan mendalam. 18. Mahu ubah kehidupan 19. Berhenti mengharap perubahan dari pasangan. 20. Persepsi terhadap perkahwinan yang tidak menguntungkan

Jadual 3.2 sambungan

8.	Motivasi untuk bangkit semula	21. Kawalan emosi selepas bercerai 22. Membaiki taraf kehidupan



Name	Files	References	Created on	Created by	Modified on	Modified by
RQ1 KEPUTUSAN CERAI	22	127	14/7/2024 7:41 PM	SAS	14/7/2024 7:41 PM	SAS
Berhenti mengharap	13	33	14/7/2024 9:26 PM	SAS	17/7/2024 11:23 PM	
Keputusan sebelah pihak	16	49	14/7/2024 9:23 PM	SAS	17/7/2024 11:23 PM	
Memperbaiki kualiti hidup	11	20	14/7/2024 9:24 PM	SAS	17/7/2024 11:01 PM	
Tidak berbaloi menunggu	13	25	14/7/2024 9:27 PM	SAS	17/7/2024 11:23 PM	
RQ2 ISU YANG DIHADAPI	23	1068	14/7/2024 7:42 PM	SAS	14/7/2024 7:57 PM	SAS
Ekspektasi terlalu tinggi	18	125	15/7/2024 9:20 PM	SAS	15/7/2024 9:20 PM	SAS
Tanggapan baik	18	71	15/7/2024 9:21 PM	SAS	17/7/2024 11:09 PM	
Watak berbeza	12	54	15/7/2024 9:21 PM	SAS	17/7/2024 11:08 PM	
Masalah Komunikasi	20	136	14/7/2024 8:15 PM	SAS	14/7/2024 8:15 PM	SAS
Kurang perkongsian	13	47	14/7/2024 8:16 PM	SAS	17/7/2024 11:15 PM	
Salah faham	17	48	14/7/2024 8:17 PM	SAS	17/7/2024 11:20 PM	
Tidak telus	14	41	14/7/2024 8:17 PM	SAS	17/7/2024 11:01 PM	
Pengabaian	20	104	14/7/2024 9:19 PM	SAS	14/7/2024 9:19 PM	SAS
Menanggung anak	16	68	14/7/2024 9:21 PM	SAS	17/7/2024 11:01 PM	
Nafkah zahiriah	14	36	14/7/2024 9:20 PM	SAS	17/7/2024 11:01 PM	
Penyesuaian	22	344	14/7/2024 8:10 PM	SAS	14/7/2024 8:10 PM	SAS
Konteks dan persekitaran baru	16	57	14/7/2024 8:14 PM	SAS	18/7/2024 10:37 AM	
Mertua	16	100	14/7/2024 8:12 PM	SAS	17/7/2024 11:09 PM	
Personaliti dan Perangai pasangan	21	118	14/7/2024 8:11 PM	SAS	17/7/2024 11:22 PM	
Tanggungjawab dan peranan	19	69	14/7/2024 8:12 PM	SAS	17/7/2024 11:19 PM	
Penyusutan kepuasan perkahwinan	23	358	14/7/2024 9:15 PM	SAS	14/7/2024 9:15 PM	SAS
Dikecewakan berulangkali	22	152	14/7/2024 9:17 PM	SAS	17/7/2024 11:22 PM	
Kurang kemesraan	20	90	14/7/2024 9:16 PM	SAS	17/7/2024 11:21 PM	
Pertengkaran dan kekerasan	20	116	14/7/2024 9:18 PM	SAS	17/7/2024 11:22 PM	
RQ3 DAYATINDAK	21	147	14/7/2024 7:43 PM	SAS	14/7/2024 7:43 PM	SAS
Berusaha sendirian	19	88	14/7/2024 9:21 PM	SAS	18/7/2024 10:25 AM	
Tiada kerjasama suami	18	59	14/7/2024 9:22 PM	SAS	17/7/2024 11:14 PM	
RQ4 PASCA PERCERAIAN	22	155	14/7/2024 7:46 PM	SAS	14/7/2024 7:46 PM	SAS
Kesan emosi	19	68	14/7/2024 9:29 PM	SAS	17/7/2024 11:23 PM	
Penambahbaikan Kualiti Hidup	19	87	14/7/2024 9:29 PM	SAS	18/7/2024 10:29 AM	

Page 1
Page 2

Rajah 3.9: Tema Hasil Analisis Nvivo

3.6 Instrumen Pengesahan Dan Kebolehpercayaan Data

Kebolehpercayaan data merupakan perkara utama yang perlu ditekankan sepanjang kajian ini. Memandangkan ia merupakan kajian berbentuk kualitatif dan penganalisaan pula menggunakan pendekatan *Interpretatif Phenomenological Analysis*, data yang diperolehi hendaklah dipastikan dari awal adalah sehampir tepat sepertimana yang ditetapkan dalam matlamat kajian.

Beberapa kaedah yang dicadangkan oleh pakar kualitatif dalam memastikan ketepatan data adalah pemilihan peserta kajian, soalan temubual dan pengkaji itu sendiri.

3.6.1 Penentuan Kriteria Peserta Yang Tepat Selari Dengan Objektif Kajian

Menurut Smith, pemilihan peserta hendaklah ditentukan oleh kriteria yang tepat dan homogen (Nizza, Farr, & Smith, 2021). Dalam kajian ini, kriteria yang ditetapkan ialah (1) wanita, (2) telah bercerai, (3) perkahwinan sebelum ini berlangsung dalam tempoh kurang dari 6 tahun (4) pemastautin di Kuching semasa perkahwinan berlangsung dan (5) tidak berada dalam perkahwinan semasa temubual dijalankan.

3.6.2 Protokol Soalan Temubual

Soalan temubual juga memainkan peranan bagi menentukan tahap kebolehpercayaan dan kesahan tema. Soalan perlu dibentuk agar selari dengan objektif kajian yang akhirnya menjawap persoalan kajian secara keseluruhan. Untuk memenuhi tujuan ini, protokol soalan telah terlebih dahulu dikemukakan kepada dua pakar untuk mendapatkan pengesahan. Untuk melihat kesahan protokol temu bual, pengkaji telah meminta dua orang pakar untuk menilai dan menyemak soalan protokol yang dibina. Sedikit penambahbaikan soalan perlu dilakukan dari segi cara menyoal peserta kajian agar maklumat yang lebih tepat dan menjurus diperolehi. Dalam hal ini, pengkaji telah menambahbaik protokol soalan yang bakal dikemukakan kepada peserta kajian Ini bagi memastikan sebaik mungkin kesemua objektif kajian dipenuhi dengan memastikan soalan-soalan ditanya mengikut turutan yang bersesuaian dengan kaedah penceritaan peserta klien kelak.

3.6.3 Pengkaji Sebagai Instrumen Kajian

3.6.3.1 Kemahiran mendengar

Kaedah seterusnya bagi memastikan kesahan data ialah dengan sentiasa memberi perhatian secara mendalam dan mendengar dengan aktif sepanjang sesi temubual dengan peserta kajian. Pengkaji kerap menggunakan teknik asas kaunseling terutamanya parafrasa isi, perasaan, membuat rumusan di samping meneroka isi dan perasaan peserta. Ini bagi tujuan memastikan apa yang difaham oleh pengkaji adalah selari dengan apa sebenarnya yang dialami oleh peserta kajian dalam sesi temubual tersebut. Pengkaji juga memastikan agar urutan soalan yang sama dilakukan dalam setiap temubual bersama peserta.

3.6.3.2 Refleksi

Sementara itu, semasa dalam proses membuat analisis data, pengkaji perlu sentiasa mengekalkan tahap kesedaran kendiri melalui aktiviti refleksi dengan mencatatkan pemikiran dan perasaan yang ada dalam diri pengkaji sepanjang proses kajian dilakukan, membuat *bracketing* seperti yang disarankan oleh Husserl bagi memastikan sebaik mungkin bahawa interpretasi yang dilakukan terhadap pengalaman peserta kajian tadi tidak dipengaruhi oleh pengalaman peribadi atau pengalaman terhadap persekitaran beliau sebelum ini (Smith & Osborn, 2015).

Refleksiviti merujuk kepada proses refleksi kendiri yang berterusan yang dilakukan oleh pengkaji untuk menjana kesedaran tentang tindakan, perasaan dan persepsi mereka (Berger, 2015a; S. Smith, 2006). Refleksiviti dalam penyelidikan meningkatkan ketelusan dalam peranan subjektif penyelidik, samada dalam menjalankan penyelidikan dan menganalisis data dan membolehkan penyelidik menggunakan perubahan yang diperlukan untuk memastikan kredibiliti penemuan mereka menekankan bahawa refleksitiviti perlu sentiasa dirasai kehadirannya dalam gaya penulisan yang digunakan untuk melaporkan penemuan penyelidikan, dan menekankan bahawa nada penulisan dalam laporan perlu bersifat pengakuan dan bukannya realistik semata-mata (Eatough & Smith, 2017). Walau

bagaimanapun, refleksiviti adalah proses yang berterusan dan komprehensif untuk digunakan pada waktu-waktu yang berbeza dalam proses penyelidikan - bukan sahaja semasa melaporkan penemuan tetapi juga semasa mereka bentuk projek, mengumpul dan menganalisis data, dan menyebarkan penemuan (Berger, 2015b).

Sepanjang melakukan kajian, pengkaji mendapati seolah-olah diri pengkaji sedang berkomunikasi dengan diri sendiri. Catatan ini menzahirkan apa yang berlaku dalam pemikiran saya sebagai refleksi kepada proses kajian. Proses pemikiran pengkaji boleh memberi kesan kepada pengumpulan data, analisis dan interpretasi (Darawsheh, 2014). Kajian menunjukkan bahawa refleksiviti boleh digunakan sebagai alat untuk membimbing proses penyelidikan dan untuk mengehadkan bias penyelidik dan subjektiviti mereka (Michelle Ortlipp, 2008). Refleksiviti dilakukan adalah bagi membolehkan pengkaji melakukan *bracketing*. Ia merupakan satu kaedah dalam kajian kualitatif bagi mengurangkan kesan prasangka yang berpotensi untuk mencemarkan proses pengumpulan data, analisis dan interpretasi. Tujuan sampingan pengkaji melakukan refleksiviti sepanjang kajian ialah untuk mengelak bias daripada berlaku sepanjang proses kajian dilakukan.

Dengan cara ini, pembaca dapat melihat dengan jelas sejauh mana interpretasi pengkaji terhadap pengalaman hidup peserta kajian mempengaruhi hasil dapatan kajian. Sekalipun ianya tidak dapat dielakkan, namun apabila aktiviti reflektif ini dizahirkan, ia menjadikan kajian ini lebih dipercayai (*reliable*) dan sah (*valid)* (Freysteinson et al., 2013).

Kedua-dua pengkaji dan peserta mempunyai pengaruh subjektif terhadap proses penyelidikan dan penemuannya kerana sukar untuk menentukan sama ada tafsiran penyelidik benar-benar mencerminkan peserta (Darawsheh, 2014; Houghton & Keynes, 2013). Ini bermakna dapatan kajian kualitatif adalah hasil sintesis perspektif peserta, dengan pengkaji pasti mempengaruhi pengumpulan dan tafsiran penemuan (Finlay, 2002).

Melalui refleksitiviti, pengkaji merenung pemikiran, tindakan, andaian dan jangkaan pengkaji (Finlay, 2002; Lambert, Jomeen, & McSherry, 2010). Ini membolehkan pengkaji membawa pemikiran dan tindakan ke tahap sedar dan menyedari pengaruh pengkaji mereka terhadap proses penyelidikan (Jootun et al, 2009). Oleh itu, refleksitiviti membolehkan pengkaji menyediakan rasional untuk keputusan penyelidikan pengkaji, dan seterusnya mengubah proses penyelidikan untuk menjana penemuan yang relevan (Finlay, 2014; J. A. Smith, 2011)

Pengkaji juga meletakkan refleksiviti sebagai proses introspektif di mana penyelidik menjadi sedar dan lebih 'telus' apabila membentangkan pengaruh subjektif mereka terhadap proses penyelidikan.

3.6.3.3 Kedudukan Pengkaji (Researcher's positioning)

Mengetahui tentang di mana kedudukan pengkaji dalam keseluruhan aspek kajian adalah penting bagi memudahkan proses pengumpulan data. Memandangkan kajian ini adalah bersangkutan dengan pengalaman penceraian di kalangan masyarakat Melayu yang menganggap isu rumahtangga sebagai suatu yang terlalu peribadi untuk didedahkan, ia boleh menimbulkan rasa kurang selesa dan teragak-agak untuk peserta kajian berkongsi pengalaman mereka.

Konflik rumahtangga dan juga penceraian dalam kalangan budaya dan norma orang Melayu adalah suatu yang di anggap *taboo* dan tidak boleh didedahkan kepada orang luar atau orang asing (Rozaina, 2019) . Ia boleh mendatangkan rasa kurang selesa memandangkan penceraian mempunyai stigma negatif. Namun begitu, peranan Jabatan Agama Islam Sarawak dalam menyediakan khidmat nasihat dan kaunseling perkahwinan telah sejak penubuhannya pada tahun 1995 telah memberi kepercayaan kepada masyarakat bahawa permasalahan rumahtangga boleh disalurkan kepada pihak berwajib yang

memainkan peranan sebagai orang tengah pada konflik suami isteri. Dalam ertikata lain, masyarakat percaya bahawa masalah rumahtangga tidak boleh dibincangkan kepada orang luar dari keluarga hanya kepada pihak yang berwajib yang dilihat mempunyai kredibiliti dan kepakaran dalam bidang tersebut bagi tujuan menegakkan keadilan.

Dalam keadaan konteks kajian ini, pengkaji meletakkan diri pengkaji sebagai seorang pelajar peringkat kedoktoran bidang Kaunseling yang mengkaji tentang perkahwinan dan penceraian. Selama 19 tahun sebelum ini pengkaji telah berkhidmat sebagai kaunselor perkahwinan yang menjadi rujukan masyarakat setempat. Banyak kes konflik perkahwinan yang telah pengkaji tangani, tanpa pengkaji dapat mengira berapa banyak perkahwinan yang dapat diselamatkan dan berapa banyak pula perkahwinan yang berakhir dengan penceraian selepas salah satu pasangan atau kedua-dua pasangan melalui sesi kaunseling bersama pengkaji. Selain daripada itu, pengkaji juga kerap dijemput untuk menyampaikan ceramah berkaitan dengan perkahwinan dan pengkaji adalah penceramah tetap bagi tajuk Pengurusan Stres dan Konflik Perkahwinan untuk Kursus Pra Perkahwinan.

Pengalaman pengkaji dalam bidang ini banyak membantu dalam menyelami perasaan yang dilalui oleh klien. Pengkaji sudah biasa menerapkan sifat dan ciri seperti kongruen, tidak meletakkan pra syarat, mendengar dengan empati, mengawal diri dari menilai dalam interaksi beliau dengan klien. Pengkaji juga sedar bahawa pengkaji akan sentiasa berdepan dengan interaksi yang beremosi dan berkecenderungan untuk membuat penilaian dan menjerumuskan pengkaji pada perasaan yang sangat kuat yang dikongsikan oleh peserta kajian kelak.

Sepanjang menjadi seorang kaunselor, secara purata pengkaji menerima dan menangani 3 (tiga) kes sehari. Klien pengkaji terdiri daripada kalangan si suami dan si isteri. Dalam satu-satu permohonan, bergantung kepada kes, pengkaji menetapkan minima 3 sesi

kaunseling iaitu (1) sesi bersama pemohon (2) sesi bersama pasangan pemohon dan (3) sesi bersama secara berpasangan. Tujuan pengkaji menetapkan prosedur sedemikian ialah bagi memberi ruang dan peluang untuk pengkaji meneroka, memahami dan mendalami pengalaman klien dari sudut pandang beliau sahaja. Manakala sesi berpasangan diperlukan bagi tujuan (1) menyampaikan pemahaman atau interpretasi pengkaji ke atas pengalaman individu di hadapan dirinya dan juga pasangan. (2) mengesahkan interpretasi pengkaji terhadap pengalaman individu tersebut dalam konteks berpasangan dan (3) melihat dan meneroka reaksi pasangan kepada individu itu tadi dan juga interaksi kedua-duanya semasa berbincang tentang isu perkahwinan mereka.

Setiap kali semasa mengendalikan konflik dan permasalahan suami isteri, pengkaji mendapati diri pengkaji sering berusaha untuk mengekalkan objektiviti dalam membuat interpretasi Pengkaji cuba untuk berada di pihak tengah, tidak terperangkap dengan pengalaman dan juga kekuatan emosi di kedua-dua belah pihak. Pengkaji sentiasa mengingatkan diri bahawa realiti yang dialami oleh si suami tidak sama dengan realiti yang dilalui oleh isteri. Pengkaji perlu memahami pengalaman yang si isteri ceritakan melalui konteks si isteri dan bukan melalui konteks si suami ataupun konteks pengkaji sendiri. Keupayaan meletak diri di posisi 'selangkah ke dalam konteks' klien tetapi pada masa yang sama tetap berdiri di posisi sebagai seorang kaunselor dan orang tengah adalah sangat kritikal sepanjang pengkaji menjalankan peranan sebagai kaunselor perkahwinan selama ini.

Demikian juga semasa menyediakan laporan sesi kaunseling, pengkaji perlu memilih perkataan yang menerangkan situasi, pandangan, perasaan, pengalaman klien dengan tujuan untuk menerangkan keadaan atau kejadian tanpa ada unsur penilaian atau tanggapan. Ini bagi mengekalkan objektiviti dan mengelak bias. Sekiranya pengkaji membuat laporan berunsur penilaian dan juga tanggapan, laporan ini kelak akan memberi kesan kepada keputusan

Mahkamah Syariah pada masa akan datang sekiranya isu pasangan klien ini tidak selesai dengan mudah di Mahkamah kelak, melainkan Mahkamah Syariah memanggil pengkaji semata-mata untuk memberikan pandangan dan penilaian profesional sebagai seorang kaunselor

Pengkaji mempunyai alasan tersendiri untuk memilih kajian berbentuk fenomenologi. Fenomenologi ialah kajian yang menghuraikan pengalaman hidup individu yang melalui satu-satu fenomena atau konsep (Cresswell, 2008). Sesuai dengan peranan pengkaji sebagai kaunselor perkahwinan sejak 19 tahun yang lalu, nama pengkaji sudah sinonim dengan perkhidmatan ini. Pendekata, jika ada individu yang mengalami masalah perkahwinan, cadangan pertama mereka yang lain adalah untuk berjumpa dengan pengkaji selaku kaunselor di Jabatan Agama Islam Sarawak. Sepanjang perkhidmatan juga, pengkaji dapat melihat dengan jelas paten dan perkembangan isu-isu perkahwinan di Kuching secara khususnya. Hasil pemerhatian, pengkaji melihat kategori isu permasalahan rumahtangga masyarakat di Kuching adalah konsisten sekitar isu nafkah, tanggungjawab, kecurangan, campurtangan keluarga dan kecurangan. Empat isu ini adalah yang tertinggi dari segi statistik dan setiap tahun ia adalah stabil berada di tangga empat teratas. Sementara itu, jumlah penceraian dalam kalangan pasangan baharu berkahwin pula mengalami lonjakan sejak tahun 2015. Hasil pemerhatian ini menimbulkan persoalan yang mendorong pengkaji untuk mengkaji fenomena tersebut yang berlaku dalam masyarakat yang pengkaji tinggal dan bekerja.

Dalam proses pengumpulan data, sekali lagi pengkaji akan menggunakan segala kemahiran kaunseling bagi meneroka permasalahan klien tetapi kali ini objektif temubual berbeza. Ia bukan lagi satu sesi yang bermatlamat untuk meneroka masalah bagi tujuan mencari alternatif penyelesaian, sebaliknya bagi tujuan meneroka pengalaman dengan

soalan-soalan separa berstruktur yang telah dibentuk fokus dan objektif asasnya. Sesi temubual ini mengandungi penceritaan semula pengalaman dan refleksi peserta kajian tentang makna penceraian bagi mereka.

Sebelum memulakan proses pengumpulan data, adalah penting untuk pengkaji menyatakan apakah pandangan dan persepsi pengkaji tentang penceraian. Ini adalah sebahagian dari proses meminimakan kecenderungan bias dalam proses pengumpulan data ini Tanpa mengenalpasti apakah pendirian pengkaji berhubung penceraian, amat mudah untuk pengkaji menarik hasil kajian ini ke dalam bias yang sedia ada dalam diri pengkaji. Di sini , pengkaji akan menerangkan tentang pandangan, pengetahuan, pengalaman dan persepsi pengkaji secara peribadi tentang perkahwinan dan penceraian. Pengkaji akui, perkahwinan pengkaji sendiri, pemerhatian dari perkahwinan orang sekeliling, pengalaman sebagai kaunselor perkahwinan dan juga proses pembesaran pengkaji dalam keluarga menjadikan pengkaji seorang yang aktif memikirkan tentang fenomena penceraian.

3.6.4 Pengesahan Inter rater Reliability Cohen Kappa

Untuk melihat kebolehpercayaan tema-tema hasil dapatan temu bual yang dijalankan, pengkaji menggunakan kaedah pengiraan Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa seperti yang dicadangkan oleh Yin (2004). Penggunaan Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa boleh dipercayai kerana beberapa pengkaji kualitatif di Malaysia telah menggunakan persetujuan Cohen Kappa ini untuk mengesahkan tema atau unit yang ditemui dalam analisis data temu bual supaya boleh dipercayai (lihat Zamri 2004; Nik Mohd. Rahimi 2005). Pengkaji telah meminta perkhidmatan dua orang pakar untuk menyemak dan memberikan komen terhadap protokol temu bual yang telah siap dibina oleh penyelidik. Kedua-dua pakar tersebut ialah dua orang mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan kualitatif dan juga kaunseling perkahwinan. Kebolehpercayaan data temu bual dilihat

menggunakan kaedah Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa (K) menggunakan formula yang dicadangkan oleh Yin (1994), iaitu seperti berikut: (fa-fc)/(N-fc) di mana fa=kekerapan persetujuan penilai , fc=kekerapan kebarangkalian dan N=jumlah item yang disediakan dalam skema pengekodan. Berikut adalah keputusan Kebolehpercayaan Cohen Kappa yang diperolehi daripada dua penilai:

Penilai 1

$$\boldsymbol{K} = \frac{fa - fc}{N - fc}$$

$$\boldsymbol{K} = \frac{249-134}{268-134} = \frac{115}{134}$$

$$\boldsymbol{K} = \mathbf{0.85}$$

Penilai 2

$$\mathbf{K} = \frac{\mathrm{fa}-\mathrm{fc}}{\mathrm{N}-\mathrm{fc}}$$

$$\mathbf{K} = \frac{239-134}{268-134} = \frac{105}{134}$$

$$\mathbf{K} = \mathbf{0.78}$$

Nilai Purata Persetujuan Kappa Coefficient:

$$\boldsymbol{K} = \frac{0.85 + 0.78}{2} = \frac{1.63}{2}$$

$$\boldsymbol{K} = \mathbf{0.815}$$

Rajah 3.10: Keputusan Kebolehpercayaan Cohen Kappa

Indeks kebolehpercayaan Cohen Kappa secara keseluruhannya ialah K = 0.815. Landis dan Koch (1977) telah mencadangkan cara interpretasi nilai yang diperoleh menggunakan formula Cohen Kappa tersebut, iaitu nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.75 menunjukkan persetujuan yang kuat ataupun menunjukkan tahap konsistensi

pengekodan data yang dilakukan oleh pengkaji adalah tinggi. Nilai 0.41 hingga 0.74 menunjukkan tahap ketekalan yang sederhana, dan nilai di bawah 0.40 menunjukkan tahap ketekalan yang lemah. Manakala menurut Fleiss (1981) dan Gardner (1995), nilai yang melebihi 0.75 adalah terbaik di atas 50 peratus jangkaan persetujuan antara penilai. Sementara nilai koefisien antara 0.40 hingga 0.75 menunjukkan nilai sederhana di atas peratus jangkaan persetujuan. Nilai 0.40 dan ke bawah adalah lemah kerana berada di bawah 50 peratus jangkaan persetujuan. Kelemahan menggunakan pengiraan Cohen Kappa ini adalah apabila unit persetujuan adalah sama dengan peluang jangkaan persetujuan (fa – fc = 0). Jika unit (tema) persetujuan (fa) lebih besar daripada peluang jangkaan persetujuan (fc), maka nilai koefisien (K) menjadi positif. Sebaliknya, jika unit fa lebih kecil daripada jangkaan fc, maka nilai k menjadi negatif. Nilai k paling maksima ialah +1.00 di mana semua penilai bersetuju dengan semua unit yang dikemukakan. Sementara nilai unit yang diuji nilai persetujuan diwakili oleh bilangan unit yang diiuji (N).

Berpandukan kepada pendapat-pendapat ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat persetujuan yang tinggi antara pakar -pakar penilai terhadap hasil dapatan tema-tema daripada kajian ini sekaligus membuktikan kebolehpercayaan yang tinggi bahawa tema-tema ini menggambarkan pengalaman perkahwinan wanita yang bercerai pada awal perkahwinan di Kuching Sarawak.

3.7 Pertimbangan Etika

Menurut Cresswell (1998), banyak isu etika terlibat dalam kajian berbentuk kualitatif. Kebenaran bertulis untuk menjalankan kajian telah terlebih dahulu diperolehi dari Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak tempat di mana pengkaji akan mendapatkan maklumat berhubung daftar penceraian dan seterusnya mendapatkan peserta kajian. Maklumat yang terdapat di dalam daftar dan fail klien diklasifikan sebagai sulit, maka

menjadi tanggungjawab pengkaji untuk memastikan maklumat tersebut tidak didedahkan kepada umum. .

Identiti peserta juga telah dirahsiakan dengan menggunakan nama samaran. Setiap peserta telah dimaklumkan bahawa pengkaji akan menggunakan nama samaran sahaja bagi merujuk kes mereka di dalam kajian. Borang persetujuan dan kebenaran menjadi peserta kajian dibina dan diberikan kepada setiap peserta sebelum sesi temubual dimulakan. Setiap peserta diterangkan tentang tujuan kajian dan juga hak peserta kajian untuk mengetahui tentang perkembangan kajian ini. Peserta kajian juga berhak untuk menarik diri bila-bila masa yang mereka perlukan sekiranya mereka merasa kurang selesa pada proses kajian ini.

Pengkaji juga telah meminta kebenaran peserta kajian untuk merekodkan temubual dan memberi jaminan yang rekod audio tersebut akan dipadamkan sebaik saja kajian ini selesai. Akhir sekali peserta dikehendaki menandatangani borang kebenaran setelah faham dan bersetuju dengan penjelasan yang diberikan.

3.8 Kesimpulan

Pendekatan *Interpretative Phenomenological Analysis* ini bersesuaian untuk diaplikasikan bagi meneroka pengalaman hidup individu yang bercerai pada awal perkahwinan mereka di Kuching Sarawak. Dua tumpuan diberikan iaitu, individu yang bercerai pada awal perkahwinan dan juga konteks yang ditetapkan adalah di Kuching Sarawak. Kajian ini diharapkan dapat mengeluarkan tema-tema utama yang menjawap objektif kajian bagi persoalan besar iaitu “Bagaimanakah pengalaman bercerai pada awal perkahwinan?” Kajian ini bakal melihat apakah faktor utama yang membawa kepada penceraian di awal perkahwinan, apakah isu-isu perkahwinan yang sering berlaku dalam kalangan pasangan yang baharu berkahwin, apakah daya tindak yang diambil oleh pasangan

yang baharu berkahwin dan apakah harapan serta keperluan individu yang baru bercerai pada masa hadapan.

Penemuan pada kajian ini diharapkan dapat memberi *input* kepada pihak pembuat dasar, pengamal kaunseling, ketua masyarakat yang terlibat secara langsung dalam memberi intervensi kepada pasangan suami isteri dalam aspek perkahwinan mereka dan juga kepada masyarakat umum agar memahami dinamik perkahwinan agar melakukan persediaan sebelum dan semasa melalui fasa perkahwinan

BAB 4

KEPUTUSAN

4.1 Pendahuluan

Hasil daripada analisis kajian mendapati bahawa terdapat 8 tema utama dan 22 subtema di sebalik pengalaman bercerai di awal perkahwinan dalam kalangan wanita Islam di Kuching Sarawak. Bab ini akan menerangkan hasil dapatan melalui dua cara iaitu; pertama, penerangan berdasarkan objektif kajian melalui jadual yang disediakan dan cara kedua, penerangan terperinci hasil dapatan kajian berdasarkan tema dan subtema hasil penemuan kajian ini.

4.1.1 Objektif dan Hasil Dapatan Tema Kajian

Secara umumnya, keempat-empat objektif yang ditetapkan pada awal kajian sebelum ini telah berjaya dijawab melalui beberapa tema utama yang diperolehi dalam hasil kajian ini. Pencapaian objektif adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Jadual 4.1: Objektif dan Tema & Subtema

Bil	Objektif	Tema dan Subtema
1.	Meneroka faktor-faktor yang mendorong kepada keputusan cerai	Tema 7: Cerai sebagai penamat derita Subtema 1: Keputusan cerai dilakukan sebelah pihak Subtema 2: Mahu ubah kehidupan Subtema 3:Berhenti mengharap perubahan Subtema 4: Persepsi terhadap perkahwinan yang tidak menguntungkan

Jadual 4.1 sambungan

2.	Meneroka isu-isu yang dihadapi sepanjang perkahwinan	Tema 1: Persepsi terhadap realiti terhadap perkahwinan Subtema 1: Tanggapa yang baik terhadap pasangan. Subtema 2: Perwatakan selepas Berkahwin tidak sama seperti yang dipamer sebelum berkahwin Tema 2: Kesukaran dalam menyesuaikan diri Subtema 1: Kesukaran menyesuaikan diri dengan personaliti pasangan Subtema 2: Kesukaran menyesuaikan diri dengan mentua Subtema 3: Kesukaran menyesuaikan diri dengan tanggungjawab dan peranan Subtema 4: Kesukaran menyesuaikan diri dengan persekitaran Tema 3: Halangan dalam komunikasi Subtema 1: Kurang perkongsian suami isteri Subtema 2: Salah tafsiran/tuduhan oleh pasangan Subtema 3: Ketidaktelusan. Tema 4: Kekurangan kasih sayang dan perhatian Subtema 1: Kemesraan berkurangan Subtema 2: Kekecewaan berulangkali Subtema 3: Kerapkali berlaku pertengkaran dan kekasaran. Tema 5: Pengabaian Subtema 1: Diabaikan keperluan Nafkah oleh suami Subtema 2: Dibiarkan menyara hidup sendiri. Tema 6: Daya tindak menangani masalah dan tekanan Subtema 1: Daya tindak sendirian Subtema 2: Daya tindak diadik/berpasangan

Jadual 4.1 sambungan

3.	Meneroka daya tindak yang diaplikasikan oleh wanita dalam menangani isu sepanjang perkahwinan	Tema 6: Daya tindak menangani masalah dan tekanan Subtema 1: Daya tindak sendirian Subtema 2: Daya tindak diadik/berpasangan
4	Meneroka perancangan dan tindakan yang diambil selepas bercerai	Tema 8: Motivasi untuk bangkit semula Subtema 1: Kawalan emosi selepas bercerai Subtema 2: Membaiki taraf kehidupan
5.	Menghasilkan Model Penyesuaian Awal Perkahwinan	Bab 5 Perbincangan 5.10

4.1.2 Demografi Peserta Kajian

Jadual 4.2: Demografi Peserta Kajian

Bil	No Rujukan (A-analisis) (P-peserta)		Nama Samaran	Umur Semasa	Umur Kahwin	Tahun Kahwin	Tahun Cerai	Tempoh Kahwin	Tempoh Kenal	Kerja Masa Kahwin	Umur ex Masa Kahwin	Bil Anak
1	A01	P20	Liza	34	26	2012	2017	5	> 2 THN	Suri rumah	27	1
2	A02	P17	Tiana	30	27	2017	2019	2	> 6 BLN	Kilang	27	2
3	A03	P01	Riza	30	26	2017	2019	2	> 6 BLN	Kerajaan	30	-
4	A04	P09	Sya	26	22	2016	2019	3	> 2 THN SENDIRI	Tiada	30	1
5	A05	P05	Ayu	24	18	2014	2017	4	> 2 THN	Sendiri .	18	1
6	A06	P19	Kila	23	20	2017	2019	2	> 2 THN	Kerani	20	1
7	A07	P12	Rini	39	35	2017	2017	6 BULAN	> 2 THN	Pensyarah	40	-
8	A08	P04	Weena	35	30	2015	2018	3	> 2 THN	Suri rumah	25	1
9	A09	P18	Aida	39	30	2011	2017	5	> 2 THN	Pen. Eksekutif	26	2
10	A10	P15	Faiza	38	33	2015	2019	4	> 2 THN	Guru	26	-
11	A11	P02	Aimi	21	17	2017	2019	2	< 2 THN	Suriruma h	17	2
12	A12	P25	Aini	24	21	2017	2020	3	> 6 BLN	Suriruma h	-	1

Jadual 4.2 sambungan

13	A13	P07	Diana	22	16	2015	2019	4	> 2 THN	Surirumah	-	-
14	A14	P30	Dang	23	21	2017	2019	2	> 2 THN	Surirumah	22	1
15	A15	P28	Shima	41	34	2013	2015	2	> 2 THN	Sales supervisor	46	-
16	A16	P10	Zalina	32	26	2014	2020	5	> 2 THN	Sendiri	-	-
17	A17	P29	Wani	33	21	2009	2013	4	< 6 BLN	Pengawal	-	2
18	A18	P13	Munira	31	24	2013	2016	3	> 6 BLN	Kilang	29	2
19	A19	P23	Raihana	29	24	2015	2017	3	< 2 THN	Jururawat	-	2
20	A20	P21	Nor	38	27	2010	2013	3	< 2 THN	Guru	29	1
21	A21	P06	Nurul	23	20	2017	2020	3	> 2 THN	Kilang	-	-
22	A22	P22	Zura	33	25	2012	2016	4	< 2 THN	Kerani	-	2
23	A23	P24	Lin	39	34	2015	2016	1	> 2 THN	Pen. J/tera	-	-

*Nama peserta bukan nama sebenar

4.2 Tema Dan Subtema Hasil Dapatan Kajian

Terdapat 8 tema utama dan 22 subtema yang diperolehi hasil daripada kajian ini. Ringkasan tema dan subtema tersebut adalah seperti dalam di bawah. Huraian dan penjelasan akan diberikan satu persatu dalam keseluruhan bab ini:

Jadual 4.3: Tema dan Subtema

BIL	TEMA	SUBTEMA
1.	Persepsi terhadap realiti perkahwinan	1. Tanggapan yang baik terhadap pasangan 2. Perwatakan selepas berkahwin tidak sama seperti yang dipamerkan sebelum berkahwin


Jadual 4.3 sambungan

2.	Kesukaran dalam menyesuaikan diri/membina keserasian	3. Kesukaran menyesuaikan diri dengan perangai/personaliti pasangan 4. Kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan mentua 5. Kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan tanggungjawab dan peranan 6. Kesukaran menyesuaikan diri dengan konteks dan persekitaran baru
3.	Halangan dalam komunikasi	7. Kurang perkongsian suami isteri 8. Salah tafsiran/tuduhan oleh pasangan 9. Ketidaktelusan
4.	Kekurangan kasih sayang dan perhatian.	10. Kemesraan berkurangan. 11. Kekecewaan berulangkali 12. Kerapkali berlaku kekasaran dan pertengkaran
5.	Pengabaian	13. Diabaikan keperluan nafkah zahiriah oleh suami. 14. Dibiarkan menyara hidup dirinya sendiri dan menanggung anak.
6.	Daya tindak menangani masalah dan tekanan	15. Daya tindak sendirian 16. Daya tindak diadik/berpasangan
7.	Cerai sebagai penamat derita.	17. Keputusan bercerai dibuat sebelah pihak tanpa perbincangan mendalam. 18. Mahu ubah kehidupan 19. Berhenti mengharap perubahan dari pasangan. 20. Persepsi terhadap perkahwinan yang tidak menguntungkan

Jadual 4.3 sambungan

8.	Motivasi untuk bangkit semula	21. Kawalan emosi selepas penceraian 22. Membaiki taraf kehidupan

4.2.1 Tema 1: Persepsi Terhadap Realiti Perkahwinan



Rajah 4.1: Tema dan Subtema 1

Rata-rata peserta kajian mempunyai ekpektasi yang tinggi berdasarkan tanggapan yang baik terhadap pasangan masing -masing setelah melalui fasa perkenalan sebelum membuat keputusan berkahwin. Mereka mendapati pasangan mempunyai ciri-ciri yang disenangi dan bersesuaian dengan mereka.

4.2.1.1 Tanggapan Yang Baik Terhadap Pasangan

Kebanyakan peserta tertarik dengan sikap menghormati orang tua yang ditonjolkan oleh pasangan masing-masing. Sepertimana yang diceritakan oleh Lin, Riza, Weena dan Shima. Sepanjang mengenali pasangan, Lin memerhati tingkahlaku dan cara pergaulan

pasangannya dengan ibubapa, ibubapa saudara dan ahli keluarga yang lain. Lin mensifatkan pasangannya sebagai '*family man'* dan ciri ini sangat menarik hati Lin pada pasangannya.

> *"Saya tengok dia bagus puan, dia dengan mak mak saudara dia, adik beradik mak dia, macam bagus ya puan.. dia macam family man, macam bersopan.. sepanjang bertunang memang tak nampak. Pernah juga saya cuba dengan perangai degil saya kan, dengan sensitif, merajuk apa semua, memang pandailah dia handle puan, memang tak nampak apa pun, tak nampak pemarah.. tak nampaklah puan!" – Lin*

Riza pula sangat mementingkan restu dari orang tua jika sekiranya pasangan mahu lebih serius dengan beliau. Keberanian pasangan berjumpa dengan bapanya dan persetujuan bapa menambahkan keyakinan Riza untuk menerima pasangannya.

> *"Hujung 2013 tu kami bertunang sebab masa tu dia dah jumpa bapa saya. Gentleman sebenarnya dia ni. Dia berani…bukanlah semudah itu saya nak terima dia jadi suami. Ada tahap-tahapnya jugak.."- Riza*

Munir pula sangat tertarik dengan sikap pasangannya yang sangat menjaga waktu solat dan kemudiannya bersedia untuk berkahwin dengan pasangan dengan harapan pasangannya akan dapat membimbing beliau dalam hal keagamaan.

> *".. sebelum kahwin masa kami berdua berkenalan, sebelum keluar dia kata, tunggu sekejap, lepas sembahyang isya', tunggu saya habis solat kita keluar.. ye kata saya. Itulah yang buatkan saya rasa mahu terima dia. Sebab saya memang cari orang bimbing saya, sebab saya ni bebal sikit bab agama" – Munir*

Sementara itu, beberapa peserta lain seperti Sya, Aini, Haza, Kila , Rini, Ima,dan Zura melalui pengalaman yang indah sepanjang tempoh perkenalan. Pasangan masing-masing digambarkan sebagai lelaki yang prihatin, bermulut manis, penyabar, memberi layanan baik kepada mereka. Ciri ini memberikan tanggapan baik pada pasangan.

> *"Memang sweet lah dia tu, saya memang dilayan baguslah. Sebab kalau masa berkawan dulu, kalau dia nak layan dia layan. Kalau dia hilang, hilang. Kalau kita berguna pada dia, dia ada. Macam itulah bagi saya, kalau berguna ada, kalau tak berguna, tak ada" - Rini*

"masa tu semuanya memang ok lah, semuanya ok. Tak ada nampak yang buruk buruk, tak ada berlaku apa-apa"- Sya

Personaliti yang menarik, sikap yang baik, sopan, hormat orang tua, prihatin, lembut dan beragama semuanya memberikan tanggapan yang baik pada mulanya pada kebanyakan peserta. Mereka membuat keputusan untuk berkahwin berdasarkan kepada kriteria yang disenangi tersebut.

4.2.1.2 Perwatakan selepas berkahwin tidak sama seperti yang dipamerkan sebelum berkahwin

Tanggapan baik yang diharapkan berkekalan sepanjang perkahwinan dilihat semakin berbeza dari realiti yang dilihat selepas berkahwin. Perangai sebenar atau perangai sebalik tanggapan awal tersebut mula kelihatan dan dilihat samasekali berbeza dari sebelum berkahwin dahulu. Perangai atau sikap tersebut kelihatan seawal hari ketiga perkahwinan dan juga selepas beberapa bulan berkahwin. Kesannya, ekspektasi tinggi yang diletakkan pada awal perkahwinan semakin hilang.

Riza dan Weena mendapat tahu kecurangan suami selepas beberapa bulan perkahwinan. Riza membuat sedikit carian maklumat melalui media sosial suaminya setelah melihat kejanggalan dalam tingkahlaku suami. Beliau menemui beberapa petunjuk yang suaminya mempunyai hubungan dengan perempuan lain dan telah mempunyai anak di luar perkahwinan dengan perempuan tersebut.

" .. saya rasa baru sikit je saya buka, lihat melalui facebook, sikit je saya tengok, tengok jauh sikit, saya kata.. owh… ok.. macam ni rupanya perangai dia" – Riza

Sementara itu, Weena pula terjumpa perbincangan kumpulan dalam aplikasi whatsapp yang menunjukkan suaminya telah ke hotel untuk bersama dengan seorang

perempuan yang dipercayai seorang pelacur hanya beberapa bulan sebelum pasangan berkahwin.

> *".. memang masa sebelum nikah saya tak tahu. Bagi saya, dia lelaki yang baik, sempurna, memang saya boleh terima dia. Tapi bila saya baca tu, dia sampai naik ke hotel, tak tahulah.. saya memang kecewa betul .. benci betul kat dia waktu tu.." – Weena*

Pada masa yang sama, Kila, Faiza, Ayu dan Shima tidak sedar bahawa suami mereka telah berlaku curang di belakang mereka seawal tahun pertama perkahwinan sehinggalah perubahan perangai suami kelihatan semakin ketara.

> *".. dia mula tunjuk perangai dia dari bulan satu. Dia ada perempuan lain. Sebelum tu dia tak ada perempuan lain. Saya tak tahulah tahun tu sebab apa dia ada perempuan lain.." - Kila.*

Dang, Wani, Haza dan Lin pula tidak menyangka sama sekali bahawa suami mereka adalah seorang yang cepat marah dan panas baran. Suami Dang dan Wani didapati begitu mudah melakukan kekasaran fizikal pada mereka..

> *" ..awal perkahwinan ok, bila saya dah dalam pantang tu, saya bersalin dia dah tunjuk taring dia.. dia terlafaz talak depan keluarga saya.. dia pukul saya.." - Wani.*

Manakala Lin pula sangat terkejut dengan reaksi kasar yang ditunjukkan suami pada hari ketiga perkahwinan semasa pasangan dalam bulan madu. Sikap suami ini samasekali berbeza dari apa yang beliau kenali sepanjang perkenalan mereka. Perbezaan sikap dan tingkahlaku ini sangat mengecewakan Lin.

> *"Kira hari ketiga tu pergi bulan madu, pergi Sabah. Ha, masa tu lah dia tunjuk sebenar benarnya puan.. yang saya ingat kan.. saya kata kat dia, eh.. apahal sayang buat U turn lagi?. Dia terus cakap ' Diam engkau!. Itulah kali pertama.. saya terus diam, terkejut.. dah la baru hari ketiga bersuami isteri... dia langsung tak ada sifat memujuk dia.. memang bermula dari hari tu dah tak ada dah sifat memujuk dia.. itulah permulaannya puan, dua tiga hari dah ada true colours dia.. ya Allah betapa saya menyesal habislah.." – Lin*

Kemesraan yang ditonjolkan suami sepanjang perkenalan menyebabkan Sya, Aini dan Rini mengharapkan agar ianya berkekalan sepanjang perkahwinan. Namun sebaliknya apa yang diharapkan itu tidak berlaku.


> *"Siang dia kerja dengan bapa dia, malam dah kerja di XX, balik dah tengah malam dah, memang tak ada masa langsung puan. Lagipun sebagai suami isteri kan, telefon kan ada, call lah.. tanya khabar ke, ini langsung tak ada..dulu dia sangat ambilberat."- Aini.*
>
> *"Yang saya fikir sekarang ni.. tak ada komunikasi antara kami berdua. Sebab lepas bernikah je dah tak pandai berborak. Masa kami berdua bertunang, tiap tiap malam kami berdua bercakap. Memang bertalifon berborak" -Rini.*

Munir pula mendapati tanggapan awal beliau terhadap suaminya samasekali meleset bila mana selepas berkahwin suaminya bukanlah seorang yang teliti menjaga solat lima waktunya, sebaliknya suami lebih suka meringankan solat beliau dan lama kelamaan meninggalkan solat dengan sengaja.

> *"Masa mula-mula nikah tu memang dia sembahyang. Tapi sembahyang tu, kadang subuh saya kejutkan dia, dia tak mahu bangun. Nanti qadha katanya. Kalau hari-hari macam ni bagus tak payah ajelah. Saya gerak dia bangun subuh, tak mahu"- Munir*

Secara kesimpulannya, mendapati bahawa pasangan yang dikenali sebelum berkahwin mempunyai sikap dan perangai yang berbeza dari apa yang yang sedang dihadapi adalah perkara yang agak mengecewakan, malah bagi sesetengah peserta merasa kesal dengan keputusan berkahwin yang disifatkan sebagai tergesa-gesa, tidak mengkaji lebih mendalam dan ada peserta yang merasa tertipu dengan penampilan awal yang ditonjolkan.

4.2.2 Tema 2: Kesukaran Dalam Menyesuaikan Diri /Membina Keserasian



Rajah 4.2: Tema dan Subtema 2

Kebanyakan peserta kajian berdepan dengan kesukaran dalam proses penyesuaian diri dan membina keserasian sepanjang fasa awal perkahwinan. Penyesuaian diri ini termasuklah penyesuaian dengan perangai dan personaliti pasangan, mentua, tanggungjawab dan peranan dan juga penyesuaian diri dengan konteks dan persekitaran baru.

4.2.2.1 Kesukaran menyesuaikan diri dengan perangai atau personaliti pasangan

Secara umumnya, kesemua peserta kajian mempunyai personaliti yang berbeza dengan pasangan masing-masing. Walaupun sepanjang perkenalan, peserta mendapati mereka dan pasangan mempunyai beberapa kriteria yang saling menarik, namun selepas berkahwin mereka mendapati kriteria tersebut jauh berbeza dan mereka mendapati kesukaran untuk menyesuaikan diri dalam perkahwinan.

Sya, Munir dan Liza berdepan dengan suami yang tidak mahu menyesuaikan kebiasaannya dengan perubahan hidup. Suami Sya masih mahu sentiasa dekat dengan

ibunya dan tidak mahu melebihkan masa untuk berada lebih lama dengan isteri dan anak. Sya mendapati beliau sukar menerima corak kehidupan sebegini kerana sebagai isteri, beliau sangat inginkan agar suaminya lebih banyak memberi tumpuan kepada keluarga baru mereka.

> *"Saya tak pernah, memang tak pernah terlintas nak melarang dia ziarah mak dia. Sebab setiap hari dia balik dari tempat kerja dengan rumah mak dia memang tak jauh. Awak nak ziarah mak awak, pergilah. Tapi satu saja saya minta, kalau dah setiap hari macam ni, isteri mana tak makan hati. Sebab awak balik kerja nanti dah letih, lepas balik, mandi awak terus tidur, sebab awak dah makan kat rumah mak awak" - Sya*

Sementara itu, Liza pula cuba menyesuaikan dirinya dengan kehadiran anak. Memandangkan anak masih terlalu kecil, tumpuan banyak diberikan kepada anak tersebut. Namun pada masa yang sama, beliau mendapati suaminya berubah sikap, tidak lagi mahu rapat dan bersama sama dengan beliau.

> *".. sebelum saya ada anak, dalam tempoh setahun lebih tu, kira di awal perkahwinan tu dia adalah bawak berjalan, jalan merata lah, pergi ke Thailad, pergi melanconglah, pergi Cameron, Pulau Pinang, perkara tu memang entertainlah.. memang dia layan lah kan?. Tapi bila kami dah ada anak, dia jadi berubah. Mungkin dia merasakan, rasa saya lah, kasih sayang saya tu lebih kepada anak, bukan kepada dia, saya agaklah..". – Liza*

Perubahan sikap suami tidak lagi memberikan perhatian pada beliau dan anak menunjukkan kesukaran di pihak suami menyelaraskan dan menyesuaikan dirinya selari dengan penyesuaian yang dilakukan oleh Liza setelah melahirkan anak. Liza menyesuaikan dirinya lebih banyak sebagai ibu sedangkan suami masih mahu beliau bertindak sebagai isteri melayan dan memberi perhatian kepada beliau. Liza mendapati ianya sukar dilakukan kerana tuntutan menjadi ibu lebih mendesak berbanding sebagai isteri pada waktu itu.

Beberapa peserta kajian mempunyai suami yang mempunyai perangai panas baran, mudah marah dan memberi reaksi yang menggerunkan perasaan mereka seperti mengamuk,

mengeluarkan kata-kata penghinaan dan merosakkan harta benda. Mereka cuba menyesuaikan diri dalam perkahwinan dengan cara melihat diri mereka sendiri sebagai perkara yang perlu diubah agar suami juga berubah dan mendiamkan diri bagi mengelak konflik lebih besar dari berlaku.

Wani pula selalu melihat dirinya sebagai agen perubahan. Beliau beranggapan jika beliau berusaha menyesuaikan, mengubah dan membenarkan dirinya memenuhi kemahuan suami, suaminya juga akan menjadi kurang marah dan semakin berpuashati pada perkahwinan. Akibatnya, hanya Wani yang bertungkus lumus cuba memberi yang terbaik dalam perkahwinan sedangkan si suami hanya menerima kebaikan dan pengorbanan Wani.

> *"Saya didera mental, fizikal semua saya didera. Dalam tempoh perkahwinan saya, nak cakap saya bahagia, ada sikit je bahagia yang saya dapat. Tapi derita yang banyak saya dapat. Saya cuba selamatkan rumahtangga tu, kita kan dalam rumah, kalau sorang perbaiki hubungan tu, sorang lagi tak membantu. memang tak kukuh lah… saya abaikan ajelah, pada masa yang sama saya perbaiki, saya buat yang dia mahu. Semua saya dah adakan, bukannya saya nak mengungkit. Saya bukannya ada, saya usahakan untuk keluarga. Saya usaha , dia mintak saya bagi, sampaikan dia minta gaji saya, saya bagi. Saya tak peduli"- Wani*

Lin pula mengalami kesukaran dalam membuat pertimbangan dan keputusan disebabkan oleh rasa gentar, takut dan tidak selamat ekoran dari emosi suami yang kerap berubah dan sukar diramal. Perangai suami yang mudah marah dan mengamuk menjadikan beliau sukar untuk tenang menumpukan pada perkahwinan, bahkan sukar menyesuaikan dirinya, akhirnya beliau memutuskan untuk berpaut pada ibubapanya dalam hal berhubung anaknya.

> *" .., angin dia kadang-kadang tak betul, tu yang saya takut. Sebab itulah kekadang saya tak melarang jugak mak saya ambil anak …kalau apa apahal berlaku dia nampak kami berdua gaduh, saya tak mahu lah puan" -Lin.*

4.2.2.2 Kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan mentua

Weena, Zalina dan Aida berdepan dengan cabaran menyesuaikan diri dengan mentua di mana mentua bersikap '*protective*' dan mahu menguasai kehidupan mereka suami isteri. Apa yang lebih mencabar ialah suami juga bagai merelakan kehidupan mereka dikuasai oleh ibu masing-masing. Keadaan ini menyukarkan peserta untuk menyesuaikan diri dalam perkahwinan. Setiap tindakan yang diambil sentiasa mendapat tentangan dan kritikan dari mentua. Sukar untuk mereka berbincang secara bersemuka, saling faham memahami dan mendapat kesepakatan antara suami isteri disebabkan adanya ibu mentua di antara mereka. Tindakan ibu mentua yang suka mengadu adu pada anak mereka tentang perlakuan menantu (peserta kajian) sering mengundang persepsi yang salah dan merumitkan proses penyesuaian dalam perkahwinan.

Weena merasakan ibu mentuanya bersaing dengan beliau bagi mendapatkan perhatian dari suaminya. Setiap hari ibu mentua akan menalifon suaminya dan berbual selama hampir 3 jam. Begitu juga setiap kali suami bercuti dari belayar, mereka mesti balik ke kampung suami bagi menziarahi mentua di sana. Sepanjang perkahwinan, Weena berusaha menyesuaikan diri dengan keluarga suami, memenangi hati mentuanya, mengalah dan mendiamkan diri atas sindiran dan layanan buruk yang diterima semasa di kampung dengan harapan dirinya diterima oleh keluarga mentua.

> *"... tak ada niat pun nak berebut sebenarnya… mak dia pun tolak saya, saya tak tahu di mana salah saya. Mungkin saya tak cukup bagus jadinya orang tua dia tak suka?. Tapi saya cuba jugaklah" -Weena*

Zalina juga terpaksa belajar menyesuaikan diri dengan kerenah mentua dengan harapan dirinya semakin diterima dan keserasian antara beliau dan keluarga suami semakin terjalin. Namun begitu, beliau mendapati seolah-olah ibu mentuanya tidak sukakan beliau dan sentiasa melihat tindakan beliau secara negatif. Sikap mentua yang memburukkan beliau

pada suami juga menyukarkan lagi proses membina keserasian dengan suami dan penyesuaian dalam perkahwinan.

> *"Sebelum ni pun, raya tahun lepas dah dingin. Dia hantar saya sebulan bulan berpuasa di rumah mak dia, sedangkan dia di Bintulu. Saya tinggal di rumah mentua, berapa bulan saya di situ sampaikan saya tak berpuasa dengan keluarga sendiri. Semata mata nak ambik hatilah kan. Nak ambik hati mentua, nak ambil hati suami, akhirnya saya yang ditinggalkan. Macam apa yang saya buat semua sia-sia. Sebulan bulan berpuasa, raya pun saya beraya di sana tahun lepas.. sebulan-bulan puasa saya dengan mentua. Mengadap perangai mentua yang anak menangis sikitpun dah marahkan saya, lepas tu anak saya menangis pun dia nak mengadu kat suami saya"- Zalina*

Keadaan yang sama dilalui oleh Aida, di mana beliau mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan mentua sekalipun banyak usaha dilakukan

> *"Lepas kahwin terus tinggal rumah mentua tau.. so.. mula-mula ok. Macam biasalah, menantu masak semua tu, tapi kadang-kadang requirement kita masak tu tak kena dengan apa nya. Bagi kita masakan kita tu ok, tapi bagi dia tak ok, tak dimakan, ditinggal macam tu aje. Jadi bagi saya, bila dah macam tu, lepas tu bila dah dimasak dan kemudian dia masak sendiri lagi sekali, better saya tak masak sebab saya dah cuba nak ubah tapi masih jugak tak kena. Macam.. ala.. masa.. benda tu bukan dapat dibuat terus, kita nak memenuhi citarasa bukan dapat dibuat terus waktu tu jugak"- Aida.*

Sya pula mempunyai mentua yang cenderung untuk mendominasi urusan yang melibatkan suaminya. Walaupun tidak tinggal serumah seperti Zalina dan Aida namun mentuanya tetap mahu mengambilalih kerja kerja mencuci pakaian suaminya. Sya merasakan beliau tidak dapat berdiam diri dan berkompromi dengan mentuanya dalam hal tersebut.

> *" .. sebab dia kata saya kan dalam pantang, tak dapat cuci baju, apalah guna saya kat rumah ni?. Tak ada salahnya kami di rumah ni cucikan baju dia. Kalau kami tak dapat cuci, suruhlah dia sendiri (suami) yang cuci. Suami saya pun pandai mencuci. Masalahnya, dia kata dia letih. Habis tu?. kalau awak letih, takkan nak suruh mak awak yang cuci?.Apa perasaan saya sebagai isteri bila tengok macam tu?. Barang kita suami isteri tu. Walaupun dia tak cuci pakaian saya, tapi pakaian awak, saya rasa serba salah tau tak.*

Biar pakaian awak di rumah ni, saya akan tengokkan. Tak apalah. suami saya pun main biarkan aje. Dia tak berani nak membantah sebab dia jenis menurut kata. "- Sya

4.2.2.3 Kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan tanggungjawab dan peranan

Beberapa peserta kajian membuat keputusan besar untuk berhenti kerja sebaik saja mereka berkahwin.

" Masa kami nikah, disuruhnya saya berhenti kerja. Dia sendiri tak bekerja. Bila saya berhenti dia sendiri pun terus tak mahu turun kerja jugak"-Munira

Sementara itu, Ayu dan Zura berusaha untuk mencari pendapatan sampingan bagi menampung perbelanjaan keluarga di samping menjalankan kewajipan sebagai ibu dan isteri. Ini bertujuan bagi membantu suami masing-masing yang culas pada tanggungjawab nafkah. Usaha ini adalah sebahagian dari cara peserta menyesuaikan diri dengan corak hidup perkahwinan mereka.

" Sebab saya di rumah, tunggu dia balik kerja, habiskan masa dengan anak, dalam masa yang sama, saya cari duit, cari income. Saya belajar dari jual lipstick. Kawan saya tolong ajar dulu. Dari komisyen tiga ringgit. Pergi COD 3 ringgit. Benda tu terlalu besar bagi saya. Macam.. saya bercari duit kan, saya nak kerja tak dapat sebab anak masih menyusu badan. Jadi saya cari duit, cari pendapatan kata orang. Siapa yang perlu dropship, agen, saya ambik"-Ayu

"kerja.. kejap kerja kejap tak.. kejap on kejap off.. macam tu.. saya lah yang bantu, susu pampes anak. Ada kadang mak dia tolong tapi taklah sedap hati, tinggal dengan orang tua kan.. adalah support, takdelah langsung takde. Itulah yang dia bagitau saya kata bina hidup baru jangan tinggal dengan orang tua lagi tapi dia anggap benda tu macam mana ya… beban tau. Bila dia dapat kerja, dia anggap saya ni macam suruh dia beli rumah baru untuk tinggal sendiri. Bukan. Itu hanya perancangan, mesti ada perancangan masa depan kan?. Bila kita dah kerja bagus bagus mestilah bina hidup sendiri kan?. Makan nasi dengan garam pun kata orang lagi senang hidup sendiri, taklah menyusahkan orang tua lagi"- Zura

Aida dan Rini pula berhempas pulas menyesuaikan diri dengan tanggungjawab rumahtangga disamping jadual bekerja masing-masing. Rini mengurus kerja-kerja rumah

pada hujung minggu kerana pada hari biasa beliau tidak sempat melakukannya disebabkan factor tempat kerja yang jauh.

> *"..malas! lambat.. dia tak suka tengok benda macam tu. Kalau saya, saya memang akan buat.. sebab mana ada, hari lain saya kerja bah.. berebut nak membasuh, menyidai, kemas rumah, dah la tempat kerja jauh. Dulu kan masuk kerja memang jam 8. Lebih jam 8 , merah, teruk jugak. Sekarang barulah fleksibel, 8.30 masuk, balik 5.30 petang. Kalau dulu mana ada macam tu. Mana dapat saya nak ikut setiap hari membasuh, menyidai apa semua"- Rini*

Manakala Aida pula menyiapkan kerja-kerja rumah pada awal pagi. Namun begitu kedua-dua mereka mengalami kesukaran bila mana usaha mereka sentiasa mendapat kritikan negatif dari suami dan mentua.

> *"Dah buat dah..itulah kadang, buatlah, kita pun macam.. dia kata anak dia sibuk, saya pun sibuk, tak tahulah kalau dia tak dapat suruh-suruh saya kah, nak suruh buat kerja rumah ke apa ke, mungkin macam tu lah.. tak dapat nak ikut kata dia lah.. .. tapi saya bangun sebelum subuh, sebab saya masak untuk bekal anak bah.. masa tu jugak saya cuci pakaian seawal tu, siapa bangun lewat takdelah baju dia dibasuh saya kan?. Macam tu lah yang saya buat, masa jam 3 sampai 4 setengah pagi. Macam tu lah.. cuma masihlah dia tak puashati. Tak cukup, dia nak macam mana lagi?"-Aida.*

4.2.2.4 Kesukaran menyesuaikan diri dengan konteks dan persekitaran baru

Selepas akadnikah, pasangan tinggal bersama samada di rumah sendiri, tinggal bersama keluarga mentua atau keluarga peserta sendiri. Walau apapun keadaannya, situasi dan suasana sudah berbeza berbanding semasa bujang. Setiap peserta melalui proses penyesuaian dengan persekitaran tempat tinggal dan konteks kehidupan yang baru iaitu daripada sendirian kepada berpasangan.

Ayu, Sya dan Rini banyak melakukan usaha dan pengorbanan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru selepas berkahwin. Ayu sememangnya terus tinggal di rumah mentua memandangkan suaminya masih belajar dan ditanggung keluarga. Sya pula

seringkali dibawa bermalam di rumah mentua selang seminggu, ikut pada kemahuan suaminya, sementara Zalina pula rela berpindah ke Bintulu untuk tinggal bersama suami.

> *"Ya, memang sepanjang masa saya di rumah mentua. Puan bayangkan, saya tak ada keluar, saya tak ada kawan, memang di rumah saja. Ada pun saya balik di rumah keluarga saya, Sabtu dan Ahad. Yalah mungkin bila lihat dia di rumah keluarga dia, ada orang back up dia. Sekali dua kantoi, ada orang back up"- Ayu*
>
> *"Cuma ikut suami saya ke mana dia nak bermalam, kalau dia nak bermalam di rumah mentua, pergi rumah mentualah saya. Tapi jaranglah" – Sya*

Penyesuaian diri berkaitan dengan konteks hidup berpasangan juga sering dialami oleh kebanyakan peserta. Ianya berkaitan dengan konteks hidup berdua sebagai suami isteri seperti pembahagian tugasan dalam rumahtangga, mengubah kebiasaan sebelum berkahwin dan juga membina kemahiran berbincang. Rini mendepani kesukaran dalam menyesuikan jadual harian berkaitan dengan kerja beliau dengan tugasan mengurus rumahtangga bilamana suami sangat bertegas meletakkan ekspektasi bahawa kesemua tugasan itu adalah tugas beliau sebagai isteri.

> *"Ya , memang.. yalah.. macam mana ya, masa tu saya kerja di XX. Saya keluar rumah pun sebelum jam 7. Sampai rumah jam 6 petang. Kemudian, dia jenis setiap hari lantai mesti dimop… bila dah beristeri, dia mahu isteri dia yang buat tu.. kalau isteri tak buat, isteri tu malas.. (ketawa). Tak kuasa saya nak buat. Saya macam ni lah..saya balik jam 6 petang, kemudian masak, saya akan masak dulu, lepas tu saya mesti siap masak dalam masa maghrib lah, mandi, sembahyang, isya baru makan. Lepas tu ada anak kan, dia umur 6 tahun, belum pandai membaca, saya ajar anaklah"- Rini*


Sementara itu Lin pula merasa sukar untuk menyesuaikan diri dengan cara suaminya menangani konflik perkahwinan. Cara suami yang tidak mahu berbincang secara terbuka dan secara langsung dengan beliau menyukarkan beliau untuk menyatakan pandangan dan pendirian berhubung keputusan untuk berpindah rumah.

> *"Ya, mak dia jadi orang tengah. Kenapa mesti jadi macam tu?. Kenapa kena mesti pakai mak jadi orang tengah kan?. Tak perlulah dia pujuk saya ,*

sekurangnya dia jadilah seorang suami, faham tak?. Bincanglah kan.. walaupun keputusan saya nak tinggal di rumah mak dulu kan,tak tipulah, saya harap dia tanya saya.. ok lah.. tidurlah kat sana dulu, macam tu lah dulu kan. Kalau tak setuju pun, aih. kenapa macam tu.. tak ada apa apalah.. ok. Macam tu lah, tapi satu pun tak ada. Maksudnya memang tak ada ikhtiar untuk bagus dengan saya puan, faham tak. Sebab tulah saya dah tak berapa dengan dia..” -Lin.

Sebagai kesimpulan, kebanyakan peserta kajian mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan pasangan, keluarga dan persekitaran baru selepas berkahwin. Kesukaran ini diperincikan lagi termasuklah kesukaran menyesuaikan diri dengan perangai dan personaliti pasangan, mentua, tanggungjawab dan peranan serta konteks dan persekitaran baru.

4.2.3 Tema 3: Halangan Dalam Komunikasi



Rajah 4.3: Tema dan Subtema 3

4.2.3.1 Subtema 1: Kurang perkongsian suami isteri.

Kebanyakan peserta mengalami kurang perkongsian suami isteri. Selepas berkahwin, peserta mendapati mereka tidak lagi berkongsi cerita, melakukan aktiviti harian bersama, bertukar pandangan dan perasaan antara satu sama lain. Sebagai contoh, selepas setahun

berkahwin, Liza merasakan kesunyian dalam hidupnya disebabkan oleh kesibukan dan penumpuan suami pada kerjayanya.

> *"Biasanya saya, sebelum suami saya balik, saya akan pastikan rumah dalam keadaan yang bersih, jaga rumah dia lah.. lepas tu, kalau dia balik tu, makanan dah siap dah kat rumah. Tinggal dia datang, dan kemudian dia makan, dan kemudian dia tidur dan buat kerja dia. Saya cuma perlukan masa, kasih sayang tu tak ada sebenarnya. Saya sunyi sebenarnya. Bila saya fikirkan semula kan, saya sunyi sebenarnya. Sebab saya rasa masa saya hanya untuk anak, masa sebelum ada anak?". -Liza*

Sementara itu Nor pula mendapati sejak dari hari pertama perkahwinan suami bagaikan tidak betah berada di rumah. Beliau hanya balik ke rumah dari kerja untuk mandi dan salin pakaian sebelum keluar pergi ke rumah ibubapanya dan kemudian balik sekejap sebelum maghrib dan keluar semula tanpa memberitahu Nor ke mana arah tuju dan apa urusan yang dilakukan.

> *"Layan tak layahlah.. tak layan.. memang tak berjumpa. Boleh dikatakan dia ni, balik rumah, mandi, salin baju je, lepas tu keluar.. malam lepas maghrib dia dah keluar lagi, baliknya nanti jam 2-3 pagi"- Nor.*

Zalina terasa dirinya diabaikan. Suami tidak bertanyakan khabar dan juga sukar dihubungi. Ini menjadikan mereka kurang berkongsi cerita, masalah, pemikiran dan perasaan. Suaminya tidak tahu tentang kesusahan dan cabaran yang dialami oleh Zalina sepanjang tinggal berjauhan dari suaminya.

> *"Mungkin saya dah lama sangat dibiarnya macam ni. Jadi mungkinlah awal awal dulu dulu saya selalu menangis, dibiarkan macam ni, dah puas menangis, sampaikan orang pun hairan. Hari saya diceraikan saya tak menangis. Dah kering dah airmata, dah tak rasa apa-apa dah sebab dah selalu sangat diabai. Berapa tahun dah saya di sini, diabainya, saya ditinggalkannya, dia tak ambil peduli dengan saya, tak tanya apa saya buat, sihat ke, sakit ke, tak ada. Dah puas tanggung sorang. Dah puas dah menangis sebab dia".- Zalina.*

Aini juga berkongsi pengalaman yang hampir sama dengan Zalina, meskipun beliau tinggal bersama dengan suaminya, namun kesibukan suami bekerja siang malam menjadikan mereka kurang berkomunikasi dan berkongsi cerita, masalah, pemikiran dan perasaan. Walaupun ada kemudahan telefon, suaminya juga membiarkan isteri sendiri di rumah tanpa bertanyakan khabar atau menunjukkan rasa prihatin dan mengambil berat keadaan isterinya. Ini menjadikan Aini semakin tertekan, sensitif dan mudah marah sehingga akhirnya mengamuk merosakkan barang-barang di rumah dan memaksa suaminya menceraikan beliau.

> *".. mahkamah tanya kenapa nak cerai? Dia kata isteri tak henti henti asyik nak minta cerai.. itu sebabnya saya tanya dia, ada pernah tanya ke kenapa isteri asyik minta cerai?. Apa sebab saya jadi macam tu? (senyap). Entahlah, saya kahwin dengan dia puan, memang tak habis-habis menangis. Dia dah kahwin bah. Lagipun dah ada anak. Bila saya kata macam tu nanti, saya yang nampak jahat. Lagipun kami berdua tak ada komunikasi puan. Lagipun dia jenis lurus bendul. Dia diam aje. Tak paham saya"-Aini*

Aida pula sepanjang perkahwinan dikatakan berkomunikasi hanya sehala. Beliau keberatan untuk membantah atau memberi pandangan kerana beliau tahu, di pihak suami enggan untuk berbincang tentang urusan seharian, maka beliau mengambil tindakan lebih kepada diam dan menurut saja kemahuan beliau.

> *".. jadi saya selama 5 tahun tu, kalau boleh, saya boleh katakan, tak adalah bercakap macam ni, ada komunikasi dua hala, memang tak ada. Bagi saya.. ya.. ya.. ermm.. ye.. kalau boleh satu perkataan aje yang saya boleh keluarkan untuk menjawab"- Aida.*

4.2.3.2 Subtema 2: Disalahfaham dan tidak bertujuan untuk memahami

Komunikasi antara pasangan seringkali mengandungi sangkaan-sangkaan awal yang kemudiannya mempengaruhi bentuk interaksi seterusnya. Peserta merasakan diri mereka tidak difahami, maksud asal disalahtafsir oleh pasangan. Perkara ini dialami oleh Sya, Kila dan Rini bilamana suami cepat berkecil hati, marah dan tersinggung atas tindakan dan

saranan yang diberikan oleh mereka, seterusnya memberi tafsiran yang berbeza dari maksud sebenar.

> *"Sebabnya macam mana ya.. saya saja yang dipersalahkan oleh keluarga dia. Bila saya bagitau, saya adu pada suami saya, janganlah selalu sangat pergi ke sana, kata saya. Ada masa peruntukkan lah untuk saya dan anak jugak. Suami saya bila diberitahu macam tu, dia akan memberontak, dia marah lah, awak kenapa cakap macam tu katanya. Dia kan mak saya. "- Sya.*
>
> *"Dia anggap keluarga saya burukkan dia, dia katalah dia kecik hati dengan apa yang keluarga saya dah buat. Saya bagitau dia apa yang keluarga saya buat supaya awak dapat berfikir sendiri. Kenapa keluarga saya buat macam tu.. tapi awak fikir tindakan tu tindakan jahat. Awak anggap ia nya tak baik. Sebab buang awak macam tu, bukan disebabkan keluarga saya buang awak, tapi saya kecik hati pada awak. Dia tak faham tapi itulah, dia anggap keluarga saya jahat" – Kila*
>
> *"Lepas tu, bermula dari minggu ke tiga macam tu lah, apa masalahnya tah, dia tak berkata benar. Kalau ditanya nanti jadi macam saya pulak yang nampak macam tak suka kat keluarga dia. Dia anggap perkara tu macam mana ya.. macam benda remeh je, cuma saya je yang membesar-besarkan perkara tu katanya"-Rini*

Aini pula terlalu kerap dikecewakan oleh suami kerana tidak difahami, tidak diberikan perhatian yang wajar dan ditinggalkan dalam keadaan tertekan. Jadi, bilamana suami tiba-tiba membatalkan perancangan untuk membawa Aini dan anak bersiar-siar hanya kerana mahu membantu adiknya membaiki motorsikal, Aini tidak dapat mengawal pra sangka beliau dan seterusnya mengamuk di depan suami disebabkan terlalu kecewa.

> *"Patutlah dia tak mahu bawak saya berjalan, dia lebih utamakan adik dia, baiki motor. Dia lebihkan benda macam tu daripada saya dan anak. Jadi, hati saya panas. Saya dah lama sangat pendam perasaan. Saya jadi marah-marah, saya pecahkan semua barang. Sebab kan puan, tengoklah sikap dia yang acuh tak acuh, bila saya merajuk, bila saya marah, dia macam diam je. Sukati engkau.. sukati engkau.. jadi saya fikir oooo dia ni memang dah tak mahu lagi dengan saya. Saya rasa macam tu lah ." - Aini.*

Munira juga telah dituduh oleh suaminya ada hubungan dengan lelaki lain yang sama-sama menaiki van kilang. Suaminya mempunyai sangkaan-sangkaan yang pada beliau

tidak wajar. Ini semua berlaku disebabkan oleh kurangnya masa dan komunikasi bersama antara mereka. Tuduhan suami tersebut mengecewakan beliau.

> *" Ya.. orang tu tak tahu yang dia tu suami saya. Melayan jugaklah?, Katanya lagi. Saya tanya dia, ada engkau nampak aku melayan ke?. Ada engkau tengok aku bagi nombor telefon ke?. Sebab aku tahu aku dah bersuami!"- Munira*

Begitu juga dengan Nor yang menegur suaminya agar tidak terlibat dengan aktiviti pembomohan. Meskipun niat beliau baik, namun telah disalahtafsir oleh suami dan beliau pula dikatakan cuma mengenakan suami dengan ilmu hitam melalui makanan.

> *".. ya.. bila dilarang.. dia macam… yalah, bila saya melarang dia, jangan macam tu.. dia.. saya pulak dituduhnya .. dituduhnya bagi dia makan yang pelik-pelik (menangis)"- Nor*

4.2.3.3 Subtema 3: Ketidaktelusan

Halangan komunikasi yang dilalui oleh peserta kajian juga adalah tiadanya ketelusan dalam komunikasi. Ia berlaku apabila salah seorang atau kedua-dua pasangan suami isteri menyembunyikan maklumat, kejadian atau aktiviti daripada pengetahuan pasangannya, berbohong, berselindung atau mengetepikan pasangan dalam perbincangan yang sepatutnya kedua pasangan ada dalam perbincangan tersebut.

Apa yang berlaku pada Munira dan Sya ialah suami mereka menyembunyikan maklumat sebenar dan berbohong pada mereka. Suami Munira terlibat dengan judi dan dadah tanpa pengetahuan beliau pada mulanya. Apabila ada peluang, suami Munira akan hilang tanpa diketahui ke mana. Beliau kerapkali berbohong dan tidak berterus terang tentang pergerakannya bagi mengelak dari dimarah oleh Munira.

> *"Lebih baik kita berdua tinggal rumah lain je. Kalau awak nak buat perangai, buatlah. Tinggal kat rumah flat aje kami masa tu, ditinggalnya kami dua beranak semalam-malaman tak balik, tak bagitau dia ke mana. Katanya lepak kat bawah tu aje. Kalau ada, mestilah motosikal dia ada kat*

bawah. Tak ada. Memang dia tak ada kat situ. Dia memang tak betah di rumah. Tak tahulah apa aktiviti dia"- Munira

Begitu juga dengan suami Sya, beliau tahu Sya tidak berapa gemar jika mengetahui yang beliau kerap berkunjung ke rumah ibunya dan jika isterinya tahu, perkara ini akan menimbulkan pertengkaran. Bagi mengelak perkara ini dari berlaku, suami Sya berbohong dan menyembunyikan maklumat pergerakan beliau pada hari tersebut.

"Suami saya dalam masa tu jugak dia pandai berbohong dengan saya. Tak lah saya tahu yang dia masih lagi pergi singgah ke rumah mak dia, dia temankan mak dia pergi ke sana sini, saya tak pernah melarang, tapi itulah, bila saya berbunyi awak dah fikir saya melarang awak. Sebab tu dia sanggup berbohong kat saya. ..Apa salahnya kalau dia tak ada kerja di stor tu, dia rilek dengan anak isterinya di rumah?"- Sya.


Shima, Weena dan Zalina berdepan dengan masalah komunikasi bila mana perbincangan urusan rumahtangga yang sepatutnya dibincangkan bersama tidak dibincangkan dengan mereka sebaliknya suami lebih selesa berkongsi dengan ibu masing-masing. Bukan itu saja, suami dan mentua mengenepikan Shima, Wina dan Zalina dari mengetahui apa isi perbincangan. Namun apa yang pasti, mereka mendapati hubungan dengan suami semakin menjauh dan ibu mentua pula semakin lama semakin menunjukkan reaksi negatif terhadap Shima dan Weena

"Mak dia salahkan saya. Saya, bila dah dengar mak dia kata macam tu, ooo engkau cerita semua pada mak engkau, engkau mengadu pada mak engkau. Apahal? Kenapa engkau tak pernah cerita dengan aku? Engkau kata ok, saya akan hantar anak ke sekolah, engkau tinggal ka X anak sekolah kat Y, dia ambil anak sekolah di Y. Kan on the way? Menyusahkan ke?. Kalau menyusahkan saya boleh bawak ke kereta ke sana"- Shima.

"Itulah saya kata, awak terangkan la semua tapi dia tak ada buat apa-apa. Akhirnya dah makin selalu berjawap, mak bapak dia kat sana dah panas hati entah apa yang mereka cakap pada anaknya, saya tak tahulah, dah orang bergayut setiap hari, tak tahulah apa yang dicakapnya dengan anaknya sampaikan dia ambil keputusan keluar dari rumah macam tu aje"- Weena

Sebagai kesimpulan, kebanyakan peserta kajian yang mengalami penceraian pada awal perkahwinan mereka mengalami banyak halangan dalam komunikasi mereka suami isteri. Ini adalah disumbangkan oleh faktor kurangnya perkongsian suami isteri, komunikasi yang banyak salah faham dan juga kurangnya ketelusan antara keduanya.

4.2.4 Tema 4: Kekurangan Kasih Sayang Dan Perhatian.



Rajah 4.4: Tema dan Subtema 4

Kebanyakan peserta melaporkan bahawa fasa awal perkahwinan mereka mengalami penyusutan dari segi perasaan cinta dan kasih sayang dengan cepat ekoran dari banyak dan kerapnya berlaku insiden yang negatif antara suami isteri.

Kebanyakan peserta kajian merasakan bahawa cinta mereka semakin lama semakin berkurangan terhadap suami. Beberapa keadaan yang dilalui menyumbang kepada penurunan atau perubahan perasaan ini.

4.2.4.1 Subtema 1: Kemesraan berkurangan

Riza dan Liza mendapati kemesraan antara mereka dengan suami semakin berkurangan ekoran dari jarangnya masa yang ada untuk mereka berduaan. Pasangan secara asasnya tinggal berjauhan disebabkan pasangannya bekerja di Kuala Lumpur. Ini menjadikan masa bersama mereka sangat terhad dan apabila suami balik sesekali ke Kuching, pasangan mengambil peluang untuk balik ke kampung mereka. Semasa di kampung, suami Riza dikatakan selalu keluar melepak dengan kawan-kawannya apabila beliau pulang bercuti ke kampung dengan isteri. Riza tidaklah sangat mengharapkan setiap kali bersama, mereka perlu berasmara, sebaliknya cukuplah jika duduk santai sambil membanyakkan lagi masa berkualiti bersama sebagai suami isteri agar kemesraan semakin berkembang.

> *".. ya.. saya dapat rasakan dia semakin berubah.. dia tak lagi layan saya macam dulu.. kalau dulu hubungan kami sangat mesra, berbeza dengan sekarang dah semakin menjauh…" Riza*

Sementara itu Liza juga kurang masa berkualiti bersama dengan suami disebabkan suami bekerja sebagai juruterbang dan selalu bepergian selama beberapa hari dan cuti dalam 2 hari sahaja seminggu. Setiap kali suaminya balik dan berada di rumah, itu sahajalah satu-satunya peluang untuk beliau bermesra dengan suami dan membina kasih sayang . Namun begitu, suami dikatakan tidak memberikan perhatian dan layanan seperti yang beliau harapkan.

> *".. suami saya sibuk dengan dunia dia sendiri, layan keletihan dia dengan bermain phone, dia langsung tak layan saya.. bila dah macam tu hubungan kami jadi semakin kurang mesra, bercakap pun macam marah-marah…"- Liza*

Sya pula merasakan suaminya terlalu kurang memperuntukkan masa untuk membina kemesraan mereka berdua sebagai suami isteri. Setiap hari Sya berdepan dengan kekecewaan, hubungan mereka juga menjadi semakin renggang mana pasangan sering

bertengkar tentang isu ini. Sikap suami yang lebih mengutamakan keluarganya berbanding isteri membuat Sya semakin jauh hati dan ini secara tidak langsung mengurangkan kemesraan antara mereka berdua.

> *"... dia bekerja hari Isnin sampai Sabtu. Hari minggu dia pergi rumah mak dia, tak bawak saya. Saya rasa macam mana ya.. dalam masa seminggu tu, dalam masa sebulan tu, masa dia memang banyak di rumah tu berbanding dengan saya"-Sya*

Kebersamaan secara berpasangan merupakan aspek penting untuk mengekal dan meningkatkan kemesraan, rasa cinta dan kasih sayang suami isteri. Namun apabila pasangan tinggal berjauhan samada disebabkan faktor kerja atau disebabkan konflik perkahwinan, kemesraan akan terjejas dan memudarkan rasa cinta .

Liza dan Weena mempunyai peluang yang sangat kurang untuk berduaan dengan pasangan masing-masing disebabkan oleh faktor jarak dan masa. Namun bila keduanya berpeluang bersama atas faktor suami balik bercuti, peluang tersebut tidak digunakan secara maksima, sebaliknya suami lebih banyak menghabiskan masa dengan aktiviti kegemaran masing-masing berbanding membina kemesraan bersama-sama.

> *" Dia tidur bukan nak peluk saya pun.. masuk tidur pun lewat. Dulu banyak masa berbual bermesra tapi sekarang dia sebok dengan kerja dia dan phone dia saja "- Liza*
>
> *"... saya dapat rasakan dia macam tak ada perasaan pada saya lagi, bercakap pun dah tak ada kemesraan..." -Weena*

Kemesraan berkurangan dalam tempoh awal perkahwinan banyak disumbangkan oleh faktor masa intimasi yang sangat sedikit dan kurang berkualiti, selain daripada disebabkan jarak dan juga interaksi yang negatif berlaku antara pasangan

4.2.4.2 Subtema 2: Kekecewaan berulangkali

Perasaan cinta semakin pudar apabila peserta mendapati pasangan kerapkali mengulang perbuatan yang mengecewakan sekalipun berulangkali peluang untuk memperbaiki sikap diberikan. Kila berdepan dengan sikap suami yang suka menghilang selama beberapa hari tanpa memaklumkan isteri ke mana beliau berada. Perkara ini kerapkali berlaku. Suami sendiri pernah berjanji untuk berubah namun beliau masih mengulangi perbuatan meninggalkan isteri dan anak begitu saja. Kebiasaan ini bukan saja mengurangkan rasa cinta, malah juga menambah kekecewaan kerana berulangkali ditinggalkan .

> *"Dia kata dia nak berubah, dia minta peluang, saya tak cerita pun dengan keluarga saya, memang keluarga saya tak tahu pun keadaan saya masa tu. Dan kemudian, saya bagilah dia peluang, saya bagi peluang, dia ok semula. Tapi aaaa dia pun jarang balik jugak, ada masa dia baik, ada masa dia tak balik.."- Kila.*

Ayu dan Tiana pula berputus asa dengan suami yang didapatinya sepanjang perkahwinan kerapkali berlaku curang meskipun pernah terkantoi kali pertama dan berjanji tak mengulangi. Disebabkan kekecewaan yang berulangkali ini menjejaskan rasa cinta beliau pada suami, ia bukan saja berkurangan, malah juga telah diganti dengan rasa benci dan jijik terhadap suami.

> *"..bermula dari hari tu saya faham, puan bayangkan, empat kali dia curang. Saya pun ambil keputusan untuk cerailah..bila kita selalu dikhianat, sedikit sebanyak macam mengurangkan rasa kasih sayang, rasa percaya, rasa cinta, so saya macam.. saya tak dapat.. takkanlah kita nak hidup dengan lelaki yang kita tak sayang dan kita tak hormat. Empat kali tu macam dah terlalu banyak. Saya dah jadi benci tengok muka dia. Takkanlah kita nak teruskan rumahtangga kita dengan rasa benci?. Rasa macam nak pegang dia pun kita rasa jijik?. Aaa.. saya rasa macam.. tak mahulah.. saya terus terang bagitau mak dia hari tu, saya dah tak suka, saya dah tak sayang.."- Ayu*

> *"Saya terjumpa baju dalam wanita dalam kereta. Bila dia dah terkantoi macam tu, saya bagitaulah keluarga dia kan?. Saya ditumbuknya 5 kali dalam bilik dan dicekiknya saya… kira dah selalu jugaklah saya terjumpa dia keluar dengan perempuan lain"- Tiana*

Wani mengalami kekecewaan demi kekecewaan bila mana suaminya seringkali melakukan kekerasan terhadap beliau, selain tidak bertanggungjawab pada perbelanjaan rumahtangga, memukul dan merosakkan harta benda. Ini menyebabkan rasa cinta beliau semakin pudar terhadap suaminya.

> *"Saya nak kata, saya memang sangat kecewa, kecewa bukan sebarang kecewa. Dalam kecewa tu tipulah kata tak sayangkan suami kan, ada sikit saja. Yalah bila saya kenangkan semula macam mana dia lakukan ke atas saya, macam mana dia buat ke atas anak saya, Apa yang dibuat kepada kandungan saya, saya sangat kecewalah.. memang sangat kecewa. Sampaikan saya fikir ke tahap bunuh diri waktu tu. Cuma saya kawal sebab apa?. Sebab saya ada anak"- Wani*

Ayu dicurangi berulangkali sepanjang perkahwinan beliau. Sekalipun beliau tahu, suami sememangnya mempunyai kebiasaan bergaul bebas sebelum perkahwinan mereka lagi.

> *"Sebelum raya tahun tu, dia kantoi. Saya dah tak ada perasaan tau. Memang tak ada lagi fikir macam.. memang takde lagi lah. Saya rasa macam tak dapatlah. Makin dia buat saya macam tu, makin saya tak ada hormat"- Ayu.*

4.2.4.3 Subtema 3: Kerapkali berlaku pertengkaran dan kekasaran.

Beberapa peserta mendapati mereka sering dimarahi hampir setiap hari, seolah-olah ada saja perlakuan peserta yang tidak disenangi pasangan. Lin menyifatkan kemarahan suami seperti melampau-lampau tidak terkawal dan seperti hilang pertimbangan.

> *"Saya dah lari masuk bilik anak saya, saya kunci pintu. Bila dia dah berhantu saya tak dapat lagi dah, tak ada lagi dah karekter dia yang dulu. Dia memang dah takde lembut, takde pujuk. Apahal engkau? Dia ketuk-ketuk pintu, engkau tak bukak pintu ni?Masa tu kami berdua aje dalam rumah. Saya dah ketakutan puan, bukak je pintu, dia hempas meja tulis anak saya kat tepi tu, berlubang meja tulis anak saya"-Lin.*

Liza pula berdepan dengan keadaan dimana suami pula seperti berkurangan rasa sayang terhadap beliau. Akhirnya beliau mendapati bahawa suami mempunyai hubungan

dengan rakan sekerja dan merancang untuk berkahwin. Maka sebab itulah suaminya sering menunjukkan tingkahlaku marah-marah atas perkara yang kecil-kecil dan tidak lagi menjaga hati dan perasaan pasangan walaupun di depan orang lain. Tindakan suami membuatkan Liza kerap berkecil hati dan merasa malu.

> *"Dia tadi terus membebel, dia marah saya depan mak saya, jadi mak saya nampak, tak pernah dia marah engkau depan orang kata mak macam tu. Saya asyik dimarah je, asyik moody je, takde bercakap di rumah, dia balik main phone, moody, tidur, makan tu makanlah, lepas tu macam tu ajelah, lepas tu pergi kerja, takde berkomunikasi"- Liza.*

Antara perkara lain yang membuatkan perasaan cinta antara pasangan atau sekurang-kurangnya pada diri peserta sendiri ialah apabila suami kerapkali menggunakan kekerasan ke atas mereka apabila berlaku perkara yang tidak disenangi oleh suami ataupun pertengkaran antara mereka. Kejadian ini seringkali berlaku pada Weena dan Aimi,

> *"Dia sendiri masa tu kan, dengan orang lain dia baik apa semua, tapi bila dengan saya, dia kasar, kadang dia pukul saya jugak"- Weena.*
>
> *"Awal-awal kahwin saya takut kena belasah, tapi lama-lama kita tau macam mana kena belasah, dah tak ada rasa apa-apa dah. Jadi saya makin berani melawan apa semua. Itulah satu-satunya punca dia makin sedar sekarang"- Aimi.*


Kekerasan yang berlaku ke atas Wani dan Diana menghilangkan rasa cinta dan kepercayaan mereka terhadap suami. Tindakan suami sangat tidak munasabah untuk dilakukan jika mereka masih mencintai pasangan mereka. Begitu juga di pihak peserta, kesakitan dan penderitaan yang dialami menghakis dan mengurangkan rasa cinta mereka terhadap suami.

> *"Saya mengandung, dia dera saya, dia sepak perut saya, masa tu saya tak tahu saya mengandung 3 bulan. Mengandung tiga bulan dia pukul saya. Demi Allah!. Dia pukul saya, puaslah.. sampaikan dia nak bunuh saya.. baran dia sampai macam tu…"- Wani.*

"Dia selalu pukul saya. Kali terakhir hari tu dia nak pukul saya dengan kayu cota. Kat sini (kaki) saya biru, kembang kat sini hari tu. Terus mak bapak saya suruh kami berdua cerai. Lepas tu saya buat laporan polis"- Diana.

Kesemua kekerasan ke atas peserta berlaku secara berterusan sepanjang perkahwinan. Ia bukan saja dicetuskan oleh konflik antara mereka, namun juga berpunca dari pengaruh syabu selain dari perangai sejak dulu lagi yang dibawa ke alam perkahwinan.

4.2.5 Tema 5: Pengabaian



Rajah 4.5: Tema dan Subtema 5

Ramai antara peserta kajian yang mengalami keadaan di mana sepanjang perkahwinan, mereka merasakan diri mereka semakin hari semakin tidak dipedulikan. Perasaan ini dialami apabila dalam perkahwinan keperluan zahiriah yang seharusnya menjadi kewajipan untuk dilaksanakan oleh suami semakin diabaikan. Nafkah adalah tanggungan yang perlu ditampung oleh suami dari segi keperluan asasi seperti makan minum, tempat tinggal, pakaian dan kesihatan. Namun berdasarkan kepada penerangan peserta, mereka banyak merujuk nafkah sebagai wang saku yang diberikan dalam bentuk

wang tunai. Namun kaedah pemberian ada pelbagai mengikut keadaan semasa dan juga pertimbangan suami masing-masing.

4.2.5.1 Subtema 1: Diabaikan keperluan nafkah zahiriah oleh suami.

Ramai antara peserta kajian yang mendapati suami culas dalam menunaikan kewajipan nafkah zahiriah, seolah-olah enggan mengambil tahu apakah keperluan isteri. Mereka tidak menganggap bahawa isteri adalah tanggungjawab mereka yang perlu mereka tanggung. Aida dan Wani melihat suami mereka agak kedekut untuk mengeluarkan belanja kepada mereka. Suami Aida menyembunyikan status kewangan beliau dari pengetahuan beliau hinggakan Aida merasakan seolah-olah beliau cenderung menghabiskan wang suaminya jika beliau tahu suaminya mempunyai lebihan wang. Sedangkan selama perkahwinan, Aida lah yang banyak mengeluarkan wang sendiri untuk perbelanjaan rumahtangga.

> *"Bagi saya selagi saya dapat bersabar, saya sabar.. Kadang-kadang tu, bila dia berduit sikit, bersembunyi dia dari saya, macam lah saya nak habiskan duit dia. Sedangkan selama ni, siapa yang keluarkan duit tu sapa?. Apa lagi bila mak dia percaya, makin jadilah kutuk saya habiskan duit suami lah " - Aida.*

Situasi hampir sama dilalui oleh Nor di mana suami tidak menanggung nafkah ke atas beliau namun jika memberikan beliau wang nafkahpun, tidak menentu jumlahnya. Begitu juga dengan Aida di mana suami memberikan wang belanja mengikut keadaan lebihan wang yang beliau ada. Namun memandangkan ibunya memainkan peranan menjaga anak-anak semasa mereka bekerja, suami lebih cenderung mengutamakan pemberian wang kepada ibunya berbanding kepada isteri.

> *".. nafkah tak menentulah.. kalau dia ada bagi pun, dia bagi seratus lima puluh, dua ratus, macam tu ajelah.."-Nor.*

"kalau dari segi perbelanjaan, macam mana nak cakap ya.. oh.. kalau ada lebih, adalah.. kalau takde, takde. Kebanyakan masa memang dia bagi kat mak dia ajelah, dengan alasan mak dia jaga anak. Ok lah, saya tak kisah. Saya pun bekerja jugak kan.. so macam itu ajelah.. Kalau betul-betul bulanan (nafkah) tu memang tak ada lah.. sebab ok.. yalah.."- Aida.

Aini pula melalui keadaan di mana suami hanya kadang-kadang saja memberikan wang untuk keperluan rumahtangga, itupun dalam jumlah yang tidak mencukupi dan hanya dalam tempoh awal-awal perkahwinan saja. Selebihnya suami culas dan mengabaikan terus kewajipan nafkah ke atas mereka sehinggalah penceraian berlaku.

"Saya ingat, saya berkahwin dengan dia, kan dia kerja dengan bapa dia kan?. Rupanya tak bergaji?. Macam tu ajelah.. Kan saya ni dah lama bekerja sebelum ni kan, saya ada duit simpanan sendiri kan, apa yang saya teringin, saya beli dengan duit saya sendirilah. Itupun kadang-kadang je dia bagi nafkah, kadang-kadang RM30, kadang RM50, itupun untuk saya beli barang makanan. Lepas 3 bulan nikah, saya mengandung, ada baby kan, tak kan macam tu aje. Kan dia tak bergaji dengan bapak dia?." -Aini.

Beberapa peserta yang lain pula berkongsi pengalaman mengatakan yang sepanjang perkahwinan suami samasekali tidak pernah melaksanakan tanggungjawab nafkah ke atas mereka. Rini, Imah, dan Munira masing-masing menyatakan suami tidak pernah membeli barangan keperluan rumah, memberi wang belanja termasuk untuk anak dan tidak peduli untuk menanggung isteri sepanjang kehamilan.

"Macam mana saya kata kat dia ya?. Owh.. tak pernah pun kau nak berbeli barang makan,.?" -Rini.

"Selama saya mengandung tu, saya terus keluar dari rumah, sebab dia tak mengaku anak yang saya kandung tu anak dia. Ok. Tak apa. Saya keluar je, tinggal rumah mak bapak je. Selama saya mengandung, dia memang tak ada beri nafkah pada saya"- Munira.

"lepas kawin dia langsung dah tak bekerja, berapa bulan dah dia tak kerja, 3 bulan 4 bulan. Lepas tu kan, abang dia suruh dia kerja, ikut kawan abangnya kerja.."- Dang.

"Tak ada. Memang dari dulu tak ada. Bukan tak ada langsung. Malahan sekarang dia mintak saya bayar balik apa yang dia dah bagi. Padahal bukannya setiap bulan pun dia bagi. Kadang susu pampes semua atas

tanggungan saya. Kadang-kadang adalah abang kakaknya yang keluar belanja" Zura.

Sementara itu Aimi pula menyatakan bahawa suaminya lebih mementingkan keseronokan dengan kawan-kawan beliau dan wang gaji dihabiskan dengan berpoya-poya sementara nafkah untuk beliau dan anak tidak dihiraukan.

" .. dia cuba lah.. sebab masa tu kan saya tak sedar yang dia ada perempuan lain?. Duit dia banyak habis pada kawan-kawan dia dan kemudian, bila kita perlukan duit untuk beli sesuatu, dia kata dia tak ada duit. Tapi dia habiskan berbelanja dengan kawan-kawan dia, alasannya dari dulu sampai sampai sekarang tak ada duit.. saya berkeras minta lagi , saya kata kat dia, tak mungkin tak ada duit. Kita duduk rumah mak bapak, apa aje komitmen?. Duit ada banyak, susu harga macam ni macam ni, saya kata kat dia yang saya tak bodoh, saya tahu dia guna ke mana.."- Aimi.

4.2.5.2 Subtema 2: Dibiarkan menyara hidup dirinya sendiri dan menanggung anak

Beberapa orang peserta kajian juga menerangkan pengalaman mereka terpaksa bekerja menyara hidup mereka sekeluarga. Suami bukan sekadar culas akan tanggungjawab nafkah, bahkan juga membiarkan isteri bertungkus lumus mencari rezeki bagi menampung hidup

Hana berkongsi kekecewaan bila mana suami melepaskan tanggungjawab beliau begitu saja. Dalam keadaan terdesak bagi menanggung keperluan anak, Hana terpaksa bekerja sendirian menampung kehidupan sementara suaminya membiarkan saja beliau bertungkus lumus. Pengalaman yang hampir sama dilalui oleh Munira di mana terpaksa berusaha sendirian dan menyimpan wang untuk menampung keperluan anak-anak. Namun beliau merasa lebih lagi kecewa bila mendapati suami mencuri wang simpanan beliau untuk mendapatkan bekalan dadah.

"Nafkah tu memang tak ada. Baru dua kali dalam dua tahun ni. Itu yang mengecewakan. Sampai hari ni, sayalah yang bertungkus lumus bekerja untuk menyara anak kami. Dah bersekolah, yuran sekolah satu hal, van

sekolah lagi, boleh dikatakan seratus peratus bebanan semua atas saya"- Raihana.

Zura juga geram dengan sikap suami yang melepaskan tanggungjawab menanggung nafkah dan keperluan keluarga begitu saja selama tempoh perkahwinan. Kerapkali keluarga suami yang membantu menanggung perbelanjaan anak-anak sepanjang perkahwinan sehinggalah selepas bercerai. Zura merasa malu menerima pertolongan dari keluarga mentua sedangkan beliau masih mempunyai suami yang sepatutnya memainkan peranan lebih dalam menanggung keluarga.

"Tak ada. Dari dulu memang tak ada. Bukan tak ada langsung. Malahan sekarang dia mintak saya bayar balik yang dia dah bagi tu. Padahal bukannya setiap bulanpun dia bagi. Kadang susu pampers anak semua saya tanggung. Kadang ada lah abang kakak ke kan? Sebab masa berkahwin tu memanglah saya bawah tanggungan mereka kan? Malah masa berceraipun macam tu jugak"- Zura.

Ayu pula mencari nafkah perbelanjaan untuk dirinya sendiri dan juga anak, setelah suami dikatakan masih belajar di kolej dan beliau sendiripun masih ditanggung keluarga. Begitu juga dengan Aini yang hanya dapat membeli keperluan sendiri usaha beliau sendiri dan juga mengeluarkan wang simpanan sebelum berkahwin dulu. Suaminya bekerja dengan bapa namun tidak diberikan upah sebaliknya keperluan beliau sendiri masih perlu diminta dari bapanya. Maka Ayu dan Aini sering menghadapi situasi sesak tidak cukup keperluan dan pada masa yang sama merasakan kebajikan mereka dan anak tidak lagi diambilberat atau dipeduli oleh suami.


"Tak ada. Susahlah.. saya pulak, saya sendiri beli. Setiap kali beli barang anak, belilah baju tidur ni, saya sendiri yang keluarkan duit. Macam tu lah. Lepas nikah dulu, saya macam tak bersyukur ada jugak, sebab macam saya tak dapat apa yang saya mahu. "Dia masih belajar. Dalam anak saya lahir dalam dua tahun tu, dia sekejap kerja, sekejap tak kerja. Jadi, kebanyakan duit masa dia kolej, duit minyak, semua saya tanggung"-Ayu.

Aimi pula terpaksa meminta-minta dari suami kerana kebiasaannya suami hanya memberi jika diminta. Namun mereka terpaksa melalui situasi yang kurang menyenangkan terlebih dahulu, bertengkar dan sering dimarah suami kerana kerap mengingatkan mereka tentang tanggungjawab masing-masing setiap bulan. Manakala

> *"Saya kata kat dia, barang anak dah habis, dia kata tak ada duit. Itu saya bagitau dia, kalau macam ni lah cara engkau, mahu tak mahu terpaksalah saya buat tuntutan nafkah. Saya takde pilihan. Lepas tu dia tuduh saya nak pisahkan anak dari dia." – Aimi.*

Secara kesimpulannya, kesemua peserta yang melalui perkahwinan yang singkat selama kurang dari 5 tahun telah diabaikan dari segi hak mereka untuk disara keperluan asas, makan, minum,pakaian, tempat tinggal dan segala kebajikan lain. Mereka juga telah dibiarkan oleh suami berusaha sendiri mencari pendapatan atau meminta pertolongan dari keluarga bagi menampung keperluan diri dan anak.

4.2.6 Tema 6: Daya Tindak Menangani Masalah Dan Tekanan



Rajah 4.6: Tema dan Subtema 6

Berjuang di sini bermaksud peserta berusaha secara bersusah payah mengharungi proses mencabar dalam penyesuaian, pelaksanaan tanggungjawab, penyelesaian masalah,

mendepani tekanan emosi dan mental serta masalah kewangan. Secara umumnya, perkahwinan memerlukan usaha sama secara berdua antara suami isteri, saling berinteraksi dalam perbincangan, pelaksanaan tugas yang selari dengan tanggungjawab yang diletakkan ekspektasi oleh masyarakat dan kehendak Islam.

Tema ini terbahagi kepada dua sub tema yang saling berkaitan yang menerangkan keadaan dan bentuk perjuangan yang dilalui oleh peserta kajian.

4.2.6.1 Subtema 1: Daya tindak sendirian

Daya tindak sendirian bermaksud peserta menangani masalah dan urusan kehidupan seharian tanpa ada penglibatan suami secara positif dan produktif. Peserta mendepani tekanan perasaan, masalah, keperluan hidup seperti soal kewangan tanpa ada sokongan dan bantuan suami

Secara umumnya didapati ada 4 fokus daya tindak yang diambil oleh peserta kajian iaitu daya tindak berfokus kepada masalah, daya tindak berfokuskan emosi, daya tindak berfokuskan kognitif dan juga daya tindak berfokuskan spiritual

Pendekatan pertama ialah dengan berfokuskan kepada masalah. Liza banyak memikir dan menilai perkahwinan beliau secara keseluruhan. Beliau mendapati punca kepada beralihnya perasaan cinta suami kepada wanita lain ialah kerana kurangnya masa yang isteri peruntukkan untuk memberi fokus pada suaminya. Oleh kerana itu, Liza berusaha untuk mengambil hati suaminya semula

> *"Saya cuba nak dapatkan dia semula. Saya cuba nak ambil hati dia semula. Saya bagitau dia, tolonglah, demi anak, kalau bukan demi aku, demi anak, mungkin kemudian hari kau akan ada rasa cinta tu..."- Liza.*

Sementara itu, Sya mengesyaki suaminya berubah sikap menjadi dingin dan tidak lagi mahu bersama beliau berpunca dari terkena ilmu hitam. Atas sebab itu beliau bertungkus lumus mendapatkan rawatan untuk dirinya sendiri terlebih dahulu memandangkan suami enggan memberikan kerjasama. Beliau yakin, dengan cara itu suami akan mengubah pendirian beliau dan perkahwinan akan dapat diselamatkan.

> *"... dalam masa setahun lebih tu, saya ikhtiar macam-macam. Saya nak merawat ... nak perbetulkan apa masalah saya…?"-Sya.*

Pendekatan kedua dalam daya tindak sendirian ialah berfokuskan emosi dalam menghadapi tekanan dan masalah perkahwinan. Antara caranya ialah dengan mengawal emosi negatif yang sedang dilalui agar tidak menambah buruk keadaan. Dalam hal ini, Riza tidak mahu berkongsi perasaan yang dilalui dengan sesiapa pun. Beliau lebih rela memendam sendiri perasaan marah beliau terhadap suami dari pengetahuan sesesiapa termasuk ibubapa. Demikian juga dengan Weena yang lebih rela menyimpan sendiri emosi dan menelan segala rasa kecewa dan marah semata-mata tidak mahu aib rumahtangganya terdedah. Kedua peserta ini mempunyai pegangan bahawa aib rumahtangga perlu dijaga dan sebolehnya jangan sampai keburukan suami diketahui oleh orang lain terutamanya ibubapa.

> *" Iyelah.. sebab di mata mereka, ex saya tu memang sempurnalah... tapi dia tak tahu, apa yang saya pendam.. bahkan kakak saya sendiri pun tak tahu... Saya tak dapat tengok muka dia.. eeee…. geram!"- Weena.*

Lia pula memilih pendekatan mencari ruang untuk bersendirian bagi menenangkan emosi marah dan kecewa beliau setelah mendapati sikap suami yang mencurangi dan membohongi beliau masih berterusan. Beliau juga bertindak demikian apabila menghadapi kesulitan untuk berbincang dengan suami tentang masalah perkahwinan mereka.

> *"...saya rasa saya perlulah masa sendirian ni. Atas alasan saya nak tenangkan diri…saya perlu sangat... "Lia.*

Aimi juga tidak mahu berkongsi perasaan dan masalah dengan orang lain, beliau lebih rela mendiamkan diri bila ditanya, menangis dan tidur sebagai usaha mengenepikan masalah dari menjejaskan emosi buat sementara.

> *"..kalau sekarang, saya selalu bercakap dengan kawan. Saya rasa lebih lega kalau bercakap dengan dia. Dengar suara dia je saya dah lega.. dulu.. saya suka menyendirilah.. saya asingkan diri. Macam kalau orang bercakap dengan saya, saya tak akan menyahut.. saya akan diam je, kemudian saya akan menangis.. hmm.. macam shut down dari dunia ni.. dia langsung tak membantu.. tapi itu satu satunya cara, kemudian saya menangis sebab dengan menangis saya akan rasa mengantuk dan tidur.."-Aimi.*

Antara pendekatan lain yang digunakan oleh peserta kajian dalam mendepani dan menangani tekanan serta masalah perkahwinan mereka ialah dengan melakukan penyesuaian pada pemikiran mereka.

Liza cuba untuk tidak berfikir yang negatif tentang aktiviti suami di luar rumah agar tidak mempengaruhi perasaan dan tindakan beliau. Biarpun beliau melihat perubahan ketara tingkahlaku suami, namun membuat andaian-andaian yang merosakkan hubungan menjadi suatu perkara yang beliau cuba elakkan.

> *"Jadi masa tu saya tak tahu.. saya ni sebenarnya macam mana nak cakap ya.. saya ni selalu bersangka baik, positif.. ok awak pergi kerja, awak cari rezeki, awak balik. Tapi saya tak ada fikir pelik-pelik. Saya tahu, kalau saya fikir sesuatu, ia akan jadi racun dalam rumahtangga…"- Liza.*

Berbeza dengan Liza, Riza sebaliknya berusaha mendapatkan maklumat bagi memahami apa punca kepada perubahan sikap suaminya. Bagi beliau tindakan seringkali menjauhkan diri dari beliau, tidak mempunyai rasa ingin berintimasi dengan isteri pada awal perkahwinan adalah suatu yang tidak wajar dan tentu ada penjelasan di sebaliknya. Bagi tujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, beliau mula mencari maklumat.

“Masa tu saya tak syak apa-apa. Bila kali kedua dia balik sini, lepas tu dia balik ke sana semula, saya mula tertanya-tanya.. kenapa? kenapa??. Haa.. masa tu lah apa kata orang tu?.. watak sebagai isteri kepada polis muncul. Ok. Saya perlu cari apa ya?. Cari maklumat.. saya cari, kenapa jadi macam ni?. Kenapa macam ni dan kenapa macam tu?”- Riza.

Ayu pula mengambil pendekatan menumpukan perhatian beliau pada anak, suami dan perniagaan tanpa mahu mempertikaikan sikap dan layanan suami sepanjang perkahwinan mereka. Cara begini, beliau dapat memberikan apa yang terbaik sebagai isteri.

“*Saya dah bersusah payah tolong dia, bagi belanja, tapi dia boleh buat saya macam tu. Kalau saya buat macam tu, mungkin saya terfikir, kenapalah saya buat suami saya macam tu? Sedangkan orang kata dia masih lagi belajar masa tu.. takkan saya nak cari lelaki yang dah bekerja?. Masa tu memang saya tak terfikir macam tu.. saya hanya fikir nak fokus pada anak, pada suami, dan bisnes.. itu aje yang saya fikir masa tu tu… tapi dia tak fikir pun pasal saya..”-Ayu.*

Pada masa yang sama juga Ayu cuba mengekalkan tanggapan beliau terhadap suami dengan meletakkan punca kesalahan suami kepada faktor luaran. Dengan cara itu beliau kurang tertekan setiap kali mendapat berita dari rakan-rakan yang suaminya didapati ada keluar dengan wanita lain.

“Rasa macam bodoh ada jugak. Bagi saya dia macam kawan. Kalau dia susah pun mungkin belum ada rezeki dulu. Macam tu lah dalam fikiran saya dulu. Kalau dia curang pun, mungkin kesalahan dia disebabkan dia melepak, macam tu lah dalam fikiran saya dulu. Entahlah, saya sendiri rasa macam tu, itulah.. dari segi tu jugak, bagi saya kekuatan sebenarnya”- Ayu.

Sepanjang berada menghadapi krisis rumahtangga dengan suaminya, Riza banyak menghadapinya dengan cara menambah pengetahuan beliau dan membandingkan situasi beliau dengan keadaan orang lain yang didapatinya lebih serius berbanding dirinya. Dengan cara itu beliau merasa lebih tenang dan yakin bahawa dirinya berkemampuan untuk mengawal diri dan keadaan.

"Ya, saya yang menghadapi, mereka tak hadapi, tak merasa. Tak rasa. Dalam masa yang sama saya membaca jugaklah. Saya sebenarnya dalam keadaan saya bermasalah, membaca, mengadu dan melihat orang lain. Saya lihat orang yang lebih teruk lagi dari saya" – Riza.

Beberapa peserta juga berkongsi pengalaman cara mereka menangani tekanan dan masalah rumahtangga yang dilalui adalah dengan mendapatkan pertolongan dan rujukan dari ahli keluarga, rakan-rakan dan juga pihak berwajib. Pertolongan yang diperolehi termasuklah bantuan dari segi kewangan, sokongan emosi dan psikologi dan juga khidmat nasihat.

Sebagai contoh, Liza mendapatkan khidmat kaunseling dari Jabatan Agama Islam setelah buntu dengan permasalahan rumahtangga beliau. Beliau juga mahu memastikan agar apa-apa tindakan yang dilakukan kelak tidak menyalahi perundangan dan syariat Islam dalam urusan suami isteri.

"Dia kata dia nak lepaskan saya. Dia balik ke Shah Alam dan bagitau keputusan dia nak ceraikan saya. Dia nak kan perempuan tu. hahahah… lepas tu, saya tak puashati. Bila saya tak puashati, terus saya pergi kaunseling. Masa tu lah saya pergi kaunseling di X Saya kata, saya nak balik ke Y . Ya pergilah, kata kaunselor, sebab itu adalah rumah kelamin saya"- Liza.

Tiana dan Rini pula mendapatkan pertolongan dari segi kewangan bagi menampung keperluan hidup yang diabaikan oleh suami sementara Rini pula cuba merujuk masalah kepada ahli keluarga terdekat suami untuk mendapatkan khidmat nasihat dan orang tengah pada krisis beliau suami isteri.

"Ada. Bila barang anak dah nak habis, dia kata carik sendirilah.. mana ada duit.. jadi saya mintak dengan abang saya ke, mak bapak di kampung untuk beli barang"-Tiana.

"Memang tak ada lah.. dia memang mengelak.. sebab tu saya, seminggu sebelum dia lafaz cerai, saya rasa hubungan tu memang dan semakin

melencong kan, so saya jumpa abang angkat dia dengan isterinya sekali, sebab abang angkat dia ni adalah abang angkat yang paling dia sayang"- Rini.

Daya tindak selanjutnya yang digunakan oleh kebanyakan peserta kajian ialah daya tindak berfokuskan spiritual. Sebagai seorang yang beragama Islam, kebanyakan peserta meletakkan pergantungan dan harapan mereka kepada Allah Taala disamping melakukan tindakan dengan pendekatan lain seperti daya tindak berfokuskan masalah, berfokuskan emosi dan kognitif.

Sepanjang perkahwinan dan dalam usaha menghadapi perubahan sikap dan konflik masalah rumahtangganya dengan menggunakan daya tindak kognitif, emosi dan berfokuskan masalah, kebanyakan peserta menambah dan menggandakan usaha mereka secara kerohanian iaitu dengan meningkatkan lagi pergantungan harapan beliau kepada Allah Taala.

Liza menjadikan bangun awal untuk mendirikan solat sunat tahajjud setiap pagi selama tempoh beliau beliau berusaha memulihkan dan mengembalikan perasaan cinta dan kasih sayang suami terhadapnya. Beliau berusaha dari segi luaran, namun pada masa yang sama meningkatkan lagi hubungan beliau dengan Allah Taala.

"Dalam tempoh tu jugaklah satu perkara yang saya belajar. Kita jangan lupa pada Allah jugak. Saya dalam tempoh enam bulan tu, ya Allah, saya tak ada tinggalkan solat tahajjud. Minta dipermudahkan segala urusan saya. Kalau betullah keputusan perlu berpisah, saya mesti merasa redha. Satu redha, lepas tu tahajjud, solat hajat, minta petunjuk itu yang saya buat sepanjang enam bulan jawatankuasa tu. Sembahyang utama memang tak tinggal lah. Sampingan sampingan tu saya buat, malam saya mesti bangun, lepas tu sampailah kaunselor tu sarankan agar lepaskan"- Liza.

Sebagaimana sebagai seorang Mukmin yang beriman kepada Allah, Aini kembali kepada Allah pada waktu kesempitan berdepan dengan krisis rumahtangganya. Walaupun

sebelum ini beliau culas dalam mendirikan solat lima waktu, namun apabila berada dalam keadaan tertekan dan mendapati kebanyakan keadaan berada di luar kawalan beliau, Aini perbaiki ibadah solat beliau dan pertingkatkan dengan mendirikan solat tahajjud. Melalui ibadah solat, beliau banyak berdoa dan kemudiannya menyerahkan harapan beliau kepada Allah semata. Ini dilakukan atas keimanan dan keyakinan bahawa Allah itu Maha Mengetahui apa yang sedang beliau lalui.

> *"Saya ada sembahyang. Saya cuba sembahyang, Saya bangun tengah malam, saya tahajjud. Saya minta dengan Allah andai perkahwinan ni membawa kemudaratan, Engkau bagilah petunjuk, apa petunjuk tu. Sebab Allah tahu apa yang saya rasa, saya derita ke, sebab saya memang yakin pada Allah"- Aini.*

4.2.6.2 Subtema 2: Daya tindak diadik/berpasangan

Masalah-masalah dan tekanan yang timbul dalam rumahtangga memerlukan kerjasama dari kedua belah pihak. Daya tindak diadik berpasangan adalah satu usaha yang dilakukan oleh pasangan dalam usaha mendepani tekanan dan juga cabaran sepanjang perkahwinan. Namun kebanyakan peserta menyatakan bahawa pasangan masing-masing sangat sukar untuk bersama-sama dengan mereka menghadapi, menangani dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.

Sya dan Diana, kedua-dua mereka mengambilberat tentang isu yang dihadapi di mana Sya mengesyaki ada ilmu hitam ditujukan kepada mereka berdua dan mahu mendapatkan rawatan bersama suami isteri. Namun suaminya enggan memberikan kerjasama dan berpendapat itu bukan masalah beliau. Sementara itu Diana pula menghadapi masalah wang untuk perbelanjaan harian. Biarpun Diana menyarankan agar suaminya bekerja, namun suaminya bukan saja enggan bekerja, malah juga tidak mahu menerima

cadangan agar Diana bekerja. Suaminya membiarkan saja Diana berusaha sendiri tanpa sebarang penyelesaian.

> *"Memang kuat gangguan ni katanya. Cuba awak bawak suami awak sekali. Mana dapat nak ubatkan sorang-sorang. Saya kata macam mana ya.. saya dah bagitau dia, macam mana..Tak payah.. engkau pergi sorang jangan kau nak libatkan aku. Engkau yang ada masalah, bukan aku yang ada masalah, katanya. Aih.. saya memang nak pergi berubat, memang ada masalah kata saya. Bagus kita sama-sama pergi, kita perbetulkan apa salah. Tak mahu. Dia memang mati-mati tak mahu. Sampai adik beradik saya berbunyik, cuba engkau pergi buat aduan. Kenapa lah suami engkau buat engkau macam tu. Tapi saya kata, saya tak mahu.."- Sya.*

Diana pula mendapati suaminya malas bekerja dan tidak menunjukkan usaha untuk mencari punca pendapatan. Berbanding dengan suami, beliau lebih banyak memikirkan inisiatif dan usaha penyelesaian yang boleh diambil . Malangnya, semua saranan Diana bukan saja ditolak oleh suami malahan juga dimarahi. Suami selesa hidupnya ditanggung sepenuhnya dengan ibubapa beliau.

> *"Pernah saya bagitau dia, cubalah cari kerja , kerja kontrak pun takpe, janji duit halal. Tak mahu jugak dia. Itu saya kata kat dia, dah engkau tak mahu bekerja, saya nak bekerja engkau tak bagi. Ini saya suruh engkau bekerja, engkau tak mahu. Aih.. suka hati akulah katanya. Pandai-pandai engkau sendirilah cari duit untuk engkau sendiri makan katanya. Itulah saya kata, mana aku nak cari duit?. Takkan aku nak meminjam dengan orang ke sana sini?.Malu jugaklah muka aku!" – Diana.*

Manakala Ayu sering menghadapi masalah sendirian bila mana suami kerap melarikan diri setiap kali mereka cuba dibawa berbincang dan mendepani masalah.

> *" .. dia tahu dia salah .. kan.. awal dah dia larikan diri.. larilah, lepak rumah kawan dia ke .. ya… sampai saya dah tidur baru dia balik.."- Ayu.*

Sementara itu, Weena, Aini, Aida, Dang dan Lin seringkali mengalami kebuntuan bila mana suami bersikap pasif, tidak mengambil apa-apa tindakan atau memberi sebarang

sokongan, resolusi pada masalah yang dikemukakan. Bahkan mereka menganggap masalah tersebut bukan masalah mereka dan akhirnya membiarkan isteri hadapi sendiri.

> *"... dia takde ambil jalan untuk bersihkan nama saya, terangkan pada keluarga dia bahawa bukan saya yang melarang dia dari hubungi mereka, sebenarnya dia sendiri yang kecil hati dan tak call. Tapi kerana dia nak jaga reputasi dia, dia biar aje saya dipersalahkan. Jadi orang kat sana makin benci. Lepas kejadian tu lah kami dua bercerai lepas dia lari balik ke sana"- Weena.*

Dalam kes Weena, pada mulanya pasangan berdepan dengan situasi salah faham antara suami dengan ahli keluarganya dan merajuk langsung tidak menghubungi ibubapanya selama berbulan-bulan. Weena telah dituduh menghasut suaminya hingga suami tidak mahu berhubung dengan keluarga. Bila hubungan suami dah kembali pulih, beliau tidak mahu membersihkan nama baik isteri dengan menceritakan keadaan sebenar. Beliau terus membiarkan isteri dibenci keluarganya atas tuduhan tersebut.

> *"Saya rasa dia tak dapat dibawa bincang sebab dia ada sifat pemarah. Mostly saya yang selesai sendiri, takde minta pandangan dia, sebab saya rasa komunikasi kami berdua pun kurang, lagipun dia pun sibuk kadang-kadang. Saya pun takde orang untuk bercakap. Duduk sorang-sorang , tengok siling... bagi saya takde point lah nak cakap dengan dia macam-macam, nak bincang itu ini, nak selesai isu, lepas tu kalau ada pun yang saya pernah tanya pun masa saya jumpa mesej dia dengan perempuan lain, saya tanya, dia kat , jangan kau sibuk hal aku" -Aida.*

Aida juga kecewa kerana dalam banyak keadaan suami tidak mengambil berat isu dan permasalahan yang dihadapi Aida sepanjang hari. Sikap pemarah beliau banyak masalah tidak dapat diselesaikan dan seterusnya mendorong Aida untuk menghadapinya sendirian.

> *"Kan saya bagitau dia, saya nak ke hospital, hujung bulan macam tu sebab penyakit saya ni mesti diubat saya kata kat dia. Lepas tu dia kata takde kereta, tak ada motosikal, kalau ada kereta dapatlah pergi.. kalau tak ada moto macam mana nak pergi. Tapi dia langsung tak de usaha"- Dang.*

Suami Dang juga tidak dapat diharapkan umtuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Beliau malahan tidak memberi idea, saranan serta pertolongan dari segi harta benda mahupun tenaga.

> *"Tak perlulah dia pujuk saya, sekurang-kurangnya dia cuba jadi seorang suami. Bincanglah kan?. Walaupun keputusan saya nak tinggal di rumah mak, tak tipulah saya memang expect dia tanya saya .. ok lah, tidurlah kat sana dulu, kalau tak setuju pun, tanyalah.. eh, kenapa macam tu.. tak ada apa-apa lah.. ok. Macam tu .. tapi satu pun tak ada. Maksudnya tak ada ikhtiar untuk berbaik dengan saya.."- Lin.*

Suami Lin tidak ada usaha berbincang untuk menyelesaikan masalah. Beliau lebih suka menghukum dan memarahi isterinya berbanding dengan mendapatkan penjelasan terlebih dahulu.

Selain daripada tidak memberikan sebarang kerjasama dalam mendepani masalah dan keperluan rumahtangga, suami juga bersikap defensif, menunjukkan kekasaran, bertindak agresif setiap kali isteri kemukakan permasalahan, meminta pandangan atau pertolongan. Keadaan ini dialami oleh Kila dan Lia setiap kali mahu mendepani isu dan mahu berbincang dengan suami. Apabila suami bertindak agresif, selalunya perbincangan akan terbantut dan tiada sebarang penyelesaian dapat dicapai, akhirnya masalah dan tekanan berterusan.


> *"Keluarga saya ada bagitau, pergilah lapor ke Mahkamah Syariah, cerailah. Kalau ikutkan, saya tak mahu bercerai. Saya masih sayangkan hubungan ni. Jadi, hari yang sama jugak, saya jumpa dia, saya balik rumah, saya nak bincang. Masa itulah dia mengamuk, sebab saya tanya siapa perempuan tu. Dia tak mahu mengaku, dia marah tapi dia tak pukul sayalah. Cuma dia marah, dia ambil kayu besbol, dia hampir nak pukul saya, saya harap kami boleh bincang selesaikan isu kami ni tapi dia lansung tak ambil berat.." Kila.*

Aida juga mendapati sebarang perbincangan sukar untuk dilakukan bila mana setiap kali usaha dilakukan, reaksi pertama dari suami adalah menunjukkan kemarahan.

"Saya rasa dia tak dapat dibawak bincang sebab dia pemarah. Kebanyakannya saya selesaikan sendiri, tak ada minta pandangan dia sebab saya rasa komunikasi kami pun kurang.. Nak bincang selesai tak selesai masalah tu…"- Aida.

Secara kesimpulan, selain dari menangani tekanan dan masalah yang dihadapi secara sendirian, para peserta kajian juga tidak mendapat kerjasama daripada suami mereka yang mana akhirnya tidak menyelesaikan apa-apa masalah, sebaliknya menambahkan lagi tekanan dan juga pertelingkahan hingga memudarkan perasaan terhadap satu sama lain.

4.2.7 Tema 7: Cerai Sebagai Penamat Derita



Rajah 4.7: Tema dan Subtema 7

Terdapat 4 subtema di bawah tema utama cerai sebagai penamat derita iaitu; keputusan bercerai dibuat sebelah pihak tanpa perbincangan mendalam, mahu ubah kehidupan, berhenti mengharap perubahan dari pasangan dan melihat perkahwinan tidak lagi berbaloi untuk diteruskan.

4.2.7.1 Subtema 1: Keputusan bercerai dibuat sebelah pihak tanpa perbincangan mendalam.

Beberapa peserta menyatakan bahawa keputusan bercerai pada asalnya bukanlah datang dari pihak mereka. Mereka masih mahu pertahankan perkahwinan dan berusaha menyelesaikan segala isu yang timbul antara mereka dengan suami. Namun, pihak suami telah membuat keputusan tersebut tanpa mengambilkira pandangan pihak peserta. Sya telah terpaksa menerima keputusan cerai dari pihak suami yang dipercayai dipengaruhi oleh keputusan ibu mentua masing-masing.

> *"Memang tak tahu. Tiba-tiba surat cerai datang ke rumah.. Ini memang yang dia mahukan. Makin saya pertahankan kelak pun tak guna jugak. Dia yang failkan.. Kalau saya pertahankan pun, macam-macam mana pun dia tetap nak teruskan…"- Sya.*

Sementara itu, Rini, Iza dan Shima juga berkongsi pengalaman bahawa mereka merasakan diri mereka diceraikan secara mengejut dan begitu sahaja tanpa ada sebarang perbincangan mendalam dan menyeluruh antara mereka suami isteri. Ini meninggalkan kesan trauma pada mereka bertiga.

> *"Sedihlah.. saya tak jangka. Tak ada orang jangka kena cerai terus lafaz. Dia ingat lafaz tu tak jatuh sebab tak ada saksi.."- Rini.*

Riza menyatakan bahawa beliau tiada pilihan memandangkan suaminya telah membuat keputusan menceraikan beliau. Tambahan lagi suami telah mengabaikan beliau lebih setahun, meneruskan sama seperti melanjutkan penggantungan.

> *"Saya tak tahulah hati ni… Saya masih sayang, sebab cerai ni bukan saya yang minta, terkejut saya dia dah fail cerai. Kalau itu yang dia mahu, saya turutkan saja. Itu yang dia nak. Dah dia gantung saya setahun lebih, takkan saya nak kata tidak?"- Riza.*

Bagi beberapa peserta kajian, mereka terpaksa membuat keputusan setelah membuat pertimbangan mendalam banyak perkara termasuklah manfaat dan mudarat samada mahu meneruskan perkahwinan atau memutuskan untuk bercerai.

"Saya dah cuba tapi tak dapat. Sayang.. memang mengaku sampai sekarang masih sayang. Tapi pada masa yang sama, saya tak dapat hidup dengan dia. Sebab saya rasa, saya dah banyak sangat berkorban. Perasaan ni banyak sangat dah dihancurkan oleh dia"- Aimi

Keputusan untuk bercerai dilakukan oleh peserta atas sebab ditinggalkan terlalu lama tanpa sebarang berita, dianiaya secara berterusan samada dari segi emosi, mental dan fizikal serta terdapat juga saranan dan campurtangan dari keluarga sendiri.

4.2.7.2 Subtema 2: Mahu ubah kehidupan.

Mahu mengubah kehidupan menjadi pendorong utama keputusan bercerai oleh Ayu, Tiana, Lin dan Nurul. Mereka mendapati perkahwinan ini tiada peningkatan positif terhadap kualiti hidup mereka, sebaliknya merasakan semakin hari semakin sukar. Ayu melihat penceraian sebagai satu tindakan yang wajar untuk tidak berterusan mengadapi rasa sakit hati dan jijik pada kecurangan suami.

"... Bila saya dah lepas saya tak akan pandang lagi. Saya tak termakan lagi. Tak perlulah nak bagi peluang lagi. Dah bagi peluang pun sebelum ni dia sia-siakan. Apatah lagi kalau peluang ke 6 , ke 7 ke. Itu yang saya tak mahu" -Ayu

Tiana pula mula menyedari bahawa beliau tidak perlu selamanya hidup dalam keadaan sedih dan kecewa dalam perkahwinan yang tidak membahagiakan itu. Atas sokongan dan jaminan ahli keluarga, beliau membuat keputusan untuk bercerai, sekaligus menjadi titik tolak perubahan masa depannya keluar dari kesusahan.

"macam rasa macam makin hari makin susah, langsung tak berubah... dorongan dari orang lain pun kata, tanpa suami pun engkau boleh hidup. Kami ada bagi sokongan , kami tak bencikan engkau, walaupun engkau bukan bersama kami lagi (sama agama). . ya.. jadi saya sahut cabaran tu.. tengoklah.. sebagai ibu tunggal, tengok orang lain pun dapat jugak hidupkan anak tanpa suami.. ya.. daripada saya terus hanyut dengan gaya hidup dia yang tak pernah pedulikan apa-apa"- Tiana.

Sementara itu, Aimi masih menyimpan perasaan sayang kepada pasangannya, namun bertegas untuk bercerai setelah mendapati perkahwinannya dengan suami sentiasa bergelut dengan isu yang sama. Dengan keadaan hubungan yang kerap mendepani konflik, Aimi merasakan beliau sudah terlalu banyak berkorban perasaan hingga disahkan mengalami kemurungan. Setelah mempertimbangkan aspek masa depan beliau sendiri dan anak-anak, akhirnya Aimi membuat kepurusan untuk mengemukakan permohonan cerai.

> *"Saya dah cuba tapi tak dapat. Sayang.. memang mengaku sampai sekarang masih sayang. Tapi pada masa yang sama, saya tak dapat hidup dengan dia. Sebab saya rasa, saya dah banyak sangat berkorban. Perasaan ni banyak sangat dah dihancurkan oleh dia"- Aimi.*

Zura juga membuat keputusan atas faktor yang hampir sama iaitu mahu keluar dari perkahwinan yang lebih banyak mendatangkan tekanan emosi dan rasa sakit hati. Beliau juga mendapati perkahwinnya lebih banyak mendatangkan mudarat berbanding dengan manfaat, maka atas pertimbangan tersebut wajarlah untuk beliau membuat keputusan bercerai.

> *"Saya mohon fasakh, saya tuntut sebab dia buat saya stress, dia pun menyakitkan hati saya, jadi perkara tu memudaratkan saya, jadi saya buat tuntutan"- Zura.*

Lin dan Munira juga tidak mahu berlama-lama berada dalam perkahwinan yang banyak memberikan rasa kesedihan, kekecewaan dan penderitaan. Kesemua mereka mahu mengubah hidup mereka sendiri dan memberikan komitmen penuh pada perkara lain terutamanya anak dan juga ibubapa.

> *"Saya fikir untuk diri saya dan anak saya puan. Sejak dari Sabah dulu tu, sampai 2016, dia memang tak berhenti siksa mental saya, sumpah, maki hamun, tak suruh saya berjumpa ibubapa saya. Peristiwa di rumah terbuka kawan sepejabat dia dulu, lepas tu merendah-rendahkan saya depan keluarga saya, depan kawan-kawannya masa raya 2016 tu, tak dapat saya teruskan hidup dalam keadaan tu puan. Dengan anak saya yang masih*

tinggal dengan ibubapa saya, nak dibawa tinggal bersama saya takut nanti datang part sewel dia, mana dia peduli.. tak mahu saya anak saya tengok suami saya macam tu"- Lin.

Munira merasa rimas dengan sikap suami yang sentiasa berburuk sangka dan membuat tuduhan tidak berasas. Beliau memutuskan untuk bercerai bagi membuka lembaran baru dan mengubah corak kehidupan yang lebih baik.

"Iya lah.. bila dah dia sampai menuduh macam tu, untuk apa saya teruskan hidup dengan dia. Bagus lagi saya berhidup dengan anak saya, ibu bapa saya, macam tu la yang saya fikirkan"-Munira

4.2.7.3 Subtema 3: Berhenti mengharap perubahan dari pasangan

Hana, Lin dan Zalina membuat keputusan untuk bercerai setelah merasakan bahawa pasangannya tidak akan berubah perangai walaupun diberikan peluang berulangkali. Mereka sudah berputus asa dan tidak mahu memberikan harapan lagi.

"Kalau ada usaha, walau macam-macam mana pun keadaan kami sebelum bernikah dulu… tapi masih jugak macam tu. Sebab saya seorang saja yang berusaha. Tak guna lah, tak dapat sorang aje. Dah dua-dua bina masjid mestilah dua-dua yang bekerjasama. Kat situlah silapnya" Hana.

Lin beranggapan peluang yang diberikan sudah mencukupi dan beliau enggan lagi menambah kekecewaan jika terus mengharapkan perubahan dari suami.

"Saya memang perhatikan je dia puan. Huh.. memang sentiasa maruah saya dipijak-pijak. Tapi saya tak berbunyi. Kalau berbunyi gaduh kami dua puan. Diam.. diam.. diam.. saya perhati je, sebab saya rasa dah terlampau kecewa sangat, sampai hari terakhir saya bagi peluang padanya, nak tengok dia macam mana.. masih jugak. Oklah.. cukup. "- Lin.

Zalina juga merasakan sudah sampai masanya untuk beliau berhenti dari mengharap perubahan dari suaminya. Atas sebab itu bila suami masih dengan keputusan untuk bercerai, beliau tidak lagi membantah sebaliknya bersetuju dengan keputusan.

"Dah puas tanggung sorang Dah rasa puas dah menangis disebabkan dia. Jadi bila dia kata dia nak cerai, bila dah hadnya, saya rasa okeylah.. engkau nak cerai, cerailah. Dah puas dah saya pujuk dia sebelum ni. Saya dah bagitau dia, ok boleh.. saya dah malas nak paksa dia lagi"- Zalina.

4.2.7.4 Subtema 4: Persepsi terhadap perkahwinan yang tidak menguntungkan.

Beberapa peserta lain memutuskan untuk bercerai bila mengira bahawa tindakan bertahan dan meneruskan perkahwinan tersebut adalah suatu yang tidak menguntungkan. Semakin lama mereka bertahan, semakin panjang dan banyak penderitaan berterusan. Maka atas pertimbangan tersebut, Aimi, Munir dan Wani nekad dengan keputusan masing-masing untuk bercerai.

"Sebab saya dah tak tahan. Memang dah stress dah terlampau sangat. Memang tak tahan lagi dah. Sebab masa tu saya baru beranak 3 bulan. Perkara ni macam satu demi satu, dari mula kahwin , masalah sentiasa ada tak putus-putus"- Aimi.

Bagi Munira, bila suami sampai sanggup mencuri cincin perkahwinan mereka semasa isteri sedang dalam proses melahirkan anak dan tidak mengaku anak yang dilahirkan itu anak beliau, itu merupakan tindakan yang menghilangkan sama sekali kepercayaan pada suami dan harapan pada perkahwinan mereka. Beliau mahu menamatkan perkahwinan kerana bagi beliau ianya tidak mendatangkan keuntungan.

"Katanya, ya dia tahu dia salah. Sampaikan saya bersalin anak pertama. Kan kita bersalin tak boleh pakai cincin dan barang kemas?. Jadi semua saya simpan dalam beg. Saya suruh dia simpan. Saya keluar dari hospital saya cari cincin tu dah tak ada. Cincin nikah tu. Bermula dari hari tu saya rasa benci sangat. Saya tanya, kenapa sanggup buat macam ni?. Saya ikhlas terima awak, saya tak pernah banyak tanya. Awak bawak saya kahwin saya okey. Tapi kalau awak dah buat saya macam ni, memang dah tak ada harapanlah hubungan kita berdua. Sampailah dia tak mengaku anak tu.. saya keluar dari rumah, saya sendiri failkan penceraian…"- Munira.

Wani menyifatkan pengorbanan selama ini sia-sia dan tidak berbaloi untuk diteruskan kerana ia penuh dengan kekecewaan.

"Tak ada. Dia merayu kat saya. Melutut depan saya di mahkamah tu. Saya bagitau dia, sekali saya dah buat keputusan, saya tak akan toleh belakang. ..Saya bagitau dia saya memang dah kecewa habis, kecewa bukan sebarang kecewa… itulah bila dikenang semula apa yang dia buat kat saya, apa yang dibuat pada kandungan saya, saya memang kecewalah.. sia-sia je pengorbanan selama ni" Wani.

Kebanyakan peserta memutuskan untuk bercerai setelah membuat pertimbangan yang mendalam. Mereka tidak mahu berterusan hidup dalam keadaan yang sama tanpa ada sebarang peningkatan. Berdasarkan kepada pengalaman berkahwin masing-masing, mereka sangat yakin bahawa pasangannya tiada keinginan mahupun kesungguhan untuk memperbaiki atau sekurang-kurangnya memberi komitmen pada perkahwinan, maka dengan itu kebanyakan peserta berhenti mengharap perubahan dari pasangan. Mereka juga membandingkan kualiti hidup mereka sepanjang tempoh perkahwinan dengan sebelum berkahwin dan mendapati kehidupan berkahwin mereka lebih teruk berbanding semasa zaman bujang. Atas penilaian tersebut mereka merasakan perkahwinan mereka tidak berbaloi untuk diteruskan.

4.2.8 Tema 8: Motivasi Untuk Bangkit Semula



Rajah 4.8: Tema dan Subtema 8

Terdapat dua subtema di bawah tema utama berjuang untuk bangkit semula iaitu kesan emosi selepas bercerai dan melakukan perubahan hidup.

4.2.8.1 Subtema 1: Kawalan emosi selepas penceraian.

Kebanyakan peserta kajian mengalami kesan emosi yang negatif sepanjang tempoh perkahwinan sehingga kepada selepas penceraian. Tiana, Aimi dan Shima mengalami kesedihan melampau dan kemurungan kesan dari penceraian. Dalam kes Tiana beliau mengalami hilang tumpuan dan minat untuk bekerja. Ini membuatkan beliau seringkali ponteng kerja ataupun balik lebih awal tanpa kebenaran. Memandangkan beliau sebelum ini bekerja di tempat yang sama dengan bekas suami dan juga adik beradik bekas suami, maka beliau juga kerapkali ponteng bagi mengelak bertembung dengan mereka.

> *"Ya. saya memang murung sangat sampai kena buang kerja, dua kali. Tempat kerja sama, saya tak turun kerja. Turun pun balik setengah hari, balik macam tu saja tak ada nak minta kebenaran atau maklumkan pihak atasan... ya.. tapi macam bila saya di keliling orang saya tak ada rasa apa-apa, tapi bila dah malam, saya sorang-sorang, tengok muka anak, saya jadi sedih sangat"- Tiana.*

Aimi pula sangat sensitif jika nama bekas suaminya disebut di hadapan beliau. Beliau mengambil masa selama enam bulan untuk pulihkan diri dan bangkit dari kesedihan.

> **"***...saya tak dapat kawal lagi.. orang sebut nama dia je memang confirm saya akan menangis. So, enam bulan macam tu.. enam bulan saya murung, saya tinggal di rumah, saya menangis.. tak dapat sebut nama dia memang confirm saya menangis.. enam bulan..*"- *Aimi.*

Begitu juga dengan Shima yang mengalami kemurungan sejak suami tinggalkan beliau dan mengambil keputusan menceraikan beliau tanpa beliau tahu apakah kesalahan besar beliau. Shima meletakkan harapan yang sangat tinggi pada perkahwinan keduanya ini dan tidak menjangka penceraian boleh berlaku. Impak penceraian yang mendadak ini memberikan kesan mendalam pada beliau.

> *"...engkau duduk kat kerusi aku ni, engkau masuk dalam kasut aku baru engkau rasa. Sebab mungkin saya terlalu mengharapkan perkahwinan ni*

agaknya, itu sebab saya jadi kemurungan macam ni . Sebab usia saya dah berapa, usia dia pun, saya takkan terfikirkan penceraian pun, umur dia masa tu 47, boleh cerai lagi ke?" -Shima.

Sya dan Liza pula keduanya diceraikan suami tanpa kerelaan dan dalam keadaan keduanya masih berusaha menyelamatkan perkahwinan, jadi kesan kesedihan dan kekecewaan itu sangat mendalam dan mengambil masa yang agak lama untuk pulih. Liza pula mengalami trauma dan rasa ragu untuk membina hubungan cinta yang baru kerana bimbang jika kejadian sama berulang lagi.

"…tak tahulah apa salah saya pada dia. Sampaikan bila dia bagi surat cerai tu, nak kata rasa kesal tu tak da, cuma rasa sakit hati ditinggalkannya, kosong dia tinggalkan saya. Memang langsung tak ada apa-apa.. memang pergi macam tu aje... 5 bulan, 6 bulan macam tu saya menangis saja. dengan airmata aje…"- Sya.

Penceraian meninggalkan kesan trauma pada Liza, beliau masih belum bersedia untuk membina sebarang hubungan baru walaupun peristiwa tersebut telah 3 tahun berlalu.

"Tak tahulah jugak puan, masih jugak dalam keadaan trauma. Sebab perkara tu baru tiga tahun lepas. Ada orang kata tiga tahun.. ada kawan saya baru cerai dan berkahwin baru.. haha.. aih.. saya ni dah tiga tahun masih lagi trauma"-Liza.

Wani juga mengakui masih terkenang-kenang pengalaman pahit di dera secara fizikal oleh bekas suami dan ini meninggalkan kesan trauma dan ketakutan

"Nak kata saya dendam, tak lah.. saya tak dapat tengok muka dia, rasa saya. Ya Allah, bila saya tengok muka dia, saya teringat macam mana dia buat kat saya. Sebab tu dia kata saya masih berdendam dengan dia. Saya bukan berdendam. Cuma saya tak dapat melupakan , macam setiap malam saya mesti fikir. Kenapa engkau buat aku macam ni?. Dia kata dia menyesal, kalau dah menyesal tak guna, kata saya pada dia"-Wani.

Aini dan Faiza pula mengalami kesukaran untuk melepaskan rasa sedih dan melupakan kenangan pahit bersama suami selepas penceraian.

> *"Banyak pengalaman, banyak yang dirasa, orang kata, bercerai je, senang lupa. Tapi tak semudah ABC, kita tidur setilam sebantal dengan dia, ada anak lagi dengan dia, tak semudah tu.. Itulah yang saya cuba selama ni, saya cuba, saya cuba nak melupakan semua tu.. saya boleh.. saya kuat"-Aini.*

Faiza mengakui yang penceraian meninggalkan kesakitan pada emosinya. Namun orang sekeliling banyak memberi kata perangsang dan semangat pada beliau.

> *"Dulu sakit jugaklah. Tapi bila fikir-fikir.. ahh. sekejap je kita hidup ni. Saya ada kawan yang bagi semangat pada saya, dia dah bercerai dua kali. Jadi saya rasa macam.. bila kawan saya ni kena cerai macam tu lagilah sedih.. apa sangatlah saya ni…"- Faiza.*

Sementara itu Nor, Hana dan Riza mengalami kesan yang berbeza, mereka merasa lega selepas bercerai kerana terlepas dari penderitaan yang diakibatkan oleh penderitaan sepanjang perkahwinan.

> *"Ya, lebih lega.. itulah tadi.. kan pengalaman saya dalam perkahwinan tu sangat tak seronok. Jadi bila dah terlepas ni saya bersyukur. Lega nya.. macam terlepas dari ikatan la puan"-Nor.*

Hana sudah bersedia dengan penceraian kerana beliau nekad untuk melakukan peningkatan kualiti hidup buat beliau dan anak-anak. Beliau bukan saja tidak bersedih, malah bersyukur atas penceraian.

> *"Saya macam, alhamdulillah sangat sangat sebab saya memang dah lama nak lepas dari dia. Banyak persoalan sampai saya mintak petunjuk dan pertolongan. Saya sikit pun tak ada menangis, tak menyesal pada hari penceraian sebenar-benar depan hakim masa tu. Saya benar-benar bersyukur sangat" - Hana.*

Riza menghadapi penceraian dengan perasaan yang bercampur-campur antara sedih dan gembira.

"Akhirnya, saya rasa macam tak percaya. Rasa bersyukur ada jugak. Perasaan saya masa tu, 50-50. Saya rasa syukur dan saya rasa sedih yang teramat-amat. Takde seorang isteri atau perempuan yang mahu perkara ni berlaku"- Riza.

4.2.8.2 Subtema 2: Membaiki taraf kehidupan

Rata-rata peserta kajian telah mula membuat perubahan membaiki taraf hidup selepas bercerai samada memberi fokus pada anak-anak, membina kerjaya atau perniagaan, meningkatkan kemahiran diri atau memberi khidmat kepada ibubapa.

Kila memberi sepenuh komitmen pada membesarkan anaknya. Begitu juga dengan Munira yang bukan saja mahu memberikan yang terbaik pada anak-anak beliau malah juga menjaga bapa dan abangnya.

" .... saya cuba untuk hidupkan anak sayalah. Saya bagi makan minum dan pelajaranlah. Kira anggap ni rezeki anaklah untuk saya dapat hidup dan membesarkannyalah Saya kerja ni pun nak menyekolahkan dialah, kan tahun depan dia dah nak sekolah. Anggap ajelah ni rezeki anak kan? Mungkin satu hari nanti anak dah besar dan berjaya, walaupun saya tak berjaya masa ni, anak ada"-Kila

Munira meletakkan matlamat hidupnya selepas bercerai untuk memberi pendidikan terbaik pada anak-anak agar kualiti hidup mereka jauh lebih baik dari apa yang beliau lalui sebelum ini.

"...mudahan lah anak saya cemerlang dalam pelajarannya ke, kelakuannya ke, saya tak mahu dia macam saya masa kecil kecil dulu, hidup tak tentu pasal, terumbang ambing, saya mahu dia betul-betul terjaga. Insyaallah kalau ada jodoh lain dia dapat terima anak saya. Setakat ni belum ada. Masih lambat agaknya"-Munira.

Begitu juga dengan Haza yang mempunyai dua orang anak. Beliau mahu memberikan tumpuan membesarkan dan membahagiakan anak-anak.

"Perancangan saya lepas ni, anaklah. Saya mahu anak saya berjaya. Saya mahu bahagiakan dia. Fokus dengan anak, sekolahkan dia. Untuk saya

sendiri pulak, saya tak tahu. Saya sibuk dengan anak saya saja. Kalau nak kahwin baru tu saya belum pasti. Ada jodoh, adalah"-Haza.

Liza memberi tumpuan kepada membina kerjaya dan mengukuhkan sumber pendapatan melalui perniagaan. Bagi Liza, beliau tidak mahu bergantung dengan lelaki. Sebaik penceraian, beliau berusaha untuk menstabilkan diri terlebih dahulu sebelum menguatkan kedudukan dari segi kewangan, emosi dan sebagainya.

"Saya sekarang fokus dengan kerja saya, saya nak cuba tetapkan, saya mesti stabilkan diri saya dulu. Saya dah belajar, saya tak boleh mengharapkan orang lelaki semata-mata sebab satu hari nanti, tak kisahlah kita bercerai atau samada suami kita dah meninggalkan kita ke apa kan, satu hari nanti kita akan keseorangan jugak. Jadi saya fikir, saya mesti stabilkan diri saya dulu, dari segi apa tak kisahlah dari segi kewangankah, dari segi hati kita kah, semua, baru kita kuat meneruskan untuk berumahtangga lagi. Ya yang saya mahu"-Liza.

Zalina juga mencari peluang menambah pendapatan selepas bercerai. Beliau mahu membesarkan anak-anak dan dan memerlukan wang tambahan bagi memenuhi keperluan mereka terutamanya dari segi pendidikan.

".. anak ajelah.. anak dengan perniagaan.. saya ada juga mohon apa-apa kerja yang ada untuk tambah pendapatan saya dengan anak-anak saya..." - Zalina.

Selepas bercerai, Nor berusaha menambahbaik kemahiran belau. Beliau belajar memandu sebagai salah satu usahanya awalnya untuk berdikari. Nor kemudiannya belajar memasak dan menambah pendapatan beliau melalui perniagaan. Kedua langkah ini adalah usaha merubah dan menambah baik kehidupan beliau selepas penceraian.

"hmmm… saya belajar memandu. Sebelum ni saya tak nak. saya tak berani.. tapi lepas cerai saya kuatkan diri, saya belajar memandu. Lepas tu, anak, dapat saya besarkan dia seorang diri. Dia bagi nafkah ke tak bagi nafkah ke, itu dia jawap dengan Allah. Itu je bagi saya"-Nor.

Begitu juga dengan Zura yang memberi tumpuan penuh pada karier dan anak-anak. Beliau mengenepikan dahulu soal jodoh dan menyerahkannya kepada Allah.

> *" Teruskan je dengan hidup saya, memang fokus pada karier, kerja dan anak. Nak fikir tentang jodoh tu biarlah Allah yang atur"- Zura.*

Sementara itu, Liza, Ayu, Zalina dan Hana juga menambahbaik kualiti hidup mereka secara menyeluruh. Liza meluaskan lagi skop pencapaian hidup beliau, Ayu mula membina perniagaan roti secara perlahan-lahan, Zalina terus melangkah ke hadapan dan melepaskan harapan beliau untuk kembali pada bekas suaminya dan Hana pula mahu meningkatkan pengetahuan beliau dalam Islam.

> *".. dulu saya tak ada cita-cita dalam tempoh saya di rumah tu.. cuma misi saya melayan suami saja.. itu saja cita-cita saya. Tapi sekarang, cita-cita saya dah lain. Cita-cita saya lepas ni saya nak tengok anak saya berjaya, saya nak hantar dia sekolah begitu begini, lepas ni saya dapat kerja tetap, saya nak rumah sebuah, untuk diri sendiri, untuk anak, macam ada cita-cita bah.. ok lepas ni saya nak bawa mak bapa saya pergi umrah, saya nak mereka pergi.. ada perancangan.. dulu saya tak ada pun terfikir benda tu" Liza.*

Ayu pula perlahan-lahan mengembangkan dan memajukan perniagaan kedai roti beliau dengan harapan dan perancangan untuk membuka beberapa cawangan lagi. Semua usaha ini adalah untuk menambahbaik kualiti hidup agar dapat memberi jaminan hidup pada anak-anak beliau.

> *"Mungkin saya mahu meneruskan lagi, membesarkan lagi bakery saya tu…mana tahu nanti makin besar, dapat jugak buat bakery kan.. itu impian saya. Saya harap di sebalik semua ni membuahkan hasil untuk diri saya sendiri, untuk saya kuat, untuk saya berjaya satu hari nanti, jadi usahawan ke, jadi ibu terbaik untuk anak saya ke.. saya ambil peluang masa anak saya masih kecil ni, biar dia faham apa dilalui saya, masa dia masih kecil, masa saya perlukan semangat saya mahu dia faham satu hari kelak. Kalau ada jodoh kata orang.. minta doalah jodoh saya tu baik baik, tak macam sebelum ni, yang dapat terima kami berdua…" -Ayu.*

Lin dan Aini pula hanya mahu memberi keselesaan dan kebahagiaan kepada ibubapa dan anak-anak. Mereka merasa selesa dengan kehidupan selepas penceraian dan tidak mahu berubah banyak selain dari menikmati ketenteraman hidup bersama keluarga masing-masing.

> *"Macam ni ajelah Setakat ni saya rasa hidup saya dah lengkap. Walaupun tak ada macam komitmen keluarga, suami tak ada, bukan nak sombong, sempurna. Saya rasa dah lengkap dah hidup saya. Mak saya dah gembira, bapa saya pun dah gembira. dah ok"-Lin.*

Aini mahu belajar memandu agar tidak perlu bergantung dengan orang lain. Dengan kemampuan bergerak sendirian akan menambah semangat untuk perbaiki hidup.

> *"Makin semangat saya rasakan. Tapi duit tak ada. Kalau duit ada baru dapat berjalan. Kumpul duit dulu. Saya mahu belajar kereta. Memang benar adik beradik saya dapat tolong saya tapi saya tak dapat bergantung harap dengan mereka. So plan saya, saya ambil lesen kereta.."- Aini.*

Weena dan Liza dapat merasakan penceraian ini seperti titik tolak kepada perubahan hidup mereka samada dari segi emosi dan juga pencapaian dalam hidup.

> *"Saya dulu pemarah sebab banyak benda dipendam kan? Sikit-sikit marah. Dengan orang tua pun macam tu jugak. Memang saya bukan orang yang mudah disukai. Masa tu saya tak banyak kawan, dengan hidup saya yang macam tu aje. Tak mahu jumpa orang. Macam itulah hidup saya dulu. Tapi sekarang alhamdulillah. Saya banyak kawan, kita dapat rasakan kita disukai orang. Kita dapat rasa macam orang senang dengan kita. Saya tak pemarah, saya rileks"-Weena.*

Liza mempunyai banyak perancangan selepas penceraian beliau terutamanya untuk anak, ibubapa dan pembangunan dirinya sendiri.

> *"Kadang saya rasa bersyukur pun ada jugak berlakunya perpisahan ni.*
>
> *Cita-cita saya kan, lepas ni nak tengok anak saya berjaya, saya nak hantar dia ke sekolah sekian sekian, lepas saya tetap dalam perkhidmatan nanti saya nak beli rumah sebuah untuk diri sendiri, untuk anak, macam ada cita-cita*

bah..ok, lepas ni saya nak bawak mak bapak saya pergi umrah.. ada perancanganlah. Dulu saya tak terfikirpun perkara tu..”- Liza.

Rata-rata peserta kajian mempunyai perancangan hidup tersendiri dengan menumpukan kepada peningkatan kualiti hidup dan masa depan diri dan orang-orang yang signifikan dalam hidup mereka. Mereka juga pada masa yang sama, dapat mengatasi kesan emosi akibat bercerai dengan adanya sokongan dan kekuatan yang diberikan oleh ahli keluarga dan rakan-rakan sekeliling mereka

BAB 5

PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan

Kajian ini meneroka pengalaman wanita yang bercerai pada awal perkahwinan mereka. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan dianalisis menggunakan pendekatan *Interpretatif Phenomenological Analysis*, di mana kajian meneroka interpretasi peserta terhadap pengalaman mereka dan interpretasi peserta kemudiannya dianalisis dan diinterpretasi pula oleh pengkaji. Seramai 30 peserta dipilih secara persampelan bertujuan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi mendapatkan kumpulan yang sama ciri-ciri homogen. Namun hanya 23 data yang diproses dan digunapakai sehingga ke fasa akhir analisis dan selebihnya ditolak atas faktor teknikal.

Kesemua peserta ini kemudiannya ditemubual menggunakan soalan temubual separa berstruktur dan hasil temubual kemudiannya ditranskripsi yang kemudiannya dibaca berulangkali, di dengar rakaman perbualan sambil membaca hasil transkrip. Data dianalisis dan di kod. Kod-kod di kumpul dan dikategorikan dibawah tema yang sama.

Hasil dari analisis, pengkaji akhirnya berjaya menghimpunkan pengalaman perkahwinan wanita yang bercerai pada awal perkahwinannya kepada 8 tema utama. Ini bermakna, terdapat 8 tema utama yang mendasari pengalaman yang dilalui oleh wanita Melayu Islam di Kuching Sarawak yang bercerai pada awal perkahwinan mereka. Kesemua tema ini saling berkait satu sama lain dan pengkaji meletakkannya dalam turutan daripada tema yang terdahulu awal muncul kepada yang terakhir muncul,

5.2 Tema 1: Persepsi Terhadap Realiti Perkahwinan

Realiti berbeza dari ekspektasi merujuk kepada keadaan di mana peserta mendapati ciri sebenar yang ada pada pasangan selepas berkahwin ternyata jauh berbeza dari apa yang mereka dapati semasa tempoh perkenalan sebelum berkahwin dahulu. Kebanyakan peserta merasa kecewa dan menyesali keputusan yang dibuat sebelum ini yang dikatakan sebagai terburu-buru, tidak menyiasat dengan mendalam dan lebih teliti, kabur dengan tingkahlaku luaran dan terpedaya dengan imej positif yang ditonjolkan. Daripada 23 kes yang diteliti secara mendalam, kebanyakan peserta kajian menyatakan bahawa mereka mengenali pasangan dalam tempoh antara 6 bulan hingga kurang dua tahun. Ada antara peserta yang mengenali pasangan kurang dari 2 tahun dan pada masa yang sama tinggal berjauhan menjadikan proses mengenali latarbelakang kurang mendalam dan tidak teliti. Mereka membuat penilaian hanya berdasarkan kriteria luaran tanpa sempat melakukan penilaian dalaman.

Para wanita yang bercerai pada awal perkahwinan dalam kajian ini mendapati realiti berbeza dari ekspektasi adalah disebabkan proses perkenalan dan membina hubungan romantis seringkali dikaburi oleh persepsi yang berat sebelah Ini adalah kerana pasangan yang sedang dilamun cinta cenderung merasa yakin bahawa penilaian mereka terhadap pasangan adalah tepat dan penilaian ini memberikan panduan kepada pasangan untuk bertingkahlaku seiring dengan ekspektasi pasangannya dan sekaligus mengesahkan penilaian awal tersebut.

Menurut teori *disillusionment*, semasa fasa awal perkenalan, pasangan mempunyai kecenderungan untuk membina imej yang selari dengan tanggapan bakal pasangan mereka bagi meningkatkan peluang mereka diterima oleh bakal pasangan. Pada masa yang sama juga bakal pasangan cenderung untuk memberi perhatian hanya kepada aspek-aspek yang

beliau harapkan ada pada individu tersebut. Proses ini dinamakan sebagai idealisasi ataupun ilusi positif (Niehuis et al., 2011). Konsep idealisasi mengandungi 3 aspek iaitu pandangan ideal terhadap pasangan, persepsi berlebihan tentang kawalan masa depan hubungan dan keyakinan yang tidak realistik terhadap hubungan (Niehuis, Reifman, & Oldham, 2019). Perkara sama telah berlaku kepada pihak wanita atau isteri dalam kajian ini yang cuba mempamerkan segala ciri terbaik yang mereka mampu lakukan bagi memastikan hubungan berterusan dan keduanya kekal bersama. Pasangan yang saling tertarik pada satu sama lain secara berlebihan ini mendedahkan realiti kepada risiko kekecewaan bila semua perasaan ini kembali kepada realiti.

Beberapa peserta kajian mengakui merasa terpedaya bila pada awalnya tertarik dengan tingkahlaku dan penampilan yang ditunjukkan sepanjang usaha memikat hati mereka. Pasangan bagaikan tahu apa yang peserta harapkan dari mereka. Sebilangan besar peserta wanita kajian ini telah menamatkan perkahwinan mereka semasa dalam tempoh awal perkahwinan mengalami sendiri keadaan sebegini. Kenyataan yang dilihat di depan mata selepas berumahtangga tidak seindah yang dibayangkan sebelumnya. Perlakuan yang sebelum ini dipamerkan semakin menghilang selepas berkahwin dan sikap serta perlakuan negatif mengambil alih. Maka, kekecewaan yang dialami pada mulanya cuba dirasionalisasikan sebagai pendekatan mengubah cara berfikir (kognitif) dengan meletakkan atribusi luaran tetapi gagal.

Disillusionment seperti ini tidak dapat dielakkan daripada berlaku terutamanya apabila pasangan sudah mula hidup bersama dan mengagumkan imej yang bukan sebenarnya mencerminkan dirinya kepada pasangan tidak lagi menjadi relevan dengan tujuan semasa iaitu menawan atau mengurat pasangan bagi tujuan diterima. Kenyataan ini disokong oleh Huston et. Al (2001) yang berpendapat bahawa kebarangkalian tinggi kekecewaan

ituberlaku pada pasangan yang mana berkenalan dalam tempoh yang singkat, hubungan di mana si lelaki terlalu menyukai wanita tersebut dan bersungguh-sungguh mahu mendapatkannya. Sehubungan itu, Huston telah mengingatkan bahawa imej pasangan yang sempurna dan hubungan yang sangat ideal serta tidak realistik boleh menjadikan hubungan selanjutnya selepas berkahwin bermasalah. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa ilusi dan keghairahan sebelum berkahwin meramalkan kekecewaan pada awal perkahwinan. Kenyataan ini ada benarnya bila dilihat pada pengalaman beberapa peserta kajian yang mengakui agak gopoh dan kurang pertimbangan teliti sebelum berkahwin. Ini terutamanya berlaku pada pasangan yang mana si lelaki sangat beriya-iya mahu memikat dan mengahwini mereka. Tanpa sedar si wanita terpesona dengan kelakuan, penampilan dan kata-kata yang mempersona hingga terlepas pandang pada kriteria lain yang tersembunyi dan tidak ditonjolkan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Pollis & Pollis (2018) yang mengatakan tingkahlaku yang bertujuan untuk memikat kebiasaannya didorong oleh kehendak nafsu, keinginan yang melonjak dan sukar dihentikan sehingga seseorang itu mencapai dan mendapat apa yang dikehendaki dan boleh menurun setelah ianya dipenuhi

Hakikatnya semua orang mempunyai tret personaliti yang positif dan negatif (O'Meara & South, 2019). Bagi sesetengah pasangan, idealisasi yang mereka bina terhadap pasangan akan berubah kepada kekecewaan bila mana harapan yang terlalu tinggi, sempurna dan tidak realistik terhadap pasanganya mula dirosakkan oleh realiti kehidupan seharian (Niehus,2016). Bahkan menurut Niehuis et al., (2019), kekecewaan yang melampau apabila berdepan keadaan yang berbeza dari yang diangan-angankan akan bertambah teruk bila pasangan bersikap kasar, curang, sengaja mengabaikan perasaan dan keperluan pasangan, mengutuk dan bercakap buruk terhadap pasangan

Bagi peserta kajian ini iaitu para wanita yang baru sahaja mendirikan perkahwinan, situasi ini menimbulkan kepayahan dalam usaha mengekalkan persepsi umum masyarakat tentang kehidupan suami isteri yang baharu berkahwin. Masyarakat mungkin beranggapan bahawa fasa awal perkahwinan sememangnya fasa penyesuaian diri dan seseorang wanita itu seharusnya berusaha bertahan dengan perangai suami, persekitarannya dan juga kehidupan barunya walau seteruk mana sekalipun suami dan perkahwinannya. Rasa takut dipandang negatif oleh masyarakat mendorong wanita untuk terus kekal dalam perkahwinan walaupun mereka sedang melalui pengalaman yang mendukacitakan oleh perlakuan suami yang berlainan dari yang dijangka.

Apabila berdepan dengan pengalaman sebegini, peserta kajian cenderung meletakkan atribusi luaran terhadap tingkahlaku negatif yang didapati ada pada pasangan yang baru dikahwini. Menurut (McNulty & Karney, 2001) terdapat 3 cara atribusi luaran ini dilakukan, pertama, menganggap tingkahlaku tersebut berpunca dari faktor luaran, kedua, memandang kecil tingkahlaku tersebut dan ketiga mengekalkan kepercayaan bahawa mereka mampu mengawal masa depan Dalam ertikata lain, kesemua peserta kajian ini yakin bahawa dengan perasaan cinta yang ada pada mereka berdua dan juga hubungan yang masih baru, kesemua ciri negatif yang terlihat akan dapat diubah dan hilang sepanjang proses mereka mengharungi kehidupan bersuami isteri ini kelak. Ini menerangkan hasil kajian ini terhadap mengapa dalam perkahwinan yang mana si suami masih lagi berlaku curang beberapa kali, melakukan kekasaran bahkan penderaan meskipun pada awal perkahwinan, isteri masih lagi beranggapan baik pada suami. Contohnya, Ayu masih mempercayai suami walaupun banyak kali mendengar khabar angin tentang kecurangan suaminya. Beliau berpendapat bahawa selagi kecurangan suami tidak dilihat dengan mata kepala beliau sendiri, beliau tidak akan semudah-mudahnya mempercayai kata-kata orang. Memandangkan kesemua peserta kajian

ini merupakan wanita Melayu, mereka masih berusaha mengekalkan rasa hormat mereka pada suami dengan salah satu caranya ialah mempercayai suaminya lebih dari orang lain dan dengan itu berusaha menepis sangkaan buruk terhadap suami. Ini selari dengan saranan agama agar seseorang itu tidak meletakkan sangkaan-sangkaan buruk atau mengintai-intai mencari kesalahan orang lain kerana ia dikira sebagai dosa apatah lagi terhadap suami sendiri. Tujuan larangan ini adalah bagi menjaga keharmonian hidup dalam bermasyarakat secara umumnya dan hubungan antara perseorangan secara khususnya (Mohamad Rohana, P.Rameli, Nordin, & Hashim, 2017).

Bagi kebanyakan, peserta kajian ini, pasangan yang memutuskan untuk berkahwin adalah berdasarkan kepada kriteria yang ada pada bakal pasangan yang dilihat bersesuaian bagi memudahkan interaksi ataupun kriteria yang berbeza bagi tujuan melengkapi kekurangan. Manakala, aspek tanggapan dan pengaruh budaya juga banyak mempengaruhi kriteria yang diletakkan sebagai ciri-ciri suami terbaik yang mendasari pemilihan para peserta kajian. Memandangkan kedua pasangan adalah dari kelompok masyarakat yang sama iaitu Melayu Islam, maka tidak sukar untuk individu memanipulasi atau mempamerkan kriteria yang diketahui menjadi idaman kebanyakan wanita untuk tujuan memikat. Tambahan lagi, masyarakat Melayu sangat mementingkan kriteria lelaki yang budiman, menghormati orang tua dan wanita, mengutamakan keluarga, bersopan santun, beragama, bertanggungjawab, maka ciri ini tidak sukar untuk ditonjolkan sebagai imej sementara bagi menawan hati wanita dan keluarganya.

Islam telah menggariskan panduan dalam pemilihan jodoh melalui Sabda Nabi Muhammad s.a.w dalam hadis baginda yang bermaksud: ““Seorang perempuan dinikahi karena empat hal: karena hartanya, karena keturunannya, karena kecantikannya dan karena agamanya. Maka menangkanlah wanita yang mempunyai agama, engkau akan menang”

(HR. Bukhori, Muslim, an-Nasa'i, Abu Dawud, Ibn Majah, Ahmad Ibn Hambal dan al-Darimi) (Paryadi, 2015).

Sekalipun mafhum hadis tersebut merujuk kepada wanita, namun kriteria dalam pemilihan jodoh ini juga dapat diaplikasi pada wanita dalam soal memilih pasangan mereka. Kriteria beragama ditekankan kerana menurut perspektif Islam, individu lelaki atau wanita yang memiliki pemahaman agama yang mendalam dan menitikberatkan kehidupan berlandaskan Islam kebiasaannya memiliki tujuan dan arahtuju hidup yang selaras dengan perintah agama yang menjamin keharmonian dan kestabilan perkahwinan. Agama mencakupi soal akhlak (personaliti dan tret), kepercayaan (kognitif), ibadah (spiritual/kerohanian) dan juga akidah (asas hidup). Aspek- aspek tersebut mempunyai peranan yang signifikan dalam membangun keharmonian perkawinan dan sebagai daya tindak ketahanan bagi mengatasi berbagai cabaran yang timbul dalam kehidupan keluarga. Ketaatan beragama akan menjadi faktor dominan dalam menentukan baik-buruknya kehidupan rumah tangga. Ketaatan seseorang dalam beragama menentukan samada seseorang itu faham secara mendalam bahwa perkawinan adalah ibadah semata- mata mencari ridha Allah dan memenuhi hak dan kewajibannya masing-masing dalam berumah tangga (Paryadi, 2015).

Hasil kajian ini mencadangkan beberapa perkara; pertama, perlunya seseorang wanita itu mengawal penilaian beliau terhadap mana-mana lelaki yang sedang cuba memikat beliau. Perkara ini agak sukar untuk dilakukan dalam keadaan bila mana hati sudah terpikat pada ciri-ciri yang ada pada lelaki tersebut yang juga merupakan antara ciri yang dicari oleh wanita tersebut sebagai suami. Bagi menangani kecenderungan tersebut, dalam syariat Islam dalam hal ehwal perkahwinan wujudnya peranan wali bagi si perempuan yang bertanggungjawab untuk menjaga kemaslahatan dan keselamatan si perempuan (Hasibuan,

2018). Wali adalah lelaki yang mempunyai pertalian darah dengan perempuan tersebut seperti bapa, datuk, adik beradik lelaki seibu sebapa atau adik beradik lelaki sebapa. Kesemua susunan wali jika kita lihat adalah lelaki. Lelaki yang menjaga perempuan yang merupakan saudara sedarah sudah tentu tidak mempunyai kepentingan peribadi selain dari hanya menjaga keselamatan anak perempuan, cucu perempuan, anak saudara perempuan atau saudara perempuan beliau. Tanggungjawab lelaki juga sebelum mengakadnikahkan si perempuan haruslah memastikan lelaki yang dikahwini tersebut mempunyai kriteria yang selamat dan bertanggungjawab (Moch. Azis Qoharuddin, 2018). Ini sekaligus dapat mengimbangi persepsi terhadap lelaki terutamanya bila ianya ditapis oleh lelaki yang bertujuan melindungi dan perempuan yang ingin dinikahi. Kebanyakan wanita dalam kajian ini memilih pasangan tanpa terlebih dahulu memperkenalkan pasangan kepada ibubapa sebelum memutuskan untuk menerima lamaran mereka. Pada masa yang sama juga, bagi yang memperkenalkan kepada bapa, samada ketidaksetujuan bapa pada pilihan mereka telah diletak ke belakang bila mana si perempuan telah hamil sebelum berkahwin dan ini tidak memberikan pilihan pada si bapa selain menikahkan anak perempuan mereka dengan lelaki berkenaan atau si bapa menyerahkan bulat-bulat kuasa dan kebebasan memilih pada anak perempuan tanpa sebarang campurtangan. Dalam ertikata lain, peranan wali telah dinafikan atau tidak dilaksanakan sebaiknya bagi menyaring bakal suami anak perempuan.

Kedua; manusia berupaya dan berpotensi memberikan reaksi dan bertingkahlaku secara berbeza terhadap satu-satu perkara yang sama dalam konteks berlainan atas motivasi berbeza. Sebagai contoh, dalam fasa awal perkenalan, kesan daripada rasa suka dan terpikat mendorong si lelaki untuk mengenepikan saja kepentingan dirinya demi memikat dan membuatkan si perempuan sukakan beliau. Namun apabila keduanya telah berkahwin dan si perempuan sudah sah menjadi isteri, dorongan untuk memiliki berakhir dan diganti dengan

dorongan untuk menguasai. Ini menjadikan kita faham mengapa semasa sebelum berkahwin rajuk si perempuan dipujuk dengan cepat oleh si lelaki tetapi setelah menjadi isteri, rajuk mereka dibiarkan saja. Ini kerana motivasinya sudah berbeza. Ini berbeza dengan wanita di mana sebelum berkahwin beliau mengimpikan lelaki yang mampu menjaga dan memberikan kehidupan yang lebih baik untuk dirinya dan ini mendorong beliau untuk memilih lelaki yang dilihatnya mempunyai kriteria sedemikian. Selepas berkahwin, keinginan tersebut berterusan dan mendorong beliau untuk memberikan komitmen yang terbaik seiring dengan harapan beliau. Malangnya, apabila wanita itu mendapati bahawa pasangannya tidak mempunyai arahtuju dan matlamat yang serupa, sebaliknya bertentangan dengan apa yang beliau harapkan, si wanita akan mula merasa kecewa. Pelbagai usaha dilakukan bagi memperbaiki hubungan terutamanya semasa masih berada di fasa awal perkahwinan termasuklah usaha-usaha membina keserasian dalam konteks bersuami isteri.

Namun begitu, tiada generalisasi boleh dilakukan ekoran dari hasil dapatan ini. Fenomena ini hanya berlaku dalam kes di mana pasangan bercerai sebelum tahun ke lima perkahwinan di mana si wanita mendapati realiti lelaki yang menjadi suami mereka tidak sama dari segi sikap dan personaliti yang dikenali dulu. Kekecewaan dan patah hati berterusan bila tiada sebarang usaha memulihkan kekecewaan di ambil. Sebaliknya sikap negatif dan bertentangan dengan ekspektasi diteruskan dan ini mengesahkan persepsi isteri bahawa suami sebenarnya memang berpura-pura dan berperangai buruk sebelum berkahwin yang hanya kelihatan selepas berkahwin.

5.3 Tema 2: Kesukaran Dalam Menyesuaikan Diri

Tema kedua kajian ini ialah kesukaran dalam menyesuaikan diri. Penyesuaian merujuk kepada keadaan di mana kedua pihak dapat memenuhi keperluan satu sama lain (Quinn & Odell, 2004). Penyesuaian adalah perkara utama yang perlu diusahakan dan

dicapai oleh semua pasangan yang baharu berkahwin. Ianya sangat perlu ekoran dari berlakunya perubahan besar dalam kebanyakan aspek kehidupan pasangan daripada hidup membujang kepada berpasangan. Secara asasnya pasangan memasuki alam perkahwinan bersama dengan harapan, ekspektasi , matlamat yang berlainan antara satu sama lain. Kajian ini mendapati terdapat 3 subtema di bawah aspek penyesuaian yang dialami oleh mereka yang baharu berkahwin di Kuching Sarawak iaitu: penyesuaian dengan personaliti pasangan, penyesuaian dengan mentua, penyesuaian dengan tanggungjawab dan peranan serta penyesuaian dengan konteks dan persekitaran.

Penyesuaian adalah proses berterusan yang memerlukan interaksi, komunikasi, pendedahan kendiri, rasa ingin tahu pasangan terhadap pasangan masing-masing bagi tujuan mengenali, memahami, mencari persamaan dan perbezaan dari segi personaliti, pemikiran, tabiat, latarbelakang, pendirian, hobi, kecenderungan dan sebagainya agar keduanya dapat membina kesepakatan, persefahaman bagi memudahkan keduanya untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab suami isteri, selanjutnya memenuhi keperluan dan kehendak masing-masing (Boden et al., 2010; Godana, 2019; Knabb & Vogt, 2011).

Melalui kajian ini, didapati proses penyesuaian sukar untuk berlaku memandangkan pada kebanyakan masa hanya satu pihak dilihat memberi komitmen sepenuhnya terhadap perkahwinan manakala pihak suami dilaporkan masih berada di takuk lama iaitu mengekalkan tabiat, tingkahlaku dan kebiasaan yang dilakukan sebelum berkahwin. Kesemua peserta dalam kajian ini pada semasa membuat keputusan untuk berkahwin menyangka bahawa mereka berdua suami isteri akan dapat membina persefahaman dan kesepakatan dalam berumahtangga berdasarkan kepada kriteria yang dirasakan serasi dan bersesuaian dengan personaliti dan latarbelakang diri masing-masing. Dalam ertikata lain,

mereka merasa yakin dan bahagia membayangkan masa depan hidup bersama sebagai suami isteri yang penuh sefahaman dan sepakat. Namun begitu, selepas beberapa bulan berkahwin mula mendapati keserasian itu sukar dicapai.

Antara aspek utama yang menyumbang kepada keupayaan seseorang menyesuaikan diri terhadap satu sama lain dan juga persekitaran mereka ialah personaliti mereka sendiri dan orang-orang penting yang signifikan. Setiap pasangan membawa sekali perangai dan tabiat masing-masing ke dalam perkahwinan. Jenis personaliti suami isteri ini kemudiannya berinteraksi bagi tujuan memenuhi keperluan-keperluan dalam perkahwinan. Menyesuaikan diri dengan suasana dan persekitaran baru mengambil masa dan berapa cepat seseorang itu menyesuaikan diri juga agak subjektif. Namun, semakin seseorang itu mengenali satu sama lain, semakin banyak persamaan yang mereka dapati pada diri mereka dan pasangan, maka semakin mudah untuk mereka membina rasa percaya antara satu sama lain. Namun sebaliknya, apabila terdapat jurang perbezaan yang agak luas dalam aspek personaliti pasangan yang dizahirkan dari segi minat, tret tingkahlaku, mood, sikap, reaksi dan perangai satu sama lain, penyesuaian menjadi semakin sukar dilakukan (Amiri, Farhoodi, Abdolvand, & Bidakhavidi, 2011; Shaud & Asad, 2020).

Bersangkutan dengan tema pertama kajian sebelum ini, perbezaan dari segi ekspektasi dan realiti memberikan pengalaman rasa tertipu pada peserta. Ini kerana, mereka sebenarnya tertarik kepada personaliti yang ditonjolkan semasa fasa memikat sebelum berkahwin dahulu dan membuat keputusan untuk berkahwin atas imej dan personaliti tersebut. Namun bila selepas berkahwin suami bertingkahlaku secara berbeza ataupun bertentangan ini menimbulkan perasaan kecewa dan marah. Mereka bukan saja kurang bersedia malah juga keberatan untuk menerima kenyataan di depan mata.

Dalam Islam, ciri-ciri personaliti yang menggambarkan keserasian dari segi cara berfikir, latar belakang dan cara hidup adalah sangat penting bagi membantu proses penyesuaian. Konsep ini dinamakan sebagai 'kufu'. Selain dari pasangan wajib mempunyai pegangan akidah yang sama, iaitu beriman kepada Allah dan beragama Islam, mereka juga sangat digalakkan untuk mempunyai ciri-ciri yang hampir ada dalam kluster yang sama (Bashori & Sembodo, 2018). Perbezaan yang terlalu jauh menyukarkan persefahaman dan mencipta peluang lebih banyak sengketa dan perbalahan.

Model perkahwinan *Vulnerability-Stress-Adaptation* yang diperkenalkan oleh Karney & Bradbury menerangkan secara menyeluruh konsep penyesuaian dalam perkahwinan yang selari dengan dapatan kajian ini Model ini menjelaskan bahawa kualiti dan penyesuaian perkahwinan dipengaruhi oleh tiga pembolehubah utama iaitu; ciri dan perangai yang dibawa ke dalam perkahwinan (personaliti), peristiwa kehidupan yang menekan (tekanan); dan proses adaptif (interaksi dalam penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan). Model ini menekankan bahawa perangai yang dibawa ke dalam perkahwinan mempunyai kesan langsung ke atas tekanan dan proses penyesuaian. Proses penyesuaian, seperti cara pasangan berkomunikasi dan menyelesaikan masalah perkahwinan, bukan sahaja mempengaruhi magnitud atau kejadian yang menimbulkan tekanan yang dihadapi pasangan, tetapi ia juga dianggap mempunyai kesan yang paling utama terhadap kualiti perkahwinan (Peterson-Post, Rhoades, Stanley, & Markman, 2014; Vazhappilly & Reyes, 2017). Bagi kebanyakan wanita dalam kajian ini, perangai dan sikap suami masing-masing yang bertentangan sekaligus menyukarkan perbincangan, membina intimasi dan persefahaman, cara menyelesaikan masalah, daya tindak mendepani tekanan dan juga pembuatan keputusan. Sebagai contoh, kebanyakan suami masih bergantung secara emosi dengan ibu kandung masing-masing. Disebabkan kecenderungan tersebut, mereka

sukar mendepani tekanan-tekanan perkahwinan secara konstruktif, lebih beremosi, tidak amanah dalam dalam menjaga rahsia rumahtangga, lebih cenderung mengadu dan bercerita serta mendapat pandangan ibu dan sukar membuat keputusan sendiri sejajar dengan peranan beliau sebagai ketua rumahtangga. Sikap suami yang sebegini banyak membuka ruang kepada campurtangan keluarga terutamanya di pihak suami. Selain daripada itu, kedua suami isteri mempunyai daya tindak berbeza dalam mendepani masalah. Suami lebih cenderung mengelak dan melarikan diri dari mendepani masalah sementara isteri pula lebih terbuka kepada perbincangan. Namun pendekatan mengelak si suami menyumbang kepada tekanan di pihak isteri.

Personaliti seseorang juga dapat digambarkan melalui karekter yang dipamerkan dalam interaksi seharian dengan orang sekelilingnya dan juga keterlibatan yang sangat mendalam dalam satu-satu aktiviti (Igbo, Grace, & Christiana, 2015) dan gambaran ini jelas terdapat dalam kajian ini.Perbuatan seperti sering berpeleseran, terlibat dengan penagihan syabu dan gam, berkelakuan agresif secara verbal dan fizikal, tidak mengambil berat soal tanggungjawab utama, melarikan diri bila berdepan masalah, tidak amanah dalam menjaga rahsia dan aib rumahtangga, berlaku curang secara kerap dan beberapa perlakuan negatif lain menggambarkan personaliti yang kerap menyumbang kepada masalah dan sukar untuk diterima apatah lagi untuk pasangan bertolak ansur dan terima demi mencapai matlamat dalam perkahwinan mereka. Perangai, tingkahlaku, tabiat, kecenderungan yang juga merupakan aspek-aspek dalam personaliti juga dipengaruhi oleh cara seseorang itu dibesarkan, dididik dan pengaruh persekitaran yang terdekat di mana individu itu dibesarkan (Baumert et al., 2017). Kesemua perlakuan yang menggambarkan personaliti kurang menyenangkan ini dilalui oleh hampir kesemua peserta kajian.

Sekalipun masyarakat Melayu banyak memberikan penekanan kepada penjagaan adab dan tanggungjawab bersuami isteri , namun salah laku lebih mudah menjadi kebiasaan bila mana seseorang itu terdedah kepada pengaruh sosial yang tidak sihat. Keadaan ini banyak berlaku dalam perkahwinan di mana dilaporkan setiap tahun berlaku pelbagai masalah seperti kecurangan, penagihan dadah, ketagihan pornografi, keganasan rumahtangga, pengabaian nafkah dan sebagainya yang merosakkan hubungan perkahwinan. Dalam kajian ini, beberapa peserta kajian melaporkan tentang kecenderungan suami terpengaruh dan terlibat dengan aktiviti yang merosakkan seperti pergaulan bebas, berjudi, menagih dadah dan syabu, terlibat dengan zina serta menonton video lucah yang kemudiannya menjejas kualiti perkahwinan masing-masing.

Proses penyesuaian dalam hubungan memerlukan pasangan membina keakraban, kerap berkomunikasi, berbincang dan menyelesaikan masalah bersama-sama. proses interaksi adaptif ini tidak berlaku secara optimum dan positif dalam perkahwinan kebanyakan peserta.Melalui perkongsian masa berkualiti bersama-sama ini , pasangan lebih berpeluang melakukan pendedahan kendiri dan melihat serta memahami keinginan, cara berfikir, tingkahlaku, tabiat dan perangai pasangan masing-masing bagi membolehkan mereka mencapai matlamat perkahwinan bersama.

Hasil dapatan kajian ini juga mendapati bahawa kepercayaan antara pasangan, harapan pada perubahan sikap pasangan, kematangan emosi berkait tinggi dengan penyesuaian perkahwinan. Semasa bulan-bulan terawal perkahwinan lagi kebanyakan peserta kajian ini, mengalami kekecewaan setelah mendapati pasangan mereka mempunyai personaliti yang jauh berbeza dari yang mereka harapkan, sekalipun diberi peluang untuk berubah, pasangan masih kekal dengan sikap sebenar mereka seperti kasar, menagih, berpeleseran dan culas dalam tanggungjawab, ini sekaligus menjejas kepercayaan dan

menyukarkan interaksi dalam membina intimasi, keakraban juga penyesuaian dalam peranan dan tanggungjawab. Dalam ertikata lain, kepercayaan antara pasangan yang terbina dalam bulan pertama meramalkan penyesuaian dalam 2 tahun seterus perkahwinan (Pradipta & Prihanto, 2011; Schramm, Marshall, Harris, & Lee, 2012). Begitu juga dengan faktor lain seperti komunikasi positif antara pasangan, penyelesaian masalah dengan solusi yang positif, kepuasan antara pasangan, tahap komitmen yang tinggi antara pasangan, persefahaman dalam isu-isu utama keluarga, perbezaan, kebimbangan dan ketegangan yang minima antara pasangan turut mempunyai kaitan dengan penyesuaian yang tinggi antara pasangan dalam perkahwinan (Mert, 2018). Psikologis mengenalpasti beberapa aspek kritikal yang dikongsi bersama yang memerlukan penyesuaian iaitu agama, seksual, keluarga mentua, personaliti, peranan dalam keluarga, rekreasi, anak-anak, keibubapaan serta nilai (Meyer & Pepper, 1977; Ünal & Akgün, 2022).

Kebanyakan peserta dalam kajian ini juga menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dalam konteks perkahwinan termasuklah dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan serta menyesuaikan hubungannya dengan mentua. Sebagai pasangan Melayu Islam, peranan pasangan suami isteri telah ditetapkan berdasarkan gender oleh masyarakat dari turun temurun. Bahkan ia juga telah ditetapkan dalam Quran dan Sunnah yang kemudiannya diamalkan oleh masyarakat dalam konteks perkahwinan. Sementara itu, dalam budaya Melayu kolektif di Sarawak, keharmonian hubungan kekeluargaan merupakan perkara yang penting dan utama untuk dipelihara (Himmelweit, Santos, Sevilla, & Sofer, 2013). Setiap individu mempunyai pertalian kekeluargaan yang rapat hinggakan sebarang tindakan yang beliau lakukan, memberi kesan kepada ahli keluarga yang lain. Dari sudut perkahwinan, walaupun setelah pasangan itu mendirikan rumahtangganya sendiri, perhubungan beliau dengan ahli keluarga asalnya masih berterusan

dan masih boleh saling mempengaruhi (Munir & AR, 2017). Dari segi amalan, menghormati orang tua samada dari sebelah pihak suami atau isteri adalah tuntutan agama dan adat resam dan budaya juga memberi penekanan yang sama.

Dalam usaha peserta kajian mengadaptasi corak kehidupan baru semasa di awal perkahwinan, melaksanakan peranan dan tanggungjawab seperti yang ditetapkan secara tradisi, kebanyakan mereka melalui pengalaman kerapkali usaha mereka mendapat kritikan dan campurtangan negatif dari keluarga pasangan terutamanya ibu mentua peserta. Daripada 23 kes yang dianalisis, 9 daripadanya mengalami campurtangan urusan perkahwinan mereka dari mentua samada secara langsung atau tidak langsung.

Secara tradisinya, pasangan yang baharu berkahwin masih bertanggungjawab untuk menghormati dan menjaga kebajikan orang tua mereka samada mereka tinggal serumah atau tidak (Sumari et al., 2019). Anak menantu yang tinggal bersama orang tua dijangka untuk menjaga ibubapa yang sudah tua, menunjukkan rasa hormat terhadap permintaan, harapan, keprihatinan dan juga keperluan ibubapa mereka. Dalam keadaan pasangan yang baharu berkahwin mahu membina keluarga mereka sendiri, mereka juga ditekan agar memenuhi ekspektasi ini, dan keperluan ini memberi cabaran dalam kepuasan perkahwinan serta menuntut usaha yang lebih untuk kedua pihak menyesuaikan diri (Priyadharshini & Gopalan, 2020). Di Sarawak, pasangan yang baharu berkahwin kebiasaannya berkongsi tempat tinggal dengan keluarga atas faktor kos sewa rumah mahal dan punca pendapatan yang tidak mencukupi untuk menanggung kos sara hidup yang tinggi. Ini menjadikan dalam satu-satu rumah, terdapat lebih dari satu pasangan tinggal serumah bersama dengan ibubapa dan anak-anak mereka.

Bagi wanita baharu berkahwin dalam kajian ini, samada mereka tinggal serumah dengan keluarga mentua atau tidak, mereka bukan saja perlu belajar menyesuaikan diri

dengan sikap dan perangai pasangan bahkan juga perlu belajar untuk menyesuaikan diri dengan ahli keluarga pasangan yang lain terutamanya ibu mentua. Melalui analisis, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kriteria khusus yang ada pada suami dan ibu kandung suami serta hubungan yang wujud antara kedua mereka dengan isteri yang menyumbang kepada isu penyesuaian diri yang sukar dalam perkahwinan. Pengkaji juga mendapati wujud 3 faktor utama yang mempengaruhi penyesuaian isteri dalam perkahwinan dan hubungan dengan keluarga suaminya iaitu; ibu mentua yang bersikap menguasai (*dominating*), caragaya *attachment* suami dengan ibunya dan sosiobudaya sistem kekeluargaan masyarakat Melayu yang mementingkan kelangsungan hubungan anak lelaki bersama ibunya. Dalam menerangkan tentang dinamik hubungan menantu perempuan dan mentua, Erikson (1965) dan Gilligan (1982) menerangkannya dari sudut perbezaan fasa perkembangan psikososial bagi wanita. Beliau menekankan bahawa hubungan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan diri seorang wanita. Beliau berpendapat bahawa identiti wanita terbentuk melalui hubungannya dengan suami di mana beliau perlu menyelesaikan isu intimasi dan pembentukan identiti sekaligus. Jika identiti wanita muda tersebut adalah sekitar kehidupan suaminya, maka menjadi tugas beliau untuk mencapai kebebasan dan membentuk identitinya sendiri dalam konteks hidup beliau dan suami. Sementara itu, bagi wanita yang lebih berusia, sebagai ibu mentua pula, seseorang wanita itu berada pada fasa murah hati (*generativity)* atau *ego integrity*, di mana mendorong mereka untuk berkongsi pengalaman dan pencapaian mereka dengan anak menantunya (Turner, Young, & Black, 2006). Melalui model psikososial bertahap ini tidak hairanlah wujudnya ketegangan dan pertentangan antara anak menantu perempuan yang mencari kebebasan dan autonomi dengan ibu mentua yang berjuang untuk mempengaruhi hidup anak menantunya. Ini menyukarkan usaha menantu perempuan untuk merasa dirinya diterima menjadi sebahagian keluarga. Banyak usaha

mereka ditolak dan dilihat secara prejudis oleh mentua. Sikap mentua pada masa yang sama mempengaruhi tanggapan suami terhadap isteri, menimbulkan prasangka dan salah faham. Konflik berlaku lebih kerap apabila ada campurtangan mentua dalam perkahwinan dan kejadian ini dilaporkan berlaku dalam hampir kesemua kes dalam kajian ini.

Identiti wanita, terutamanya bagi wanita Melayu yang masyarakatnya menitikberatkan budaya kolektif dinilai melalui tanggungjawab dan keprihatinan mereka terhadap keluarga(Yahya, 2014). Ini menuntut wanita selaku peserta kajian ini untuk membentuk identiti diri, mencapai intimasi dan juga pelaksanaan tanggungjawab secara berterusan dari usia muda sehingga tua. Maka dengan itu, mereka yakin bahawa mempunyai hubungan yang positif dengan ibu mentua/anak menantu adalah sangat penting dalam mencapai kesejahteraan diri menantu dan mentua. Pertelingkahan antara keduanya boleh mencetuskan ketegangan dalam hubungan disebabkan kegagalan untuk menantu menyesuaikan diri dalam membina identiti, hubungan yang akrab dan keprihatinan satu sama lain.

Konflik dengan mentua menjejaskan proses penyesuaian antara suami isteri bila mana suami merasa tersepit antara kedua wanita ini. Namun kebanyakan suami mengambil pendekatan menyebelahi ibunya dan mengenepikan isteri. Tindakan ini dilihat selari dengan budaya Melayu yang menekankan tentang kepentingan menghormati dan mengutamakan ibu dalam aspek ketaatan. Sekaligus menjadi panduan mudah untuk suami membuat keputusan tanpa perlu melibatkan diri secara lebih mendalam, membuat penilaian dan pertimbangan bagi mencari alternatif yang lebih bersifat menghubungkan, mendamaikan atau memulihkan hubungan.

Selain daripada kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan personaliti pasangan dan juga mentua, kebanyakan peserta kajian ini juga menghadapi kesukaran dalam

menyesuaikan diri dengan tanggungjawab dan peranan mereka sebagai isteri. Ini ekoran dari kegagalan suami dalam menjalankan peranan mereka sebagai ketua keluarga. Dalam sistem kekeluargaan Islam, suami merupakan tonggak kepada keutuhan sistem keluarganya di mana peranan dan tanggungjawab suami adalah merangkumi keseluruhan aspek rumahtangganya termasuk keperluan asasi/fizikal, keperluan emosi, keselamatan dan kesejahteraan menyeluruh keluarga. Sementara itu tanggungjawab dan peranan ini melengkapkan sebahagian lagi sistem kekeluargaan di mana isteri bertanggungjawab mentaati kepimpinan suami. Masalah penyesuaian timbul apabila suami culas atau melepaskan tanggungjawab dan ini secara tidak langsung membuatkan isteri terpaksa menampung peranan tersebut demi kesinambungan kehidupan beliau dan anak. Memikul tanggungjawab sendiri untuk mentaati suami sudah menjadi beban bila suami mengabaikan nafkah, gagal menjadi pelindung keselamatan isteri, bahkan beliau menambah beban isteri dengan membiarkan isteri bertungkus lumus sendirian mencari nafkah. Isteri juga sukar mentaati dan menuruti kepimpinan suami bila mana suami samasekali tidak berperanan sebagai pemimpin rumahtangga. Isteri tidak mempunyai suami untuk merujuk keputusan dan pandangan, sebaliknya keputusan yang dibuat sendirian mendatangkan rasa tidak puashati dan konflik antara pasangan. Ini menimbulkan rasa serba salah, tekanan pada isteri. Dalam kajian yang dilakukan oleh Muhamad Jasmi (2004) mendapati bahawa kegagalan suami menjalankan tanggungjawab mereka bukan saja menimbulkan tekanan dan konflik, malah juga menyebabkan perkahwinan mereka terdedah kepada penceraian. Tekanan dan konflik akibat dari kecuaian tanggungjawab antara suami isteri menjadi penghalang kepada komunikasi berkesan dan menyukarkan pembinaan hubungan intimasi yang penting dalam membina penyesuaian terutamanya semasa fasa awal perkahwinan (Muhammad & Jasmi, 2004; Niko, 2016).

Kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan wanita yang ditemubual mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan konteks dan persekitaran baru. Masalah ini timbul bila mana mereka tidak mendapat kerjasama dan penglibatan langsung suami dalam kehidupan seharian, sering menghadapi perbezaan pendapat dan tiadanya resolusi masalah antara suami isteri, mengalami campur tangan daripada mentua dalam segala urusan beliau dan suami serta tinggal di rumah mentua berbanding di rumah sendiri. Kesemua aspek ini membentuk persekitaran yang tidak membantu dalam perkembangan proses penyesuaian. Suasana baru alam perkahwinan memerlukan kemahiran yang berbeza dari segi komunikasi, interaksi, daya tindak, pembuatan keputusan dan resolusi penyelesaian masalah. Kajian lalu mendapati bahawa apabila hubungan dipenuhi dengan interaksi negatif, pasangan menjadi semakin menjauh dan penyesuaian menjadi terbantut dan sukar (Shaud & Asad, 2020). Perkahwinan sebegini lebih mudah terdedah kepada risiko penceraian.

Secara kesimpulannya, kegagalan atau kesukaran dalam membina keserasian menjadi tema utama di sebalik pengalaman bagi wanita yang bercerai pada awal perkahwinan. Personaliti yang tidak selari satu sama menambahkan lagi tekanan dan konflik dalam interaksi seharian, kemudian ditambah dengan masalah komunikasi dan juga kurangnya sokongan dan penerimaan dari mentua menjadikan perkahwinan tidak menuju kepada perkembangan positif dan memuaskan.

5.4 Tema 3: Halangan Dalam Komunikasi

Analisis kes kajian ini mendapati bahawa komunikasi merupakan tema ketiga yang wujud dalam pengalaman wanita yang bercerai pada awal perkahwinan di Kuching Sarawak. Tiga subtema mendasari tema utama komunikasi iaitu pertama, pasangan kurang memperuntukkan masa bersama yang mengurangkan peluang untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Kedua, komunikasi sering membawa kepada salah faham, sangkaan, atribusi

negatif dan pertengkaran dan seterusnya subtema ketiga, komunikasi mereka juga tidak telus, di mana suami banyak menyembunyikan maklumat dan aktiviti dari isteri. Kesemua subtema di bawah tema komunikasi ini akan dibincangkan dengan menyeluruh dalam bab ini.

Komunikasi merupakan proses berterusan yang berlaku dalam sesebuah hubungan. Komunikasi ialah tindakan memberi, menerima dan berkongsi maklumat. Menurut Tan et al., (2017), komunikasi merupakan medium utama bagi membolehkan pasangan membina hubungan, menyesuaikan diri antara mereka dan persekitaran, menyampaikan ekspektasi dan harapan, menyampaikan dan saling bertukar perasaan, buah fikiran, pandangan dan sebagainya. Ia merupakan suatu yang berterusan, bahkan apabila seseorang itu tidak bercakap sekalipun, bahasa badan turut menjadi salah satu bentuk komunikasi yang mempunyai makna dan tujuan.

Kajian ini menunjukkan bahawa komunikasi yang berlaku dalam perkahwinan yang berakhir dalam tempoh yang singkat adalah berada di tahap minimum disebabkan kurangnya masa lapang yang diperuntukkan dan dihabiskan secara berdua. Dalam kajian ini, waktu lapang bermaksud mana-mana aktiviti yang dipilih, termasuk bila, di mana dan dengan siapa dilibatkan yang membawa kegembiraan pada seseorang, memperuntukkan masa dengan pasangan dalam aktiviti bersama, menunjukkan minat yang sama dan komitmen dalam hubungan (Feeney & Lemay, 2012; Walsh, Neff, & Gleason, 2017). Pasangan yang baharu berkahwin pada kebiasaannya mempunyai motivasi, dorongan dan keinginan yang tinggi untuk mencapai keserasian dan persamaan dengan cara memperuntukkan lebih banyak masa berdua berbanding menghabiskannya bersama orang lain. Maka, masa santai mempunyai kaitan dengan kepuasan perkahwinan, keteguhan perkahwinan dan penyesuaian dan juga kefungsian keluarga. Namun keadaan ini berbeza dari hampir keseluruhan peserta kajian

yang merungut tentang suami masing-masing yang kerap berjauhan dan melakukan aktiviti luar tanpa melibatkan isteri.

Menurut Hickman-Evans et al (2018) yang mengkaji tentang pembentukan identiti berpasangan melalui aktiviti masa lapang juga mendapati bahawa kepuasan terhadap perkongsian masa lapang mempunyai korelasi positif dengan kepuasan keseluruhan perkahwinan terutamanya kepada aktiviti masa lapang yang asas, yang bermaksud aktiviti yang dikongsi bersama, berasaskan rumah, murah, senang diakses dan dilakukan secara regular seperti menonton TV atau membaca. Terdapat 3 paten interaksi masa santai: (1) masa lapang sendiri-sendiri yang mana masa lapang itu tidak melibatkan sebarang interaksi atau komunikasi langsung antara pasangan, (2) masa santai *parallel*-yang mana melibatkan interaksi yang sangat minima dan (3) masa santai bergabung- yang melibatkan interaksi yang banyak dan kerap (Lavner, Karney, & Bradbury, 2016). Namun begitu, kajian oleh Thomas B. Holman and Mary Jacquart (2016) pula mendapati kepuasan perkahwinan berkait dengan jumlah masa lapang yang dihabiskan bersama pasangan hanya terhasil apabila wujud komunikasi antara keduanya. Ini bermakna, sekalipun pasangan banyak menghabiskan masa bersama-sama tetapi jika tiada interaksi yang aktif berlaku antara keduanya, ianya juga tidak dapat mengeratkan lagi hubungan antara suami isteri. Ini berlaku pada kebanyakan peserta kajian bersama dengan pasangan mereka. Berkongsi momen atau masa bersama-sama adalah sumber penting untuk mengekalkan kebahagiaan dan kesejahteraan perkahwinan namun ia perlu diisi dengan interaksi bermakna dan bukan sekadar menghabiskan masa bersama tanpa ada sebarang interaksi dan komunikasi.

Graber E, Laurenceau J, Miga E et. al (2011) pula mendapati bahawa masa santai yang melibatkan interaksi yang banyak bukan saja meningkatkan perkongsian dan komunikasi malah juga meningkatkan kepuasan perkahwinan yang lebih positif. Aktiviti

sendirian mempunyai korelasi negatif dengan kepuasan perkahwinan manakala aktiviti santai yang dilakukan secara berasingan namun berada di tempat dan waktu yang sama pula kesannya bergantung kepada tahap perkahwinan dan gender (Sharaievska, Kim, & Stodolska, 2013). Dalam kajian ini didapati kebanyakan isteri pada fasa awal perkahwinan sangat mengharapkan keberadaan suami di sisi, makan, tidur, beribadah, bersantai, keluar bersiar-siar, menguruskan anak, melakukan aktiviti dalam rumah, berkunjung ke rumah orang tua, membeli belah, berborak bebas berkongsi cerita, pandangan dan perasaan bersama dengan lebih kerap. Namun, kebanyakan suami dalam kajian ini pula lebih cenderung melakukan aktiviti sendiri dan tidak melibatkan isteri seperti menghabiskan masa berada di rumah ibubapa mereka, melepak dengan rakan-rakan, menghilangkan diri tanpa pengetahuan isteri keberadaan mereka, tidur, bermain game dan talifon bimbit. Malah ada sesetengah suami masih meneruskan tabiat dan kebiasaan yang dilakukan semasa zaman bujang dahulu seperti keluar melepak, berpeleseran, terjebak dengan dadah dan berlaku curang.

Perbezaan cara atau aktiviti menghabiskan masa santai antara suami isteri dalam kajian ini mewujudkan jurang komunikasi antara keduanya dalam beberapa cara. Pertama; kurangnya perasaan diri difahami dan juga memahami pasangan. Kedua, penurunan dari segi komitmen dan sikap mengambil berat. Ketiga, peningkatan perasaan dan pemikiran negatif terhadap satu sama lain yang berpotensi mencetuskan konflik.

Masa yang diluangkan secara bersama merupakan wadah paling besar peluang untuk berlakunya interaksi secara fizikal, mental dan emosi. Pasangan boleh melihat, mendengar dan menyentuh secara fizikal, bersemuka satu sama lain dalam apa jua aktiviti yang berlaku sepanjang mereka bersama. Dalam komunikasi secara berdepan, sebarang reaksi dapat disokong dengan melihat kepada aspek bahasa badan, isu yang tidak jelas dapat

diperjelaskan dengan segera, soalan dan jawapan dapat dilakukan secara langsung dan mengenali pasangan dapat dilakukan secara tidak langsung melalui interaksi dan pemerhatian. Masa yang diluangkan bersama juga dapat memberikan rasa jaminan keselamatan dari segi emosi, menambahkan rasa percaya terhadap pasangan dan kepuasan perkahwinan yang berpanjangan.

Salah satu proses terpenting dalam perkahwinan ialah membina dan mengukuhkan hubungan. Banyak matlamat boleh dicapai bila pasangan banyak meluangkan masa berdua seperti saling mengenali perangai, minat, kecenderungan, pengalaman lalu, harapan dan sebagainya. Perkongsian yang bermakna sebegini secara tidak langsung memberi kesan kepada aspek emosi di mana keduanya rasa diri mereka diambil berat, dikenali, diterima, bermakna pada pasangannya, dihargai dan dicintai. Kesemua perasaan itu merupakan perasaan yang asas dan penting yang menjadikan perkahwinan lebih membahagiakan dan bermakna. Jadi apabila keperluan ini diabaikan terutamanya semasa berada di fasa awal perkahwinan ia memberi impak sebaliknya seperti kurangnya perasaan diri difahami dan juga memahami pasangan, penurunan dari segi komitmen dan sikap mengambil berat serta peningkatan perasaan dan pemikiran negatif terhadap satu sama lain yang berpotensi mencetuskan konflik seperti yang kebanyakannya berlaku pada semua peserta kajian ini. Ini selari dengan hasil dapatan kajian yang mendapati bahawa kualiti dan kepuasan perkahwinan boleh merosot dalam tempoh dua dan setengah tahun perkahwinan (MacDermid, Huston, & McHale, 1990). Manakala kajian yang menilai kualiti perkahwinan 54 pasangan yang baharu berkahwin dalam tempoh empat tahun pertama perkahwinan turut mendapati kemerosotan yang cepat dan linear dalam kualiti perkahwinan, rasa keakraban, dan juga keghairahan (Priyadharshini & Gopalan, 2020; Sternberg, 2004). Ini bermakna penurunan dari segi kepuasan perkahwinan dalam tempoh awal perkahwinan merupakan

risiko dan ancaman utama bagi pasangan yang baharu berkahwin, namun ia menjadi lebih cepat merudum apabila tidak ditampung dengan proses interaksi yang positif, berkualiti dan berterusan sepertimana yang dialami oleh kesemua peserta dalam kajian ini dalam tempoh awal perkahwinan mereka. Selain tiadanya interaksi positif, kekerapan berlakunya interaksi negatif juga menambah buruk kualiti perkahwinan pasangan.

Kajian juga mendapati bahawa momen positif yang dikongsi bersama setiap hari mempunyai kaitan yang signifikan dengan peningkatan kualiti hubungan dari semasa ke semasa . Teori modal emosi (*emotional capital*) mencadangkan bahawa detik-detik positif yang dikongsi setiap hari boleh bertindak sebagai penampan terhadap pengalaman negatif bersama pasangan (Walsh et al., 2017). Momen positif seperti berkongsi berita baik tentang hari seseorang dan melakukan hobi bersama boleh membawa kepada ikatan emosi yang lebih kuat, kesejahteraan perkahwinan yang lebih baik, dan lebih banyak penilaian positif terhadap keseluruhan kualiti hubungan, walaupun terdapat pengalaman negatif antara mereka (Gable, Impett, Reis, & Asher, 2004; Walsh et al., 2017). Perkongsian masa bersama-sama membantu pasangan untuk saling mengenali, memahami dan menerima. Keakraban ini secara tidak langsung mengurangkan salah faham dalam komunikasi seharian.

Kebanyakan isteri yang baru berumahtangga mempunyai matlamat dan komitmen yang tinggi dalam perkahwinan. Mereka mahu memberikan segala yang terbaik dan mengharapkan suami masing-masing memberikan komitmen yang sama. Pasangan suami isteri secara asasnya mempunyai kebergantungan dari segi peranan, tanggungjawab dan ekspektasi dalam konteks agama dan budaya. Sekalipun mungkin antara pasangan suami dan isteri memilih untuk melakukan tindakan sendirian, namun masyarakat tetap melihat dan beranggapan bahawa suami isteri merupakan satu unit yang seharusnya bergerak, bertindak secara berdua sebagai satu sistem. Dalam budaya kolektif masyarakat Melayu, ekspektasi

dan sistem ini bertujuan untuk mengekalkan hubungan dan institusi perkahwinan, memastikan keintiman dan kesatuan berpanjangan melalui komunikasi berterusan . Ini disokong oleh dapatan kajian Hickman-Evans et.al (2018) yang mendapati bahawa masa lapang berpasangan mempunyai kaitan dengan peningkatan dalam berkomunikasi , kepuasan dan keakraban antara pasangan. Ini sekaligus membuktikan kepada pasangan bahawa mereka mempunyai minat dan keinginan serta komitmen yang mendalam terhadap perkahwinan serta keseriusan dalam mengekalkan hubungan. Dalam masyarakat Melayu, banyak petua harian yang rutin yang ditekankan bagi menjaga hubungan erat suami isteri seperti melayan suami makan (makan bersama), masuk tidur bersama, menguruskan anak bersama-sama. Demikian juga dalam tindakan adaptif seperti membuat keputusan, budaya Melayu menekankan kesepakatan suami isteri dan mencapai kesepakatan memerlukan interaksi yang aktif bagi mencapai persefahaman dalam pembuatan keputusan. Suami isteri dikehendaki sentiasa saling merujuk. Sebagai contoh, isteri wajib mendapatkan izin dari suami dalam membuat keputusan dan tindakan manakala suami pula wajib mengambilkira keperluan dan kemaslahatan sebelum membuat perancangan dan tindakan. Semua ini memerlukan kerjasama rapat dan hanya dapat dicapai bila pasangan mengamalkan komunikasi berterusan.

Namun bagi sesetengah pasangan suami isteri yang masih di peringkat awal perkahwinan, ekspektasi masyarakat dan budaya terhadap sistem kesuamiisterian ini memberikan tekanan kepada mereka disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah (1) hubungan yang masih baru (2) kemahiran komunikasi yang lemah seperti berbincang, meluahkan pandangan dan perasaan negatif (3) kemahiran mengawal emosi diri sendiri dan pasangan yang masih belum kukuh. (4) pengetahuan tentang peranan dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri yang mendalam (Perrone et al., 2009)

Kurangnya masa bersama menjarakkan hubungan yang sepatutnya masih rapat. Bila salah seorang mengharapkan ekspektasi ini dipenuhi sedangkan pasangannya tidak melakukan perkara yang sama, ia akan mewujudkan keadaan tidak seimbang, menimbulkan kekecewaaan dan menyebabkan hubungan berada dalam keadaan tegang (Holman & Jacquart, 2016). Hubungan yang tegang terdedah kepada konflik, pasangan berkomunikasi bukan lagi bertujuan untuk mendengar dan memahami, sebaliknya menuduh, menyalahkan dan penuh dengan salah faham yang merosakkan hubungan. Ramai dalam kalangan peserta kajian yang menyatakan rasa kecewa bila tindakan dan reaksi mereka sering disalah anggap suami yang seterusnya mendorong kepada reaksi yang negatif.

Komunikasi dalam hubungan yang tegang dan tidak seimbang sering dicirikan dengan atribusi negatif dan tidak transparen. Teori *emotional capital* mencadangkan bahawa jika pasangan dengan kerap berkongsi momen positif, apa-apa pengalaman negatif yang timbul kurang memberi kesan negatif pada hubungan. Namun bagi kebanyakan kes pasangan yang melalui perkahwinan yang singkat, hubungan mereka mula menjarak seawal hanya beberapa bulan selepas berkahwin. Setidaknya salah seorang pasangan masih berusaha membina hubungan dan keintiman manakala pihak satu lagi tidak lagi mempunyai tujuan yang sama. 'Pergelutan' ini memberikan 'kecederaan' kepada hubungan. Hubungan yang cedera mempengaruhi cara pemikiran, reaksi emosi dan tingkahlaku pasangan dan kelihatan jelas dari paten komunikasi. Corak komunikasi mempunyai kaitan dengan kepuasan hubungan pasangan baharu berkahwin(Lavner & Bradbury, 2012).

Komunikasi diukur melalui cara bagaimana pasangan suami isteri meluahkan, menghubungkan atau bertukar maklumat, perasaan dan pemikiran. Ini termasuk juga aspek pengeluahan perasaan dan pengurusan konflik. Kebanyakan corak komunikasi pasangan dalam kajian ini menggambarkan betapa kurang rapatnya mereka hingga timbul salah faham

ke atas maksud dan tujuan sebenar yang hendak disampaikan. Perkahwinan yang menuju kepada penceraian pada awal perkahwinan dicirikan dengan penzahiran lebih banyak kemarahan dan kebencian secara negatif (perbezaan pendapat, menyalahkan dan tidak memperakui perasaan pasangan (*invalidated*) semasa perbincangan. Tambahan pula, apabila pasangan berbincang tentang apa-apa isu dan satu pihak mengkehendaki satu pihak lagi berubah, pasangan yang bercerai pada awal perkahwinan ini mendepaninya dengan cara yang sangat negatif (menyuarakan rasa tidak setuju dengan cara yang menjengkelkan dan pesimis, tidak menggalakkan ekpresi perasaan sebenar, tidak mahu terlibat dalam masalah yang dihadapi pasangan dan memaksa pasangan selesaikan sendiri masalah yang dihadapi. Suami yang bercerai awal perkahwinan juga dilaporkan kerap menggunakan kekasaran dalam percakapan mereka (Lavner & Bradbury, 2012).

Awal perkahwinan berisiko tinggi kepada penceraian apabila dipenuhi dengan bentuk komunikasi negatif. Ini kerana komunikasi negatif meramalkan penurunan kepuasan perkahwinan yang lebih mendadak berbanding dengan penurunan komunikasi positif.(Markman, Rhoades, Stanley, Ragan, & Whitton, 2010). Sementara itu, dalam kajian yang dilakukan bagi melihat perubahan komunikasi merentas masa bermula dari fasa praperkahwinan mendapati bahawa bentuk komunikasi pra perkahwinan mempunyai kaitan dengan penyesuaian perkahwinan dan perubahan dari segi kualiti perkahwinan dalam tempoh 5 tahun selepas berkahwin.

Enduring Dynamics Model menerangkan bahawa ciri negatif yang ada semasa sebelum berkahwin akan kekal bertahan dan berterusan merentas masa. Ini menerangkan bagaimana pasangan yang semasa, sebelum atau awal perkahwinannya dimulakan dengan interaksi atau komunikasi negatif akan berterusan begitu merentas tempoh perkahwinannya. Sebaliknya pula, *Model Emergent Distress* menyatakan bahawa negativiti meningkat

merentas masa sepanjang usaha pasangan berinteraksi dalam hubungan perkahwinan dan interaksi negatif ini menjejaskan kualiti dan kepuasan perkahwinan. Melalui kajian kualitatif yang dilakukan di Kuching Sarawak ini didapati bahawa kebanyakan pasangan yang bercerai pada awal perkahwinan mereka mengalami penyusutan kepuasan perkahwinan bermula dari bulan pertama perkahwinan ekoran dari komunikasi dan interaksi negatif dalam proses penyesuaian, penyelesaian masalah, pembuatan keputusan dan pelaksanaan tanggungjawab dan peranan sebagai suami isteri.

Selain daripada menonjolkan paten komunikasi yang negatif dan berbentuk menuduh, pasangan juga tidak telus antara satu sama lain. Kebanyakan pasangan suami isteri semasa fasa awal perkahwinan, masih mahu membina hubungan yang baik dan yang mempunyai matlamat yang sama sebagai suami isteri. Namun begitu, suami didapati telah beralih fokus dan terlibat dengan perkara yang yang boleh merosakkan hubungan. Daripada 23 kes yang dikaji, 15 kes melibatkan suami curang dan mengambil dadah atau syabu. Selebih 9 kes pula melibatkan campurtangan mentua di mana berlaku konflik antara peserta kajian dengan ibu mentua masing-masing. Kesemua keadaan ini mendorong kepada tindakan menyembunyikan maklumat daripada pengetahuan isteri bagi mengelak dari dipersoal, dipertikai atau pertengkaran. Sekalipun suami berusaha menyembunyikan aktiviti mereka dari pengetahuan isteri, namun secara tidak langsung ia memberi kesan kepada hubungan seperti kurangnya masa bersama, paten komunikasi yang negatif dan maladaptive seperti menarik diri vs mendepani *(confrontation*), mengelak (*avoidance*) vs mendepani dan agresif vs pasif. Berbanding suami, isteri lebih sensitif dan peka pada perubahan tingkahlaku dan interaksi dalam perkahwinan dan kerap mengambil inisiatif mengambil tindakan untuk berbincang bagi mencari penyelesaian. Namun sebaliknya reaksi suami yang defensif menjadikan proses perubahan dan penambahbaikan sukar berlaku, bahkan secara tidak

langsung mendatangkan lebih banyak masalah yang merosakkan hubungan melalui interaksi dan komunikasi negatif.

Komunikasi yang kurang dan penuh dengan salah faham menjejaskan perasaan sayang dan hormat sebaliknya juga meningkatkan perasaan muak, kecewa dan ada tahapnya menimbulkan perasaan benci. Komunikasi bukan lagi menjadi medium mengeratkan hubungan suami isteri, sebaliknya semakin menjauhkan satu sama lain. Bagi pasangan yang mana komunikasi negatifnya lebih dipenuhi dengan pertengkaran, caci maki dan sebagainya, perkahwinan mereka lebih cepat berakhir dengan penceraian dan pasangan selalunya merasa lega dengan penceraian tersebut.

5.5 Tema 4: Kekurangan Kasih Sayang dan Perhatian

Pengabaian mempengaruhi penurunan kualiti dan kepuasan perkahwinan yang berlaku dengan pantas. Kualiti perkahwinan merujuk kepada penilaian seseorang terhadap kualiti hubungan mereka dalam perkahwinan manakala kepuasan perhubungan merujuk kepada perasaan positif atau negatif individu terhadap perhubungan mereka (du Plooy & de Beer, 2018; Farooqi, 2014; O'Meara & South, 2019). Ia termasuklah menumpukan perhatian pada perhubungan, corak interaksi, perbezaan antara individu dalam perhubungan.

Kepuasan perkahwinan berkait rapat dengan kebersamaan (*companionship*), cinta, komitmen, kesamaan (*similarity*), kestabilan, kesetiaan, kepercayaan, nilai-nilai moral, rasa hormat, kesabaran, kemaafan, komunikasi dan strategi daya tindak (S. Liu, Wang, Lu, & Shi, 2019; Previti & Amato, 2003; Sadeghi & Samani, 2011). Dalam kajian ini, perasaan berkurangan yang dialami oleh peserta kajian terhadap pasangan dan perkahwinan mereka berlaku kerana ianya tidak dipupuk dengan kemesraan, perkongsian dan masa berkualiti bersama serta fokus dan perhatian lebih kepada orang lain selain pasangan. Kedua suami isteri bukan saja meletakkan harapan dan matlamat yang berbeza terhadap perkahwinan

malah juga keduanya mempunyai persepsi yang tidak sama terhadap keperluan dalam perkahwinan.

Interaksi negatif pasangan semasa menghadapi konflik perkahwinan dan penyelesaian masalah mempengaruhi penyusutan kepuasan perkahwinan. Margolin dan Wampold (1981) menunjukkan , berbanding dengan pasangan yang bahagia, pasangan yang tertekan lebih kerap berinteraksi secara negatif. Sebagai contoh, apabila mengemukakan isu kewangan yang tidak mencukupi, suami cenderung memberi reaksi marah, memperkecil-kecilkan perasaan isteri, tidak memberi sebarang sokongan apatah lagi penyelesaian masalah. Reaksi ini kemudiannya mencetuskan rasa marah isteri yang tertekan, mendorong beliau untuk memberi reaksi marah dan kecewa. Reaksi marah yang semakin memuncak akan kedengaran seperti mengkritik, menuduh pada suami. Pada saat ini kebanyakan suami kepada peserta kajian ini mengambil tindakan melarikan diri(withdrawal) sebagai tindakan mengurangkan konflik atau mendepani isteri (confrontation) dengan tindakan yang lebih agresif yang melibatkan penderaan fizikal. Paten negatif ini banyak berlaku dalam komunikasi penyelesaian masalah pasangan dalam kajian ini terutamanya apabila si isteri (peserta kajian) berusaha untuk mengubah sikap suami yang negatif dan dilihat sebagai tidak sesuai dan menganggu keharmonian rumahtangga mereka.

Kepuasan perkahwinan mempunyai kaitan dengan disafeksi. Disafeksi ialah keadaan di mana pasangan mengalami penyusutan rasa cinta dalam perkahwinan. Ia berlaku dalam bentuk kehilangan berterusan dari segi kebergantungan emosi, pengurangan dari segi sikap mengambil berat,rasa tak berminat untuk ambil peduli dan tiada perasaan (*indifference*) terhadap pasangan (Liceaga, 2013). Di peringkat awal perkahwinan, diafeksi kebiasaanya tidak atau belum cukup kuat hingga membawa kepada penceraian. Sebaliknya, berfikir tentang penceraian menjadi semakin kerap (Caughlin & Huston, 2009). Selalunya ia hanya

berlaku pada satu pihak saja dimana pihak tersebut lebih kerap berfikir tentang penceraian (Kayser, 1993). Konsep disafeksi (*marital disaffection)* berbeza dari keruntuhan perkahwinan atau penceraian. Ia menunjukkan hilangnya rasa cinta dan afeksi antara pasangan. Pasangan mungkin merasa sedikit ketidakpuasan hati dalam kehidupan berumahtangga, namun tak semestinya menyebabkan hilang cinta. Selagi pasangan masih mengekalkan sedikit rasa cinta dan keinginan dan azam untuk menjayakan perkahwinan, pasangan atau salah seorang tidak mencapai disafeksi yang tinggi. Apa yang berlaku ialah pasangan akan tidak merasa puas dengan perkahwinan mereka. Kehilangan rasa cinta selalunya adalah proses yang panjang, di mana banyak rasa tak puashati, kekecewaan dan konflik yang tak terungkai menghakis perasaan cinta antara pasangan (Kayser, 1996).

Namun begitu, bagi pasangan yang bercerai pada awal perkahwinan, suami atau isteri mengalami penyusutan perasaan dalam masa yang singkat iaitu secara tepatnya pada tahun-tahun akhir sebelum keputusan bercerai dilakukan. Dalam konteks kajian ini, apabila peserta kajian bercerai pada tahun ke lima perkahwinan, proses kehilangan perasaan itu telah berlaku bermula dari tahun ke tiga perkahwinan. Penyusutan yang mendadak ini berlaku apabila terlalu kurangnya afek positif dan peningkatan afek negatif melalui tingkahlaku bertentangan secara kerap dan berulang. Kurangnya afek positif seperti keseronokan bersama, gurau senda, kata pujian menyebabkan kadar kepuasan perkahwinan mendatar sahaja , Namun apabila ia disertai dengan afek negatif yang kerap dan berintensiti tinggi seperti ketegangan emosi, rasa tidak berpuashati yang berterusan tanpa mengira masa, tempat dan juga punca yang jelas, keadaan ini akan menyumbang kepada penurunan tahap kepuasan perkahwinan dan peningkatan pada rasa tidak puashati (dissatisfaction) dan seterusnya menyebabkan hilangnya perasaan cinta antara pasangan (Herrington et al., 2008).

Kebanyakan peserta dalam kajian ini menyatakan bahawa sepanjang perkahwinan mereka lebih kerap berdepan dengan pertelingkahan, kekasaran verbal dan juga fizikal berbanding dengan interaksi yang menyenangkan dengan pasangan. Beberapa peserta juga menyatakan hilangnya perasaan beliau terhadap suami setelah beberapa kali dicurangi, dikecewakan dan dikasari secara kerap sekalipun sudah beberapa kali kemaafan diberi dan janji untuk tidak mengulangi. Ia seolah-olah hilang bersama dengan kepercayaan terhadap pasangan.

Sesetengah interaksi negatif pula lebih memudaratkan berbanding yang lain dan Gottman mengenalpasti ini sebagai *"The Four Horseman of Apocalypse"*. Ini merujuk kepada proses tingkahlaku negatif yang Gottman namakan sebagai *criticism* (kritikan) *contempt* (kebencian), *defensiveness* (mempertahankan diri) dan withdrawal/stonewalling (menarik diri). Dikatakan bahawa apabila pasangan mula berinteraksi dengan menggunakan 4 bentuk komunikasi ini, perkahwinan mereka sedang menuju kepada kehancuran. Kesemua pasangan dalam kajian ini menggunakan interaksi yang merosakkan seperti yang dinyatakan oleh Gottman ini (Holman & Jarvis, 2003).

Gottman juga menemui terdapat beberapa jenis perkahwinan yang *regulated,* berfungsi dan stabil dan berinteraksi dalam bentuk berikut iaitu; saling menerima (*validating*) , tidak menentu (*volatile*) dan mengelak konflik (*conflict avoiding*). Perkara yang membezakan ketiga-tiga jenis interaksi ini ialah sejauh mana tahap pasangan berusaha untuk mempengaruhi satu sama lain (menggunakan pujukan) dan juga tempoh masa yang digunakan untuk mempengaruhi satu sama lain. Bagi pasangan yang bercerai pada awal perkahwinan mereka, bentuk interaksi ini hanya berlaku pada minggu-minggu awal perkahwinan. Apabila pasangan mula melalui kehidupan bersama dengan aktiviti serta urusan seharian yang memerlukan banyak perbincangan, membuat perancangan, tindakan

dan keputusan, interaksi dan proses tersebut menghasilkan perasaan yang tidak selari dengan bentuk interaksi yang digunapakai.

Konflik berterusan bukan saja menimbulkan kesedihan, kemarahan dan kekecewaan antara pasangan, malah juga ia boleh melunturkan dan membunuh intimasi dalam perkahwinan. Intimasi adalah kepercayaan dan sokongan berlandaskan cinta, menerima dan berkongsi perasaan pasangan, sentiasa berada di samping pasangan bersedia untuknya dan tahu bahawa pasangan akan sentiasa ada di situ bersamanya (Murray & Holmes, 1993) . Intimasi juga bermakna keakraban dari segi hubungan, saling percaya, saling berada bersama pasangan pada waktu mereka memerlukan. Dalam kajian ini, secara spesifiknya, pasangan yang bercerai pada awal perkahwinan merupakan pasangan yang rendah dari segi keintiman mereka, kurang cinta dan kerap melihat satu sama lain sebagai individu yang kurang responsif berbanding mereka yang berkahwin lebih lama dari itu (Graber et al., 2011; Williamson & Lavner, 2019).

Kajian menunjukkan, pasangan yang mengalami penurunan dari segi kepuasan perkahwinan menunjukkan peningkatan dalam mood negatif selepas konflik. Apabila ia lebih kerap berulang ia juga meningkatkan kemungkinan berlakunya kemurungan (Finkel & Campbell, 2001). Kajian lain menunjukkan, rendahnya kepuasan pekahwinan pada awal perkahwinan adalah berkait dengan peningkatan dalam simtom kemurungan. Dikatakan bahawa simtom kemurungan inilah yang banyak menyumbang kepada konflik dan secara tidak langsung menjejaskan perasaan kualiti perkahwinan.

Kenyataan ini disokong oleh *Teori Emergent Distress* dan juga *Disillusionment*, di mana tekanan dalam kalangan isteri lebih merbahaya dan memudaratkan perkahwinan berbanding suami (J. Liu, Wang, & Jackson, 2017). Cara bagaimana pasangan mengendalikan konflik sangat kritikal kerana tingkahlaku positif dan negatif memberi kesan

kepada kualiti perkahwinan. Pasangan yang distress atau tidak bahagia menunjukkan jurang perbezaan dalam keakraban fizikal berbanding pasangan yang bahagia. Jurang ini adalah berkaian dengan kesan konflik yang negatif seperti komunikasi yang lemah (Wijnberg-Williams et al., 2015). Pasangan yang tidak bahagia juga cenderung menilai mesej secara negatif yang kemudiannya menambah terukkan respon pasangan pada Konflik (Margolin, John, & O'Brien, 2011). Kebanyakan suami cenderung menarik diri dalam mendepani konflik manakal isteri pula lebih mudah bertindak menurut atau mengalah bagi menghindar konflik lebih buruk berlaku, kesan jangka panjang akhirnya perkahwinan jadi semakin tidak stabil ,isu tidak diselesaikan, masalah berulang, konflik menurunkan kepuasan perkahwinan di pihak isteri, menjadikan mereka merasakan perkahwinan tidak berbaloi untuk diteruskan. Tingkahlaku merosakkan semasa konflik yang dipraktikkan semasa awal perkahwinan boleh menjadi cara kebiasaan diamalkan setiap kali menghadapi konflik sekaligus menandakan cara penyesuaian yang tidak adaptif sepanjang perkahwinan.

Ini bermakna, semakin negatif dan tidak adaptif cara seseorang itu menyelesaikan masalah perkahwinannya, semakin menurunlah kualiti perkahwinan mereka. Sementara itu, dari segi kesan terhadap pasangan, cara isteri menangani konflik memberi kesan langsung pada penyusutan kualiti perkahwinan di pihak suami. Sebaliknya cara suami menguruskan konflik mempengaruhi kualiti perkahwinan di pihaknya sendiri (Stinson et al., 2017). Namun begitu, selama isteri melalui perkahwinan mereka bersama suami, jika setiap kali isteri meminta dan menuntut perhatian, masa dan tanggungjawab dari suami sebaliknya dibalas dengan reaksi negatif , lambat laun isteri akan merasakan bahawa perkahwinannya tidak memberi sebarang manfaat dan kebaikan kepada beliau sebaiknya mendatangkan mudarat dari segi emosi, mental dan fizikal. Dengan anggapan begini, kebanyakan isteri membuat keputusan untuk tidak melanjutkan perkahwinan mereka dengan lebih lama.

5.6 Tema 5: Pengabaian

Tema kelima bagi fenomena penceraian awal perkahwinan dalam kajian fenomenologi di Kuching Sarawak ini ialah pengabaian tanggungjawab zahiriah oleh suami di mana kesemua peserta dalam kajian ini merasakan diri mereka semakin tidak dipedulikan lagi oleh suami. Walaupun dalam Islam telah ditetapkan bahawa suami bertanggungjawab penuh menanggung nafkah zahiriah dan batiniah isteri, namun pengabaian nafkah zahiriah lebih jelas dan ketara dialami oleh hampir kesemua peserta kajian dalam perkahwinan mereka.

Sebagai umat Islam yang bersedia untuk berkahwin, mereka dianggap oleh masyarakat sekelingnya sebagai seorang yang sudah tahu dan bersedia menerima tanggungjawab sebagai suami dan isteri, terutamanya dari segi tangggungjawabnya untuk menanggung nafkah isteri. Namun begitu masih terdapat ramai suami yang masih gagal melaksanakan tanggungjawab utama ini hingga mendatangkan tekanan dalam perkahwinan, menimbulkan masalah antara pasangan dan saeterusnya konflik yang berpanjangan yang membawa kepada penceraian.

Dalam Islam, Allah telah menetapkan bahawa antara tanggungjawab utama suami adalah untuk menanggung segala keperluan zahiriah isteri, menjaga keperluan batiniah, keselamatan, memberikan perlindungan dan bimbingan dari segi tingkahlaku dan akidah. Sementara itu, tanggungjawab isteri kepada suaminya adalah mentaati (Muhammad & Jasmi, 2004; Safura & Jamayah, 2022). Secara konsepnya, sistem perkahwinan dalam Islam meletakkan suami sebagai orang yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya mentadbir perkahwinannya dan memastikan segala keperluan yang diperlukan dalam institusi pentadbirannya dipenuhi. Pada masa yang sama, bagi memudahkan urusan pentadbiran ini, isteri diwajibkan untuk mentaati pentadbir dengan syarat apa yang diarahkan sepanjang

pentadbirannya sebagai suami tidak bertentangan dengan syariat Islam. Jika sekiranya berlaku tindakan menyeleweng dari syariat Islam, maka isteri boleh untuk tidak taat pada perintah tersebut (Putung & Azahari, 2020).

Kedua-dua tanggungjawab menanggung nafkah bagi suami dan mentaati perintah suami kepada isteri adalah sistem pemenuhan tanggungjawab yang saling melengkapi dan bertimbal balik satu sama lain. Ini adalah prinsip asas perkahwinan dalam Islam yang menjadi tunjang bagi memelihara kestabilan hubungan dan institusi perkahwinan itu sendiri. Sebaik selepas berkahwin, tanggungjawab utama suami yang ditetapkan dalam Islam adalah kewajipan menanggung nafkah isteri dan orang yang berada di bawah tanggungannya iaitu anak-anak. Nafkah secara praktikalnya ialah suatu perbelanjaan yang dikeluarkan oleh suami dan menjadi kewajipan beliau ke atas isteri dalam bentuk harta atau pendapatan yang digunakan untuk membeli makanan, pakaian, mengadakan tempat tinggal dan untuk memelihara anak. Selain itu, ia juga dirujuk sebagai infaq yang bererti mengeluarkan harta atau perbelanjaan lainnya untuk tujuan kebaikan (Bahri, 2015). Infaq tersebut ada yang sifatnya wajib dan ada yang sunat.

Erti nafkah dalam kamus Bahasa arab tidak terlepas dari konsep hukum tentang makna nafkah yang bermaksud sejumlah bekal dalam bentuk material; yang diberikan suami kepada isteri yang digunakan untuk memenuhi kehidupan sehari-hari. Pemberian tersebut bersifat wajib sebagai bentuk tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga. Dengan demikian, nafkah dalam kebanyakan hal lebih difahami dalam bentuk material yang diberikan suami kepada isteri untuk memenuhi kepeluan sehari-hari (Fatimah, 2016; Hairul Hudaya, 2013).

Dalam hadith yang menjadi bukti dan rujukan yang menerangkan tentang kaedah pelaksanaan nafkah, Nabi Muhammad s.a.w menyarankan agar suami menyediakan keperluan yang sama tara dengan apa yang disediakan seorang lelaki terhadap dirinya

sendiri. Sebagai contoh, memberi isterinya makan makanan yang dia makan, pakaian yang sama tara kualitinya dengan pakaian lelaki tersebut dan juga layanan yang sama tara dengan apa yang beliau mahu agar orang lain melayannya seperti tidak berkasar dari segi fizikal, tidak mengasing atau tidak memperdulikan isteri dan bercakap dengan kata-kata yang baik terhadap isteri (Ansari & Banyuwangi, 2020).

Disebabkan tiadanya ketentuan yang tetap tentang berapa kadar nafkah itu maka kewajipan suami menafkahi isterinya ditentukan seberapa keperluan makan, pakai, tempat tinggal beliau. Berapa besar kadar nya hendaklah selari dan setanding dengan pendapatan suami. Hal ini menunjukkan fleksibiliti Rasulullah dalam memberikan panduan dan ketentuan tentang jumlah nafkah. Suami yang kaya dapat memberikan nafkah yang lebih banyak kepada isteri berbanding suami yang mempunyai pendapatan yang kecil. Ini bagi memastikan agar suami tidak merasa terbeban untuk memberikan nafkah bagi jumlah tertentu kepada isteri.

Dalam kajian yang dijalankan ke atas 23 peserta wanita yang bercerai pada awal perkahwinan didapati bahawa hampir kesemua mereka melalui pengalaman di mana keperluan zahiriah mereka diabaikan melalui beberapa keadaan, pertama dengan cara mengabaikan samasekali tanggungan nafkah dan yang kedua, memberikan nafkah namun dengan kadar yang tidak mencukupi berbanding dengan keperluan sebenar dan tidak konsisten dari semasa ke semasa. Daripada 23 peserta kajian, 14 daripada mereka samasekali tidak dinafkahi kehidupan mereka oleh suami. Dalam ertikata lain sama ada suami bekerja atau tiada pekerjaan langsung, suami samasekali culas menjalankan tanggungjawab utama mereka. Keadaan ini berlaku sejak dari awal perkahwinan sehinggalah ke hari penceraian.

Tindakan suami yang culas dalam pelaksanaan nafkah secara berterusan mengurangkan idealisasi atau kekaguman isteri terhadap suami sekaligus mendatangkan

rasa kecewa bila mana ekspektasi dan harapan yang diletakkan pada perkahwinan mereka berbeza dari realiti yang dihadapi. Bagi wanita, perkahwinan adalah perubahan fasa hidup ke arah yang lebih stabil dan baik berbanding semasa hidup sendirian (Sullivan, 2002). Ia juga bermakna seseorang wanita itu mempunyai pelindung dan pemelihara yang memberikan rasa selamat bila mana suami dengan sifat kelelakian yang beliau ada menampung keperluan zahiriah yang selama ini ditanggung sendiri oleh beliau. Namun, kegagalan suami melaksanakan kewajipan ini juga menjejaskan ekspektasi dan kemudiannya menurunkan tahap kepuasan perkahwinan isteri. Melalui kajian yang dilakukan tentang mereka yang berkahwin kurang dari 24 bulan, Juhari (2004) mendapati bahawa perkara yang paling asas yang mempengaruhi kadar kepuasan perkahwinan adalah beban kewangan. Beban kewangan yang tinggi menyumbang kepada penurunan kepuasan perkahwinan (Archuleta, Britt, Tonn, & Grable, 2011; Gudmunson, Beutler, Israelsen, McCoy, & Hill, 2007). Ini sejajar dengan dapatan kajian ini bila mana isteri merasakan bahawa perkahwinan mereka semakin membebankan berbanding dengan kehidupan zaman bujang bila mana suami culas menjalankan tanggungjawab utamanya.

Di samping itu juga, Britt et.al (2008) merumuskan bahawa tingkahlaku atau cara pengurusan kewangan dianggap sebagai satu daripada sebab utama kepada ketidakpuasan hubungan dan membawa kepada penceraian. Individu yang mengalami beban kewangan didapati gagal menguruskan kewangan mereka dengan baik. Sebaliknya individu yang menguruskan kewangannya dengan baik kurang mengalami beban kewangan (Kerkmann, Lee, Lown, & Allgood, 2000). Mereka juga mencapai peningkatan dalam kepuasan kewangan dan ini menyumbang kepada kepuasan hubungan yang lebih baik (Falahati & Paim, 2011; Dowling, Corney, & Hoiles, 2009). Maka, dapat disimpulkan bahawa kepuasan kestabilan perkahwinan adalah kesan dari beban dan cara pengurusan kewangan.

Tahap sosioekonomi yang rendah memberi banyak tekanan kepada aspek pengurusan kewangan bila pendapatan tidak mencukupi untuk menampung keperluan. Pasangan dari tahap sosioekonomi rendah kebanyakan juga mempunyai tahap pendidikan rendah, cara berfikir yang terhad dan egosentrik sedangkan perkahwinan menuntut agar pasangan sentiasa berbincang, mengambil tahu dan menyusun keperluan mengikut keutamaan, juga perlu kepada daya tindak yang lebih kompleks untuk mencari jalan menambah ekonomi atau menyesuaikan pendapatan dengan keadaan semasa (Ross et al., 2019). Bila seseorang mempunyai tahap pemikiran yang terhad, pilihan untuk penyelesaian masalah juga kurang. Ini menambahkan tekanan dan meningkatkan kekerapan dan intensiti berlakunya konflik suami isteri.

Masyarakat Melayu Islam tradisional berpegang pada penugasan berdasarkan gender dalam soal pelaksanaan tanggungjawab suami isteri. Sekalipun dalam perkahwinan di mana isteri bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri, suami tetap dilihat sebagai individu yang dipertanggungjawabkan untuk menanggung keperluan asas isteri dan anak-anaknya. Namun begitu, dari segi kaedah pelaksanaan tanggungjawab tersebut terdapat banyak ruang kelemahan yang membuka kepada kecuaian dan pengabaian yang sekaligus menjejaskan kualiti dan kepuasan perkahwinan. Islam menetapkan bahawa tanggungjawab menafkahi isteri terletak pada bahu suami (Surah An-Nisa: 34). Namun pada masa yang sama, Islam memberikan ruang fleksibiliti dari segi kaedah pelaksanaan kepada individu mengikut konteks semasa. Konteks semasa seperti yang diberikan dalam garispanduan hendaklah mencukupi bagi keperluan si isteri dan juga jumlah mengikut kebiasaan keadaan setempat.

Sekalipun bagi wanita yang bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri tidak begitu terkesan dengan keculasan suami dalam soal nafkah, namun pengabaian nafkah dari suami mengurangkan kepuasan perkahwinan di pihak isteri kerana harapan mereka terhadap suami

sebagai pasangan yang dapat menjadi pelindung dan tempat berpaut telah meleset sama sekali. Mereka merasakan sebagai isteri, bukan saja hak dan kebajikan mereka tidak dipedulikan secara berterusan bahkan juga kehadiran suami tidak memberi sebarang perubahan pada kualiti hidup mereka secara keseluruhan.

Kepuasan hubungan mempunyai perkaitan dengan kepuasan kewangan (Archuleta et al., 2011). Ketegangan dalam soal pengurusan kewangan banyak menjejaskan hubungan bila mana isteri yang menguruskan hal ehwal rumahtangga termasuk keperluan barangan dapur yang asas, keperluan anak kecil seperti susu dan lampin pakai buang, rawatan susulan ke klinik, bayaran utiliti dan sebagainya terpaksa meminta daripada suami yang pada masa yang sama sedang berdepan dengan keadaan berikut; tiada sumber pendapatan tetap, masih bergantung dengan orang tua, mempunyai pendapatan kecil namun masih menanggung orang tua dan keluarga, mempunyai pendapatan tetapi masih mahu memenuhi kepentingan sendiri dan menghabiskan duit untuk tujuan tersebut berbanding keperluan isteri dan anak. Dalam ertikata lain, cara suami menguruskan kewangannya kerap menimbulkan kekecewaan dan merasakan kepentingan mereka tidak lagi diambilberat atau dipedulikan suami. Memandangkan nafkah adalah tunjang utama dalam keperluan asas perkahwinan, maka pengabaiannya juga memberi impak yang kuat pada kualiti hubungan. Berpandukan kepada teori pertukaran, perkahwinan yang dilihat tidak mendatangkan lebih manfaat berbanding sebelum berkahwin, ataupun lebih mendatangkan kesengsaraan berbanding manfaat mendorong kebanyakan isteri membuat keputusan untuk memohon cerai ataupun bersetuju untuk bercerai walaupun masih berada di fasa awal perkahwinan (Floyd & Wasner, 1994; Lawler & Thye, 1999).

5.7 Tema 6: Daya Tindak Menangani Masalah dan Tekanan

Daya tindak merujuk kepada usaha yang diambil oleh isteri. dalam menyelesaikan masalah seharian. Bagi setiap masalah, tekanan , kesulitan dan cabaran yang timbul kebanyakannya diatasi sendirian tanpa penglibatan langsung dan tanpa sebarang sokongan positif dari suami. Kepuasan perkahwinan seseorang banyak disumbangkan oleh corak atau pendekatan daya tindak yang digunakan pasangan sepanjang melalui tekanan dalam perkahwinan masing-masing.

Tekanan/ujian dalam perkahwinan mula timbul seawal hari pertama perkahwinan lagi dalam usaha kedua pasangan cuba menyesuaikan diri dengan alam berumahtangga. Disebabkan cinta yang masih mekar dan rasa bahagia yang menguasai hubungan, persepsi pasangan terhadap kejadian yang kurang menyenangkan adalah kecil dan kebiasaannya dapat ditangani dan dihadapi dengan baik secara berdua. Sikap saling mengutamakan ini menjadikan segala masalah dan cabaran kelihatan kecil dan mudah diselesaikan.

Namun begitu, bagi kebanyakan peserta kajian ini, masalah mula memberikan kesan tekanan dari bulan ke tiga hingga bulan ke enam perkahwinan dan kemudian berlarutan hinggalah kepada hari- hari terakhir sebelum penceraian berlaku. Pelbagai bentuk masalah muncul sedikit demi sedikit bermula dari awal perkahwinan lagi, namun kebanyakan isteri mengalami penurunan dari segi kepuasan perkahwinan bila mana mereka terpaksa bertindak sendirian.

Kebanyakan perkahwinan yang berakhir pada fasa 5 tahun perkahwinan, tekanan muncul dari masalah kecuaian suami terhadap tanggungjawab dan kegagalan mereka menjalankan peranan dalam perkahwinan. Suami kerap culas dari segi keperluan asasi, mengecewakan isteri dari segi peruntukan masa berkualiti bersama, banyak berselindung dan tidak jujur terhadap isteri serta timbulnya bibit-bibit rasa kurang senang antara peserta

dengan ibu mentua mereka. Kebanyakan peserta mengalami tekanan apabila suami mula menunjukkan sikap tidak memperdulikan isteri, menyakitkan hati dengan bercakap kasar, menganiaya isteri secara fizikal, tidak berlaku jujur, curang dan meninggalkan isteri. Kesemua tingkahlaku dan tindakan suami ini menimbulkan kegusaran dan kekecewaan pada isteri.

Menurut andaian sosialisasi, secara tradisinya wanita dibesarkan dengan ciri kebergantungan, menjaga hubungan dan perkongsian emosi. Mereka (wanita) tidak digalakkan berterus terang bagi menjaga hati orang lain dan mendahulukan keperluan orang lain berbanding dirinya sendiri. Sementara itu, lelaki pula diajar untuk berdikari, bergantung pada diri sendiri, berterus terang, instrumental dan bermatlamat. Jenis sikap ini menjadikan mereka sukar merasai dan menerima kekurangan diri sendiri (Rosario, Shinn, Mørch, & Huckabee, 1988).Manakala perempuan pula mengalami kesukaran untuk membuat keputusan dan menjadi lebih pasif. Maka tidak hairanlah kenapa kebanyakan wanita merasa tertekan jika sekiranya suami bersikap mementingkan diri sendiri, tidak mengambil tahu kebajikan isteri dan yang lebih teruk lagi mempunyai personaliti neurotik, tidak stabil dan cepat marah. Kebergantungan pada suami menyukarkan perbincangan dan pembuatan keputusan, bahkan jika keputusan dilakukan dalam keadaan terdesak tanpa sempat merujuk pada suami, ini akan mendatangkan lebih banyak salah faham dan sangkaan yang menjurus kepada konflik.

Tambahan pula, dalam soal membuat keputusan, Islam mengkehendaki agar kebenaran dari suami diperlukan. Dalam situasi yang dihadapi oleh kebanyakan peserta kajian dimana suami sering tiada untuk berbincang, isteri terpaksa lakukan sendirian atas faktor keperluan (Zaimah et al., 2015).

Terdapat beberapa bentuk daya tindak yang digunakan oleh kebanyakan wanita dalam kajian ini sepanjang tempoh awal perkahwinan mereka. Seperti yang dibincangkan dalam tema kelima sebelum ini, hampir kesemua peserta kajian mengalami keadaan di mana suami masing-masing mengabaikan tanggungjawab zahiriah terhadap isteri. Pengabaian nafkah zahiriah ini memberi implikasi dari segi psikologi di mana rasa tidak dipedulikan sebagai isteri. Perbuatan tidak memperdulikan isteri dari segi zahiriah dan keperluan emosi menjadi satu penyiksaan bagi isteri yang berada fasa awal perkahwinan. Ini kerana perbuatan suami yang drastik bertentangan dengan harapan isteri yang tinggi terhadap perkahwinan mereka. Masalah yang dihadapi merupakan perkara teras seperti pengabaian nafkah, kekerasan dari segi fizikal dan psikologi, kecurangan memberikan impak pada hubungan. Tekanan berpunca dari dalam hubungan dan dari luar hubungan itu sendiri.

Daya tindak isteri banyak dipengaruhi oleh latarbelakang budaya masyarakat Melayu, teras akidah dan juga personaliti mereka. Tipologi daya tindak utama yang digunakan termasuklah samada; memendam perasaan negatif atau meluahkan, menyalahkan orang lain atau diri sendiri berhubung masalah yang dihadapi, menafikan atau sentiasa memikirkan masalah berulangkali dan juga menjauhkan diri dari orang lain atau mendekati orang lain (Zukauskiene & Gottman, 2018). Apabila berdepan dengan masalah dan tekanan, wanita dalam kajian ini cenderung terlebih dahulu memendamkan perasaan dan enggan meluahkan dengan orang lain. Ada beberapa sebab mengapa kebanyakan wanita dalam kajian ini enggan terlebih dahulu berkongsi masalah dengan orang lain; pertama, kerana perkahwinan mereka masih baru dan mempunyai masalah pada awal-awal perkahwinan adalah suatu yang memalukan dan seolah-olah menggambarkan kelemahan pasangan dalam menguruskan rumahtangga sendiri (Abidin et al., 2018). Kedua, dalam masyarakat Melayu, isu rumahtangga adalah aib yang perlu disembunyikan dan ditangani sendiri terlebih dahulu

oleh pasangan. Mendedahkan kepada orang luar sama seperti tidak menyimpan aib sendiri. Ketiga, bimbang disalah anggap oleh orang lain jika mereka menceritakan kepada umum. Keempat, mereka percaya, masalah dengan pasangan masih boleh diusahakan secara berpasangan tanpa perlu melibatkan orang luar (Musthapar & Ahmad, 2022).

Beberapa pendekatan daya tindak dikenalpasti digunakan oleh peserta kajian dalam usaha mereka menangani tekanan yang dihadapi. Perkara pertama yang sering mereka fokuskan ialah emosi mereka sendiri. Perasaan ditinggalkan, tidak dipedulikan, dikasari, diketepikan, diabaikan dan dikhianati pada fasa baharu berkahwin adalah suatu yang sangat menekan, mengecewakan, menyedihkan dan bagi sesetengah peserta ianya sukar digambarkan. Maka, perkara pertama yang mereka tumpukan adalah reaksi emosi mereka sendiri. Wanita Melayu kebanyakannya cenderung untuk menyembunyikan perasaan sedih dan kecewa daripada dikesan oleh ahli keluarga lain bagi mengelak timbulnya kegusaran dan pandangan negatif terhadap pasangan (Safura & Jamayah, 2022). Mereka cuba kawal emosi dari terzahir, pada masa yang sama cuba memahami keseluruhan situasi bagi menurunkan reaksi emosi mereka. Kebanyakan peserta menggunakan atribusi luaran terhadap perlakuan suami yang mengecewakan. Pendekatan ini ternyata hanya berkesan untuk sementara saja di mana selagi ianya tidak ditangani, ditegur dan diubah, kesemua perkara yang berlaku tadi akan terus menjadi sumber tekanan.

Salah satu masalah yang kerap menjadi sumber tekanan yang menjejas psikologi peserta dan hubungan adalah berhubung dengan nafkah atau perbelanjaan asas rumahtangga bagi menampung makan minum, bayaran utiliti, keperluan susu dan lampin pakai buang anak, perubatan dan sebagainya Kebanyakan suami dalam kajian ini tidak mempunyai pekerjaan tetap, kerja tidak menentu, tidak memberikan wang perbelanjaan atau nafkah dengan cukup selari dengan keperluan isteri atau bekerja dan langsung tidak memberikan

wang perbelanjaan apatah lagi memberi barangan keperluan. Dalam hal ini kebanyakan isteri menggunakan daya tindak berfokuskan masalah itu sendiri. Mereka berusaha mencari pendapatan sendiri dengan beberapa cara iaitu; bagi yang berpendapatan kecil, mereka menyesuaikan perbelanjaan dan meminta bantuan ahli keluarga lain. Sementara itu, bagi yang tiada sumber pendapatan sebelum itu, mula membuat perniagaan kecil-kecilan dan mengumpul wang bagi kegunaan harian dan simpanan masa depan. Pendekatan ini menyelesaikan masalah utama namun ia tetap menjejaskan hubungan bila mana suami terus dilihat sebagai pasangan yang tidak bertanggungjawab.

Satu lagi pendekatan menangani tekanan yang dilihat berkesan dalam menurunkan tekanan emosi dan mengurangkan tekanan fikiran dan sinonim dengan masyarakat Islam adalah daya tindak spiritual. Sebagai umat Islam yang beriman kepada Allah, rata-rata peserta kajian tidak lupa untuk berdoa, meletakkan harapan dan keyakinan kepada Allah, berserah kepada Allah akan keputusan serta menerima segala kejadian yang berlaku sebagai ujian yang mengandungi hikmah dan rahsia kebaikan buat mereka. Tanpa mengira sejauh mana individu itu mempraktikkan agama dalam hidupnya, keimanan kepada Allah sering menghubungkan individu pada saat-saat sukar hidup mereka. Menyerahkan segala urusan kepada Allah setelah selesai berusaha merupakan ibadah yang sangat dituntut agama dan ianya selari dengan fitrah manusia yang memerlukan kuasa yang Maha Hebat dalam mengendalikan urusan hidup. Ia memberikan kelegaan emosi dan mental bagi sesiapa yang sedang tertekan. Ia bagaikan mengakui kelemahan diri dan mengiktiraf kebesaran dan kekuasaan Allah dalam menetapkan sesuatu kejadian.

Mendapatkan pandangan pakar, sokongan dari ahli keluarga rapat, menambah pengetahuan dan mengetahui hak dari segi perundangan merupakan salah satu daya tindak yang banyak dilakukan oleh peserta kajian. Kebanyakan mereka mengambil tindakan ini

setelah lama berusaha berbincang dengan pasangan bagi menghasilkan perubahan yang lebih positif demi mengekalkan perkahwinan. Namun disebabkan tindakan suami yang lebih mudah mengelak, mengamuk, memberi reaksi negatif, melarikan diri dari masalah isteri terpaksa mencari jalan bagi mendapatkan keadilan sekaligus menamatkan konflik yang menganggu fikiran dan perasaan. Kebanyakan peserta telah mendapatkan khidmat kaunseling perkahwinan di Jabatan Agama Islam Sarawak bagi mengetahui hak mereka dari segi perundangan, mendapatkan khidmat orang tengah bagi menyelesaikan konflik perkahwinan dan juga memulakan prosedur permohonan cerai.

Satu lagi bentuk daya tindak yang penting dan memberi kesan yang signifikan dalam perkahwinan ialah daya tindak diadik. Daya tindak diadik juga dikenali sebagai daya tindak berpasangan. Melalui Model Sistemik, Bodenmann menerangkan bahawa tekanan itu berlaku dalam sistem sosial yang melibatkan individu lain (Bodenmann, 1997b; Mariana Karin Falconier & Kuhn, 2019). Bagi pasangan suami isteri, tekanan yang dialami oleh individu akan turut dirasai oleh pasangannya samada tekanan tersebut dirasai oleh keduanya secara langsung atau hanya kepada salah seorang sahaja. Tekanan yang dialami ini mencetus tindakan bagi menghadapi atau menanganinya secara berdua samada dalam bentuk positif atau negatif. Banyak kajian lepas mengaitkan daya tindak berpasangan ini dengan kepuasan perkahwinan, penyesuaian dalam perkahwinan, komunikasi dan juga perkembangan atau kemajuan hubungan dalam perkahwinan (Bodenmann, Pihet, & Kayser, 2006; Mariana K. Falconier et al., 2015b; Randall & Falconier, 2020). Kebanyakan peserta kajian berdepan dengan tekanan dari awal perkahwinan lagi dan kebanyakan sumber tekanan adalah datang dari sikap dan perlakuan suami sendiri. Sebagai contoh, suami culas dalam soal penyediaan nafkah atau keperluan asas rumahtangga. Kerisauan akan dialami oleh isteri terlebih dahulu kerana beliau memerlukan wang belanja untuk membeli keperluan anak kecil yang masih

menyusu. Tambahan lagi bila isteri tidak bekerja dan bergantung sepenuhnya kepada suami. Tekanan yang dialami isteri ini kebiasaannya akan turut dialami oleh suami bila mana isteri mula mengingatkan serta mendesak suami berulangkali menuntut wang belanja. Isu wang menjadi sumber tekanan bagi pasangan yang memerlukan daya tindak secara berpasangan. Namun begitu, dalam menanggapi masalah yang dihadapi tersebut, kebanyakan suami dalam kajian ini pula kerapkali menggunakan pendekatan daya tindak diadik (berpasangan) negatif, iaitu bersikap sambilewa, memarahi isteri, melepaskan tanggungjawab beliau, mendesak isteri agar meminta atau meminjam dari orang lain dan membiarkan isteri memikirkan sendiri resolusi dengan hanya dengan memberi respon bahawa beliau tiada wang untuk diberikan. Sebagaimana dayatidak berpasangan mempunyai hubungan dengan kepuasan perkahwinan bagi isteri, cara suami mengendalikan tekanan perkahwinan mereka menurunkan kepuasan bagi isteri dan kualiti perkahwinan secara keseluruhan (Bodenmann, Bradbury, & Pihet, 2009).

Dari perspektif isteri, suami pula dilihat lebih cenderung untuk melarikan diri semasa berdepan dengan situasi tertekan yang melibatkan wang dan juga campurtangan orang tua dalam perkahwinan mereka. Tindakan melarikan diri itu salah satu tujuannya adalah untuk mengelak dari terus-terusan dikritik dan dileteri isteri, bimbang jika keadaan semakin tegang dan membuatkan beliau hilang kawalan dan melakukan kekerasan. Daya tindak ini berbentuk instrumental dan sering digunakan apabila seseorang berdepan dengan keadaan yang ditakrif bahaya dan pada masa yang sama individu tidak mempunyai kemahiran mendepaninya (Bernecker, Ghassemi, & Brandstätter, 2019; Bodenman, Kaiser, Hahlweg, & Fehm-Wolfsdorf, 1998). Ini menerangkan mengapa ramai suami dalam kajian ini kerapkali menghilangkan diri setiap kali berlaku pertengkaran dan juga ada sesetengah suami pula melakukan kekerasan terhadap isteri semasa terperangkap dalam pertengkaran.

Sebelum situasi meruncing sebegini, kebanyakan peserta kajian telahpun banyak bersabar dan menahan diri menangani tekanan berkaitan dengan isu kewangan dan sikap suami yang melepaskan tanggungjawab. Mereka telah banyak kali cuba membawa suami untuk berbincang secara baik dan ada masanya mereka cuba bertolak ansur dan cuba menyelesaikan sendiri tanpa melibatkan suami dengan tujuan memberikan peluang dan masa untuk suami mencari jalan penyelesaian. Pendekatan ini menurut Coyne dan Smith (1991) sebagai daya tindak melindungi *(protective buffering)*. Tindakan isteri ini lebih kepada mengelak dari menerima reaksi negatif dari suami kerana mereka secara asasnya tahu lebih awal bahawa suami sememangnya tiada sumber pendapatan yang jelas namun pada masa yang sama beliau sendiri tiada orang yang dapat diharapkan selain dari suami. Namun tindakan mereka ini seringkali membuahkan masalah yang lebih besar iaitu suami semakin melepas tangan dan ada sesetengahnya membelanjakan wang pendapatan ke arah lain seperti berpeleseran, berjudi dan mabuk.

Isteri dalam kajian dilihat berjuang sendirian tanpa penglibatan suami dalam meneruskan kesinambungan hidup beliau dan anak dengan cara meminta bantuan dari keluarga sendiri, bekerja lebih masa, mendahulukan wang simpanan sendiri, mencari sumber pendapatan dengan berniaga kecil-kecilan di samping melaksanakan tugas sendiri sebagai isteri dan ibu. Ini menjadikan mereka rasa terbeban dan merasakan bahawa kehidupan mereka selepas berkahwin lebih teruk berbanding sebelum berkahwin. Mereka juga menilai perkahwinan mereka tidak memberikan sebarang manfaat selain dari beban dan penderitaan dari segi mental, emosi dan fizikal. Keputusan kepada penceraian semakin kerap difikirkan dan dipertimbangkan.

5.8 Tema 7: Cerai Sebagai Penamat Derita

Cerai sebagai penamat derita merujuk kepada proses pembuatan keputusan cerai dan merupakan tema ketujuh bagi kajian yang meneroka pengalaman wanita bercerai pada awal perkahwinan. Setelah melalui banyak pengalaman negatif sepanjang perkahwinan, kesemua peserta kajian akhirnya sampai kepada fasa pembuatan keputusan, samada mereka membuat keputusan untuk bercerai ataupun mereka memutuskan untuk menerima hakikat bahawa diri mereka diceraikan.

Dalam Islam, penceraian bermaksud menamatkan hubungan perkahwinan sama ada melalui lafaz yang dilakukan oleh suami ataupun melalui keputusan hakim mahkamah syariah atas permohonan isteri secara fasakh atau taklik (Imron, 2017; Muhammud & Ruskam, 2016). Dalam masyarakat Melayu, penceraian adalah sesuatu yang 'taboo' dan dilihat sebagai suatu yang negatif dan mengaibkan kerana ia mencalar imej sesebuah keluarga kerana apabila pasangan itu berkonflik ia seolah-olah menggambarkan bahawa keluarga tersebut gagal memelihara keharmonian rumahtangga (Yahya et al., 2016). Maka dalam hal ini sebolehnya pasangan suami isteri disarankan untuk bertahan dalam perkahwinan walaupun perkahwinan tersebut telah berlaku pergolakan yang berterusan dan memudaratkan kedua pihak. Ahli keluarga sebolehnya tidak mahu orang lain mendapati bahawa anak mereka terutamanya perempuan bercerai berai. Dapatan kajian ini juga selari dengan pendapat (Parker, 2016) yang mengatakan bahawa masyarakat juga memandang negatif terhadap golongan janda iaitu wanita yang bercerai. Dan tanggapan ini mungkin menjadikan kebanyakan wanita dalam kajian ini turut merasa ragu dan bimbang untuk membuat keputusan untuk meninggalkan perkahwinan masing-masing walaupun perkahwinan tersebut memberi lebih banyak kesan negatif pada mereka (Ishak, Selvaratnam, & Idris, 2009; Saraswati, 2020). Mereka bimbang akan menjadi cemuhan masyarakat.

Namun pada masa yang sama, untuk kekal berada dalam perkahwinan sedia ada juga sangat membebankan. Ini menjadikan proses pembuatan keputusan bukan suatu yang mudah dan memerlukan pertimbangan yang teliti dan berterusan. Kebiasaannya individu tidak membuat keputusan secara tiba-tiba tanpa didahului dengan kejadian demi kejadian yang menjejaskan hubungan dan memberi kesan kepada emosi, mental dan juga kepuasan perkahwinan.

Pengalaman para peserta kajian yang mengambil titik noktah kepada penceraian dapat dikaitkan dengan Model Perpisahan Berperingkat (8 *Stage Model of Uncoupling*) oleh Vaughan (Fackrell, 2012). Peringkat pertama adalah berahsia di mana si pemula (pihak yang mempertimbangkan penceraian) mula berasa tidak puas hati dengan perhubungan dan mula mentakrifkan perhubungan secara negatif. Langkah kedua ialah mempamerkan rasa tidak puas hati. Ini adalah peringkat di mana pemula mula memberi petunjuk kepada pasangan bahawa hubungan itu bermasalah. Pada peringkat ini si pemula kerap mencari orang luar untuk mengadu dan meminta pandangan berhubung masalah yang dihadapi untuk menyokongnya dalam keputusan ini. Langkah ketiga dalam kajian Vaughan ialah peralihan ke fasa pertengahan. Fasa ini melibatkan pemula mencari-cari maklumat tentang penceraian samada berkaitan dengan proses, cabaran, kebaikan dan kelemahan penceraian dan lain-lain maklumat yang boleh membantu beliau untuk membuat pertimbangan dan keputusan. Langkah keempat ialah menutup peluang dan ruang perbincangan. Dalam langkah ini, pemula membina alasan-alasan yang direka-reka dan menunggu masa yang sesuai untuk mendedahkan keinginannya untuk berpisah. Pemula sering menunggu pasangan mereka membuat kesilapan supaya kesalahan boleh dialihkan kepada pasangan. Langkah kelima ialah berterus terang. Pemula mungkin mempunyai konfrontasi langsung dengan pasangan mengenai pengakhiran hubungan. Pada ketika ini, perhubungan sering berakhir dan tiada apa yang pasangan boleh lakukan untuk menyelamatkan hubungan. Langkah keenam ialah

mencuba. Fasa ini melibatkan pasangan cuba menyelesaikan masalah. Walau bagaimanapun, selalunya tiada harapan untuk hubungan itu pada ketika ini. Pemula mungkin mendapatkan khidmat kaunseling agar pasangan yakin bahawa mereka telah mencuba segala-galanya dan hubungan itu berakhir. Langkah ketujuh ialah membuat pengakuan dan pengumuman. Ini melibatkan pemisahan dan memberitahu orang lain tentang kemungkinan perpisahan. Ahli keluarga biasanya diberitahu dengan berhati-hati. Kelapan, proses undang-undang dimulakan. Kali ini keputusan serius dan nekad dilakukan. Proses membuat keputusan bukanlah keputusan sekali sahaja, sebaliknya pelbagai pertimbangan dari semasa ke semasa dilakukan, bukan sahaja untuk individu dan hubungan mereka suami isteri, tetapi lebih ketara untuk kesan kepada anak-anak dan perkahwinan mereka (Fackrell, 2012).

Kebanyakan pakar teori bersetuju bahawa proses penceraian bermula apabila salah seorang pasangan mula merasa pudar perasaan terhadap pasangan. *Disenchantment* atau *disillusion* diikuti dengan tempoh merasa ragu-ragu *(ambivalent)* terhadap pasangan dizahirkan dalam bentuk komunikasi negatif dan konflik tentang remeh temeh. Jika masalah tidak disuarakan dan diselesaikan ia akan menjejaskan hubungan pasangan dan ini memberi kesan kepada kepuasan perkahwinan (Harris, Crabtree, Bell, Allen, & Roberts, 2017). Ini selari dengan hasil dapatan kajian ini bila mana kebanyakan peserta yang membuat keputusan untuk bercerai bertindak mengambil inisiatif mengemukakan permohonan cerai ke Mahkamah Syariah menyatakan bahawa mereka sudah terlalu lama bertahan dalam perkahwinan yang mengecewakan, menyakitkan hati, tiada perubahan positif sebaliknya semakin negatif. Kebanyakan suami tidak menjalankan tanggungjawab dari segi nafkah zahiriah, berkelakuan kasar secara fizikal dan emosi terhadap peserta selain banyak berahsia dan tidak mempraktikkan komunikasi yang berkesan hingga mewujudkan salah faham dan konflik berterusan antara pasangan. Konflik yang timbul pula tidak diselesaikan secara baik

dan berkesan, sebaliknya dibiarkan berlarutan dan perlakuan yang menjadi punca konflik pula sentiasa diulang tanpa ada usaha untuk mengubah atau membaiki. Kesemua proses ini perlahan-lahan menghilangkan perasaan, menjarakkan hubungan dan sampai kepada satu tahap yang lebih serius, menimbulkan marah dan benci satu sama lain.

Pembuatan keputusan adalah satu proses yang panjang, berulang alik dan melibatkan turun naik emosi para peserta kajian iaitu para isteri. *Divorce ideation* atau berfikir untuk bercerai bermula pada seawal detik di mana mereka mengalami rasa kecewa mendapati suami bukan seperti yang mereka kenali sebelum berkahwin (Allen & Hawkins, 2017).. Terdapat beberapa faktor luaran yang menjadi penghalang seperti tanggapan negatif masyarakat tentang janda, mahu hubungan anak dengan bapa dan juga sedikit perasaan sayang dan harapan yang masih berbaki (sebab masih baharu berkahwin) dan juga malu kepada keluarga.

Dapatan kajian ini menyokong kenyataan (Lavner & Bradbury, 2010a) bahwa membuat keputusan bercerai pada fasa awal perkahwinan berbeza dengan membuat keputusan bercerai selepas lebih 10 tahun berkahwin. Justifikasi untuk bercerai lebih kuat dari segi dorongan berbanding halangan dari bercerai. Antara perkara yang mendesak atau mendorong keputusan bercerai dalam kalangan wanita yang baharu berkahwin dalam kajian ini adalah kekecewaan berterusan, layanan buruk dari suami, dibiarkan mengurus dan menyelesaikan masalah sendirian, tidak dipedulikan keperluan dan kebajikan fizikal dan emosi, malah ada suami yang tegar berlaku curang, mengambil dadah, mengenepikan isteri demi mengutamakan ibu sendiri, membiarkan isteri menanggung hidupnya sendiri dan anak dan meninggalkan isteri. Kesemua ini sejajar dengan beberapa dapatan kajian lalu berhubung pembuatan keputusan penceraian. Kebanyakan peserta hanya mempertimbangkan rasa ketidakpastian tentang masa depan jika bercerai. Namun perasaan

ini semakin kuat apabila berlaku kejadian yang kritikal dan mendesak yang menjadi pencetus kepada keputusan nekad untuk cerai seperti tindakan suami memukul anak, mengulangi kecurangan kali ke 5, menuduh isteri berzina, mengherdik isteri dan menyatakan yang beliau tiada perasaan pada isteri lagi. Kejadian ini seperti mengesahkan kepada peserta bahawa tiada guna lagi untuk mengharap dan memberi peluang kepada suami lagi. Mereka merasakan tidak berbaloi memberi peluang dan harapan lagi.

Dapatan kajian ini dapat dikaitkan dengan Teori Pertukaran Sosial iaitu kerangka teori utama dalam menerangkan tentang aspek yang menjadi pertimbangan untuk cerai (Charvoz, Bodenmann, Bertoni, Iafrate, & Giuliani, 2009).Teori ini beranggapan bahawa manusia akan mengelak hubungan yang merugikan dan mencari hubungan yang lebih memberikan ganjaran. Ganjaran antaranya adalah nilai yang berharga seperti persahabatan, hubungan seksual yang menyeronokkan, cinta, perkongsian yang menyenangkan, khidmat dan juga kewangan. Manakala perkara yang merugikan pula adalah sebarang status, hubungan, interaksi dan perasaan yang tidak menyenangkan seperti penderaan, interaksi yang negatif, kecurangan, rasa tidak dihargai, pengabaian keperluan emosi dan fizikal oleh pasangan dan sebagainya (Berscheid, 2010; Lavner, Bradbury, & Karney, 2012). Menamatkan perkahwinan juga melibatkan jenis kos kedua iaitu "kemarahan pasangan, kritikan saudara dan kawan atau peningkatan kos kewangan" iaitu apa yang Levinger (1976) huraikan sebagai kos penamatan atau "halangan kepada penceraian". Teori ini dapat menerangkan dengan jelas proses pertimbangan samada mahu meneruskan perkahwinan atau menamatkan dengan jalan penceraian. Bagi kebanyakan wanita, pengabaian dari segi emosi, penafian hak terhadap masa berkualiti bersama, diketepikan dalam konflik dengan mentua, penganiayaan dari segi fizikal, kecurangan suami secara berulangkali, tidak difahami dan sering disalahanggap merupakan kejadian-kejadian yang memberi kesan

penurunan rasa cinta dan peningkatan rasa marah dan kecewa . Semua ini merupakan kos yang tidak kelihatan namun menjadi beban emosi berterusan sepanjang perkahwinan (Juhari, Yaacob, Mohd Arif, & Sabri, 2019; Stella, 2002). Pada penghujung tahun keempat hingga tahun ke lima, kebanyakan wanita sukar merasai kebahagiaan, sebaliknya apa yang sedikit sebanyak menimbulkan dilema untuk berpisah adalah fahaman mereka sendiri tentang pendirian Islam bahawa Allah tidak menyukai penceraian dan juga rasa bimbang terhadap tanggapan negatif masyarakat apabila mereka bergelar 'janda'

Sementara itu, Model Empat Tahap menggariskan proses pembuatan keputusan yang terdiri daripada 4 kategori: (1) kekecewaan (*disillusionment)*, (2) ketidaktentuan (*ambivalence*), penyusunan semula kognitif dan resolusi. Model ini menerangkan bahawa proses pembuatan keputusan bercerai merupakan satu proses yang tidak berlaku dalam garisan linear atau berurutan sebaliknya sering berlaku dalam keadaan berbolak balik, dialektik di mana individu berulang-ulang merasa tidak pasti, ragu, nekad namun kemudiannya berbolak balik sebelum sampai kepada titik resolusi yang mutakhir (Fackrell, 2012). Konflik emosi dan pemikiran kerap berlaku dalam kalangan peserta kajian ini, dan proses ini berlaku dengan aktif. Antara perkara yang sering menjadi pertimbangan dan faktor yang mendorong kepada keadaan bolak balik ini antaranya ialah tentang kebajikan dan masa depan anak, kestabilan ekonomi selepas bercerai, tanggapan negatif masyarakat, proses perundangan dan pelbagai faktor lain yang dijangkakan berubah selepas bercerai. Memutuskan sama ada untuk bercerai bukan sahaja salah satu keputusan paling tertekan yang mungkin dihadapi sepanjang perjalanan hidup tetapi juga salah satu yang paling sukar. Skala Tekanan Holmes dan Rahe (1967) meletakkan tekanan penceraian sebagai yang kedua selepas kematian pasangan. Ahli ekonomi tingkah laku Thaler dan Sunstein (2009) berpendapat bahawa jenis situasi di mana individu menganggap keputusan sebagai sukar dan

paling tidak berkemungkinan membuat pilihan yang baik ialah (a) melibatkan pilihan yang mana kesannya tidak dapat dilihat dengan kadar segera; (b) jarang berlaku; (c) maklum balas yang lemah, kabur atau lambat; dan (d) alternatif pilihan yang sukar ditentukan berdasarkan kepada pengalaman yang dilalui. Kriteria ini semuanya ada dalam proses membuat keputusan sama ada untuk bercerai atau bertahan (Thaler & Sunstein, 2009).

Kebanyakan isteri dalam kajian ini membuat keputusan untuk bercerai apabila mereka menyedari bahawa mereka boleh mendapat kehidupan yang lebih baik dan lebih bermakna di luar perkahwinan. Salah satu salurannya ialah daripada maklumbalas positif dan perakuan dari orang sekeliling terutamanya ahli keluarga yang dilihat berupaya, berbaloi serta menarik dalam pertimbangan proses membuat keputusan. Ia memberi kesan kepada estim diri dan mendorong mereka mencari kemungkinan untuk membubarkan perkahwinan yang tidak bahagia (Chong, Gordon, & Don, 2017; Lee & Hong, 2005) Kebanyakan wanita membuat resolusi pada kemuncak kekecewaan dengan memutuskan bahawa perkahwinan ini mesti ditamatkan dan digantikan dengan kehidupan yang lebih berkualiti.

Mencapai kepastian tentang arah tuju perkahwinan yang tidak menentu memberi kesan yang mendalam kepada peserta. Dalam keadaan hati masih ada berbaki rasa sayang namun sering berdepan dengan kekecewaaan berulangkali dari suami, tidak difahami dan kebimbangan tentang masa depan, pertimbangan sering berbolak balik. Ketidaktentuan ini menganggu kesejahteraan emosi dan mental peserta. Samada mereka di pihak yang membuat keputusan atau menerima keputusan dari pasangan, hampir kesemua peserta menyatakan bahawa mereka sudah puas mengharap dan berusaha selama tempoh perkahwinan. Memandangkan usaha mereka tidak mendapat kerjasama pasangan, kualiti perkahwinan yang semakin merosot dan tiada sebarang inisiatif positif dari pasangan mendorong peserta untuk menghentikan semua ketidaktentuan ini dengan keputusan bercerai. Manakala bagi

wanita yang bukan di pihak membuat keputusan, mereka menerima keputusan suami dengan rasa terkejut, terkilan dan kecewa. Walaubagaimanapun, mereka tetap menganggap keputusan suami itu sebagai ketentuan takdir dan berusaha untuk memproses perasaan agar menerimanya dengan redha.

5.9 Tema 8: Motivasi Untuk Bangkit Semula

Isteri yang bercerai pada awal perkahwinan ini tetap berjuang untuk bangkit semula, dan ini merujuk kepada proses mengembalikan identiti diri, meningkatkan estim diri, memperbaharui atau memulakan kehidupan baru selepas penceraian. Dapatan kajian ini konsisten dengan kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa perasaan negatif seperti kesedihan, marah, meradang, rasa sangsi, rasa bersalah, keliru, tidak ketentuan, rasa dinafikan dan rasa dikhianati adalah antara perasaan yang dilaporkan individu semasa berada dalam fasa transisi dari perkahwinan kepada penceraian (Mckenry & Price, n.d.) . Kebanyakan wanita melalui pengalaman perkahwinan yang tidak memuaskan bahkan ada antara mereka yang mengalami tekanan emosi, kesukaran untuk menerima realiti penceraian, mengalami kemurungan dan tidak kurang juga mengalami trauma. Mereka berada pada tahap resolusi yang berbeza dan melaporkan kedua-dua perasaan positif dan negatif berhubung pengalaman bercerai. Walaupun rasa negatif berkurang dari semasa ke semasa, sesetengah wanita menghadapi lebih banyak kesukaran untuk mengatasi perasaan ini antaranya perasaan marah, sakit hati, meradang, kesal, kesepian, terluka, ragu pada perkahwinan di masa hadapan.

Selepas beberapa bulan mengalami perasaan negatif disebabkan tekanan perkahwinan, kebanyakan wanita mengalami peningkatan perasaan positif. Ia termasuklah termasuklah rasa seimbang dan tenang, menerima hakikat bahawa masa lalu tidak dapat diubah, mula memberi fokus kepada perkara yang menjanjikan harapan, kegembiraan,

kelegaan, kepuasan dan kematangan. Kejayaan menyesuaikan diri dengan kehidupan baru selepas bercerai termasuklah keupayaan menerima realiti baru, mewujudkan dan memperbaharui aktiviti sosial yang lama. Dan dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa kehidupan selepas bercerai boleh menjadi masa untuk memenuhi keperluan dan kemahuan diri, memperbaharui minat lama, autonomi, kebebasan peribadi, membina diri yang baru dan bebas untuk memberi tumpuan kepada keperluan sendiri dan orang lain yang signifikan Sebagai contoh, menurut Amato (2000) kesan positif penceraian ini lebih dialami oleh mereka yang melalui perkahwinan yang tidak berfungsi dan tertekan. Wanita melaporkan bahawa penceraian memberikan ruang untuk mereka merancang peningkatan kualiti hidup. Mereka juga mempunyai kebebasan untuk melakukan apa yang mereka mahu dan yang lain menyatakan selepas bercerai, mereka peluang memulakan semula minat atau hobi lama yang mereka tinggalkan selepas berkahwin dahulu.

Setiap wanita mempunyai pendekatan berlainan dalam daya tindak mereka mengatasi tekanan emosi kesan konflik dan penceraian.

Hasil kajian terhadap wanita yang bercerai dalam fasa awal perkahwinan ini juga mendapati bahawa mereka berdepan dengan stigma negatif sebagai seorang janda. Janda pada pandangan masyarakat dikaitkan dengan konotasi yang negatif di mana dalam kalangan wanita bersuami, janda adalah wanita yang dibimbangi merampas suami mereka disebabkan janda mempunyai pengalaman seksual yang berpotensi menarik perhatian lelaki-lelaki yang belum dan sudah berkahwin (Parker, Riyani, & Nolan, 2016)

Terdapat beberapa kerangka teori yang menerangkan tentang proses penyesuaian selepas penceraian. Teori tekanan dan daya tindak menyediakan kerangka untuk memahami penyesuaian dalam kejadian yang menekan seperti penceraian (Nikparvar, Stith, Dehghani,

& Liang, 2021; Randall & Bodenmann, 2009) . Menurut kerangka ini, terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi proses penyesuaian, faktor pertama ialah kadar atau tahap tekanan, kedua, sumber daya tindak dan ketiga ialah makna atau definisi yang individu letakkan terhadap penceraian. Mengambilkira penceraian adalah rentetan daripada pelbagai kejadian yang menekan, cerai sering memberi impak kepada perubahan hidup seperti cabaran kewangan, perpecahan keluarga, reaksi beremosi dari anak-anak, reaksi dan tanggapan negatif dari masyarakat sekeliling terutama ahli keluarga dan rakan-rakan. Kehilangan pasangan pula adalah sumber tekanan besar buat wanita, mereka mendapati corak hidup mereka sudah berbeza berbanding orang lain yang masih bersuami dan mungkin orang lain mula melihat mereka sebagai ancaman pada perkahwinan mereka sendiri. Berpindah tempat tinggal atau berubah peranan, corak hidup, serta tanggapan negatif keluarga merupakan cabaran dalam penyesuaian. Kesemua tekanan ini memberi kesan kepada psikologi wanita dalam usaha untuk bangkit dari penceraian (Amato, 2000; Butterworth & Rodgers, 2008; Farmer, 2013). Hasil dari analisis kajian ini pula mendapati kesan emosi yang mendalam berlaku pada beberapa peserta mempunyai kriteria berikut; pertama, wanita yang datang dari latarbelakang keluarga yang tidak stabil, kedua; cara pembuatan keputusan penceraian dilakukan dan ketiga; tahap harapan yang tinggi terhadap perkahwinan semasa penceraian berlaku.

Sumber daya tindak adalah faktor kedua dalam teori tekanan dan daya tindak. Kajian dalam budaya barat menyatakan bahawa pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan sokongan kawan dan saudara mara adalah sumber penting yang dapat membantu individu menangani tekanan selepas penceraian (Berman & Turk, 2016; Canham, Mahmood, Stott, Sixsmith, & O'Rourke, 2014; O'Hara, Sandler, Wolchik, & Tein, 2019). Tahap pendidikan dan pekerjaan mempunyai kaitan dengan estim diri seseorang, manakala pendapatan dan sokongan orang

sekeliling merupakan sokongan luaran berbentuk nasihat dan pendapat yang membuka pemikiran dalam usaha mereka membina kekuatan dan perancangan masa depan (Shaud & Asad, 2020). Walaupun dalam keadaan berdepan dengan sikap prejudis sesetengah masyarakat berhubung wanita yang bercerai, namun kebanyakan wanita dalam kajian ini mendapat sokongan emosi dan dan perlindungan dari keluarga terdekat terutamanya ibubapa dan adik beradik. Sokongan sebegini sangat kritikal sepanjang fasa pra penceraian sehinggalah peserta itu mampu menyesuaikan diri dengan corak kehidupan baru selepas bercerai terutamanya dari segi ekonomi, penjagaan anak dan sokongan moral.

Faktor ketiga yang mempengaruhi proses penyesuaian selepas bercerai adalah cara bagaimana seseorang itu membuat tafsiran dan memberi makna pada kejadian yang berlaku dalam hidup mereka. Individu yang mempunyai kepercayaan dan sikap yang negatif lebih cenderung melihat penceraian sebagai kegagalan dari segi moral. Manakala bagi mereka yang mentafsir penceraian sebagai satu titik perubahan hidup ke arah yang lebih positif akan lebih mudah menyesuaikan diri dengan perubahan hidup dan melepasi fasa kekecewaan (Symoens, Bastaits, Mortelmans, & Bracke, 2013) .

Secara umumnya, wanita yang bercerai melalui 3 fasa utama iaitu: (1) pengalaman awal selepas bercerai, (2) mencari kestabilan mengatasi cabaran dengan berpandukan sumber-sumber yang ada dan (3) proses membina identiti baru . Ketiga-tiga proses ini pula bukan linear, sebaliknya melengkung (Nikparvar et al., 2021). Wanita yang bercerai menghadapi banyak cabaran, masalah peribadi dan masalah sosial. Wanita adalah "*jantung*' dalam keluarga dan mereka menjalankan peranan yang sangat signifikan dan penting dalam menjaga kestabilan keluarga. Jadi apabila penceraian berlaku, mereka sering dipersalahkan. Antara kesan awal penceraian pada wanita ialah kehilangan status identiti dan status sosial. Ini tidak menghairankan kerana dentiti wanita selalunya diukur dalam hubungannya dengan


suami, walaupun beliau mempunyai pendidikan tinggi, bercerai bermakna kehilangan identiti dan ini mendedahkan wanita kepada banyak tekanan psikologi dan sosial ke atas mereka.

Satu lagi aspek penyesuaian yang penting adalah berhubung penstrukturan semula tanggungjawab dan peranan serta usaha membina status baru selepas bercerai (Nikparvar et al., 2021). Dalam konteks kajian ini, membina tanggungjawab sebagai ibu tunggal ataupun janda yang perlu mencari sendiri rezeki bagi menampung keperluan hidup dan masa depan keluarga merupakan proses penyesuaian bagi melalui fasa pasca penceraian (Spanier & Castro, 1979). Walaupun kedua-dua aspek penyesuaian ini melibatkan kejadian yang signifikan iaitu kehilangan (*loss*) dan membina semula (*gain*) memberi kesan antara satu sama lain, Spanier dan Castro mencadangkan bahawa membina semula gaya hidup baharu adalah lebih penting berbanding penyesuaian aspek lain secara keseluruhan. Usaha ini yang banyak dilakukan oleh kesemua peserta dalam kajian di Kuching Sarawak ini. Kebanyakan mereka mula membina karier, mendapatkan sumber pendapatan sendiri tanpa perlu bergantung kepada orang tua ataupun keluarga. Mereka juga berjaya mengatasi kesan emosi negatif dengan perasaan redha.

Kebanyakan wanita berjaya mengatasi kesedihan dan kekecewaan atas penceraian mereka selepas tempoh 6 bulan penceraian. Mereka memberikan fokus kepada anak-anak, ibubapa, kerjaya dan perniagaan. Kesemua perancangan baru ini mengembalikan estim dan keyakinan diri walaupun bakal berdepan dengan cabaran mendepani sikap prejudis sesetengah masyarakat dengan status sosial sebagai ‘janda’. Namun sebagai kesimpulannya, kehidupan selepas bercerai bagi kebanyakan peserta kajian adalah jauh lebih baik berbanding semasa berkahwin terutamanya dari sudut ketenangan fikiran dan emosi.

5.10 Model Penyesuaian Awal Perkahwinan

Antara objektif kajian ini adalah menghasilkan satu model yang dapat menjadi panduan dalam pelaksanaan usaha-usaha untuk menangani penceraian dalam fasa awal perkahwinan ataupun dalam menangani isu-isu yang timbul dalam fasa awal perkahwinan bagi membendung penceraian dari berlaku. Satu model telah dibangunkan dan pbagi tujuan validasi, model ini telah dikemukakan kepada dua pegawai kaunseling perkahwinan yang banyak mengendalikan sesi kaunseling dan permasalahan rumahtangga pasangan yang baharu berkahwin di Kuching, Sarawak. Kedua-dua pegawai terbabit mengesahkan bahawa keempat-empat komponen yang terkandung dalam model adalah sama seperti yang dihadapi pasangan yang baharu berkahwin yang hadir memohon sesi kaunseling di Jabatan Agama Islam Sarawak. Berdasarkan kepada Model Penyesuaian Awal Perkahwinan pada **Rajah 5.1** ini, terdapat 4 komponen penting dalam proses penyesuaian sepanjang tempoh awal perkahwinan iaitu personaliti, komunikasi,, daya tindak, dan tanggungjawab Keempat-empat komponen ini mempunyai perkaitan satu sama lain dan saling berinteraksi antara suami isteri.



Rajah 5.1: Model Penyesuaian Awal Perkahwinan

Penjelasan berhubung model tersebut adalah seperti dalam di atas dan butiran penjelasannya adalah seperti berikut:

5.10.1 Matlamat Modul

Meningkatkan penyesuaian pasangan dengan memberi perhatian pada aspek penting dalam awal perkahwinan seperti ; mengenali dan memahami personaliti diri dan pasangan, penyesuaian, komunikasi, tanggungjawab dan peranan serta daya tindak yang digunakan.

5.10.2 Skop

Pasangan yang berada dalam lingkungan 5-10 tahun perkahwinan.

5.10.3 Komponen

5.10.3.1 Personaliti

i. Personaliti pasangan

ii. Hubungan dengan keluarga

5.10.3.2 Komunikasi

i. Peruntukan masa berkualiti bersama sebagai suami isteri tanpa kehadiran orang lain

ii. Menyusun keutamaan, peruntukan masa dan perhatian yang sewajarnya pada hubungan sepanjang proses interaksi dalam melakukan aktiviti agar pasangan mendapat lebih pendedahan satu sama lain.

5.10.3.3 Daya tindak

Setiap individu mempunyai kecenderungan masing-masing bila berdepan dengan tekanan. Pasangan perlu mengenali bentuk daya tindak berdepan tekanan yang diri sendiri dan pasangan lakukan setiap kali berdepan dengan masalah dan tekanan samada. Terdapat 2 peringkat daya tindak:

a. Daya tindak sendirian

i. Berfokus emosi (proses emosi atau lari dari mendepani emosi)

ii. Berfokus pemikiran (memproses pemikiran atau lari dari memikirkan)

iii. Berfokus masalah (cuba selesaikan sendiri atau dapatkan pandangan orang

b. Daya tindak berpasangan

i. Diadik biasa (sama-sama membantu menangani isu yang dihadapi)

ii. Diadik menyokong (memberikan bantuan sewajarnya kepada pasangan yang memerlukan bantuan)

iii. Diadik mengagihkan (berbahagi tugas dengan tujuan mengurangkan beban pasangan)

iv. Diadik negatif (kasar, bersikap sambilewa)

5.10.3.4 Tanggungjawab

Pasangan perlu mempunyai pemahaman yang sama berhubung tanggungjawab diri dan pasangan.

a. Tanggungjawab utama suami ; menanggung nafkah isteri dan anak-anak, memelihara keselamatan dan kebajikan dari segi fizikal, emosi, mental dan spiritual. Tanggungjawab isteri menjaga keperluan suami dan berusaha mematuhi arahan suami dari semasa ke semasa.

b. Pelaksanaan kedua peranan ini perlukan banyak Interaksi bersama dan berterusan

c. Kaedah pelaksanaan yang sesuai dengan konteks pasangan dan juga selari dengan Quran dan Sunnah

d. Pelaksanaan tanggungjawab berpandukan peranan yang dimainkan perlu kepada komunikasi, penyesuaian dan daya tindak yang bersesuaian bagi membendung konflik, tekanan yang kelak mempengaruhi kualiti dan kepuasan perkahwinan.

5.10.4 Intervensi

A. Ceramah menggunakan Modul Penyesuaian Awal Perkahwinan

B. Perbincangan kelompok berfokus.

BAB 6

KESIMPULAN

6.1 Pendahuluan

Trend permasalahan rumahtangga masyarakat Islam di Kuching Sarawak agak konsisten sejak tahun 2015 lagi. Kebanyakan isu adalah sekitar masalah nafkah, kecurangan, suami tidak bertanggungjawab, isteri tidak taat, suami atau isteri meninggalkan rumah, dan campurtangan orang tua. Fenomena yang semakin membimbangkan adalah peningkatan kadar penceraian dalam kalangan mereka yang berkahwin kurang dari 5 tahun.

6.2 Implikasi Praktikal

Penceraian adalah kesan daripada konflik perkahwinan yang berterusan. Menurut Gottman (2017), cara pasangan menangani isu lebih banyak menyumbang kepada kepuasan perkahwinan berbanding dengan isu itu sendiri. Beliau menyatakan bahawa tanda-tanda hubungan itu sedang menuju kepada kehancuran dapat dilihat dari cara pasangan berinteraksi. Beliau menamakan 4 pendekatan yang merosakkan tersebut sebagai *Four Horsemen of Apocalypse*. Menurut Gottman (1994), pendekatan ini akan mencetuskan kebanjiran emosi (*emotional flooding*). Ia didefinisikan sebagai reaksi yang kuat terhadap tingkahlaku negatif seseorang yang membawa kepada ketidakterlibatan dan kesepian dalam hubungan (Gubbins, 2010, p. 384). Menurut kajian Gottman, pendekatan *Four Horsemen of Apocalypse* dan juga kebanjiran emosi ini tidak baik untuk hubungan.

Sementara itu, menurut model *Vulnerability Stress Adaptation (VSA)* pula, ciri-ciri perangai yang stabil dan bertahan dalam diri kita banyak mempengaruhi cara kita memberi reaksi terhadap satu-satu peristiwa dalam perkahwinan diikuti dengan daya tindak yang kita aplikasikan dalam usaha menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sebagai contoh dalam

kajian ini, apabila peserta kajian memberitahu suami berhubung dengan perasaan kecewa beliau terhadap suami yang jarang menghabiskan masa dengan beliau berbanding ibunya, suami dengan mudah merasa tersinggung kerana isteri menyentuh soal ibunya. Reaksi beliau ialah marah dan kemudian meninggalkan isteri tanpa memberi ruang untuk perbincangan lebih lanjut. Tanggapan suami terhadap luahan isteri banyak bergantung kepada sifat dalaman suami. Beliau merupakan anak manja ibunya yang cukup sensitif dan mudah tersinggung bila seolah-olah ibunya yang dituduh menjadi punca kepada kurangnya masa beliau bersama isteri.

Contoh lain ialah, apabila isteri meminta agar suami bekerja bagi memenuhi keperluan rumahtangga. Bahkan isteri memberi cadangan jenis pekerjaan yang bersesuaian. Namun suami rasa seolah-olah isteri mahu mengajar beliau dan melihat beliau seperti seorang yang bodoh dan tidak pandai berfikir. Reaksi suami ialah suami mengherdik isteri dan ini sekaligus membantutkan usaha mencari Solusi kepada masalah kewangan yang mereka hadapi. Suami bersikap defensif, merasa kewibawaannya sebagai suami tercabar. Beliau kemudiannya tidak mengambil sebarang tindakan mencari kerja dan membiarkan masalah kewangan berlarutan dan melepaskan tanggungjawab nafkah kepada isteri.

Masalah sikap atau perangai yang negatif adalah penyumbang utama kepada krisis rumahtangga dan ini kemudiannya mempengaruhi bentuk komunikasi dan daya tindak. Sikap negatif yang ditonjolkan oleh pasangan seperti mudah tersinggung, pemarah, kasar, sukar menerima teguran, malas bekerja, cenderung lari dari masalah, memperkecilkan perasaan isteri dan bersikap acuh tidak acuh kepada tanggugngjawab telah ditunjukkan dari awal perkahwinan lagi. Mereka juga berkomunikasi secara negatif pada kebanyakan masa terutamanya apabila isteri mengadukan sesuatu kepada mereka.

Cara berkomunikasi yang negatif membantutkan usaha isteri untuk melibatkan suami dalam penyelesaian masalah. Kebanyakan isteri mengharapkan suami sebagai pencari rezeki, memberikan perhatian dan kasih sayang secukupnya dengan memperuntukkan masa sewajarnya, setia dalam perkahwinan, mengutamakan isteri dalam kehidupan seharian, melibatkan isteri dalam apa juga pertimbangan. Namun apabila tiada perubahan positif di pihak suami dan isteri masih merasa sendirian mengharungi perkahwinan tanpa penglibatan aktif suami, maka perasaan isteri menjadi semakin tawar dan hambar.

Dari aspek pemilihan pasangan, individu banyak dipengaruhi oleh ekspektasi kolektif masyarakat setempat tentang kriteria atau ciri-ciri lelaki yang baik dan dengan itu mengharapkan agar pasangan dapat memberikan atau memenuhi kelompongan dalam hidup yang dirinya tiada. Sebagai contoh, masyarakat menyanjung tinggi lelaki yang menghormati orang tua dan wanita, mempunyai latarbelakang keluarga yang baik, kerja yang stabil, tingkahlaku yang sopan dan paling utama seorang yang mendirikan solat. Wanita juga mudah mengagumi dan menerima mereka sebagai suami dengan mudah. Kebanyakan pasangan pada masa kini membuat keputusan berhubung jodoh mereka mendahului keizinan daripada orang tua ataupun wali kepada wanita. Bahkan ada antara wanita dalam kajian ini telah mengandung sebelum berkahwin dan terpaksa meminta lelaki tersebut mengahwini beliau walaupun ciri-ciri keburukan sudah terserlah. Namun begitu, sebaliknya ciri positif yang dilihat sebelum berkahwin itu adalah bersifat sementara dan bertujuan untuk menawan hati wanita. Ciri negatif juga sebahagian dari diri pasangan namun kebanyakan ciri tersebut hanya muncul semasa berdepan dengan cabaran dalam hidup yang menuntut kesabaran dan kemahiran untuk mengendalikannya.

Hasil kajian ini memberikan implikasi bahawa pemilihan jodoh perlu melibatkan pihak lain yang dapat menilai secara lebih objektif berhubung kriteria dan personaliti si

lelaki. Ini bertepatan dengan kewajipan mendapatkan keizinan wali dalam pernikahan. Keizinan bukan sekadar kebenaran dari segi prosedur dan rukun nikah, malah juga tanggungjawab menentukan kriteria bakal suami kepada anak/cucu/saudara kandung perempuan.

Antara tema yang agak dominan dalam kajian ini adalah berhubung dengan penyesuaian diri dalam fasa awal perkahwinan. Pasangan pengantin baru perlu sedar dan tahu aspek yang mencabar dalam usaha menyesuaikan diri antaranya penyesuaian dengan perangai pasangan, persekitaran baru, kehadiran ahli keluarga baru yang signifikan seperti mentua dan juga tanggungjawab baru sebagai suami isteri. Kesemua perubahan ini memerlukan pasangan untuk saling berinteraksi dengan lebih kerap dan berkemungkinan berdepan dengan pertembungan nilai dan kebiasaan yang boleh menghasilkan tekanan dan konflik.

Selain dari itu, hasil kajian ini juga menekankan kepentingan perbincangan antara pasangan samada dengan melibatkan ahli keluarga ataupun pihak berwajib dalam mengendalikan konflik antara pasangan. Setiap pasangan mempunyai realiti ataupun persepsi berbeza terhadap satu-satu isu. Keduanya tidak akan dapat mencari solusi yang terbaik dan adil bagi kedua pihak tanpa keduanya mendengar dan memahami terlebih dahulu sudut pandang pasangan masing-masing. Komunikasi yang diselubungi oleh perasaan negatif akan menghasilkan sangkaan dan tuduhan. Kesemua ini meningkatkan reaksi negatif yang menjejaskan lagi hubungan dan mendorong kepada penceraian.

Keputusan bercerai yang dilakukan sebelah pihak boleh meninggalkan kesan trauma pada seseorang terutamanya wanita. Walaupun dalam Islam menangani pertelingkahan suami isteri haruslah melibatkan wakil dari kedua pihak bagi tujuan mendamaikan, namun kebanyakan pasangan sama ada lebih suka melarikan diri atau mengelak dari bersemuka

ataupun bersemuka dan bertengkar secara beremosi. Maka dengan itu, sesi kaunseling pra penceraian adalah penting bagi mencari resolusi yang terbaik untuk kedua pihak dan pada masa yang sama membantu pasangan saling meluahkan perasaan melalui saluran yang selamat dan terkawal.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini seperti yang dinyatakan di atas memberi penekanan kepada kaunselor perkahwinan untuk memahami cara pasangan mengendalikan konflik perkahwinan dan kesannya kepada hubungan dan juga pasangan. Pengetahuan ini menyediakan kepada kaunselor dan mereka yang berada dalam profesion menolong maklumat tentang cara mengenalpasti teknik mendepani konflik yang biasa digunapakai dan cara bagaimana untuk menolong klien melihat perubahan. Dengan cara kaunselor mengurangkan corak komunikasi negatif yang dipraktiskan oleh klien, kesannya boleh meningkatkan kepuasan perkahwinan secara menyeluruh. Pada masa yang sama juga hasil kajian ini memberikan lebih pemahaman kepada kaunselor aspek-aspek yang boleh menjejaskan hubungan dalam perkahwinan seperti tingkahlaku negatif, pengabaian tanggungjawab, mengabaikan masa berkualiti bersama pasangan dan lari dari perbincangan menyelesai masalah jika ia kerap dan berterusan berlaku dalam perkahwinan. Dengan adanya pemahaman yang lebih luas dan mendalam ini, klien akan dibantu dengan kemahiran yang bersesuaian dan akhirnya solusi yang lebih positif dan praktikal dapat dicapai.

6.3 Sumbangan Kajian

Kajian yang memberikan fokus kepada fenomena penceraian masyarakat setempat di Kuching Sarawak ini memberikan beberapa implikasi untuk dipertimbangkan di peringkat Jabatan Agama Islam Sarawak khususnya bagi memperhalusi dan menambahbaik perkhidmatan kaunseling samada kaunseling perkahwinan mahupun kaunseling komuniti.

Berdasarkan kepada analisis statistik aduan permasalahan rumahtangga dari tahun 2015 hingga 2023, berlaku peningkatan ketara dalam aduan masalah dalam kalangan pasangan yang berkahwin dalam tempoh 5 hingga 10 tahun perkahwinan. Data dari statistik Permohonan Khidmat Nasihat & Kaunseling Perkahwinan Jabatan Agama Islam Sarawak dilaporkan bahawa dari jumlah keseluruhan permohonan sebanyak 3039 kes Pada tahun 2023 sebanyak 1239 permohonan adalah datang dari pasangan yang berkahwin kurang dari 5 tahun. Ini mencatatkan sebanyak 40% pemohon penceraian adalah dari kalangan pasangan yang baharu berkahwin. Jumlah ini mencatatkan peningkatan secara konsisten berbanding dua tahun ke belakang di mana 39 % pada tahun 2022 dan 38.9% pada tahun 2021. Ini menandakan ada faktor yang stabil berlaku sepanjang tempoh tersebut yang menyumbang kepada penceraian bagi pasangan dalam komuniti setempat. Ini juga bermakna, faktor penyumbang dan faktor mempengaruhi tersebut ada dalam peringkat (1) individu (2) pasangan (3) keluarga individu dan keluarga pasangan serta (4) masyarakat sekeliling dari aspek sosioekonomi.

Hasil kajian mendapati 8 tema di sebalik penceraian pada awal perkahwinan di Kuching, Sarawak iaitu: (1) Ekspektasi yang berbeza dari reality, (2) Kesukaran dalam penyesuaian, (3) Halangan dalam komunikasi, (4) Rasa cinta yang semakin pudar, (5) Semakin tidak dipedulikan suami, (6) Berjuang sendirian menangani cabaran perkahwinan, (7) Keputusan bercerai bagi menamatkan penderitaan dan (8) Bangkit semula selepas penceraian. Hasil dari kajian ini memberikan beberapa sumbangan kepada perkhidmatan kaunseling perkahwinan komuniti dalam mengawal kadar penceraian;

6.3.1 Pembinaan Modul Pembangunan Psikologi Awal Perkahwinan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebelum ini telah memperkenalkan Modul Pasca Perkahwinan untuk dilaksanakan kepada pasangan suami isteri yang telah berkahwin dari

fasa 5 tahun perkahwinan iaitu Fasa Bulan Madu, Fasa Sehati Sejiwa (6-10 tahun), Fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun) dan Fasa Syurga Cinta (21 tahun ke atas). Modul ini dibentuk mengikut cabaran yang kebiasaannya dihadapi oleh setiap pasangan mengikut fasa-fasa tertentu. Mereka didedahkan dengan aktiviti interaktif yang mengandungi mesej dan pengajaran tertentu bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kemahiran peserta. Program ini dibentuk untuk pasangan suami isteri dan dilaksakan selama 2 hari 1 malam.

Walaubagaimanapun, program tambahan dalam skala kecil dan berfokus dengan kekerapan yang lebih banyak dan meluas mencakupi masyarakat yang lebih luas sangat diperlukan agar pendidikan kemahiran asas awal perkahwinan ini boleh sampai ke segenap kelompok masyarakat terutamanya mereka yang terdedah kepada risiko penceraian yang lebih tinggi seperti mereka yang dari sosioekonomi rendah, kurang pendidikan dan datang dari keluarga yang bermasalah.

Kebanyakan masalah yang timbul dalam fasa awal perkahwinan adalah datang dari sikap dan tingkahlaku pasangan terhadap satu sama lain sepanjang proses penyesuaian yang mempengaruhi kualiti dan kepuasan perkahwinan dalam tempoh awal perkahwinan mereka. Sehubungan itu, sebaiknya beberapa modul perlu dibangunkan untuk memberi pendedahan yang lebih praktikal di peringkat awal kepada pasangan suami isteri.

Antara modul yang perlu dibina adalah yang memberi fokus kepada mengenali personaliti diri dan pasangan, komunikasi dan resolusi konflik, pengendalian tekanan luar dan dalam hubungan, pengurusan emosi, penyesuaian dalam perkahwinan, membina dan mengekal intimasi suami isteri dan juga kesan pelaksanaan tanggungjawab ke atas kestabilan rumahtangga. Modul ini membincangkan pengisian yang lebih terperinci berdasarkan literatur kajian.

6.3.2 Pengwujudan Perkhidmatan Kaunseling Pra Perkahwinan

Menurut Model VSA (*Vulnerability Stress Adaptation*), penyesuaian dalam perkahwinan banyak disumbangkan oleh perangai yang terbina sepanjang beliau dibesarkan. Perangai yang negatif seperti mudah marah dan berkecil hati, sukar menerima teguran, mudah rasa diri tidak diterima, cepat merajuk, terlalu sensitif adalah antara afek negatif yang memberi kesan kepada aktiviti penyesuaian dalam perkahwinan seperti interaksi, penyelesaian masalah, pembuatan keputusan, resolusi konflik dan sebagainya.

Perangai adalah salah satu elemen dalam personaliti yang telah sedia bertapak dan berkembang dalam diri seseorang sebelum pasangan berkahwin lagi. Ia akan mula jelas kelihatan apabila keduanya berdepan dengan situasi yang mencabar ketahanan mental dan emosi atau memerlukan keduanya berusaha lebih dari kebiasaan. Sebagai contoh, dalam mendepani tekanan kewangan, berdepan dengan rungutan dan kemarahan pasangan, mengendalikan isu bersama seperti urusan anak, ibubapa mentua dan sebagainya. Demikian juga bila melalui keadaan yang menuntut kesabaran lebih sedikit dari biasa sebagai contoh tekanan tuntutan antara kerja dan rumahtangga. Kesemua cabaran ini tidak muncul sebelum berkahwin. Hanya selepas berkahwin pasangan dapat melihat reaksi masing-masing dan perlu menyesuaikan diri dengan perangai diri dan pasangan.

Memandangkan keadaan ini dijangka berpotensi berlaku di awal perkahwinan, maka adalah wajar pasangan suami isteri didedah dan diperkenalkan dengan kelemahan dan kekuatan personaliti masing-masing sebagai persediaan untuk menghadapi dan mengendalinya apabila masa memerlukan itu tiba. Pasangan juga akan diberikan peluang untuk saling bertukar ekspektasi agar penyesuaian lebih mudah dilakukan.

Ujian personaliti perlu dibangunkan dan diperkenalkan bagi beberapa tujuan iaitu panduan memilih pasangan, memahami pasangan dan juga membina keserasian dalam

perkahwinan. Aspek dalam diri pasangan dari segi temperamen, kecenderungan, pandangan terhadap daya tindak, pendekatan komunikasi, cara berdepan tekanan, pandangan tentang tanggungjawab terhadap pasangan, tahap pengetahuan tentang elemen- elemen penting dalam hubungan suami isteri dan juga pengetahuan berhubung aspek-aspek lain dalam personaliti seseorang juga perlu dikenalpasti. Ini bertujuan membolehkan individu mengenal dirinya dan mengenal pasangan serta melihat kebarangkalian wujudnya keserasian antara keduanya. Selain itu, usaha ini juga bagi membolehkan individu melihat '*half reality'* tentang pasangannya dan meningkatkan kesedaran kendiri atau memahami tentang dirinya sendiri sebelum memberikan komitmen lebih mendalam pada hubungan yang lebih serius (perkahwinan). Ia dengan ini dapat memberi rasa kawal diri yang lebih kepada pasangan pengantin terhadap keputusan memilih bakal suami/isteri dan pada masa yang sama memberi persediaan mental dan emosi terhadap kebarangkalian wujudnya jurang personaliti antara pasangan selepas berkahwin kelak.

Khidmat Kaunseling Pra Perkahwinan diharapkan dapat mengurangkan kebarangkalian penceraian daripada berlaku dengan menyediakan pasangan dengan ekspektasi dan perancangan yang lebih realistik dalam perkahwinan.

6.3.3 Penambahbaikan Pengendalian Khidmat Kaunseling Perkahwinan

Penemuan tema-tema dan subtema dalam kajian penceraian awal perkahwinan ini membuka lebih peluang untuk perundingcara yang mengendalikan isu perkahwinan ini membuat penelitian dan perhatian kepada isu-isu kritikal dan penting dalam proses kaunseling yang dilaksanakan bersama klien.

Isu perkahwinan yang kerap dilaporkan ke Jabatan Agama Islam Sarawak asasnya terbahagi kepada dua sumber iaitu sumber luaran dan sumber dalaman. Sumber luaran antaranya ialah masalah pekerjaan, kewangan, campurtangan orang ketiga dan kecurangan.

Sumber dalaman pula datang dari hubungan itu sendiri seperti tiada persefahaman, masalah seksual, keganasan, pengabaian tanggungjawab, ketagihan dan juga masalah agama. Kebiasaannya perundingcara akan membantu klien menyelesaikan isu dan permasalahan yang dikemukakan secara umum. Sebagai contoh, jika isteri mengadu bahawa suaminya berlaku curang, pengendalian masalah pasangan akan difokuskan kepada isu kecurangan dan isu-isu yang berkaitan dengannya.

Namun bertitik tolak dari kajian ini, latihan pengendalian isu dan masalah perkahwinan boleh ditambahbaik dengan membantu perundingcara memberi perhatian kepada usaha mencapai resolusi konflik, memperbaiki hubungan dengan menggunakan kaedah yang ditemui hasil dari kajian lalu yang lebih bersistematik dan saintifik.

Sebagai contoh, dalam membantu klien mengenalpasti masalah yang membawa kepada konflik perkahwinan, pertama, perundingcara perlu mengenalpasti punca masalah. Kedua, perundingcara boleh membantu klien menyedari dan memahami reaksi mereka terhadap pasangan semasa menangani masalah dan kemudian memperkenalkan mereka dengan kaedah yang lebih positif. Pada kebanyakan keadaan, sikap dan cara pasangan bereaksi terhadap satu sama lain lebih banyak merosakkan hubungan berbanding dengan masalah itu sendiri. Contohnya, bercakap dengan kasar, menengking dan mencaci maki semasa berbincang, lari dari tanggungjawab dan tidak mengendahkan perasaan pasangan selepas konflik. Gottman merujuk tingkahlaku merosakkan ini sebagai *Four Horsemen of Apocalypse.*

Usaha memperkenalkan pasangan dengan kemahiran mengendalikan konflik perkahwinan ini dipercayai lebih berkesan jika dilakukan di fasa awal perkahwinan di mana trajektori penurunan kepuasan perkahwinan menurun secara mendatar dan perasaan sayang masih ada antara pasangan. Mendedahkan pasangan dengan kemahiran menangani konflik

dan mencapai resolusi antara keduanya dipercayai dapat membendung penceraian dari berlaku lebih awal.

6.4 Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi iaitu; pertama, kriteria khusus ini membenarkan kajian terfokus terhadap fenomena dalam kajian di Kuching Sarawak sahaja. Dengan itu, penemuan ini tidak boleh digunakan untuk populasi umum, dan kajian lanjut diperlukan untuk menyiasat sama ada penemuan serupa akan dikaitkan dengan sampel lain dengan ciri khusus yang berbeza daripada populasi yang digunakan dalam kajian ini.

Kedua, kajian ini juga hanya menumpukan kepada pengalaman yang dilalui oleh wanita sahaja. Pengalaman perkahwinan terbentuk hasil interaksi lelaki dan wanita dalam konteks perkahwinan itu sendiri dan juga interaksi mereka dengan persekitaran secara individu dan bersama. Ia adalah pengalaman yang agak kompleks. Namun bagi tujuan homogeniti dan juga keterhadan masa, pengkaji telah menetapkan untuk melakukan kajian hanya untuk wanita sahaja. Kajian lain perlu dilakukan bagi meneroka pengalaman suami (lelaki) pula bagi melihat sudut pandang berbeza namun berkaitan.

6.5 Saranan Untuk Kajian Akan Datang

Untuk kajian akan datang, disarankan agar dilakukan ke atas lelaki atau berpasangan dan juga boleh dilakukan kajian yang sama di tempat lain. Kajian lain berbentuk kuantitatif boleh dilakukan di Kuching Sarawak berpandukan kepada hasil kajian ini dengan memberikan tumpuan khusus kepada pembolehubah tertentu. Ini akan melengkapkan lagi kajian ini dan juga melebarluaskan manfaat. Begitu juga dengan kajian yang menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif akan mampu memberi makna yang lebih meluas kepada isu penceraian di awal perkahwinan di Malaysia.

Kajian yang menggunakan pendekatan tafsiran banyak terdedah kepada bias. Peserta membuat tafsiran terhadap pengalaman perkahwinan beliau dan kemudian pengkaji pula membuat tafsiran ke atas tafsiran peserta ke atas perkahwinan mereka. Namun begitu, untuk kajian ini, pengkaji telah berusaha mengatasi bias ini dengan merujuk dapatan tema dan subtema kajian kepada 2 orang pakar dan kemudianya mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dalam *Inter Rater Reliability Cohen Kappa.*

Ini bermakna, melalui kajian ini kita hanya mendapat gambaran perkahwinan dari sudut pandang wanita sedangkan perkahwinan adalah hasil interaksi dan komunikasi dua pihak yang saling berkaitan. Pemahaman yang lebih luas berhubung pengalaman penceraian awal perkahwinan akan dapat diperolehi jika kajian akan datang melibatkan unit suami isteri atau berpasangan.

Kajian lain yang meneroka pengalaman pasangan yang berjaya melepasi tempoh 10 tahun perkahwinan juga boleh dilakukan bagi melengkapkan perspektif berhubung dinamik perkahwinan yang lebih stabil. Jika kajian ini memberi fokus kepada aspek yang membawa kepada penceraian, kajian yang dicadangkan ini pula memberi penumpuan kepada aspek positif yang wujud dalam perkahwinan yang bertahan lebih lama.

RUJUKAN

Abdul Kadir, N. B. Y., & Bifulco, A. (2011). Vulnerability, life events and depression amongst Moslem Malaysian women: Comparing those married and those divorced or separated. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, *46*(9), 853–862.

Abdul Rahman, A. S., Mohd Kusrin, Z., & Omar, A. F. (2014). Faktor penceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010. *Islmiyyat*, *30*(1), 5–20.

Abidin, Z., Rozaina, Ismail, Khamsiah, Hassan, S. S., Sharifah, & Ahmad Sudan, S. (2018). Marital satisfaction, communication and coping strategy among Malaysian married couples: Factors prediction and model testing. *International Journal of Engineering & Technology*, *7*(3.21), 408.

Adamo, C., Leo, K., Hogan, J. N., Crenshaw, A. O., Baucom, K. J. W., & Baucom, B. R. W. (2021). Negative partner attributions moderate the association between heart rate reactivity during relationship conflict and relationship satisfaction. *Family Process*, *60*(3), 823–835.

Ahmad, Al. (1999). Gender role orientation of husbands and work-family conflict of wives in dual-earner families. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, *7*(1), 1–9.

Ahmad, Aminah. (1996).Work-family conflict among married professional women in malaysia. *Journal of Social Psychology*, *136*(5), 663–665.

Ahmad Hariri Mohd Saad, & Raihanah Azahari. (2014). Pengukuhan institusi keluarga melalui kawalan terhadap penceraian : Analisis literatur. *Jurnal Fiqh, No. 11 (2014) 175-194*, *11*(11), 175–194.

Akinbode, G. A., & Ayodeji, F. (2017). Gender and family characteristics differences in work-family, family-work conflicts and stress among dual-income earners families: An empirical analysis in cosmopolitan Lagos, Nigeria. *Gender and Behaviour*, *15*(3), 9424-9453–9453.

Al Jufri, K. A., Awang, M. S., & Mochammad Sahid, M. (2021). Maqasid syariah menurut Imam Al-Ghazali dan aplikasinya dalam penyusunan undang-undang Islam di Indonesia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, *9*(2), 75–87.

Allen, S., & Hawkins, A. J. (2017). Theorizing the decision-making process for divorce or reconciliation. *Journal of Family Theory and Review*, *9*(1), 50–68.

Amato, P. R. (2000). The consequences of divorce for adults and children. *Journal of Marriage and Family*, *62*(4), 1269–1287.

Amato, P. R. (2014). The consequences of divorce for adults and children: an update. *Drustvena Istrazivanja*, *23*(1), 5–24.

Amiri, M., Farhoodi, F., Abdolvand, N., & Bidakhavidi, A. R. (2011). A study of the relationship between Big-five personality traits and communication styles with marital satisfaction of married students majoring in public universities of Tehran. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *30*, 685–689.

Ansari, M., & Banyuwangi, I. G. (2020). Kajian filosofis hukum keluarga Islam sebagai kewajiban suami memberikan nafkah istri dan anak. *Jurnal Ilmu Al Qur'an Dan Hadist*, *3*(1), 47–82.

Archuleta, K. L., Britt, S. L., Tonn, T. J., & Grable, J. E. (2011). Financial satisfaction and financial stressors in marital satisfaction. *Psychological Reports*, *108*(2), 563–576.

Arshad, A., Abdullah, R., & Mat Ali, S. A. (2022). Kitabiyah dalam perkahwinan di

Malaysia: Isu dan cabaran. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, *34*(2), 261–276.

Bahri, S. (2015). Konsep nafkah dalam hukum Islam. *Kanun: Jurnal Ilmu Hukum*, *17*(2), 381–399.

Bailey, J. (2008). First steps in qualitative data analysis: Transcribing. *Family Practice*, *25*(2), 127–131.

Bakar, M. Z. A., & Abdullah, W. A. R. K. W. (2008). Hak suami isteri dalam perkahwinan Islam: Analisis menurut Fiqh. *Rekayasa, Journal of Ethics, Legal and Governance*, *4*, 35–52.

Bashori, H., & Sembodo, C. (2018). Relevansi fatwa mazhab syafi'i tentang kufu dalam nikah terhadap kompilasi hukum Islam. *Jurnal Umumuddin*, *8*(2), 12–26.

Baumert, A., Schmitt, M., Perugini, M., Johnson, W., Blum, G., Borkenau, P. Wrzus, C. (2017). Integrating personality structure, personality process, and personality development. *European Journal of Personality*, *31*(5), 503–528.

Berger, R. (2015a). Now I see it, now I don't: Researcher's position and reflexivity in qualitative research. *Qualitative Research*, *15*(2), 219–234.

Berger, R. (2015b). Now I see it, now I don't: researcher's position and reflexivity in qualitative research. *Qualitative Research*, *15*(2), 219–234.

Berman, W. H., & Turk, D. C. (2016). Adaptation to divorce : Problems and Coping Strategies, *43*(1), 179–189.

Bernecker, K., Ghassemi, M., & Brandstätter, V. (2019). Approach and avoidance relationship goals and couples' nonverbal communication during conflict. *European Journal of Social Psychology*, *49*(3), 622–636.

Berscheid, E. (2010). Love in the Fourth Dimension. *Ssrn*.

Binti Mohamad, N. Z. A., Malek, N. A., Samsudin, S., & Jani, N. A. (2018). Sustaining the Islamic marriage institution in Malaysia: Lessons from Qur'ānic stories. *Al-Shajarah*, *24*(1), 97–130.

Birditt, K. S., Wan, W., Orbuch, T., & Antonucci, T. (2017). The development of marital tension: Implications for divorce among married couples. *Physiology & Behavior*, *176*(5), 139–148.

Blue, J. L. (2011). Negative is not the absence of positive: The relationship of daily positive and negative processes to outcomes in newlywed marriage. *Dissertation Abstracts International, B: Sciences and Engineering*, *71(10)*(August), 6462.

Bodenman, G., Kaiser, A., Hahlweg, K., & Fehm-Wolfsdorf, G. (1998). Communication patterns during marital conflict: A cross-cultural replication. *Personal Relationships*, *5*(3), 343–356.

Bodenmann, G. (1997b). Dyadic coping: A systemic-transactional view of stress and coping among couples: Theory and empirical findings. *European Review of Applied Psychology / Revue Européenne de Psychologie Appliquée*, *47*(2), 137–141.

Bodenmann, G., Bradbury, T. N., & Pihet, S. (2009). Relative contributions of treatment-related changes in communication skills and dyadic coping skills to the longitudinal course of marriage in the framework of marital distress prevention. *Journal of Divorce and Remarriage*, *50*(1), 1–21.

Bodenmann, G., Ledermann, T., & Bradbury, T. N. (2007). Stress, sex, and satisfaction in marriage. *Personal Relationships*, *14*(4), 551–569.

Bodenmann, G., Pihet, S., & Kayser, K. (2006). The relationship between dyadic coping and

marital quality: A 2-year longitudinal study. *Journal of Family Psychology*, *20*(3), 485–493.

Boo, H. S. (2020). Familial influences on the division of household labour in Malaysian families. *Malaysian Journal of Society and Space*, *16*(3), 1–14.

Britt, S. L., & Huston, S. J. (2012). The role of money arguments in marriage. *Journal of Family and Economic Issues*, *33*(4), 464–476.

Bromfield, N. (2014). Interviews with divorced women from the United Arab Emirates: A rare glimpse into lived experiences. *Families, Relationships and Societies*, *3*(3), 339–354.

Butterworth, P., & Rodgers, B. (2008). Mental health problems and marital disruption: Is it the combination of husbands and wives' mental health problems that predicts later divorce? *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, *43*(9), 758–763.

Canham, S. L., Mahmood, A., Stott, S., Sixsmith, J., & O'Rourke, N. (2014). 'Til divorce do us part: Marriage dissolution in later life. *Journal of Divorce and Remarriage*, *55*(8), 591–612.

Caughlin, J. P., & Huston, T. L. (2009). The affective structure of marriage. *The Cambridge Handbook of Personal Relationships*, *40(2), 131–156*.

Charvoz, L., Bodenmann, G., Bertoni, A., Iafrate, R., & Giuliani, C. (2009). Is the partner who decides to divorce more attractive? A comparison between initiators and noninitiators. *Journal of Divorce and Remarriage*, *50*(1), 22–37.

Chong, A., Gordon, A. E., & Don, B. P. (2017). Emotional support from parents and in-laws: The roles of gender and contact. *Sex Roles*, *76*(5–6), 369–379.

Christensen, A., & Shenk, J. L. (1991). Communication, conflict, and psychological distance in nondistressed, clinic, and divorcing couples. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, *59*(3), 458–463.

Coontz, S. (2004). The world historical transformation of marriage. *Journal of Marriage and Family*, *66*(4), 974–979.

Costa, C. B. D., & Mosmann, C. P. (2021). Personality traits and marital adjustment: Interaction between intra and interpersonal aspects. *Paidéia (Ribeirão Preto)*, *31*, e3107.

Craddock, A. E. (1980). The effect of incongruent marital role expectations upon couples' degree of goal-value consensus in the first year of marriage. *Australian Journal of Psychology*, *32*(2), 117–125.

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage Publications.

Crowell, J. A., Treboux, D., & Brockmeyer, S. (2009). Parental divorce and adult children's attachment representations and marital status. *Attachment and Human Development*, *11*(1), 87–101.

Dahlan, N. K., Hamid, M. A., & Yaakub, N. I. (2017). Kaedah Penyelesaian konflik alternatif menurut syariah di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, *2*(November 2016), 86–98.

Darawsheh, W. (2014). Reflexivity in research: Promoting rigour, reliability and validity in qualitative research. *International Journal of Therapy and Rehabilitation*, *21*(12), 560-568.

Delatorre, M. Z., & Wagner, A. (2020). Marital quality assessment: Reviewing the concept,

instruments, and methods. *Marriage and Family Review*, *56*(3), 193–216.

Din, N., Azizan, N. I., Ismail, N., & Arifin, A. N. Z. (2014). Membina perkahwinan berdaya tahan sepanjang hayat melalui pendekatan Al-Quran dan Al-Sunah. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis*, *7*(1), 174-187.

Isahak, D., Selvaratnam, D. P., & Idris, N. A. H. (2009). Isu dan cabaran ibu tunggal dalam menghadapi perubahan persekitaran global. *Prosiding Perkem Iv*, *1*, 324-336.

Du Plooy, K., & De Beer, R. (2018). Effective interactions: Communication and high levels of marital satisfaction. *Journal of Psychology in Africa*, *28*(2), 161-167.

Eatough, V., & Smith, J. A. (2017). *Interpretative phenomenological analysis*. The Sage Handbook Of Qualitative Research In Psychology, 193-209.

Eatough, V., Smith, J. A., & Shaw, R. (2008). Women, anger, and aggression. *Journal of Interpersonal Violence*, *23*(12), 1767–1799.

Fackrell, T. A. (2012). *Wandering in the wilderness: A grounded theory study of the divorce or reconciliation decision-making process*. Brigham Young University.

Hasbullah, M. F. A., & Razak, N. A. A. (2017). Divorce cases among Muslims: demographic Study of Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. *International Academic Research Journal of Social Science*, *3*(1), 154-158.

Falconier, Mariana K., Jackson, J. B., Hilpert, P., & Bodenmann, G. (2015a). Dyadic coping and relationship satisfaction: A meta-analysis. *Clinical Psychology Review*, *42*, 28–46.

Falconier, Mariana K., Jackson, J. B., Hilpert, P., & Bodenmann, G. (2015b). Dyadic coping and relationship satisfaction: A meta-analysis. *Clinical Psychology Review*, *42*(February 2016), 28–46.

Falconier, Mariana Karin, & Kuhn, R. (2019). Dyadic coping in couples: A conceptual integration and a review of the empirical literature. *Frontiers in Psychology*, *10*(MAR), 1–23.

Fallahchai, R., Fallahi, M., & Randall, A. K. (2019). A dyadic approach to understanding associations between job stress, marital quality, and dyadic coping for dual-career couples in Iran. *Frontiers in Psychology*, *10*, 487.

Farmer, S. (2013). Effects of parental separation and divorce on children. *Treating Couples: The Intersystem Model of the Marriage Council of Philadelphia*, *14*(2), 258–284.

Farooqi, S. R. (2014). The construct of relationship quality. *Journal of Relationships Research*, *5*, 60

Fatimah. (2016). Nafkah isteri bekerja: Antara hukum dan realiti. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh*, (November), 1–10.

Feeney, B. C., & Lemay, E. P. (2012). Surviving relationship threats: The role of emotional capital. *Personality and Social Psychology Bulletin*, *38*(8), 1004–1017.

Finlay, L. (2002). "Outing" the researcher: The provenance, process, and practice of reflexivity. *Qualitative Health Research*, *12*(4), 531–545.

Finlay, L. (2014). Engaging phenomenological analysis. *Qualitative Research in Psychology*, *11*(2), 121–141.

Floyd, F. J., & Wasner, G. H. (1994). Social exchange, equity, and commitment: Structural equation modeling of dating relationships. *Journal of Family Psychology*, *8*(1), 55–73.

Freysteinson, W. M., Lewis, C., Sisk, A., Wuest, L., Deutsch, A. S., & Cesario, S. K. (2013). Investigator reflections: A final debriefing following emotionally sensitive mirror

research. *Holistic Nursing Practice*, *27*(3), 177–184.

Frye, N., Ganong, L., Jensen, T., & Coleman, M. (2020). A dyadic analysis of emotion regulation as a moderator of associations between marital conflict and marital satisfaction among first-married and remarried couples. *Journal of Family Issues*, *41*(12), 2328–2355.

Gable, S. L., Impett, E. A., Reis, H. T., & Asher, E. R. (2004). What do you do when things go right? The intrapersonal and interpersonal benefits of sharing positive events. *Journal of Personality and Social Psychology*, *87*(2), 228–245.

Gonalons-Pons, P., & Gangl, M. (2021). Marriage and masculinity: Male-breadwinner culture, unemployment, and separation risk in 29 countries. *American Sociological Review*, *86*(3), 465–502.

Gudmunson, C. G., Beutler, I. F., Israelsen, C. L., McCoy, J. K., & Hill, E. J. (2007). Linking financial strain to marital instability: Examining the roles of emotional distress and marital interaction. *Journal of Family and Economic Issues*, *28*(3), 357–376.

Hadigunawan, N., & Azahari, R. (2016). The Relationship between the implementation of Islamic values with domestic conflict : A Study at Unit Runding Cara , Bahagian Undang- Undang Keluarga , Jabatan Agama Islam Selangor . *Jurnal Syariah*, *24*(3), 393–422.

Hudaya, H. (2013). Hak nafkah isteri: Perspektif hadis dan kompilasi hukum Islam. *Muadalah*, *1*(1), 10-15

Hashim, H. A., Syukor, H., & Khan, I. N. G. (2012). Krisis rumahtangga: Punca-punca dan cara untuk mengatasinya menurut perspektif syariah dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah dan Undang-Undang*

(2012) 4(8) 67-86

Hariri Mohd Saad, A., & Hj Azahari, R. (2014). Strengthening family institution through the control of divorce: A review of the literature. *Jurnal Fiqh*, 11, 175-194

Harris, S. M., Crabtree, S. A., Bell, N. K., Allen, S. M., & Roberts, K. M. (2017). Seeking clarity and confidence in the divorce decision-making process. *Journal of Divorce and Remarriage*, *58*(2), 83–95.

Hasan, W. (2014). Perlukah wanita dididik dengan hak-hak wanita. *Journal of Islamic Education*, *2*(2), 83–95.

Hasibuan, P. (2018). Kedudukan wali dalam pernikahan menurut Ibnu Rusyd. *Alhurriyah: Jurnal Hukum Islam*, *10*(1), 93-105.

Hendi, A. S. (2019). Proximate sources of change in trajectories of first marriage in the United States, 1960–2010. *Demography*, *56*(3), 835–862.

Herzberg, P. Y. (2013). Coping in relationships: The interplay between individual and dyadic coping and their effects on relationship satisfaction. *Anxiety, Stress and Coping*, *26*(2), 136–153.

Hickman-evans, C. (2023). Marital stability in newlywed remarried couple relationships : Positive communication and marital interactions in shared moments or activities (Doctoral thesis). Available from BYU ScholarsArchive Citation. (Record No. 2023-06-22)

Himmelweit, S., Santos, C., Sevilla, A., & Sofer, C. (2013). Sharing of resources within the family and the economics of household decision making. *Journal of Marriage and Family*, *75*(3), 625–639.

Hirschman, C. (2016). Gender, the status of women, and family structure in Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies*, *53*(1), 33–50.

Hoang, L. A., & Yeoh, B. S. A. (2011). Breadwinning wives and "left-behind" husbands: Men and masculinities in the Vietnamese transnational family. *Gender and Society*, *25*(6), 717–739.

Hoesni, S. M., Hashim, I. H. M., & Ab Rahman, Z. (2012). A preliminary study: What is love in a marriage? *Asian Social Science*, *8*(9), 57–65.

Holman, T. B., & Jacquart, M. (2016). Leisure-activity patterns and marital satisfaction : A Further Test, *50*(1), 69–77.

Holman, T. B., & Jarvis, M. O. (2003). Hostile, volatile, avoiding, and validating couple-conflict types: An investigation of Gottman's couple-conflict types. *Personal Relationships*, *10*(2), 267–282.

Houghton, C., Casey, D., Shaw, D., & Murphy, K. (2013). Rigour in qualitative case-study research. *Nurse Researcher*, *20*(4), 278-288

Huston, T. L., Niehuis, S., & Smith, S. E. (2001). The early marital roots of conjugal distress and divorce. *Current Directions in Psychological Science*, *10*(4), 116–119.

Huston, T. L., Caughlin, J. P., Houts, R. M., Smith, S. E., & George, L. J. (2001). The connubial crucible: newlywed years as predictors of marital delight, distress, and divorce. *Journal of personality and social psychology*, *80*(2), 237

Hwang, W., Cakirsoy-Aslan, A. D., Brown, M. T., & Silverstein, M. (2021). Husband–wife religious denomination homogamy and marital satisfaction over time: The moderating role of religious intensity. *Family Relations*, *70*(5), 1498–1513.

Igbo, H. I., Grace, A. R., & Christiana, E. O. (2015). Relationship between duration of marriage, personality trait, gender and conflict resolution strategies of spouses. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *190*(November 2014), 490–496.

Imron, A. (2017). Memahami konsep penceraian dalam hukum keluarga. *Buana Gender : Jurnal Studi Gender Dan Anak*, *1*(1), 15-20.

Ismail, Zainab, Wan Ibrahim Wan Ahmad, N. R. (2011). Faktor pendorong penceraian warga tua di daerah Kuala Terengganu, Terengganu. *Jurnal Al-Hikmah*, 103–119.

Jaisri, M., & Joseph, M. I. (2013). Marital adjustment and emotional maturity among dual-career couples. *Guru Journal of Behavioral and Social Sciences*, *1*(2), 77–84.

Jane, A., Khan, M. A., & Rokis, R. (2020). Reviewing the literature on working dual jobs among workers with specific discussion on Malaysian women. *IIUM Journal of Human Sciences*, *2*(2), 14–24.

Jaymess, C. G., & Yahya, F. (2019). Gender differences in handling marital communication conflict and choice of individual coping strategies. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, *8*(2 Special Issue), 472–475.

Johnson, M. D., Davila, J., Rogge, R. D., Sullivan, K. T., Cohan, C. L., Lawrence, E., Bradbury, T. N. (2005). Problem-solving skills and affective expressions as predictors of change in marital satisfaction. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, *73*(1), 15–27.

Juhari, R., Yaacob, S. N., Mohd Arif, N. A., & Sabri, M. F. (2019). Marital commitment as a function of marital satisfaction, marital investment and marital alternatives among working women in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, *27*(S1), 61–76.

Kayser, K. (1996). The marital disaffection scale: An inventory for assessing emotional estrangement in marriage. *American Journal of Family Therapy*, *24*(1), 83–88.

Kerkmann, B. C., Lee, T. R., Lown, J. M., & Allgood, S. M. (2000). Financial management, financial problems and marital satisfaction among recently married university students. *Journal of Financial Counseling and Planning*, *11*(2), 55–65.

Kusumawardani, D. B., & Pranoto, S. (2020). Analisis tanggung jawab suami terhadap isteri dan anak pascacerai talak di pengadilan agama Klaten. *Jurnal Privat Law*, *8*(2), 180.

Lambert, C., Jomeen, J., & McSherry, W. (2010). Reflexivity: A review of the literature in the context of midwifery research. *British Journal of Midwifery*, *18*(5), 321–326.

Laverty, S. M. (2003). Hermeneutic phenomenology and phenomenology: A Comparison of historical and methodological considerations. *International Journal of Qualitative Methods*, *2*(3), 21–35.

Lavner, J. A., & Bradbury, T. N. (2010a). Patterns of change in marital satisfaction over the newlywed years. *Journal of Marriage and Family*, *72*(5), 1171–1187.

Lavner, J. A., & Bradbury, T. N. (2010b). Patterns of change in marital satisfaction over the newlywed years. *Journal of Marriage and Family*.

Lavner, J. A., & Bradbury, T. N. (2012). Why Do even satisfied newlyweds eventually go on to divorce ? *Journal of Family Psychology*, *26*(1), 1–10.

Lavner, J. A., Bradbury, T. N., & Karney, B. R. (2012). Incremental change or initial differences? Testing two models of marital deterioration. *Journal of Family Psychology*, *26*(4), 606–616.

Lavner, J. A., Karney, B. R., & Bradbury, T. N. (2016). Does couples' communication

predict marital satisfaction, or does marital satisfaction predict communication? *Journal of Marriage and Family*, *78*(3), 680–694.

Lavner, J. A., Lamkin, J., Miller, J. D., Campbell, W. K., & Karney, B. R. (2016). Narcissism and newlywed marriage: Partner characteristics and marital trajectories. *Personality Disorders: Theory, Research, and Treatment*, *7*(2), 169–179.

Lawler, E. J., & Thye, S. R. (1999). Bringing emotions into Social Exchange Theory. *Annual Review of Sociology*, *25*(1), 217–244.

Lawrence, E. M., Rogers, R. G., Zajacova, A., & Wadsworth, T. (2019). Marital happiness, marital status, health, and longevity. *Journal of Happiness Studies*, *20*(5), 1539–1561.

Lee, C., & Hong, K. (2005). Work-family conflict and its relationship with social support : a study at private educational institutions in Kuching , Sarawak , Malaysia. *Educational Research Journal*, *20*(2), 221–244.

Lerner, J. S., Li, Y., Valdesolo, P., & Kassam, K. S. (2015). Emotion and decision making. *Annual Review of Psychology*, *66*(September 2014), 799–823.

Lesthaeghe, R. (2010). The unfolding story of the second demographic transition. *Population and Development Review, 36(2), 211–251*.

Lesthaeghe, Ron. (1983). A century of demographic and cultural change in Western Europe: An exploration of underlying dimensions. *Population and Development Review*, *9*(3), 411.

Levesque, C., Lafontaine, M. F., Caron, A., Lyn Flesch, J., & Bjornson, S. (2014). Dyadic empathy, dyadic coping, and relationship satisfaction: A dyadic model. *Europe's Journal of Psychology*, *10*(1), 118–134.

Li, X., Cao, H., Lan, J., Ju, X., Zheng, Y., Chen, Y., & Fang, X. (2019). The association between transition pattern of marital conflict resolution styles and marital quality trajectory during the early years of Chinese marriage. *Journal of Social and Personal Relationships*, *36*(1), 153-186.

Liana Mat Nayan., Siti Suraiani Othman ., Afi Roshezry Abu Bakar ., Audrey Anak John, Norazimah Abd Rashid, & Nor Ez-Zatul Hanani Mohamed Rosli. (2016). Sikap Semasa Konflik : Langkah Awal Ke Arah Penceraian. *Sains Insani*, *01*(01), 30–35. Retrieved from http://sainsinsani.com/issues/

Liceaga, M. D. (2013). "You stay, no matter how bad": Women voice the trajectory of marital disaffection, 1–10.

Liu, J., Wang, Y., & Jackson, T. (2017). Towards explaining relationship dissatisfaction in Chinese dating couples: Relationship disillusionment, emergent distress, or insecure attachment style? *Personality and Individual Differences*, *112*, 42–48.

Liu, S., Wang, Z., Lu, S., & Shi, J. (2019). Dyadic analysis of childhood emotional maltreatment and marital satisfaction during the transition to parenthood: The mediating effects of emotion regulation strategies and psychological distress. *Journal of Aggression, Maltreatment and Trauma*, *28*(10), 1216–1231.

Majid, M. A., & Zarif, M. S. (2015). Trend dan faktor penceraian rumahtangga Di Negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 40–53.

Malterud, K., Siersma, V. D., & Guassora, A. D. (2016). Sample size in qualitative interview studies: Guided by information power. *Qualitative Health Research*, *26*(13), 1753–1760.

Man, I. (2007). Konsep perkahwinan menurut Syeikh Daud Bin 'Abdullah Al- Fatani,

31(May 2006), 144–152.

Manen, V. (1977). Linking ways of knowing with ways of being practical. *Curriculum Inquiry*, *6*(3), 205–228.

Mansor, N.A. (2020). Perbezaan sosialisasi gender dalam ruang lingkup budaya. *Journal of Revealed Knowledge 1(1), 107-118.*

Margolin, G., John, R. S., & O'Brien, M. (2011). Sequential affective patterns as a function of marital conflict style. *Journal of Social and Clinical Psychology*, *8*(1), 45–61.

Markman, H. J., Rhoades, G. K., Stanley, S. M., Ragan, E. P., & Whitton, S. W. (2010). The premarital communication roots of marital distress and divorce: The first five years of marriage. *Journal of Family Psychology*, *24*(3), 289–298.

Marziah, S., Rahman, A., & Nen, S. (2019). Marital quality in the first phase of marriage (1-10 years): The influence of communication style and life adjustment. *Journal of Social Sciences and Humanities*, *16*(No.7 (1-11)), 1–12.

Mason, M. (2010). Sample size and saturation in PhD studies using qualitative interviews. *Forum Qualitative Sozialforschung*, *11*(3), 90-101

Mason, M. (2010, August). Sample size and saturation in PhD studies using qualitative interviews. *Forum qualitative Sozialforschung/Forum: qualitative social research* (Vol. 11, No. 3)

McBride, M. C., & Bergen, K. M. (2014). Voices of women in commuter marriages: A site of discursive struggle. *Journal of Social and Personal Relationships*, *31*(4), 554–572.

Mckenry, P. C., & Price, S. J. (n.d.). *Journal of Divorce & Alternatives for Support*, (December 2014), 37–41.

McNulty, J. K., & Karney, B. R. (2001). Attributions in marriage: Integrating specific and global evaluations of a relationship. *Personality and Social Psychology Bulletin*, *27*(8), 943–955.

Salleh, N. M. (2013). *Kompetensi pegawai rundingcara dalam mengendalikan kaunseling perkahwinan di negeri Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Mert, A. (2018). The predictive role of values and perceived social support variables in marital adjustment. *Universal Journal of Educational Research*, *6*(6), 1192–1198.

Meyer, J. P., & Pepper, S. (1977). Need compatibility and marital adjustment in young married couples. *Journal of Personality and Social Psychology*, *35*(5), 331–342.

Ortlipp, M. (2008). Keeping and using reflective journals in the qualitative research process. *The qualitative report*, *13*(4), 695-705.

Moch. Azis Qoharuddin. (2018). Kedudukan wali adhal dalam perkawinan. *El-Faqih : Jurnal Pemikiran Dan Hukum Islam*, *4*(2), 99–122.

Moen, D. A. (2012). *Newlywed to established marriage: A longitudinal study of early risk and protective factors that influence marital satisfaction* (Publication No. 12-2011)[Doctoral dissertation, Utah State University].Proquest Dissertations and Theses Global

Mohamad, R. E. (2021). Punca penceraian pasangan dewasa Islam: Perspektif badan pelaksana. *Journal of Fatwa Management and Research*, *26*(2), 368-380.

Mohamad Rohana, N. A., P.Rameli, M. F., Nordin, R., & Hashim, S. N. I. (2017). Kepelbagaian dan kesepaduan etnik di Malaysia menurut Islam. *Sains Insani*, *2*(2), 88–97.

Muhammud, F. S., & Ruskam, A. (2016). Analisis faktor kes pembubaran perkahwinan yang kerap bermasalah di Mahkamah Syariah. *Sains Humanika*, *8*(3–2), 63–71.

Munir, A. I., & AR, M. (2017). Analisis awal pemilihan jodoh kaum lelaki di Kota Bharu, Kelantan. *Al-Hikmah*, *9*(1), 3–24.

Murray, S. L., & Holmes, J. G. (1993). Seeing virtues in faults: Negativity and the transformation of interpersonal narratives in close relationships. *Journal of Personality and Social Psychology*, *65*(4), 707–722.

Musthapar, N. F., & Ahmad, B. (2022). Isu-isu perhubungan suami isteri dalam keluarga Islam di Malaysia: Analisis. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, *5*(1), 98–113.

Nakonezny, P. A., & Denton, W. H. (2008). Marital relationships: A social exchange theory perspective. *American Journal of Family Therapy*, *36*(5), 402–412.

Niehuis, S., Lee, K.H., Reifman, A., Swenson, A., & Hunsaker, S. (2011). Idealization and disillusionment in intimate relationships: A review of theory, method, and research. *Journal of Family Theory & Review*, *3*(4), 273–302.

Niehuis, S., Reifman, A., & Oldham, C. R. (2019). Effects of relational transgressions on idealization of and disillusionment with one's romantic partner: A three-wave longitudinal study. *Personal Relationships*, *26*(3), 466–489.

Niko, F. (2011). *Kewajiban nafkah bagi suami yang terpidana menurut hukum Islam (Studi Kasus Di Lembaga Pemasyarakatan Kelas II A Pekanbaru)* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sultan Sarif Kasim Riau).

Nikparvar, F., Stith, S., Dehghani, M., & Liang, J. G. (2021). The process of adjusting to divorce after leaving violent marriages: A case study of Iranian women. *Journal of*

Interpersonal Violence, *36*(7), 22-27.

Nizza, I. E., Farr, J., & Smith, J. A. (2021). Achieving excellence in Interpretative Phenomenological Analysis (IPA): Four markers of high quality. *Qualitative Research in Psychology*, *18*(3), 369–386.

Noor, N. M., Mahdzir, A. M., Nor, A. M., & Abdullah, R. (2019). Marital wellbeing indicators amongst Malay Muslim couple in Malaysia: A preliminary study. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, *15*(April), 114–119.

Nor Zatu Amni, M., Normi, A. M., Sofia, S., & Nazrul Affandi, J. (2019). Sustaining the Islamic marriage institution in Malaysia: Lessons from Quranic stories. *Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, *24*(1), 97-130.

Nurhayati, N., Pitoweas, B., Putri, D. S., & Yanzi, H. (2020). Analisis kepekaan sosial generasi Z di era digital dalam menyikapi masalah sosial. *Bhineka Tunggal Ika: Kajian Teori Dan Praktik Pendidikan Pkn*, *7*(1), 17–23.

Nurraihan, S., Binti, F., Razak, A., Hoesni, S. M., Ismail, R., & Zakaria, E. (2016). Pengaruh personaliti perfeksionisme terhadap daya tindak diadik dalam perkahwinan : Suatu kertas konsep, *1*(1), 30–36.

Nweke, K. O., Dike-Aghanya, A. A., & Enike, T. C. (2019). Family relationship and dual-earners as correlates of marital satisfaction among married couples. *Ibadan Journal of the Social Sciences*, *17*(1).

O'Hara, K. L., Sandler, I. N., Wolchik, S. A., & Tein, J. Y. (2019). Coping in context: The effects of long-term relations between interparental conflict and coping on the development of child psychopathology following parental divorce. *Development and Psychopathology*, *31*(5), 1695–1713.

O'Meara, M. S., & South, S. C. (2019). Big Five personality domains and relationship satisfaction: Direct effects and correlated change over time. *Journal of Personality*, *87*(6), 1206–1220.

Parker, L. (2016). The theory and context of the stigmatisation of widows and divorcees (janda) in Indonesia. *Indonesia and the Malay World*, *44*(128), 7–26.

Paryadi, P. (2015). Memilih jodoh dalam Islam. *Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman dan Sosiolinguistik*, *1*(1), 87-95.

Perrone, K. M., Wright, S. L., & Jackson, Z. V. (2009). Traditional and nontraditional gender roles and work-family interface for men and women. *Journal of Career Development*, *36*(1), 8–24.

Peterson-Post, K. M., Rhoades, G. K., Stanley, S. M., & Markman, H. J. (2014). Perceived criticism and marital adjustment predict depressive symptoms in a community sample. *Behavior Therapy*, *45*(4), 564–575.

Pradipta, M., & Prihanto, S. (2011). Newlywed couples' marital adjustment. *Indonesia Psychological Journal*, *26*(3), 214–219.

Previti, D., & Amato, P. R. (2003). Why stay married?. Rewards, barriers, and marital stability. *Journal of Marriage and Family*, *65*(3), 561–573.

Priyadharshini, S., & Gopalan, R. T. (2020). Marital adjustment, love, personal intimacy, personality, dyadic coping and spirituality on marital stability. *Asian Journal of Advanced Research and Reports*, *7*(4), 1–16.

Pronk, T. M., Buyukcan-Tetik, A., Iliás, M. M. A. H., & Finkenauer, C. (2019). Marriage as a training ground: Examining change in self-control and forgiveness over the first 4 years of marriage. *Journal of Social and Personal Relationships*, *36*(1), 109–130.

Ptacek, J. T., Smith, R. E., & Dodge, K. L. (1994). Gender differences in coping with stress: when stressor and appraisals do not differ. *Personality and Social Psychology Bulletin*, *20*(4), 421–430.

Puspitasari, D., Pudjibudojo, J. K., & Hartantu, H. (2022). Decision making on divorce for javanese women in Indonesia. *International Journal of Environmental, Sustainability, and Social Science*, *3*(3), 702–712.

Putung, S. H., & Azahari, R. (2020). Husband ' s leadership in Islamic perspective : Role in strengthening the family institution, *2*(May), 127–156.

Putung, S. H., & Basir, D. H. A. (2017). Penglibatan suami dalam kerja-kerja rumah tangga : Kajian kes di Sabah. *Jurnal Fiqh*, *14*(14), 1–26.

Rajput, N. R. (2017). Marital adjustment and happiness. *International Journal of Indian Psychology*, *5*(1), 5–8.

Randall, A. K., & Bodenmann, G. (2009). The role of stress on close relationships and marital satisfaction. *Clinical Psychology Review*, *29*(2), 105–115.

Randall, A. K., & Bodenmann, G. (2017). Stress and its associations with relationship satisfaction. *Current Opinion in Psychology*, *13*(May), 96–106.

Randall, A. K., & Falconier, M. K. (2020). Systemic-transactional model of dyadic coping. *Encyclopedia of Couple and Family Therapy*, (October),76-87

Reed, J. M. (2023). An Exploration of newlyweds' experiences in the transition into marriage using relational uncertainty and Uncertainty Management Theory (Doctoral thesis), Available from University of Iowa ProQuest Dissertations & Theses database (Record No. 30425930.

Rosario, M., Shinn, M., Mørch, H., & Huckabee, C. B. (1988). Gender differences in coping and social supports: Testing socialization and role constraint theories. *Journal of Community Psychology*, *16*(1), 55–69.

Ross, J. M., Karney, B. R., Nguyen, T. P., & Bradbury, T. N. (2019). Communication that is maladaptive for middle-class couples is adaptive for socioeconomically disadvantaged couples. *Journal of Personality and Social Psychology*, *116*(4), 582–597.

Rozaina, Z. A. (2019). Exploring married Malay couples' conceptions of a satisfying marriage: Some implications for the education of family counsellors. *IIUM Journal of Educational Studies*, *7*(2), 73–89.

Chek, R. (2010). *Konsep perkahwinan dalam Islam dan Kristian: Kajian perbandingan.* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Rueda, H. A., Yndo, M., Williams, L. R., & Shorey, R. C. (2021). Does Gottman's marital communication conceptualization inform teen dating violence?.Communication skill deficits analyzed across three samples of diverse adolescents. *Physiology & Behavior*, *36*(11), 11–12.

Rusu, P. P., Bodenmann, G., & Kayser, K. (2019). Cognitive emotion regulation and positive dyadic outcomes in married couples. *Journal of Social and Personal Relationships*, *36*(1), 359–376.

Sadeghi, L., & Samani, S. (2011). Components of couples sexual relationship: A moral perspective. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *30*, 1616–1619.

Saffari, M., Pakpour, A. H., Naderi, M. K., Koenig, H. G., Baldacchino, D. R., & Piper, C. N. (2013). Spiritual coping, religiosity and quality of life: A study on Muslim patients

undergoing haemodialysis. *Nephrology*, *18*(4), 269–275.

Safrizal, M. A., & Karimuddin, M. A. (2020). Penetapan jatuh talak dalam perspektif hukum positif dan Fiqh Syafi'iyah. *Jurnal Ilmiah al-Fikrah*, *1*(2), 23-30

Safura, A. S., & Jamayah, S. (2022). Analisis isu perkahwinan dalam kalangan pasangan Melayu di Kuching , Sarawak sepanjang tahun 2018-2020. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, *7*(7),1-15.

Sahrani, S. Q. A. (2017). Marital quality among female newlyweds in Klang Valley the influence of marital communication and gender role. *International Journal of Studies on Children, Women, Elderly, and Disabled, 1*, 189–194.

Salla, M., & Feixas, G. (2023). Dyadic effects of interpersonal perception on the quality of couple relationships: Idealization and accuracy matter. *Journal of Marital and Family Therapy*, *49*(2), 463–480.

Sanford, K. (2012). The communication of emotion during conflict in married couples. *Journal of Family Psychology*, *26*(3), 297–307.

Saraswati, R. (2020). Shame and Indonesian women victims of domestic violence in making the decision to divorce. *Identities*, *27*(5), 557–573.

Schramm, D. G., Marshall, J. P., Harris, V. W., & Lee, T. R. (2012). Religiosity, homogamy, and marital adjustment: An examination of newlyweds in first marriages and remarriages. *Journal of Family Issues*, *33*(2), 246–268.

Sharaievska, I., Kim, J., & Stodolska, M. (2013). Leisure and marital satisfaction in intercultural marriages. *Journal of Leisure Research*, *45*(4), 445–465.

Sharkawi, S. A., & Saili, J. (2024). Analisis isu dan masalah perkahwinan di Sarawak dari

Tahun 2019 hingga 2023. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *9*(5), 1-15.

Shaud, S., & Asad, S. (2020). Marital adjustment, convergent communication patterns, and psychological distress in women with early and late marriage. *Current Psychology*, *39*(6), 2326–2333.

Shinebourne, P. (2011). The theoretical underpinnings of Interpretative Phenomenological Analysis (IPA). *Journal of the Society for Existential Analysis*, *22*(1), 16–32.

Shuhairimi A, & Hussin, H. (2012). Ekspetasi Antara Hasrat dan Realiti Wanita Bekerjaya Terhadap Pengurusan Kekeluargaan: Kajian di Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Human Development and Communication*, *1*(20120), 107-127.

Shukry, A. N. A. M., & Zakaria, S. M. (2019). Konflik, penyesuaian hidup dan kualiti perkahwinan pada awal usia perkahwinan. *Jurnal Wacana Sarjana*, *3*(4), 1-16.

Smith, J. A. (2004). Reflecting on the development of Interpretative Phenomenological Analysis and its contribution to qualitative research in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, *1*(1), 39–54.

Smith, J. A. (2011). Evaluating the contribution of Interpretative Phenomenological Analysis. *Health Psychology Review*, *5*(1), 9–27.

Smith, J. A. (2017). Interpretative Phenomenological Analysis: Getting at lived experience. *Journal of Positive Psychology*, *12*(3), 303–304.

Smith, J. A. (2019). Participants and researchers searching for meaning: Conceptual developments for Interpretative Phenomenological Analysis. *Qualitative Research in Psychology*, *16*(2), 166–181.

Smith, J. A., & Osborn, M. (2015). Interpretative phenomenological analysis as a useful methodology for research on the lived experience of pain. *British Journal of Pain*, *9*(1), 41–42.

Smith, J. A., & Osborn, M. (2018). Interpretive Phenomenological Analysis. *Shame and the Making of Art*, (1), 96–115.

Smith, S. (2006). Encouraging the use of reflexivity in the writing up of qualitative research. *International Journal of Therapy and Rehabilitation*, *13*(5), 209–214.

Stella, F. M. (2002). Marital satisfaction and expectations in the first and last stages of the family life cycle.

Sternberg, R. J. (2004). A triangular theory of love. *Close Relationships: Key Readings*, *93*(2), 258–276.

Stinson, M. A., Bermúdez, J. M., Gale, J., Lewis, D., Meyer, A. S., & Templeton, G. B. (2017). Marital satisfaction, conflict resolution styles, and religious attendance among Latino couples: Using the Actor–Partner Interdependence Model. *Family Journal*, *25*(3), 215–223.

Storaasli, R. D., & Markman, H. J. (1990). Relationship problems in the early stages of marriage : *Journal of Family Psychology*, *4*(1), 24-32.

Sulaiman, M. F., & Nasohah, Z. (2023). Sorotan literatur punca penceraian awal perkahwinan di Malaysia. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, *6*(4), 28-39.

Sullivan, M. K. (2002). *A qualitative analysis of adjustment in newlywed women* (Doctoral dissertation, The Chicago School of Professional Psychology).

Sumari, M., Baharudin, D. F., Khalid, N. M., Ibrahim, N. H., & Ahmed Tharbe, I. H. (2020). Family functioning in a collectivist culture of Malaysia: A Qualitative Study. *Family Journal*, *28*(4), 396–402.

Suriyani Yahya, Fatahyah Yahya, & Aina Razlin Mohammad Roose. (2009). Hubungan antara perkahwinan dengan self-esteem. *Jurnal Kemanusiaan*, *13*(2001), 30–45.

Susanna, L., Stone, R., & Catherine, W. (2003). Work-family conflict and coping strategies adopted by female married professionals in Hong Kong. *Women in Management Review*, *18*(4), 182–190.

Symoens, S., Bastaits, K., Mortelmans, D., & Bracke, P. (2013). Breaking up, breaking hearts?. Characteristics of the divorce process and well-being after divorce. *Journal of Divorce and Remarriage*, *54*(3), 177–196.

Tallman, I., & Hsiao, Y. L. (2004). Resources, cooperation, and problem solving in early marriage. *Social Psychology Quarterly*, *67*(2), 172-188.

Turner, M. J., Young, C. R., & Black, K. I. (2006). Daughters-in-law and mothers-in-law seeking their place within the family: A qualitative study of differing viewpoints. *Family Relations*, *55*(5), 588–600.

Umberson, D., & Thomeer, M. B. (2020). Family matters: Research on family ties and health, 2010 to 2020. *Journal of Marriage and Family*, *82*(1), 404–419.

Ünal, Ö., & Akgün, S. (2022). Conflict resolution styles as predictors of marital adjustment and marital satisfaction:An actor–partner interdependence model. *Journal of Family Studies*, *28*(3), 898–913.

Vazhappilly, J. J., & Reyes, M. E. S. (2016). Couples' communication as a predictor of marital satisfaction among selected Filipino couples. *Psychological Studies*, *61*(4),

301–306.

Vazhappilly, J. J., & Reyes, M. E. S. (2017). Non-violent communication and marital relationship: Efficacy of 'emotion-focused couples' communication program among Filipino couples. *Psychological Studies*, *62*(3), 275–283.

Vina Witri Astuti, & Lestari, S. (2022). Psychological condition of women who divorced due to husbands' infidelity. *Journal An-Nafs: Kajian Penelitian Psikologi*, *7*(1), 61–74.

Walsh, C. M., Neff, L. A., & Gleason, M. E. J. (2017). The role of emotional capital during the early years of marriage: Why everyday moments matter. *Journal of Family Psychology*, *31*(4), 513–519.

Wenger, M. R., & Frisco, M. L. (2021). Extradyadic sex and psychological distress among married and cohabiting young adults: An examination of internalized and externalized responses. *Journal of Family Issues*, *42*(4), 785–812.

Wijnberg-Williams, J., B., Wiel, V. De, B.M., H., Kamps, W., Hoekstra-Weebers, & E.H.M., J. (2015). Effects of communication styles on marital satisfaction and distress of parents of pediatric cancer patients: A prospective longitudinal study. *Psycho-Oncology*, *24*(1), 106–112.

Williamson, H. C., Ju, X., Bradbury, T. N., Karney, B. R., Fang, X., & Liu, X. (2012). Communication behavior and relationship satisfaction among American and Chinese newlywed couples. *Journal of Family Psychology*, *26*(3), 308.

Williamson, H. C., & Lavner, J. A. (2020). Trajectories of marital satisfaction in diverse newlywed couples. *Social Psychological and Personality Science*, *11*(5), 597–604.

Wood, W. I., Oldham, C. R., Reifman, A., & Niehuis, S. (2017). Accuracy and bias in newlywed spouses' perceptions of each other's personalities. *Personal Relationships*,

24(4), 886–901.

Yahya, N. (2014). *Kesan emosi yang dihadapi oleh wanita yang bercerai akibat keganasan rumahtangga: Satu kajian di Negeri Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Yahya, S., & Roose, A. R. M. (2009). Hubungan antara perkahwinan dengan self-esteem. *Jurnal Kemanusiaan*, *7*(1), 30-45.

Yoo, J. (2022). Gender role ideology, work–family conflict, family–work conflict, and marital satisfaction among Korean dual-earner couples. *Journal of Family Issues*, *43*(6), 1520–1535.

Zaimah, R., Sarmila, M., Azima, A., Suhana, S., Aznie, C. R. R., & Novel, L. (2015). Pembuatan keputusan kewangan pasangan Melayu: Hubungan antara kuasa dan sumber. *Journal of Social Sciences and Humanities*, *10*(2), 160-171.

Zainul Abidin, R., Ismail, K., Sariah Syed Hassan, S., & Ahmad Sudan, S. (2018). Marital satisfaction, communication and coping strategy among malaysian married couples: factors prediction and Model Testing. *International Journal of Engineering & Technology*, *7*(3.21), 408.

Zhang, Z., Liu, H., & Zhang, Y. (2022). Marital loss and cognitive function: Does timing matter? *Journals of Gerontology - Series B Psychological Sciences and Social Sciences*, *77*(10), 1916–1927.

Ramli, S. Z., Duerama, H., & Mustafar, F. W. (2019). Realiti keluarga poligami: Komunikasi nafkah menurut perspektif mazhab Syafi'i. *Jurnal'Ulwan*, *3*(1), 146-159.

Zukauskiene, R., & Gottman, J. M. (2018). The roles of conflict engagement, escalation, and avoidance in marital interaction: A longitudinal view of five types of couples.

Interpersonal Development, *61*(1), 359–368.

APENDIKS

Apendiks A: Teks Whatsapp Jemputan Menjadi Peserta Kajian

ASSALAMUALAIKUM PUAN YANG DIRAHMATI ALLAH.

SAYA, USTAZAH SAFURA AHMAD SHARKAWI, KAUNSELOR JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK DAN JUGA PELAJAR PHD KAUNSELING UNIMAS MENGHUBUNGI PUAN BAGI TUJUAN MENJEMPUT PUAN UNTUK MENJADI PESERTA KAJIAN SAYA BERTAJUK 'PENCERAIAN DALAM KALANGAN WANITA ISLAM BAHARU BERKAHWIN DI KUCHING SARAWAK' KAJIAN ADALAH BERBENTUK TEMUBUAL DALAM MASA SEJAM HINGGA DUA JAM DAN PESERTA AKAN DIBERIKAN SAGUHATI SEBANYAK RM50 BAGI SETIAP PENYERTAAN DAN KERAHSIAAN MAKLUMAT AKAN DIJAGA.

SEKIRANYA PUAN BERMINAT, SILA BALAS MESEJ INI DENGAN MENYATAKAN 'SAYA BERMINAT' DAN SAYA AKAN HUBUNGI PUAN SEBERAPA SEGERA UNTUK PROSES SELANJUTNYA.

SEKIAN TERIMA KASIH.

Apendiks B: Borang Maklumat Peserta dan Persetujuan Penyertaan

Borang Maklumat Peserta

Assalammu'alaikum dan Salam Sejahtera

Tujuan Kajian

Saya, Safura binti Ahmad Sharkawi, adalah pelajar Ph.D bidang Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia UNIMAS dan kini sedang membuat kajian berhubung Penceraian Dalam Kalangan Wanita Islam Baharu berkahwin di Kuching, Sarawak. Saya ingin menjemput puan untuk menyertai kajian ini dan berkongsi pengalaman puan sepanjang tempoh perkahwinan sehingga penceraian yang puan alami dan rasakan penting.

Peranan Anda

Jika puan bersetuju untuk turut serta, ini akan melibatkan satu sesi temubual yang akan mengambil masa selama 1 hingga 2 jam daripada masa puan. Walaubagaimanapun, tempoh masa adalah bergantung kepada puan dan kita boleh mengatur masa dan tempat perjumpaan mengikut kesesuaian dan keselesaan puan.

Persetujuan Penyertaan

Penyertaan puan adalah bersifat sukarela dan puan boleh menukar fikiran bila-bila masa jika hendak berbuat demikian. Kami akan merekod dan merakam sesi temubual dan kami akan hapuskan setelah selesai ditranskrip. Kami tidak akan nyatakan nama puan atau sebarang maklumat yang boleh menyebabkan puan dikenali dalam sebarang rekod dan maklumat yang akan kami gunakan.

Kerahsiaan

Segala maklumat puan dijamin kerahsiaannya dan hanya saya yang mengetahui penyertaan puan dalam kajian ini. Saya akan guna maklumat ini untuk tujuan menulis hasil kajian, laporan dan pembentangan dalam persidangan. Saya akan pastikan sebarang maklumat yang digunakan tidak mengandungi nama puan dan akan dirahsiakan. Ini termasuklah petikan yang ditulis dalam artikel, bab buku, dan pembentangan.

Saya amat menghargai perkongsian puan. Sebarang maklumat lanjut berkaitan kajian ini boleh berhubung dengan saya sendiri di talian 0198888346 atau email di safuraahmadsharkawi@gmail.com.my.

Terima kasih atas minat puan terhadap projek kajian ini. Saya amat mengalu-alukan kerjasama dan penyertaan puan.

Borang Persetujuan Penyertaan

Tajuk Kajian: Penceraian Dalam Kalangan Wanita Islam Baharu berkahwin di Kuching Sarawak

Pastikan agar anda bersetuju dengan kenyataan di bawah sebelum ditemubual:

- Saya faham tujuan dan prosedur kajian
- Saya telah disediakan dengan borang maklumat peserta
- Saya faham yang penyertaan saya adalah sukarela
- Saya juga faham yang nama, alamat dan sebarang pengenalan diri tidak akan digunakan
- Saya faham yang jawapan dan tindakbalas saya akan dirahsiakan
- Saya bersetuju untuk turut serta dalam kajian ini
- Saya bersetuju yang temubual ini akan dirakamkan

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Saya sahkan telah menerima bayaran saguhati sebagai peserta kajian bertajuk Penceraian Dalam Kalangan Wanita Islam Baharu berkahwin di Kuching, Sarawak sebanyak RM50.00 telah diserahkan kepada saya:

Tandatangan :

Tarikh:

Apendiks C: Protokol Soalan Temubual

Protokol Temubual

Tajuk Kajian: Penceraian Dalam Kalangan Wanita Islam Baharu berkahwin Di Kuching, Sarawak.

Soalan adalah berbentuk separa berstruktur dan dijadikan sebagai panduan asas sepanjang proses temubual. Aplikasi teknik penerokaan akan menggunakan soalan-soalan tambahan yang bersifat membantu proses penerokaan mendalam. Soalan-soalan yang dibentuk di bawah ini adalah bagi tujuan mencapai objektif kajian seperti yang dinyatakan dibawah:

BIL	OBJEKTIF	SOALAN/PERKARA	NOTA
1.	PENGENALAN Memastikan maklumat dinyatakan dalam transkrip temubual dan bagi tujuan memastikan peserta adalah orang yang dapat membekalkan maklumat yang kaya untuk kajian Mengetahui tentang maklumat latarbelakang membantu pengkaji untuk memahami konteks dan struktur pengalaman hidup peserta dan memandu pengkaji kepada soalan penerokaan yang bersesuaian.	Puan, **Sebagai pendahuluan, bolehkah puan jelaskan serba sedikit latar belakang puan?** Checklist: - umur, - tahap pendidikan, - pekerjaan, - pendapatan, - latarbelakang keluarga (ibubapa dan jumlah adik beradik), - perkahwinan lepas (tarikh kahwin dan tarikh penceraian serta bentuk penceraian) samada fasakh/taklik/persetujuan bersama)	*Tips: Soalan boleh dimulakan dengan **soalan terbuka**, dan kemudian boleh fokus kepada elemen yang disenaraikan. Ada kemungkinan melalui soalan terbuka, akan ada elemen baru yang diketahui tentang latar belakang peserta*

2.	Objektif 1 Menyelami isu-isu perkahwinan pasangan yang bercerai pada awal perkahwinan	Sebelum kita pergi kepada soalan kedua, boleh tak puan ceritakan **bagaimana puan dan suami berkenalan dan akhirnya berkahwin?** Menurut maklumat yang saya dapati dari daftar, puan bercerai dalam tempoh kurang lima tahun dari tarikh perkahwinan puan**. Boleh tak puan terangkan , apakah masalah-masalah yang timbul sepanjang perkahwinan puan?** **Apakah pula masalah yang sering puan dan suami hadapi sehingga membawa kepada penceraian?**	
	Objektif 2 Meneroka apakah faktor yang mendorong kepada keputusan bercerai pada awal perkahwinan	Dari masalah-masalah yang puan nyatakan tadi, kelihatannya ianya agak mencabar untuk puan terus kekalkan perkahwinan tersebut. Namun **boleh tak puan jelaskan apakah faktor-faktor yang mendorong puan untuk mengambil keputusan nekad ini hingga ke penamat (bercerai).** Ada beberapa faktor yang puan nyatakan tadi, namun pada pandangan puan, apakah **faktor utama yang mendorong kepada keputusan puan untuk bercerai ini?**	

	Objektif 3 Meneroka daya tindak yang diaplikasi oleh individu yang telah bercerai pada awal perkahwinan.	Berdasarkan penerangan puan tadi, banyak masalah yang puan lalui dengan bekas suami selama tempoh perkahwinan, **boleh puan kongsikan bagaimana cara puan menanganinya?** **Bagaimana pula cara suami puan menanganinya?** **Bagaimana cara kalian berdua menanganinya bersama sebagai suami isteri?**	
	Objektif 4 Meneroka harapan wanita yang telah bercerai pada awal perkahwinan.	Soalan: Membuat keputusan bercerai bukan perkara yang mudah, memerlukan puan untuk pertimbangkan pelbagai faktor termasuk kehidupan di masa depan puan. Bolehkah puan kongsikan, **Apakah harapan puan selepas penceraian ini?**	

Apendiks D : Surat Permohonan Kebenaran Membuat Kajian

Safura binti Ahmad Sharkawi

xxx

Pengarah,

Jabatan Agama Islam Sarawak,

Tingkat 17, Bangunan Majma Mall

93400 Kuching, Sarawak. 19 Mei 2020

Tuan,

MEMOHON MENJALANKAN PENYELIDIKAN DAN KAJIAN

Merujuk perkara di atas, dengan hormatnya saya ingin memohon kebenaran pihak tuan untuk menjalankan kajian di Unit Khidmat Nasihat & Kaunseling, Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengutip data dalam penyelidikan peringkat Ijazah Doktor Falsafah yang saya sedang ikuti di Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia, UNIMAS.

2. Untuk makluman tuan, tajuk kajian penyelidikan saya ialah berhubung **Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Islam Baru Berkahwin di Kuching, Sarawak**. Penyelidikan ini melibatkan pemilihan peserta kajian daripada Daftar Permohonan Khidmat Nasihat & Kaunseling, Daftar Permohonan Cerai dan pengumpulan data melalui proses temubual dengan peserta kajian yang terpilih. Kajian ini dijangka akan berlangsung dari 2 Jun hingga 30 Oktober 2020. Keseluruhan proses kajian ini akan di lakukan di **Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching**.

3. Bersama ini disertakan surat pengesahan pelajar daripada Pusat Pengajian Siswazah, UNIMAS rujukan pihak tuan. Saya amat berbesar hati sekiranya pihak tuan dapat memberikan kebenaran kepada untuk menjalankan temu bual tersebut. Sebarang makluman boleh dihantar kepada saya di talian 0198888346 / safuraahmadsharkawi@gmail.com atau seperti alamat di atas.

4. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan bagi menjayakan kajian ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

SAFURA BINTI AHMAD SHARKAWI

Pelajar Doktor Falsafah

Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia

Universiti Malaysia Sarawak.

SAMPLE

Apendiks E: Surat Pelantikan Pakar Pengesahan Kajian

Professor Madya Dr. xxx

18 Mei 2022

Prof. Madya Dr,

PELANTIKAN SEBAGAI PAKAR RUJUK KEESAHAN TEMA KAJIAN KUALITATIF

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelajar yang tersebut di bawah sedang membuat kajian seperti yang berikut:

Nama Pelajar	No. Matrik	Tajuk Kajian
Safura binti Ahmad Sharkawi	18010134	Penceraian Dalam Kalangan Wanita Islam Baharu Berkahwin di Kuching Sarawak

3. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa kami amat berbesar hati untuk melantik Ybhg Prof. Madya Dr sebagai pakar bagi mengesahkan tema hasil penemuan kajian tersebut.

4. Bersama-sama ini disertakan **Senarai Kebolehpercayaan Interrater Cohen Kappa bagi Kajian Penceraian Dalam Kalangan Wanita Islam Baharu berkahwin** untuk rujukan dan tindakan Prof. Madya Dr. selanjutnya.

Segala kerjasama dan pertimbangan Ybhg. Prof Madya Dr amat dihargai dan didahului dengan jutaan terima kasih.

Sekian,

Yang Benar,

Dr Jamayah Saili

Penyelia,

Pengajian Doktor Falsafah (Phd) Psikologi Kaunsel

Apendiks F: Borang Semakan Kesahan Pakar Protokol Temubual

Tajuk Kajian: Penceraian Dalam Kalangan Wanita Islam Baharu berkahwin Di Kuching, Sarawak**.**

Soalan adalah berbentuk separa berstruktur dan dijadikan sebagai panduan asas sepanjang proses temubual. Aplikasi teknik penerokaan akan menggunakan soalan-soalan tambahan yang bersifat membantu proses penerokaan mendalam. Soalan-soalan yang dibentuk di bawah ini adalah bagi tujuan mencapai objektif kajian seperti yang dinyatakan dibawah:

Cadangan Skala:

KESESUAIAN: Sejauh mana soalan yang dibentuk selari dengan pengalaman yang mahu dikaji secara mendalam).

Tidak Relevan	1	2	3	4	5	Sangat Relevan

LIPUTAN: Sejauh mana soalan yang dibentuk merangkumi aspek pengalaman yang hendak dikaji

Tidak Merangkumi	1	2	3	4	5	Sangat Merangkumi

BIL	OBJEKTIF	SOALAN/PERKARA	SKALA PERSETUJUAN PAKAR	
			KESESUAIAN *(RELEVANCE)*	**LIPUTAN** *(COVERAGE)*
1.	PENGENALAN Memastikan maklumat dinyatakan dalam transkrip temubual dan bagi tujuan memastikan peserta adalah orang yang dapat membekalkan maklumat yang kaya untuk kajian Mengetahui tentang maklumat latarbelakang membantu pengkaji untuk memahami konteks dan struktur pengalaman hidup peserta dan memandu pengkaji kepada soalan penerokaan yang bersesuaian	Puan, Sebagai pendahuluan, bolehkah puan jelaskan serba sedikit latar belakang yang menyentuh tentang **umur, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan, latarbelakang keluarga** (ibubapa dan jumlah adik beradik), **tarikh kahwin dan tarikh penceraian serta bentuk penceraian**	1 2 3 4 5 Komen:	1 2 3 4 5 Komen

2.	Objektif 1 Menyelami isu-isu perkahwinan pasangan yang bercerai pada awal perkahwinan	Menurut maklumat yang saya dapati dari daftar, puan bercerai dalam tempoh kurang lima tahun dari tarikh perkahwinan puan. Boleh tak puan terangkan , **apakah isu-isu yang sering timbul sepanjang perkahwinan puan?**	1 2 3 4 5 Komen:	1 2 3 4 5 Komen:
3.	Objektif 2 Meneroka apakah faktor yang mendorong kepada keputusan bercerai pada awal perkahwinan	Dari isu-isu yang puan nyatakan tadi, kelihatannya ianya agak mencabar untuk puan terus kekalkan perkahwinan tersebut. Namun boleh tak puan jelaskan **apakah faktor utama yang mendorong puan untuk mengambil keputusan nekad ini** hingga ke penamat (bercerai).	1 2 3 4 5 Komen:	1 2 3 4 5 Komen:
4.	Objektif 3 Meneroka daya tindak yang diaplikasi oleh	Berdasarkan penerangan tadi, banyak isu dan masalah yang puan lalui dengan pasangan sebelum ini,		

	individu yang telah bercerai pada awal perkahwinan.	boleh puan kongsikan **bagaimana cara puan dan bekas suami menanganinya**?	1 2 3 4 5 Komen:	1 2 3 4 5 Komen:
5.	Objektif 4 Meneroka harapan, keinginan dan keperluan individu yang telah bercerai pada awal perkahwinan.	Soalan: Membuat keputusan bercerai bukan perkara yang mudah, memerlukan puan untuk pertimbangkan pelbagai faktor termasuk kehidupan di masa depan puan. Boleh puan kongsikan, semasa puan buat keputusan untuk bercerai, **apakah yang puan harapkan berlaku pada masa depan puan, apa pula yang puan inginkan dan perlukan untuk membina kehidupan selepas bercerai.**	1 2 3 4 5 Komen:	1 2 3 4 5 Komen:

Apendiks G: Muka Depan Pengesahan Data Kualitatif Oleh Pakar

Senarai Kebolehpercayaan Interrater Cohen Kappa

Penceraian Dalam Kalangan Wanita Islam Baharu berkahwin Di Kuching, Sarawak

Professor Madya Dr. XXXXX
XXXX

YBhg. Prof. / Prof. Madya / Datuk / Dr.,

Kenyataan-kenyataan di bawah memerihalkan kod, definisi dan contoh unit temu bual dalam kajian kualitatif. Saya ingin memohon jasa baik pihak YBhg. Prof. / Prof. Madya / Datuk / Dr., untuk menilai sejauh mana KEBOLEHPERCAYAAN PENGEKODAN ini untuk saya mendapatkan INDEKS KEBOLEHPERCAYAAN COHEN KAPPA (K). YBhg. Prof. / Prof. Madya / Datuk / Dr., disarankan memberi persetujuan (sama ada YA atau TIDAK) terhadap tahap keselarasan kod, definisi dan contoh unit perbualan yang telah saya sediakan dalam jadual di bawah. Seterusnya saya juga memohon jasa baik YBhg. Prof. / Prof. Madya / Datuk / Dr., agar dapat memberikan komen dan cadangan untuk memperbaiki pengekodan yang saya lakukan ini.

Disediakan oleh :

Safura binti Ahmad Sharkawi
Pelajar Phd Kaunseling,
Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia
Universiti Malaysia Sarawak

Apendiks H: Ringkasan Maklumat Peserta Kajian.

Ringkasan Maklumat Peserta Kajian (23 Orang)

Bil	No Rujukan (A-analisis) (P-peserta)		Nama Samaran	Umur Semasa	Umur Kahwin	Umur Cerai	Tahuh Kahwin	Tahun Cerai	Tempoh Kahwin (tahun)	Tempoh Kenal	Kerja Masa Kahwin	Umur ex Masa Kahwin	Umur Ex Masa Cerai	Kerja Ex Masa Kahwin	Jumlah Anak
1	A01	P20	Liza	34	26	31	2012	2017	5	> 2 THN	Surirumah	27	32	Juruterbang	1
2	A02	P17	Tiana	30	27	29	2017	2019	2	> 6 BLN	Kilang	27	32	Kilang	2
3	A03	P01	Riza	30	26	28	2017	2019	2	> 6 BLN	Kerajaan	30	32	Polis	-
4	A04	P09	Sya	26	22	25	2016	2019	3	> 2 THN SENDIRI	Tiada	30	33	Pemandu lori	1
5	A05	P05	Ayu	24	18	21	2014	2017	4	> 2 THN	Sendiri .	18	21	Pelajar	1
6	A06	P19	Kila	23	20	22	2017	2019	2	> 2 THN	Kerani	20	22	Jaga	1
7	A07	P12	Rini	39	35	35	2017	2017	6 BULAN	> 2 THN	Pensyarah .	40	40	Tidak bekerja	-
8	A08	P04	Weena	35	30	33	2015	2018	3	> 2 THN	Surirumah	25	28	Pelayar	1
9	A09	P18	Aida	39	30	36	2011	2017	5	> 2 THN	Pen. Eksekutif	26	32	Pen eksekutif	2
10	A10	P15	Faiza	38	33	37	2015	2019	4	> 2 THN	Guru	26	30	Sendiri	-

Bil	No Rujukan (A-analisis) (P-peserta)		Nama Samaran	Umur Semasa	Umur Kahwin	Umur Cerai	Tahuh Kahwin	Tahun Cerai	Tempoh Kahwin (tahun)	Tempoh Kenal	Kerja Masa Kahwin	Umur ex Masa Kahwin	Umur Ex Masa Cerai	Kerja Ex Masa Kahwin	Jumlah Anak
11	A11	P02	Aimi	21	17	20	2017	2019	2	< 2 THN	Surirumah	17	20	Pekerja am	2
12	A12	P25	Aini	24	21	24	2017	2020	3	> 6 BLN	Surirumah	-	-	Mekanik	1
13	A13	P07	Diana	22	16	20	2015	2019	4	> 2 THN	Surirumah	-	-	Tidak bekerja	-
14	A14	P30	Dang	23	21	22	2017	2019	2	> 2 THN	Surirumah	22	23	Tidak bekerja	1
15	A15	P28	Shima	41	34	36	2013	2015	2	> 2 THN	Sales supervisor	46	48	Technician	-
16	A16	P10	Zalina	32	26	32	2014	2020	5	> 2 THN	Sendiri	-	-	O&g	-
17	A17	P29	Wani	33	21	26	2009	2013	4	< 6 BLN	Pengawal	-	-	Pengawal	2
18	A18	P13	Munira	31	24	27	2013	2016	3	> 6 BLN	Kilang	29	32	Tiada	2
19	A19	P23	Raihana	29	24	26	2015	2017	3	< 2 THN	Jururawat	-	-	Guard	2
20	A20	P21	Nor	38	27	30	2010	2013	3	< 2 THN	Guru	29	32	Guru	1
21	A21	P06	Nurul	23	20	23	2017	2020	3	> 2 THN	Kilang	-	-	Tiada	-
22	A22	P22	Zura	33	25	29	2012	2016	4	< 2 THN	Kerani	-	-	Pemandu	2
23	A23	P24	Lin	39	34	35	2015	2016	1	> 2 THN	Pen. J/tera	-	-	Jurutera	-